



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 34

Isnin

12 November 2018

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2019 (Halaman 29)

USUL-USUL:P

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 29)

Usul Anggaran Pembangunan 2019 (Halaman 29)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Isnin, 12 November 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan perancangan strategik dan program-program utama bagi meningkatkan pendapatan dan taraf sosioekonomi warganegara golongan B40 di seluruh negara terutama sekali di kawasan luar bandar. Apakah halangan-halangan utama yang membantut usaha kerajaan bagi merealisasikan objektif murni ini?

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada kemakmuran seluruh rakyat. Kerajaan akan memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan melalui amalan prinsip berasaskan keperluan, ketelusan, menyokong pertumbuhan dan kemapanan bagi mendukung dasar pembangunan inklusif. Inisiatif program RMKe-11 adalah berdasarkan keperluan *niche-based* yang mencangkupi pelbagai dimensi. Pendekatan ini memastikan tiada kumpulan masyarakat yang akan tercicir daripada mendapat peluang dan manfaat pertumbuhan ekonomi selaras dengan prinsip *no one left behind*, dengan izin.

Kerajaan komited dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah atau B40 terutama di luar bandar melalui langkah-langkah yang lebih berkesan dan menyeluruh. Secara asasnya, strategi utama yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut pembangunan modal insan dan guna tenaga dengan mengurangkan kadar keciciran pelajar dalam kalangan isi rumah B40, meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi, meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, menarik pelaburan ke kawasan majoriti B40 untuk mencipta peluang pekerjaan dengan pendapatan yang lebih baik dan meningkatkan kebolehpasaran dan *employability* graduan.

Kedua, pembangunan keusahawanan dengan meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu. Ini termasuklah pembangunan kapasiti dan *capability*, membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial, meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden, menarik pelaburan ke kawasan majoriti B40 untuk mencipta

peluang pekerjaan yang lebih luas, menggalakkan keusahawanan secara atas talian atau *online* dan keusahawanan sosial.

Ketiga, meningkatkan pemilikan kekayaan dengan menggalakkan golongan B40 untuk turut serta dalam pelaburan seperti Amanah Saham Wawasan, Amanah Saham Gemilang dan Amanah Hartanah Bumiputera (AHB).

Keempat, merapatkan jurang pembangunan antara wilayah. Usaha akan dipergiat untuk menangani ketidakseimbangan pembangunan wilayah khususnya di luar bandar bagi menggalakkan pertumbuhan yang saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat terutamanya golongan B40. Dalam pada itu, penekanan akan turut diberikan dalam aspek perubahan minda dan pembentukan sifat peribadi unggul supaya B40 mempunyai sikap berdikari, percaya kepada kebolehan sendiri dan cekat berusaha seperti rakyat di negara maju.

Dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan dan taraf sosioekonomi golongan B40 terutama sekali di kawasan luar bandar, terdapat pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi iaitu:

- (i) kebanyakan isi rumah B40 adalah bekerja sendiri, pekerja berpendapatan rendah dan terlibat dalam perniagaan berskala kecil. Antara faktor penyumbang adalah kekurangan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran secara formal;
- (ii) usahawan B40 menghadapi akses yang terhad kepada teknologi dan sumber kewangan yang mengakibatkan peluang mereka untuk bersaing dalam pasaran terjejas;
- (iii) perancangan yang tidak komprehensif dan pelaksanaan program Jaringan Keselamatan Sosial atau SSN (*social safety net*) secara silo serta pemilihan kumpulan sasar yang longgar selama ini oleh pelbagai agensi menyebabkan penyaluran bantuan kepada isi rumah B40 kurang berkesan. Usaha untuk mengatasi isu ini akan menjadi fokus kerajaan pada masa ini; dan
- (iv) peningkatan pendapatan yang lebih perlahan berbanding peningkatan kos sara hidup telah menjejaskan kesejahteraan hidup golongan B40.

Dengan perancangan dan langkah strategik secara menyeluruh, kerajaan yakin dapat melaksanakan langkah-langkah yang bersesuaian dan pragmatik untuk mengatasi halangan-halangan dalam meningkatkan pendapatan dan taraf sosioekonomi golongan B40 khususnya di luar bandar

Sekian, terima kasih.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri di atas pencerahan yang diberikan dalam usaha untuk memperkasakan penduduk luar bandar khususnya dan golongan B40 terutamanya. Kita dapati pelbagai program yang dilakukan oleh berbagai-bagai agensi kerajaan dalam usaha memperkasakan B40. Namun demikian, usaha-usaha yang dilakukan daripada dahulu sehingga kini belum lagi mencapai sasaran yang kita harapkan. Salah satu kekangan yang kita dapati ialah terdapat berbagai-bagai

agensi yang melaksanakan program-program ini dan tidak ada satu penyelarasan yang mantap oleh sesuatu agensi, contohnya macam ICU untuk menyelaras dan memantau program-program ini.

■1010

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah usaha kerajaan spesifik untuk menyelaras berbagai-bagai program yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi bagi memperkasakan golongan B40 ini? Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Sepertimana saya sebut dalam jawapan tadi salah satunya, antara apa yang kita sedar apabila kita bercakap tentang golongan B40 adalah bantuan yang diberikan. Jika kita lihat sebelum ini, pelbagai agensi menyampaikan bantuan secara agensi itu sendiri, bukannya secara menyeluruh. Jadi itulah antara kekangan yang kita hadapi dan kita sebut bahawa kita sedar pilihan kumpulan sasaran yang agak longgar sebelum ini dan kita akan tumpukan supaya kita dapat memberikan bantuan secara menyeluruh. Itu daripada segi *social safety net* yang saya sebutkan tadi.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat berkaitan dengan penyaluran pembangunan dan sebagainya dan saya rasa pada masa ini, kerajaan sedang melihat bagaimana untuk mengembalikan, memastikan segala penyaluran bantuan, pembangunan infrastruktur dan sebagainya dapat dilaksanakan dengan lebih baik, lebih terperinci, lebih menyeluruh oleh pelbagai agensi. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya meneliti ucapan jawapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya dapat lihat ada dua kekangan yang berlaku. Yang pertamanya berkaitan pemikiran, yang keduanya adalah pengimbangan di antara wilayah-wilayah yang sedang berlaku dalam negara kita ini.

Cumanya persoalan daripada saya, apabila kita mengkaji projek mega ECRL dan *High Speed Rail* yang sudah pastinya melalui kawasan-kawasan luar bandar, apakah pandangan kementerian, kerencanan harapan masyarakat di luar bandar berkaitan penanguhan mungkin berlaku atau pemansuhan projek-projek mega ini. Adakah kementerian Yang Berhormat akan mengkaji bahawasanya takrifan B40 mungkin perlu dikaji kembali supaya dilihat bagaimana penumpuan sebab kita faham takrifan B40 ini menjangkau sampai gaji RM3,000 ke bawah tetapi mungkin boleh diberi perincian supaya kita dapat melihat bagaimana perubahan. Adakah daripada B40 untuk pergi kepada M40 sebab setakat hari ini kita masih berada dalam keadaan B40 tanpa melihat bagaimana perkembangan mereka yang berada di B40 dan kepada M40. Sekian, terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang projek pembangunan yang disebutkan tadi pertamanya, ianya telah dijelaskan banyak kali. Antara asas keputusan dibuat adalah kekangan kewangan negara. Jadi kerajaan bukannya tidak mengambil kira, segala perkara berkaitan hal tersebut telah dipertimbangkan dan berdasarkan kedudukan kewangan negara contohnya projek HSR ditangguhkan. Tentang B40 pula, jika kita tengok B40

itu sendiri, ia satu golongan dan dalam B40 itu ada peringkat masing-masing dan peringkat teratas yang B40 ini kita nak tolakkan kepada M40 dan seterusnya. Boleh merujuk kepada Kajian Separuh Penggal, ada gambar rajah lengkap berkaitan dengan takrif golongan B40 dan peringkat-peringkat yang ada. Sekian, terima kasih.

2. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan bagaimana kementerian dapat membantu usahawan-usahawan dalam mengeluarkan produk-produk baru yang berasaskan teknologi nano dan lain-lain yang membolehkan usahawan tersebut berjaya dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan agensi-agensi di bawahnya seperti Pusat Nanoteknologi Kebangsaan dan NanoMalaysia Berhad menerajui pembangunan dan membantu usahawan-usahawan dalam mengkomersialkan produk teknologi nano. Pusat Nano Teknologi Kebangsaan atau National Nanotechnology Centre berperanan sebagai pusat rujukan nasional bagi penyelarasan aktiviti penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D teknologi serta semua aktiviti berkaitan nanoteknologi di Malaysia.

NNC ataupun National Nanotechnology Centre pada masa ini sedang melaksanakan program Nano Keselamatan (NanoSafety). Program ini bertujuan untuk membantu para usahawan mengeluarkan produk yang selamat, tidak berisiko, yakin digunakan oleh para pengguna untuk pasaran tempatan dan eksport. Para usahawan yang berminat untuk mengkomersialkan hasil R&D teknologi nano tempatan akan dibantu dalam permohonan dana-dana MESTECC, NNC juga bertindak sebagai panel penilai permohonan dana jika berkaitan. NanoMalaysia Berhad yang merupakan agensi pengkomersilan teknologi nano di bawah MESTECC sedang melaksanakan dua program untuk menghasilkan produk-produk berteknologi nano iaitu program iNanovation dan juga Pelan Tindakan Grafin Kebangsaan 2020.

Program iNanovation merupakan satu platform awam swasta yang diwujudkan oleh NanoMalaysia Berhad untuk pembangunan pra pengkomersilan dan pengkomersilan aplikasi nano teknologi yang unik dan inklusif berasaskan pasaran, *market driven*. Program iNanovation memberi fokus kepada empat sektor strategik utama iaitu:

- (i) tenaga dan alam sekitar;
- (ii) elektrik dan elektronik;
- (iii) makanan dan pertanian; dan
- (iv) penjagaan kesihatan dan perubatan

Pelan Tindakan Grafin Kebangsaan 2020 pula merupakan satu program pendedahan dan pembangunan industri berasaskan grafin iaitu sejenis bahan termaju nano. Ia memberi fokus kepada lima aplikasi utama iaitu getah, plastik, dakwat konduktif, litium bateri ataupun *ultracapacitors* dan juga *nanofluids*. Lebih 50 projek berasaskan teknologi nano telah diusahakan bersama-sama usahawan daripada industri tempatan sejak 2016 di bawah program-program ini.

Projek-projek ini telah menghasilkan produk dengan nilai komersial yang tinggi serta menjana harta intelek di atas keunikan daripada segi formulasi serta proses penghasilan.

Tuan Yang di-Pertua, MESTECC juga menyediakan peruntukan geran R&D pra pengkomersilan dalam usaha membantu usahawan tempatan. Ianya meliputi Dana Smart dengan jumlah sebanyak RM3 juta bagi tempoh 24 bulan, Dana Inovasi dan Dana Fasilitasi masing-masing dengan jumlah RM500,000 bagi tempoh 18 bulan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, tiga projek berasaskan teknologi nano telah diluluskan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM4.3 juta. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas pula, sehingga kini, satu projek berasaskan nanoteknologi telah diluluskan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3.1 juta. Sekian, terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang cukup baik. Saya nak ambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menduduki peperiksaan kepada pelajar-pelajar SPM dan STPM terutamanya daripada Parlimen Gerik.

Soalan saya, setakat ini hanya terdapat kira-kira 34 produk nano teknologi yang diperakui di Malaysia. Soalnya, apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk menggalakkan pemain-pemain industri menghasilkan lebih banyak produk berasaskan teknologi nano serta usaha untuk menggalakkan pengguna-pengguna dalam negara menggunakan barang berasaskan nano. Minta pihak kerajaan menjawab. Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Setakat ini *awareness program* dengan izin, masih dalam bentuk *development stage* dan juga kita sedang berusaha dan bekerjasama dengan sebagai contoh FOMCA, KPDNKK dan juga agensi-agensi lain untuk kita membuat lebih banyak *public* dan juga *companies* yang terlibat untuk menggunakan teknologi nano. Terima kasih.

3. Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimana sekolah yang berstatus bantuan modal boleh menerima peruntukan dan bantuan yang sama seperti sekolah lain terutamanya dalam pembangunan infrastruktur sekolah.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: *Bismillah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan kepada semua pelajar yang akan menduduki peperiksaan SPM dan STP, selamat menduduki peperiksaan di seluruh negara. Buatlah yang terbaik.

■1020

Keduanya, saya ingin mengucapkan selamat menonton bagi ibu saya yang sedang menonton di rumah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sekijang ialah berkaitan dengan bagaimana sekolah yang berstatus bantuan modal boleh menerima peruntukan dan bantuan yang sama seperti sekolah lain terutamanya dalam pembangunan infrastruktur sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberi perhatian dan peruntukan yang sewajarnya kepada semua jenis sekolah termasuk sekolah bantuan kerajaan. Untuk rekod, sekolah bantuan modal juga adalah termasuk di dalam sekolah bantuan kerajaan ataupun SBK. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], sekolah bantuan kerajaan atau institusi pendidikan bantuan ertinya sekolah atau institusi pendidikan yang menerima sumbangan bantuan modal dan sumbangan bantuan penuh daripada kerajaan. Peruntukan kepada SBK meliputi peruntukan mengurus yang merangkumi emolumen dan elaun guru, bayaran utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan, pemberian Bantuan Geran Per Kapita (PCG) dan peralatan pengajaran dan pembelajaran.

Hal ini bermakna SBK juga menerima bantuan kewangan yang komprehensif daripada kerajaan. Pada dasarnya, aspek infrastruktur SBK adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pengelola Sekolah (LPS). Walau bagaimanapun, KPM ada menyediakan peruntukan bantuan modal dan pakej rancangan khas melalui belanjawan tahunan kerajaan untuk SBK bagi membaik pulih bangunan sekolah yang uzur dan tidak selamat digunakan kerana kita ingin memastikan bahawa anak-anak dan juga guru yang berada di sekolah sentiasa berada dalam keadaan selamat, ceria dan gembira.

Peruntukan diberikan berdasarkan keperluan dan keutamaan serta tertakluk kepada peruntukan sedia ada. Manakala pengagihan peruntukan ini adalah melalui permohonan sekolah kepada Jabatan Pendidikan Negeri mengikut garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan. Apa yang penting juga, apa yang perlu diberikan perhatian bukan sahaja kepada bantuan yang diberikan tetapi juga kepada pemantauan ke atas bantuan yang telah disalurkan. Apakah ia benar-benar digunakan dengan penuh amanah, efisien dan berhemah serta menepati perancangan yang telah dikemukakan. Hal ini memerlukan proses *governance* yang lebih berkesan.

Bertitik tolak dari kesedaran ini, KPM di era baru melihat kepada keperluan untuk mewujudkan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan, telus dan juga berakuntabiliti. Setiap peruntukan yang disalurkan akan disertakan dengan jangka waktu, dengan izin, *timeframe* dan akan diberikan notis peringatan dari semasa ke semasa dan diikuti dengan *dashboard* yang dilengkapi dengan *early warning system*, dengan izin, yang dipantau oleh jawatankuasa khas di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri.

Sekolah-sekolah penerima juga akan diberikan peringatan dari semasa ke semasa untuk menyediakan laporan suku tahunan ataupun *quarterly* berdasarkan *timeframe* yang telah diberikan tersebut. Kementerian berpandangan dan mencadangkan sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang tidak dapat menampung kos operasi penyelenggaraan dan pembangunan infrastruktur sekolah masing-masing agar menukar status SBK kepada status sekolah kerajaan (SK) agar segala perbelanjaan mengurus dan pembangunan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Terima kasih tetapi ada beberapa perkara yang ingin saya bawakan iaitu contoh-contoh sekolah bantuan modal, ada tiga sekolah di dalam

Sekijang iaitu Sekolah Menengah Seg Hwa, Sekolah Menengah Arab Khairiah Gubah dan juga Sekolah Menengah Canossian Convent. Mereka memang tidak dapat mengadakan ataupun kerajaan tidak mengadakan makmal contohnya. Sebab, bila saya tanya, diberitahu bahawa tanah yang di mana sekolah ini dibina adalah bukan tanah kerajaan. Jadi saya faham tentang itu.

Begitu juga di sini saya minta ambil perhatian terhadap Sekolah Menengah Arab Khairiah Gubah. Saya diberitahu bahawa sekolah ini adalah dalam Kementerian Pendidikan dan sekolahnya berpotensi untuk membangunkan pelajar-pelajarnya daripada pelbagai aspek tetapi asramanya tidak dapat menampung jumlah pelajar lelaki yang sepatutnya 140 orang tetapi sekarang pelajarannya adalah seramai 160 orang. Begitu juga tidak ada langsung padang permainan atau padang untuk mereka berekreasi dan juga banyak kekurangan di sekolah ini. Ibu bapa telah berjumpa dengan pengetua mengatakan ramai daripada mereka telah memberi keyakinan bahawa sekolah ini boleh maju tetapi dengan kekurangan infrastruktur, tidak ada asrama dan juga banyak kekurangan yang saya sendiri melihat.

Jadi saya minta bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia tolong berikan perhatian yang penuh di sekolah ini. Pengajaran Bahasa Arab itu dijadikan bahasa yang wajib, itu satu yang baik pada saya. Sekarang pihak sekolah sendiri sedang rasa risau sebab ramai ibu bapa telah mohon untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini untuk Tingkatan Satu tahun hadapan. Jadi di sini saya mohon, saya minta supaya pihak kementerian ambil berat terhadap perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalnya?

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Soalnya ialah bagaimanakah kerajaan melihat proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) di sekolah bantuan modal ini yang serba kekurangan daripada segi infrastrukturnya dan prasarannya mampu memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam akademik, kokurikulum dan juga sahsiah pelajar-pelajar itu sendiri? Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin ucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Sekijang kerana telah memberikan perhatian yang serius terhadap perkembangan pelajaran di dalam kawasan Parlimen beliau. Bagi pengundi-pengundi Sekijang, anda tidak tersilap di dalam memilih beliau untuk menjadi Ahli Parlimen.
[Tepuk]

Perhatian diberikan maklum dan saya sendiri akan meminta pihak Jabatan Pendidikan Negeri untuk melihat isu ini secara serius dan saya akan meminta laporan daripada JPN dan kita akan berhubung langsung dengan Yang Berhormat Sekijang di atas segala perkembangan terkini. Saya juga prihatin terhadap kerisauan Yang Berhormat Sekijang tentang PDP di sekolah-sekolah tersebut.

Juga, saya amat kagum dengan keprihatinan Yang Berhormat Sekijang berkaitan bahasa Arab. Saya sendiri merupakan antara penutur bahasa Arab dan bahasa Arab merupakan bahasa ketiga saya. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri. Kita tidak nafikan bahawa semua sekolah perlukan bantuan bahkan sebelum ini pun mendapat bantuan daripada kerajaan. Cuma, dalam konteks tempoh lebih kurang lima bulan, kerajaan baharu ini atau Kementerian Pendidikan telah mencadangkan peruntukan-peruntukan seperti mana yang disebutkan.

Saya hendak tahu— mungkin Yang Berhormat juga dah sebutkan sebahagiannya. Apakah rasional dan asas penilaian atau pengukuran kerajaan dalam memberikan bantuan pada nilai yang sama kepada sekolah-sekolah ini? Maksudnya, sekolah berasrama penuh yang memang terkenal merupakan pengeluar pelajar-pelajar kita, Maktab Rendah Sains MARA, sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah mubaligh, sekolah tahfiz dan juga RM50 juta untuk sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil yang bilangan sekolahnya lebih kecil daripada sekolah-sekolah tadi. Apakah asasnya?

Saya juga hendak tahu apakah sekolah-sekolah ini, sistem pendidikan ini ataupun kawalan pembelajarannya selaras dengan keperluan dan juga pendidikan kebangsaan? Kita takut nanti berlaku perkara-perkara yang boleh membawa kepada perpecahan negara seperti mana yang kita dengar baru-baru ini. Ini satu perkara yang cukup serius. Walaupun kita memberikan bantuan tetapi kita tidak mahu melahirkan pelajar-pelajar atau anak-anak yang membuat perkara-perkara yang boleh memecahkan perpaduan dan juga keharmonian di negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey, terima kasih Yang Berhormat Maran yang bertanya. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat Maran, ia lebih merujuk kepada belanjawan baru-baru ini yang telah dikemukakan oleh Kementerian Kewangan dan asas kepada pemberian bantuan tersebut sebenarnya di dalam bidang kuasa Kementerian Kewangan dan bukan di bidang Kementerian Pendidikan Malaysia. Kita hanya sebagai pelaksana untuk berikan kepada sekolah-sekolah, salurkan kepada sekolah-sekolah di bawah urusan kami.

■1030

Contohnya seperti disebutkan, MRSM, tahfiz dan juga pondok, itu bukan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, itu kementerian-kementerian berkenaan akan mengambil tanggungjawab untuk menyalurkannya. Jadi, soalan tersebut lebih sesuai ditanyakan kepada Menteri Kewangan yang mana saya, bukanlah beliau.

Berkaitan dengan bagaimanakah sekolah-sekolah yang sedia ada, adakah mereka menepati Dasar Pendidikan Negara. Seperti yang Yang Berhormat Maran maklum iaitu mana-mana sekolah yang beroperasi dan berdaftar, sama ada MRSM, sama ada SJK(C), SJK(T) dan sebagainya. Jikalau mereka berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, mereka hendaklah menepati Akta Pendidikan 550 yang telah termaktub itu dan biasanya apa sahaja yang mereka beroperasi itu masih berada dalam parameter akta tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Maran.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Soalan tambahan, boleh satu lagi soalan?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Yang Berhormat Kapar.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ikut giliran, Yang Berhormat Kapar.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang sungguh budiman pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah lama kita tidak mendengar suara Yang Berhormat Kapar ini.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: ...menyelerakan saya untuk membuat soalan. Yang Berhormat Menteri, saya meneliti hujah Yang Berhormat Menteri dan juga pandangan Yang Berhormat Menteri serta saranan Yang Berhormat Menteri terhadap beberapa sekolah daripada SBK kepada sekolah kebangsaan dan saya memahami apa maksud yang tersirat dalam hujahan Yang Berhormat Menteri itu tadi.

Namun, baru-baru ini saya telah buat beberapa lawatan sambil bermesra dengan rakyat di Sabah dan Sarawak. Apa yang saya lihat di sebuah sekolah yang dipanggil Sekolah Orang Kaya Temenggong Tanduk, Saratok. Saya tersentuh kerana dalam sekolah itu asramanya tidurnya atas pangkin dan sekolah itu bila saya berdiri, bergoyang macam hendak roboh. Jadi Tuan Yang di-Pertua, bayangkan keadaan fizikal, infra yang ada dalam kawasan sekolah itu yang menzahirkan yang kita hendak melahirkan anak-anak dalam masa yang sama prasarana ataupun infranya cukup membimbangkan.

Soalan saya ialah apakah langkah kerajaan untuk memastikan tiga wilayah ini, wilayah Semenanjung, wilayah Sabah, wilayah Sarawak mendapat sumbangan bantuan serta memastikan tahap pendidikan dan penghidupan anak-anak pelajar ini dapat disempurnakan dalam persekitaran mereka itu kerana tidak boleh kita pinggirkan prasarana dan juga pendidikan dasingkan, mesti bersekali Tuan Yang di-Pertua. Maka, kementerian harus memandang serius sekolah-sekolah pendalaman ini. Walaupun mereka anak Iban, walaupun mereka anak Dayak, walaupun mereka anak Cina, Melayu, India tetapi mereka adalah anak kita yang wajib kita bantu. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Yang Berhormat Papar menyokong.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dahsyat. Okey, itu dia punya *tagline* dialah lah. Okey, terima kasih Yang Berhormat Kapar, saya ucapkan tahniah kerana sanggup untuk bermesra, bukan sahaja dengan orang dalam Kapar, tetapi juga di Sabah dan Sarawak. Sikap kemesraan. *[Ketawa]*

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Kempen, kempen.

Dr. Maszlee bin Malik: Kempen, okey.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Itu kempen Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kalau sebelum itu, undi lagi tinggi.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey, tidak apa. Sikap mesra dia itu yang paling penting. Okey, seperti mana yang telah disebutkan sewaktu penggulungan RMKe-11 baru-baru ini dan juga di dalam kebanyakan ucapan-ucapan jawapan lisan, saya telah menekankan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia tidak membezakan di antara negeri-negeri di Malaysia, tidak membezakan di antara anak-anak bangsa apa pun, kita akan pastikan bahawa sekolah-sekolah yang berada di seluruh Malaysia, sama ada di Semenanjung, sama ada di Sabah ataupun Sarawak akan menjadi sekolah-sekolah yang selamat, selesa dan kondusif sama ada untuk anak-anak murid dan juga kepada guru-guru.

Ini komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh sebab itu penumpuan diberikan kepada penambahbaikan ataupun pemulihan sekolah-sekolah daif dan juga saya sendiri turun untuk memantau sekolah-sekolah daif dan juga turun untuk melihat beberapa projek-projek yang sakit melibatkan sekolah-sekolah daif. Kita akan pastikan bahawa setiap rakyat Malaysia, setiap anak-anak Malaysia akan dapat ke sekolah dengan penuh gembira, selamat, selesa dan kondusif. Terima kasih Yang Berhormat Kapar.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jempol, silakan.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Boleh tambah soalan lagi ya. Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah satu lagi.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.*

Tuan Yang di-Pertua: Tiga, sudah lebih daripada apa yang diperuntukkan ya. Tiga soalan saja.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Hari ini baru dapat jumpa Yang Berhormat Menteri. Sebab tadi ada orang tidak tanya soalan. Jadi saya mintalah sikit Tuan Yang di-Pertua. Sebab Yang Berhormat Menteri ada. Sikit saja.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada dalam peraturan mesyuarat.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Boleh ya?

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Boleh bagi.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Boleh ya?

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut peraturan mesyuarat, maksimumnya ialah tiga.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Tapi Tuan Yang di-Pertua, ada *discretion*, boleh lah Tuan Yang di-Pertua. Bolehlah.

Seorang Ahli: Rayuan itu, rayuan.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: *Very simple question.*

Tuan Yang di-Pertua: *Alright.* Baiklah, baiklah.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, sebenarnya saya terima kasih dengan Yang Berhormat Menteri kerana sempat pergi ke kawasan saya. Jadi cuma saya hendak tahu apakah status permohonan kita Sekolah SK Abang Man hari itu Yang Berhormat Menteri ada pergi. Jadi saya hendak tahu

bagaimana sekarang ini sebab saya percaya Yang Berhormat Menteri memang prihatin, telah melihat sendiri keadaan itu dan perlu dilakukan sesuatu terhadap sekolah itu. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Nancy yang merupakan peminat setia saya. Walaupun sudah habis waktu, masih ingin bertanya dan okey. Berkaitan dengan 'Sekolah Abang Man', kita melihat secara serius terhadap isu tersebut tetapi saya belum ada laporan lengkap terkini sehingga hari ini daripada Jabatan Pendidikan Negeri. Jadi saya akan meminta Jabatan Pendidikan Negeri untuk memberikan perkembangan terkini kepada Yang Berhormat secara langsung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta Perdana Menteri menyatakan perancangan kementerian untuk membangunkan kawasan-kawasan di luar bandar, khususnya di sesetengah kawasan perkampungan Orang Asli yang dilihat masih terkebelakang dari sudut infrastruktur dan prasarana.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/ Ponnusamy]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perdana Menteri menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa komited dalam memajukan dan mensejahterakan kehidupan masyarakat Orang Asli di negara ini. di Malaysia terdapat sebanyak 853 buah kampung Orang Asli yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 701 buah kampung telah menerima bekalan air terawat, 684 buah kampung telah menerima bekalan elektrik dan 719 kampung telah mempunyai jalan perhubungan.

JAKOA menyasarkan perkampungan Orang Asli akan mempunyai kemudahan asas yang lengkap pada tahun 2023. Kerajaan komited untuk memperbaiki dan menaik taraf infrastruktur perkampungan Orang Asli termasuk jalan berturap, gred elektrik 24 jam, bekalan air yang dirawat dan rangkaian komunikasi yang stabil. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Soalan saya adalah berkaitan dengan peruntukan Bajet 2018 berbanding dengan Bajet 2019 di mana peruntukan bajet yang baru ini telah memotong lebih kurang RM10 juta untuk kemudahan peruntukan untuk Orang Asli khususnya di luar bandar. Jadi, adakah peruntukan tersebut dipotong dan kekurangan dari segi infrastruktur khususnya untuk kawasan Orang Asli di mana di Jempol terdapat empat kampung Orang Asli, Batu Peti, Sungai Kelai, Langkap dan Klebang di mana jalan-jalan tersebut masih lagi belum berturap. Jadi, saya harap dengan pemotongan peruntukan ini tidak terlibat kawasan-kawasan yang mana diperlukan dalam Bajet 2018 yang lalu dan Bajet 2019 dipotong RM10 juta, dibimbangi dalam peruntukan ini, jalan-jalan infrastruktur tidak dibuat.

Yang kedua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri bagaimana subsidi minyak ini dapat dirasai oleh Orang Asli. Kita tahu bahawa perkampungan Orang Asli ini jauh pedalaman, peruntukan untuk satu liter subsidi 30 sen. Bayangkanlah kalau hendak keluar 25 kilometer dengan subsidi 30 sen seliter, bagaimana manfaat insentif ini dapat dirasai oleh Orang Asli.

Yang ketiga, bagaimana untuk kita mengekang keciciran pelajar-pelajar Orang Asli yang mana bila mereka ini naik ke Tingkatan 1, hampir 80 peratus tidak meneruskan persekolahan. Contohnya macam sekolah yang berada di kawasan Paloh Inai, K9, yang mana sekolah rendah dan sekolah menengah berpusat. Jadi, ini mungkin mengelakkan daripada keciciran Orang Asli khususnya di pedalaman. Itu soalan saya. Terima kasih.

■1040

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai pemotongan dalam Bajet 2019 berbanding dengan tahun 2018 memang diperakui bahawa terdapat kekurangan bajet jika dibandingkan terdapat lebih kurang 30 peratus kekurangan bajet berbanding dengan tahun 2018. Walau bagaimanapun kerajaan akan memastikan bahawa sekiranya terdapat *urgency* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk membina jalan-jalan yang memang perlu, kerajaan akan memberi perhatian yang sewajarnya.

Mengenai soalan kedua mengenai subsidi minyak, saya percaya soalan tersebut lebih elok sekiranya ditujukan kepada Menteri Kewangan.

Berkenaan dengan keciciran pelajar-pelajar di sekolah, kerajaan memang sedar bahawa terdapat keciciran di kalangan pelajar di sekolah dan kerajaan sedang mengambil langkah-langkah proaktif untuk memberi galakan-galakan dan insentif kepada pelajar-pelajar untuk meneruskan pelajaran di sekolah. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sumber utama pendapatan Orang Aslinya hutan dan apabila hutan diteroka ataupun mengikut mereka di ceroboh maka Orang Asli terhimpit. Jadi adakah kerajaan berhasrat untuk menyediakan satu pelan tindakan yang mampan memastikan bahawa masa depan Orang Asli terjamin.

Orang Asli ini ada dua kumpulan, satu mungkin agak maju tetapi kebanyakan mereka amat mundur. Jadi pelan ekonomi mampan agak amat penting sekali untuk menjamin masa depan mereka. Keduanya, adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu penilaian tentang keberkesanan usaha-usaha untuk memperbaiki tahap pendidikan Orang Asli. Banyak telah dilakukan tetapi kita dapati bahawa kurang berkesan, adakah kementerian bercadang bersama dengan Kementerian Pendidikan memastikan bahawa Orang Asli mendapat tempat yang sewajarnya dalam sistem pendidikan negara. Terima kasih.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Memang diperakui bahawa dengan adanya pencerobohan di kawasan hutan telah menjejaskan sedikit sebanyak mata pencarian masyarakat Orang Asli. Kerajaan buat masa kini telah menjalankan beberapa pelan untuk menambahkan pendapatan masyarakat Orang Asli. Di antaranya ialah dengan mengadakan pelbagai program seperti memperkembangkan program pendidikan seperti Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Jejak Siswa (PJS), Program Pembangunan Minda Insan dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) juga Program Memperkasakan Institusi Sosial.

Terdapat juga projek-projek perladangan yang sedang dijalankan terutamanya dengan kerjasama RISDA dan FELCRA dan projek bantuan pertanian, projek pengembangan pertanian, projek memperkasakan usahawan Orang Asli yang sedia ada dan juga untuk meningkatkan penglibatan Orang Asli dalam bidang keusahawanan. Kerajaan sedang bekerjasama dengan rakan-rakan *synergy* yang lain seperti Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perikanan, Lembaga Nanas dan sebagainya.

Bagi menjawab soalan kedua, kerajaan akan mempertimbangkan dan akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memastikan bahawa tahap pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli akan dipertingkatkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, Jelebu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Cameron Highlands Tuan Yang di-Pertua, Cameron Highlands

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Cameron Highlands.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Penting ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat kita harus teruskan sebab masa mungkin tidak mencukupi.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Satu soalan saja Tuan Yang di-Pertua, Cameron Highlands banyak kampung Orang Asli.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ini soalan kampung Orang Asli. Satu saja Tuan Yang di-Pertua, ini sangat penting dan pendek Tuan Yang di-Pertua tolong.

Tuan Yang di-Pertua: Cameron Highlands pun kawasan Orang Asli.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Cameron Highlands banyak kampung Orang Asli, saya ingat terbanyak.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Saya rangkum sekali dengan Cameron Highlands Tuan Yang di-Pertua, boleh? Saya rangkum sekali. [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat Jelebu bangun terlebih dahulu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini Tuan Yang di-Pertua yang terbaik setakat ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Dulu Yang Berhormat tarik balik pujian terhadap saya. [*Dewan ketawa*]

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tidak tarik, tidak tarik. Ini *confirm* tidak tarik. Tuan Yang di-Pertua, fasal ada dua Menteri boleh jawab soalan saya pagi ini, satu Menteri yang menjawab dan yang kedua Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tuan Yang di-Pertua, masalah Orang Asli ini ialah masalah satu rumah terlalu ramai yang duduk, keluarga dia besar. Masalah kita ialah ada di kalangan keluarga Orang Asli ini yang telah *convert* ataupun menganut agama Islam dan mereka masih lagi tinggal bersama dengan keluarga asal mereka.

Alasan mereka yang kita masih lagi sehingga kini yang saya nak minta kementerian ataupun pihak kerajaan, alasan mereka kerana tidak ada rumah, tapak tidak ada, rumah tidak ada dan sebagainya. Apakah langkah kementerian terutamanya kalau boleh *collaborate* dengan kementerian KPKT untuk beri satu program khas bagi mereka yang menganut agama Islam untuk tinggal berasing daripada keluarga asal mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat, saya mengambil maklum apa Yang Berhormat nyatakan tadi dan saya akan berbincang dengan rakan sejawat saya Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan akan mencari penyelesaian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

5. Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah laporan yang diterima oleh PDRM mengenai judi haram melalui bilik gerakan khas yang ditubuhkan pada Julai 2018, mengikut pecahan negeri, dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh PDRM.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Melaka. Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia sentiasa mengambil pendekatan baharu untuk mengekang kegiatan perjudian haram dalam negara. Antara inisiatif baharu yang diambil adalah dengan membuka bilik gerakan serta talian khas yang beroperasi selama 24 jam sehari di seluruh negara bermula 20 Julai 2018 bagi memudahkan orang awam menyalurkan maklumat kepada pihak PDRM.

Semua Ketua Polis Negeri dan Ketua Polis Daerah telah diarahkan untuk membuat penilaian dan mengambil tindakan setiap aduan awam yang diterima dalam usaha untuk memerangi aktiviti perjudian ini. Sejak dilancarkan sehingga 31 Oktober 2018, pihak PDRM telah menerima sebanyak 973 aduan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 456 aduan adalah sah yang menghasilkan kejayaan dalam serbuan yang dilaksanakan. Manakala 264 maklumat yang diterima tidak berasas atau palsu dan 253 maklumat lagi mempunyai merit dan memerlukan risikan lanjut sebelum tindakan dapat diambil.

Hasil inisiatif yang diambil ini telah menunjukkan impak yang positif yang mana orang awam telah tampil memberikan kerjasama dalam menyalurkan maklumat yang positif walaupun terdapat juga maklumat yang tidak berasas turut disalurkan. Hasil daripada tindakan yang diambil juga menunjukkan trend penurunan dalam aktiviti perjudian haram ini yang mana sindiket tidak lagi berani untuk membuka semula premis setelah diserbu. Pihak PDRM akan terus membuka bilik gerakan ini sehingga kegiatan perjudian haram dapat ditangani sepenuhnya.

Di samping itu juga, PDRM sentiasa membuat risikan untuk mengesan modus operandi baharu yang mungkin akan digunakan oleh sindiket untuk menjalankan aktiviti perjudian haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga bagi memastikan aktiviti perjudian ini tidak lagi beroperasi dalam daerah-daerah berkenaan, Ketua Polis Daerah, Ketua Polis Balai dan pegawai-pegawai dari Bahagian Jenayah Daerah akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya dan tindakan yang tegas akan diambil untuk ditukarkan daripada daerah berkenaan secara serta-

merta dan tindakan tatatertib juga akan diambil jika siasatan yang dibuat oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) mendapati pegawai polis terbabit atau melindungi sindiket perjudian. Sekian dan terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah atas tindakan dan juga usaha yang telah diambil oleh pihak polis dan juga Kementerian Dalam Negeri dalam usaha ingin menghapuskan atau mengawal kegiatan judi haram ini.

Tuan Yang di-Pertua soalan saya, banyak judi haram sekarang secara *online* yang mungkin melibatkan sindiket luar negara di mana mereka menggunakan media sosial melalui *WhatsApp*, *WeChat* ataupun *Facebook*. Jadi apakah rancangan dan strategi untuk mengatasi? Oleh sebab saya ingin bertanya kepada pihak kementerian bolehkah kita menyekat mereka menggunakan media sosial ini dengan kita tumpukan kepada *internet service provider* untuk menyekat mereka dan tidak sukar untuk kita mengenal pasti siapakah ketua-ketua sindiket yang terlibat.

■1050

Saya percaya orang tempatan dan juga pihak polis tahu siapakah mereka ini melalui panggilan yang begitu banyak, aduan sebanyak sembilan ratus lebih ini. Saya sendiri juga banyak terima maklumat dan aduan. Selepas ini saya akan berikan kepada Yang Berhormat Menteri maklumat-maklumat tersebut secara terus di mana mereka ada sebut sehingga nama-nama sindiket tersebut mereka boleh sebut. Di Melaka yang menjalankan sindiket, mereka kata kumpulan panggil KK, kumpulan panggil tiga kali lapan, 888. Mereka boleh tahu di mana, siapakah ketua sindiket tersebut. Maka persoalannya, mengapa tiada tindakan tegas yang diambil?

Di sini saya hendak tanya, adakah pihak kementerian boleh menggunakan akta Anti-Money Laundering untuk tangkap mereka sebab kita tahu sindiket ini, mereka ini memang pandai untuk elak. Jadi, bolehkah kita gunakan akta Anti-Money Laundering ini sebab sudah pasti mereka perlu cuci wang mereka, sudah pasti kita boleh dapat mengesan mereka.

Akhirnya, adakah terdapat unsur-unsur rasuah di mana barangkali terdapat sebahagian kecil anggota polis yang tidak bertanggungjawab dan juga ada juga pegawai di dalam Kementerian Dalam Negeri yang tidak bertanggungjawab melindungi sindiket tersebut. Ini sebab kita masih ingat Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas di Melaka di mana ada isu kes tentang OPS Gopi di mana telah melibatkan bekas IGP yang telah disiasat dan juga beberapa tangkapan telah dibuat tetapi sehingga hari ini, masih tidak ada apa-apa. Kita lihat macam terdiam sahaja. Jadi, barangkali kita minta supaya kementerian boleh menjawab apakah perkembangan kes OPS Gopi terkini.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Melaka. Dia ada tiga soalan sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Maknanya habis kuota, selepas ini sudah tidak ada soalan sebab tiga sudah.

Okey, pertama berkenaan dengan judi *online*. Ya, kita mengakui ini merupakan di antara cabaran yang kita hadapi di pihak Kementerian Dalam Negeri khususnya PDRM. Bila mana kita

berhadapan dengan judi secara *online*, perlu kita ingat bahawa judi *online* ini pusat operasi dia bukan berada di negara kita. Server dia berada di luar negara. Jadi, server ini operasi dia berpandukan kepada *Internet Protocol*, dia *number*. So, MCMC atau pun PDRM bila kita buat sekatan terhadap nombor IP ini, apa yang dilakukan oleh syarikat yang beroperasi di luar negara ini hanya perlu menukar IP *address* dia *in a split second* dengan izin. Jadi, ini yang menyukarkan kita.

Selain daripada itu, kalau saya merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia, dia ada menyebut tentang terdapat 700,000 nombor talian prabayar yang diragui. Bermakna di sini Tuan Yang di-Pertua, kekangan yang kita hadapi bila mana orang-orang ini beroperasi menggunakan talian telefon yang maklumat dia diakui sendiri oleh pihak MCMC sukar untuk diketahui, bermakna mereka beroperasi ini secara *underground*. Itu yang saya sebutkan oleh kerana server utama dia beroperasi di luar negara, menyukarkan pihak PDRM untuk membuat sekatan ini kerana sekatan dibuat oleh MCMC dan kita hanya menyiasat. Bila mana nombor-nombor ini kita kenal pasti, kita serahkan nombor kepada MCMC untuk disekat. Akan tetapi sebagaimana saya sebutkan tadi, bila mana kita sekat nombor IP ini, mereka hanya perlu *produce* nombor IP baru dan mereka boleh beroperasi semula. Dia tidak sebagaimana pusat-pusat judi yang sebelum ini, mereka beroperasi menggunakan premis-premis, kita boleh buat serbuan. Akan tetapi dalam kes ini, ia beroperasi melalui server yang beroperasi di luar negara.

Kedua, mengenai isu judi ini juga untuk makluman Yang Berhormat, ramai yang main judi ini dia menggunakan telefon. *Apps* ini boleh di-*download* melalui telefon. Jadi, tidak ada nampak secara fizikal wang ringgit berlaku *transaction* di sana. Bila mana kita tangkap orang ini, dia boleh *claim* bahawa dia cuma main *game*, *is not a gambling, is only a game*. Jadi, ini adalah menyukarkan kita juga sebab dari segi undang-undang, apa undang-undang yang kita boleh guna pakai untuk tangkap mereka bila mana mereka mengatakan mereka hanya main *game* sahaja. Ini di antara cabaran kita mengakui tentang hakikat ini, pihak kementerian sedang mengkaji apakah langkah-langkah yang boleh kita ambil untuk memastikan operasi judi secara *online* ini dapat kita kekang.

Berkenaan dengan soalan akta tadi sama ada pihak kerajaan boleh menggunakan akta Anti-Money Laundering untuk mendakwa mereka ini, sebagaimana saya sebutkan tadi, untuk soalan ini saya kena rujuk bahagian undang-undang kementerian. Akan tetapi apa yang pasti sebagaimana saya sebutkan tadi, oleh kerana ia tidak melibatkan pertukaran wang secara nyata, ia agak sukar untuk kita. Akan tetapi ini saya akan serahkan kepada ini, mungkin kita akan buat jawapan secara bertulis.

Berkenaan dengan status OPS Gopi. Untuk makluman rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, Operasi Gopi ini merupakan operasi yang dibuat oleh SPRM mengenai dakwaan keterlibatan polis dalam memerangi kegiatan judi dan pelacuran. Dalam operasi tersebut, seorang suspek utama telah dikenal pasti iaitu saudara Gopinathan Krishnan yang mana dikenal pasti sebagai dalang kepada sindiket ini. Dalam serbuan ini, seramai 12 suspek dan sebahagian

besarnya daripada mereka adalah pegawai polis telah ditahan oleh SPRM dalam siasatan tersebut. Pihak Kementerian Dalam Negeri masih menunggu hasil siasatan tersebut kerana pihak SPRM masih belum menyatakan sama ada kes ini boleh disabitkan atau pun sebaliknya. Akan tetapi berkenaan dengan kes ini, saya rasa pihak SPRM yang lebih layak untuk menjawab soalan ini kerana ia merupakan operasi yang dilakukan oleh pihak SPRM. Sekian, terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan yang saya rasa cukup baik. Saya juga mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan tahniah kepada pihak polis yang memang mempunyai azam yang kuat untuk menyelesaikan masalah perjudian terutamanya perjudian haram ini. Cuma, kadang-kadang kita melihat bahawa operasi atau pun tindakan yang dibuat oleh pihak berkuasa terutamanya polis ini dia bersifat *seasonal*, bermusim. Kadang-kadang dibuat secara banyak dan kesannya cukup baik, kadang-kadang menjadi tidak *serious*. Tempat yang mulanya selepas operasi ditutup, kemudian dibuka balik dengan lebih agresif lagi. Saya juga mempunyai maklumat bahawa ada pusat-pusat perjudian yang asalnya dikategorikan sebagai haram, kemudiannya diberikan lesen untuk beroperasi menjadi halal. Akan tetapi di sebalik lesen yang diberikan itu, berlaku juga kegiatan yang haram dari sudut undang-undang. Ini kerana kita difahamkan juga pusat-pusat ini beroperasi, mereka mendapat keuntungan cukup besar sehingga RM13 juta sebulan dikatakan dapat oleh pusat-pusat ini. Kenapa tidak mereka hendak jalankan kegiatan ini.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, di dalam ke-*serious*-an pihak polis melaksanakan langkah untuk mencegah perjudian di negara kita ini termasuklah untuk mengambil tindakan terhadap orang-orang dalam, terutamanya di kalangan polis sendiri dan juga mungkin pegawai PBT yang terlibat, sejauh mana atau pun berapakah kes yang telah diambil tindakan terhadap anggota yang dibuktikan terlibat dalam kegiatan yang melindungi perjudian ini? Di samping itu, berapa pula tindakan yang telah diambil jika ada, terhadap tuan-tuan punya premis perjudian yang melaksanakan kegiatan perjudian haram ini? Terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu berkenaan dengan soalan tadi. Disebutkan bahawa ia bersifat *seasonal*. Ingin saya tegaskan di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa di bawah kerajaan baharu, Malaysia baharu ini kita akan pastikan bahawa ia bukan menjadi operasi *season*. Kita akan teruskan usaha ini, sebab itu kita telah membuka *hotlines* kita yang beroperasi selama 24 jam. Malah saya sendiri selaku Timbalan Menteri untuk makluman Yang Berhormat, saya sendiri memantau tentang proses-proses ini kerana kita ingin pastikan bahawa kegiatan judi haram ini perlu kita banteras sehabis-habisnya. Semalam pun di negeri Sabah, saya telah bercerita dengan pegawai-pegawai polis di beberapa OCPD-OCPD yang ada di negeri Sabah, saya telah nyatakan kepada mereka saya ingin pastikan bahawa setiap operasi-operasi judi haram yang secara fizikal ini, kita perangi secara habis-habisan. Ini *insya-Allah* kita berikan jaminan bahawa ia akan menjadi operasi berterusan PDRM dalam membanteras kegiatan judi haram ini.

Berkenaan dengan lesen-lesen yang dikeluarkan, ini juga di antara kekangan yang kita hadapi di peringkat kementerian ini khususnya pihak polis. Bila mana kita membuat serbuan Tuan Yang di-Pertua, sehari selepas itu operasinya tutup. Akan tetapi kemudian apa yang berlaku, yang mengeluarkan lesen-lesen ini adalah Pihak Berkuasa Tempatan, bukan Polis Diraja Malaysia.

■1100

Hari ini kita serbu, esok dia tutup. *The next day* dia *apply*, dia memohon lesen yang baharu dan dia register atas nama syarikat yang baharu. Kemudian lebih teruk lagi, lesen ini didaftarkan atas nama pusat permainan keluarga. Jadi ini yang mereka beroperasi di belakang ini tetapi pihak PDRM sentiasa memantau tentang aktiviti-aktiviti ini. Sebagaimana saya sebutkan tadi, kita akan pastikan bahawa operasi judi haram ini kita perangi secara habis-habisan.

Berkenaan dengan statistik yang disebutkan tadi, saya tidak ada data statistik yang lengkap yang ada di atas meja saya. Saya akan berikan maklumat ini secara terperinci. Akan tetapi, di peringkat kerajaan yang ada pada hari ini, kita juga telah bercadang untuk menubuhkan IPCMC berkenaan dengan menyiasat salah-salah laku pihak-pihak berkuasa yang ada di negara kita. Ini merupakan pendekatan kita dan menunjukkan keseriusan kita untuk membanteras kegiatan salah guna kuasa, rasuah di peringkat kakitangan awam kita. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah pihak kementerian menyedari bahawa Kem PLKN Sungai Rait yang menempatkan Batalion Ke-8 Rejimen Sempadan tidak sesuai diduduki kerana sering dilanda banjir dan apakah perancangan pihak kementerian memindahkan anggota Batalion Ke-8 ke kem yang lebih selamat bagi mengelak kerugian dalam aset tentera dan keselamatan anggota.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pertahanan menyedari tentang ketidaksesuaian Kem Sungai Rait untuk dijadikan penempatan Batalion Ke-8 Rejimen Sempadan kerana sering dilanda banjir. Untuk memastikan keselamatan anggota dan aset terpelihara, Tentera Darat sedang merancang pemindahan pasukan ini ke Kem San Shui, Tawau, Sabah dan pemindahan ini dirancang bermula pada bulan Januari 2019 dan akan dilaksanakan secara berfasa. Terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Menurut kajian kaji cuaca, dijangka hujan berterusan dan banjir akan berlaku dan kawasan tersebut sangat *high risk*, dengan izin, dilanda banjir. Pada bulan Ogos yang lepas, tahap ketinggian banjir sehingga paras dagu.

Tadi saya baru mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Rejimen Kelapan ini akan dipindahkan ke Tawau dan saya ingin mendapatkan penjelasan sekiranya rejimen ini dipindahkan ke Tawau, bagaimanakah operasi pembanteras jenayah sempadan bagi kawasan di bahagian Miri sekiranya rejimen ini dipindahkan?

Soalan tambahan lagi adalah adakah rekrut Rejimen Sempadan ini telah dipenuhi ataupun masih lagi kekurangan anggota? Itu sahaja.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan cuaca itu, memang kementerian dan juga Tentera Darat faham dan itulah kerana apa yang telah dirancang iaitu supaya memindahkan kem ke Sabah. Akan tetapi dalam rancangan kementerian ataupun Tentera Darat ialah kita perlu ada tiga Rejimen Sempadan di Sarawak dan dua di Sabah. Itu adalah rancangan yang akan datang. Buat masa ini, lima kem di Sarawak dan ini adalah rancangan supaya kita ada tiga di Sarawak dan dua di Sabah. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Di kawasan sempadan saya di kawasan Rantau Panjang dengan Thailand juga, ada askar rejimen yang bertugas di sempadan dan menghadapi masalah juga berdepan dengan banjir. Apabila di saat musim banjir, mereka ini terkepung. Kawasan kawalan mereka memang dipenuhi dengan banjir. Bukan setakat paras dagu, air melepasi paras kepala di musim banjir yang besar.

Jadi, apa persiapan kementerian terutama dalam mengawal sempadan-sempadan yang berhadapan dengan risiko banjir yang mungkin kesannya ialah penjenayah akan mengambil kesempatan di musim banjir untuk menyeludup sama ada dadah ataupun senjata api? Minta penjelasan.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih atas maklumat itu. Saya akan minta Tentera Darat untuk memberi maklumat dan juga jawapan. Terima kasih.

7. Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan apakah strategi serta mekanisme yang akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam tempoh jangka masa Parlimen ke-14 bagi mengatasi masalah sosioekonomi, mengupayakan usahawan serta perkongsian kekayaan khususnya kepada golongan masyarakat minoriti termasuk orang asal.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada kemakmuran seluruh rakyat termasuk golongan minoriti. Dalam hal ini, pelbagai strategi dirangka untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti kehidupan mereka seterusnya mengatasi masalah sosioekonomi. Ini termasuklah program penyediaan peluang perniagaan dan keusahawanan, pendidikan, latihan kemahiran, perumahan mampu milik, kemudahan kesihatan dan infrastruktur asas serta jaringan keselamatan sosial.

Pembangunan sosioekonomi masyarakat akan dibuat berasaskan prinsip keperluan, ketelusan, merit, mesra pasaran, menyokong pertumbuhan dan kemapanan. Pendekatan ini memastikan tiada kumpulan masyarakat yang akan tercicir dari mendapat peluang dan manfaat pertumbuhan ekonomi selaras dengan konsep atau prinsip *no one left behind*, dengan izin.

Dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11 di bawah keutamaan baharu, kerajaan akan memastikan kumpulan minoriti tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara. Strategi bagi memperkasa kumpulan minoriti telah dibentuk bagi tujuan mengupayakan mereka melalui inisiatif berikut.

Pertama, membina keupayaan dan meningkatkan potensi menjana pendapatan melalui pendidikan dan latihan kemahiran dengan:

- (i) mengurangkan kadar keciciran pelajar melalui penyediaan asrama, pengangkutan dan bantuan kewangan seperti bantuan persekolahan, Dana Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dan Rancangan Makanan Tambahan;
- (ii) menyediakan lebih banyak tempat kepada pelajar yang berpotensi tinggi di institusi pengajian tinggi dan institut latihan kemahiran berdasarkan kepada kriteria kelayakan dan kuota kemasukan khas; dan
- (iii) meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi seperti Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus.

Kedua, mempergiatkan pembangunan keusahawanan. Antaranya:-

- (i) meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu melalui pembiayaan mikro, latihan keusahawanan dan pemasaran dengan kerjasama agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia bagi membantu usahawan mikro di bandar dan di luar bandar; dan
- (ii) meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi seperti Program e-Rezeki dan e-Usahawan dan menggalakkan keusahawanan yang berdasarkan kepada bakat intrinsik mereka.

Ketiga, proses pengukuran dan pemetaan bagi menentukan sempadan tanah hak adat akan dipercepatkan bagi memastikan pemilikan tanah kepada Orang Asli, anak negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak dibuat melalui proses yang adil dan telus. Langkah ini akan membolehkan tanah tersebut dibangunkan untuk aktiviti ekonomi dengan bantuan daripada agensi yang berkaitan.

Keempat, merapatkan jurang pembangunan antara wilayah. Usaha ini akan dipergiat untuk menangani ketidakseimbangan pembangunan wilayah khususnya di luar bandar bagi menggalakkan pertumbuhan yang saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat terutamanya golongan B40. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa satu jawapan yang bagus. Akan tetapi, definisi masyarakat minoriti ini— sebab saya difahamkan daripada RMKe-11 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi ini, minoriti ini dia agak *in grey area*, dengan izin. Maka orang asal ini termasuk Orang Asli. Saya mendapati jawapan yang diberikan adalah lebih kepada Orang Asli tetapi saya ingin bertanya juga kepada masyarakat minoriti ataupun masyarakat tertentu khususnya masyarakat Cina dan juga masyarakat India.

Saya difahamkan sebanyak RM100 juta telah disediakan untuk SEDIC iaitu untuk mengatasi masalah sosio tetapi mungkin saya tidak terjumpa inisiatif-inisiatifnya untuk menangani masalah ekonomi untuk masyarakat tertentu ini. Kalau boleh saya minta Yang

Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh tunjukkan saya dalam muka surat manakah dalam buku ini ada inisiatif-inisiatif mengenai pembangunan ekonomi masyarakat khususnya masyarakat tertentu golongan Cina dan India, khususnya masyarakat India.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Tentang SEDIC, seperti mana yang Yang Berhormat maklum tadi, peruntukan SEDIC dalam belanjawan ini adalah sebanyak RM100 juta untuk kaum India. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, bila kita bercakap tentang minoriti, kita cakap tentang Bumiputera Sabah dan Sarawak termasuklah semua golongan minoriti. Tentang detilnya, saya perlu merujuk kembali kepada belanjawan dan saya harap Yang Berhormat boleh kemukakan dalam sesi perbincangan. Jadi boleh dijawab oleh kementerian yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

■1110

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, amat mendukacitakan apabila saya melihat Belanjawan 2019. Tidak ada sebarang peruntukan secara spesifik untuk pembangunan ekonomi masyarakat India. Akan tetapi sebelum ini sejak 2009 kita telah membuat peruntukan belanjawan secara spesifik untuk pembangunan ekonomi masyarakat India khususnya melalui SID. Lebih kurang RM800 juta kalau tidak silap telah diperuntukkan melalui TEKUN, SME, Amanah Ikhtiar dan sebagainya.

Jadi, mungkin kerajaan baru ada perancangan baru dan sebagainya. Mungkin Yang Berhormat boleh memberi penerangan kepada Dewan apakah jenis perancangan yang kita ada melalui kementerian dan juga agensi-agensinya terlibat. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat baru dalam hal ehwal, isu-isu TEKUN dan sebagainya. Ia bukanlah mudah walaupun telah diperuntukkan secara spesifik untuk masyarakat India tetapi ia masih tidak mudah untuk mendapatkan peruntukan atau pinjaman tersebut daripada TEKUN atau SME. Ia melibatkan pelbagai proses dan birokrasi. Jadi, saya harap kerajaan dapat kalau bukan dalam Belanjawan ini, mungkin dalam Belanjawan akan datang akan beri kepentingan, *emphasize* kepada aspek ini. Sekian, terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon soalan-soalan ini disebut semasa sesi perbincangan Belanjawan kerana ia melibatkan agensi seperti TEKUN di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, itu yang terbaik saya rasa.

Tuan Yang di-Pertua: Bangkitkan di sesi perbincangan Belanjawan itu lebih baik. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sabak Bernam, silakan.

8. **Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan setakat manakah tindakan penguatkuasaan yang telah atau sedang diambil bagi penjualan telur dan beras palsu yang meluas di seluruh negara termasuk di pasar raya terkenal dan label terkenal.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tindakan yang telah diambil oleh kementerian bagi mengesan kewujudan telur dan beras palsu di pasaran adalah seperti berikut:

- (i) menjalankan penyiasatan ke atas aduan-aduan yang diterima dan juga isu-isu yang tular (*viral*) di media massa;
- (ii) menghantar sampel-sampel beras yang disyaki palsu ke Jabatan Kimia Malaysia bagi mendapatkan laporan pengesahan kimia;
- (iii) menjalankan operasi pemeriksaan di seluruh negara bagi mengesan penjualan beberapa jenama beras yang di dakwa dibuat daripada plastik; dan
- (iv) mengadakan perbincangan dengan Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) antaranya bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan penjualan beras palsu di Malaysia.

Melalui pelbagai pendekatan penguatkuasaan dan tindakan-tindakan yang telah diambil sekarang ini juga, tiada bukti yang menunjukkan terdapat telur dan beras palsu dijual di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, telah tular dalam media massa di Sarawak mengenai beras yang didapati palsu di Sibü kebelakangan ini tetapi tidak ada dinyatakan maklumat pengadu dan maklumat lain seperti jenama beras tersebut dan tempat beras itu dibeli. Oleh dengan itu, pihak KPDNHEP dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan mengalu-alukan mereka yang mempunyai bukti supaya tampil dan memberi maklumat bagi tujuan tindakan siasatan.

Namun begitu, Pejabat Kesihatan Sibü juga telah mengumpul beberapa sampel beras yang sedia ada di pasaran bagi tujuan cerakinan atau pengesahan sampel tersebut yang akan dihantar pada hari ini ke makmal di Johor Bahru. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi. Isu tentang barang palsu, makanan palsu dan alat-alat ganti palsu memang tidak berkesudahan daripada dahulu hingga sekarang. Kita lihat pemantauan yang telah dibuat oleh kementerian memang dilakukan. Akan tetapi saya hendak tahu sama ada kementerian sedar atau tidak mungkin berlaku penyelewengan, rasuah semasa berlaku pemantauan tersebut kerana kita lihat bahawa barang-barang palsu ini sentiasa terus kerana kita lihat pengeluar dan juga penjual mendapat keuntungan yang lumayan daripada aktiviti mereka.

Saya hendak tanya, soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menggubal Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985 serta Peraturan Kebersihan Makanan 2009 serta mempergiatkan penguatkuasaan akta dan peraturan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Untuk menjawab Yang Berhormat Sabak Bernam, berkenaan penguatkuasaan atas barangan palsu, saya ingin menuju menumpu jawapan saya kepada soalan asal ditanya iaitu beras dan telur. Kalau Yang Berhormat ada apa-apa maklumat atau apa-apa bukti yang dikatakan oleh Yang Berhormat yang berleluasa di negara kita, saya mengalu-alukan Yang Berhormat supaya berikan kita sampel-sampel yang disebutkan.

Mengenai Akta-akta Makanan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, kita akan mengambil perhatian atas cadangan oleh Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kemasukan barangan makanan palsu adalah satu perkara yang sangat membimbangkan dalam negara kita. Jadi, adakah setakat ini kerajaan menyediakan pasukan khas selain daripada pasukan pemantau yang sedia ada untuk memastikan semua jenis barangan sama ada beras, telur, sayur dan apa jua barangan yang membahayakan bukan sahaja palsu dari segi pembuatannya, malahan membahayakan kesihatan mungkin kandungan kimia yang sangat membahayakan yang dijual di pasar-pasar raya ataupun di dalam pasaran dalam negara kita. Jadi, adakah setakat ini tindakan drastik telah dibuat untuk menangani sebab isu ini adalah isu besar, isu keselamatan untuk makanan rakyat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Ini pun agak tersimpang daripada soalan asal.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat adalah lebih baik dituju kepada Kementerian Kesihatan kerana ia bukan di bawah bidang kuasa kita. Oleh itu saya harap Yang Berhormat boleh bangkitkan perkara ini di dalam perbahasan Yang Berhormat dalam Bajet 2019 supaya pegawai-pegawai berkenaan boleh memberi satu jawapan yang lebih menyeluruh. Terima kasih.

10. Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kaedah yang sesuai untuk mengekang pembelian hartanah oleh warganegara asing selain daripada penetapan nilai ambang yang pernah dikuatkuasakan sejak tahun 2009.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Zuraida binti Kamaruddin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah.* Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Kemaman. Yang Berhormat Kemaman bertanyakan tentang penetapan nilai ambang yang pernah dikuatkuasakan sejak tahun 2009. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kemaman, satu penetapan baru telah dilaksanakan pada Mac 2014 yang mana had nilai minimum harga-harga perolehan tanah untuk kepentingan warga asing adalah RM1 juta ke atas, garis panduan yang telah dilaksanakan pada 2014.

Dalam usaha juga untuk mengekang pemilikan hartanah oleh warga asing dalam pembentangan Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, kita juga telah membuat penetapan baru untuk pelupusan harta tanah, saham dan syarikat hartanah dalam tahun keenam ke atas *that means* selepas 5 tahun, bagi syarikat dan individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap, kadar cukai keuntungan hartanah dinaikkan daripada 5 peratus kepada 10 peratus dan kadar duti setem bagi pemindahan hartanah bernilai lebih RM1 juta dinaikkan sebanyak 1 mata peratusan daripada kadar cukai 3 peratus kepada 4 peratus.

■1120

KPKT juga mengambil inisiatif untuk menyelaraskan perbezaan harga rumah dan jenis rumah yang boleh dimiliki oleh warga asing kerana ketika ini walaupun garis panduan kasar yang

dikeluarkan oleh KPKT adalah RM1 juta ke atas. Akan tetapi, pihak berkuasa negeri berhak untuk membuat pindaan dan kita dapati dalam seluruh negara harga ini berbeza-beza, daripada Perlis ke Johor dan sebagainya. Jadi, mungkin satu mekanisme yang kita akan bincangkan agar ada satu garis panduan yang lebih terperinci yang boleh diguna pakai oleh pihak berkuasa negeri. *Insyallah*. Terima kasih.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan tadi. Dalam masa yang sama juga saya ingin tahu, apakah rasionalnya kerajaan memperkenalkan Program Malaysia My Second Home (MM2H) kepada warga asing sama ada untuk tempoh jangka panjang ataupun persaraan mereka ataupun melibatkan pelaburan? Yang mana program ini kita nampak memberikan kelebihan kepada mereka untuk membeli harta tanah dengan harga yang lebih rendah sedangkan kalau kita lihat berapa ramai rakyat kita, rakyat tempatan tidak mempunyai rumah dan harta tanah. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Program Malaysia My Second Home, dia terhad dan diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri dan *selection*-nya ataupun pemilihannya dalam satu proses yang sangat ketat. Akan tetapi, Malaysia My Second Home ini ditetapkan kepada mereka-mereka yang berumur 50 tahun ke atas dan mereka-mereka yang ada membuat perubatan di negara kita dan juga mereka-mereka yang anak mereka belajar di negara kita. Jadi ia sebagai Malaysia My Malaysia Second Home untuk mereka waktu datang ke Malaysia untuk perubatan atau melawat anak-anak mereka belajar di sini, mereka ada tempat tinggal. Jadi Malaysia My Second Home ini hanya 10 tahun sahaja dan mereka selepas 10 tahun akan disemak semula dan mereka ini ditetapkan meletakkan wang deposit sebanyak RM3 juta kepada negara kita. Terima kasih.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dapati ada sesetengah kawasan perumahan yang telah dibina, ditetapkan kuota tertentu untuk warga-warga asing. Kita dapati sebelum ini dilaporkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengkaji semula kuota hartanah warga-warga asing khususnya kita dapati di Forest City, di Johor. Saya ingin bertanya, berapakah jumlah hartanah yang dimiliki oleh warga asing di negara kita ini? Terima kasih.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Setakat ini jumlah hartanah yang dimiliki warga asing tidak melebihi daripada satu peratus dalam negara kita. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tampin dan juga Ahli Dewan yang mulia, *insyallah* KPKT akan menyemak semula kuota untuk pemilikan rumah ataupun hartanah warga asing agar ini ada satu garis panduan yang mana pemaju-pemaju dan pihak berkuasa negeri harus mengikutinya. Terima kasih.

11. **Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan status terkini Daftar Kanak-kanak dan apakah cabaran dalam pelaksanaan.

Timbalan Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Lanang dan Yang Berhormat Lembah Pantai pada hari ini serta Yang Berhormat Beruas pada hari esok bersekali kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait. Bagi menangani isu penganiayaan, penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang sebilangan besar dilakukan oleh ahli keluarga atau mereka yang mengendalikan kanak-kanak, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah meminda Akta Kanak-kanak tahun 2001 pada tahun 2016. Antara pindaannya ialah maklumat pelaku yang disabitkan kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak telah pun dimasukkan ke dalam peruntukan seksyen mengenai Daftar Kanak-kanak.

Sejak penguatkuasaan pindaan akta ini mulai tahun 2017, seramai 536 orang pesalah yang disabitkan dengan kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak telah didaftarkan secara manual ke dalam Daftar Kanak-kanak oleh pegawai kebajikan masyarakat di daerah. Antara cabaran dalam proses pengumpulan maklumat pelaku yang disabitkan kesalahan jenayah serta permohonan saringan rekod jenayah pekerja oleh majikan dalam industri perkhidmatan kanak-kanak bagi Daftar Kanak-kanak adalah seperti berikut:

- (i) kesukaran melengkapkan maklumat pelaku yang disabitkan kesalahan terhadap kanak-kanak yang terdapat di agensi seperti PDRM dan mahkamah kerana ketiadaan penyelarasan penyaluran maklumat yang diperlukan antara agensi-agensi berkaitan;
- (ii) maklumat pelaku yang disabitkan kesalahan jenayah terhadap kanak-kanak tidak komprehensif dan terhad kepada kes perlindungan kanak-kanak kendalian JKM sahaja manakala kes kanak-kanak yang tidak dirujuk kepada JKM tidak didaftarkan di dalam Daftar Kanak-kanak tersebut;
- (iii) maklumat sedia ada dalam Daftar Kanak-kanak terhad kepada jenis-jenis kesalahan terhadap kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan tidak meliputi jenis kesalahan jenayah daripada undang-undang lain seperti Kanun Keseksaan; dan
- (iv) keperluan semak silang atau *cross checking* dengan PDRM apabila suatu permohonan penyaringan rekod jenayah dibuat, maklumat sedia ada dalam Daftar Kanak-kanak sedia ada tidak menyeluruh.

Berdasarkan cabaran pengumpulan maklumat pelaku disabitkan kesalahan jenayah terhad, maka fungsi Daftar Kanak-kanak bagi penyaringan bagi mereka yang berurusan atau mengendalikan kanak-kanak tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut keperluan pewujudan daftar tersebut. Justeru itu, promosi bagi menggalakkan semakan ke atas daftar tidak

diperluaskan selama ini kerana dikhuatiri terdapat individu yang terlepas daripada sistem saringan disebabkan oleh maklumat yang tidak lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu kementerian ini melihat keperluan mempunyai satu sistem saringan yang lengkap mesti diadakan kerana kes-kes penderaan kanak-kanak semakin bertambah. Bagi perspektif penyaringan terhadap pelaku yang disabitkan kesalahan jenayah, kementerian sedang membangunkan satu sistem semakan terhadap penjenayah, *Working With Children Check*, dengan izin. Bagi tujuan ini, kementerian ini akan bekerjasama dengan MAMPU dan sedang berkolaborasi dengan pihak PDRM, mahkamah, pihak penjara dan lain-lain agensi berkaitan menggunakan kepakaran serta sumber sedia ada bagi membangunkan sistem tersebut.

Melalui sistem ini, pihak sekolah pada masa hadapan, ibu bapa, institusi kanak-kanak, taska, pusat jagaan atau pengusaha bas sekolah boleh melakukan semakan terhadap kakitangan ataupun pekerja bagi memastikan individu yang mempunyai rekod sabitan jenayah tidak diambil bekerja dalam industri yang berkaitan dengan kanak-kanak. Mesyuarat telah pun diadakan dan sekarang dalam proses pelaksanaan.

Sebagai rumusan daripada perspektif perlindungan kanak-kanak, pembangunan sistem Daftar Kanak-kanak akan memudahkan proses pendaftaran, penyeliaan, intervensi dan pemantauan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah secara atas talian. Bagi penyelidik, akses kepada sistem Daftar Kanak-kanak menyediakan maklumat yang diperlukan dalam kajian. Penemuan kajian dapat digunakan untuk merangka program-program pada masa hadapan.

Jadi, secara rumusan kita mempunyai Daftar Kanak-kanak sedia ada tetapi mempunyai banyak kelemahan dalam sistem ini. *Moving forward*, kementerian sedang dalam proses melaksanakan satu *Working With Children Check* yang membolehkan semua pihak yang mempunyai akses kepada kanak-kanak melakukan sistem saringan ini, *the screening to be done* dan kita jangka sistem saringan ini akan sedia untuk kita lancarkan pada tahun hadapan. Terima kasih.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ke atas jawapan yang diberi. Saya amat hargai dengan jawapan yang diberi iaitu pada masa hadapan kita boleh menyemak kakitangan atau sesebuah rumah pengasuh. Saya hendak tahu pada masa sekarang, bagaimanakah ibu bapa dapat menyemak sama ada sesebuah rumah pengasuh itu telah berdaftar dengan kementerian dan apakah langkah berjaga-jaga yang boleh diambil oleh ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke rumah pengasuh? Terima kasih.

■1130

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Buat masa ini, kementerian telah menyediakan satu senarai '*check-list*' yang kita akan lancarkan dalam masa terdekat untuk memberi kesedaran kepada pihak di luar terutamanya ibu bapa supaya apabila mereka melantik pengasuh ataupun '*informal care*' di rumah yang dijaga oleh pengasuh ataupun kawan-kawan

mereka, terdapat senarai *check-list* yang mereka boleh *check*, supaya mereka boleh memilih pengasuh yang betul-betul berkualiti dan tidak akan mendera kanak-kanak.

Saya berikan contoh, untuk pengasuh seperti kes bayi Zara, yang telah meninggal dunia. Sebenarnya, ibu bapa boleh apabila menghantar anak-anak ke rumah pengasuh, kita harus *check* sama ada isi rumah yang tinggal bersama pengasuh itu seramai berapa orang. Pengasuh tidak boleh membiarkan anak diasuh oleh orang lain. Dalam kes bayi Zara, suami kepada pengasuh telah menjaga Zara dan bukanlah pengasuh tersebut. Risiko kecederaan terhadap anak oleh orang lain dan juga bertanya berapakah orang pelawat yang datang melihat atau yang sering datang ke rumah pengasuh? Adakah saudara mara ataupun kawan-kawan yang kerap datang dan yang mempunyai akses ke dalam rumah pengasuh. Begitu juga mengenali ahli keluarga pengasuh seperti nama, umur, pekerjaan dan waktu berada di rumah.

Saya rasa '*informal care*' di rumah ini yang melibatkan pengasuh, ibu bapa haruslah lebih rajin untuk melakukan *spot-check*. Apabila kita menghantar anak ke rumah pengasuh, kita harus sentiasa *call* ataupun datang melawat tanpa memaklumkan kepada pihak pengasuh dahulu supaya kita boleh *check* siapa sebenarnya yang menjaga anak tersebut. Ada juga keperluan untuk kita melihat respons anak kita apabila kita menghantar anak kepada pengasuh sama ada anak kelihatan suka atau takut apabila pergi ke rumah pengasuh, bertanya kepada anak apakah aktiviti yang sering dilakukan oleh pengasuh pada setiap hari dan memerhatikan tingkah laku bayi, memerhatikan gerak geri dan respons bayi semasa menghantar dan mengambil bayi. Apa yang kita lihat dalam kes bayi Zara yang meninggal ibunya berkata, sudah terdapat tanda-tanda bayi Zara menangis dan tidak suka apabila melihat suami kepada pengasuh tersebut.

Jadi, ini adalah '*early symptoms*' ataupun '*signs*' yang ibu bapa boleh lihat dan '*pick-up*' semasa menghantar anak kepada pengasuh. Kami sarankan kepada semua ibu bapa, kalau terdapat keraguan mengenai pengasuh tersebut, tolong *call* talian kita iaitu 15999, 24 jam dan lebih selamat kalau kita membuat laporan dan aduan dahulu. Pihak JKM akan pergi *check* supaya kita mengutamakan keselamatan kanak-kanak kita dahulu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan terakhir...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik, bangun.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Soalan tambahan. Soalan tambahan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik, bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan terakhir saya berikan kepada Yang Berhormat Lembah Pantai oleh sebab soalan juga dikemukakan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Silakan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya dalam kes tragedi seperti bayi Zara, yang sedihnya adalah insiden itu telah berlaku. Akan tetapi, sekarang persoalan saya, adakah pihak kementerian ingin mewujudkan satu senarai hitam pengasuh-pengasuh ataupun mereka yang telah terlibat agar orang ramai tahu bahawa inilah individu-

individu yang tidak patut kita pergi ke rumah mereka. Ini kerana, saya melihat ada pelanggaran-pelanggaran dan mungkin boleh dipastikan ia bukan *reactionary* tetapi ia lebih *proactive*. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah sikit daripada Yang Berhormat Lembah Pantai tadi? Saya mahu tambah sikit mengenai bayi Zara tadi. Bagi pihak Parlimen, kita kutuk sekeras-kerasnya kepada pelaku ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab tadi, bahawa langkah yang harus diambil oleh penjaga tentang simptom awal penderaan kepada kanak-kanak. Saya mahu tanya kepada pihak kerajaan, kepada pihak Menteri, apakah tindakan kerajaan kepada ibu bapa ini? Ini kerana *part of* kecuaiannya kepada keselamatan anak-anak. Penderaan tidak akan berlaku dalam satu hari, mungkin ia berlaku dalam satu minggu dan mungkin berlaku dalam dua minggu. Kecuaian ibu bapa mengambil langkah awal untuk mencegah daripada penderaan sehingga mengakibatkan kematian. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih, Yang Berhormat Jelebu. Untuk soalan Yang Berhormat Lembah Pantai tadi, itu adalah sistem saringan yang kita sedang laksanakan. *We are implementing it*. Dalam jangka masa tahun depan, kita mahu laksanakan supaya setiap orang yang mahu *check* sama ada pengasuh, *transporter*, *security guard* di sekolah, mereka boleh *check* sistem saringan tersebut supaya kita dapat pastikan orang yang mahu bekerja dengan kanak-kanak itu tidak ada rekod sebelum ini, tidak mempunyai rekod jenayah. Jadi, kita sedang membangunkan satu sistem *in-house* dan kita telah pun bermesyuarat dengan pihak mahkamah, polis dan pihak penjara juga supaya *tight screening* kita.

Untuk soalan Yang Berhormat Jelebu mengenai bayi Zara, dalam kes spesifik bayi Zara siasatan polis masih berjalan. Jadi, saya tidak boleh komen sama ada ibu bapa itu cuai atau tidak. Akan tetapi, memang kita lihat dalam Akta Kanak-kanak, *standard of care* terhadap penjaga sangat tinggi. Saya berharap, ini adalah satu isu kesedaran. Ramai ibu bapa tidak sedar bagaimana atau petanda-petanda yang mereka perlu *look-out*. Jadi, kita sedang bekerjasama dengan NGO dan pihak doktor untuk mewujudkan infografik dan program kesedaran akan kita lancarkan dalam jangka masa terdekat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Dengan itu tamatlah sesi soal jawab lisan hari ini.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.36 pg.****Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 13 November 2018.”

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]***RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019****Bacaan Kali Yang Kedua
DAN****USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2019**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2019 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh enam bilion tujuh ratus juta ringgit (RM56,700,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2019, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2018, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[2 November, 2018]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan

Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bermula perbahasan peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2019, sebelum saya memanggil Yang Berhormat untuk berucap, saya telah menerima permohonan daripada Yang Berhormat Bagan Datuk selaku Ketua Pembangkang yang telah mewakili dan saya membenarkan Yang Berhormat Rembau selaku pembahas pertama daripada pihak pembangkang.

Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan juga bahawa Yang Berhormat Rembau mewakili Ketua Pembangkang seperti yang disebutkan tadi, diperuntukkan selama 60 minit untuk perbahasan, diikuti oleh Yang Berhormat Sungai Petani daripada Pakatan Harapan juga diperuntukkan selama 60 minit dan seterusnya 20 minit bagi pembahas-pembahas yang lain. Oleh sebab senarainya agak panjang, jadi kita peruntukkan 20 minit.

Silakan, Yang Berhormat Rembau. Satu jam.

11.39 pagi.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*“Ranggup manis si buah bidara,
Segak terletak di atas dahan,
Salam sejahtera pembuka bicara,
Belanjawan 2019 kita bahaskan”.*

Terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 2 November yang lepas. Sebagai wakil pertama daripada pembangkang, saya akan berusaha untuk memberikan kupasan secara menyeluruh terhadap belanjawan ini dalam masa yang diberikan sebelum kupasan yang lebih mendalam dalam topik-topik tertentu oleh rakan-rakan saya dari pihak pembangkang.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menyeru semua Ahli Yang Berhormat baik rakan-rakan saya daripada pembangkang mahupun daripada pihak kerajaan agar perbahasan belanjawan pertama dalam Malaysia baharu ini bersemangat positif, berintikan idea, bukan didorong semangat balas dendam dan berintikan serangan kerana akhirnya perbahasan ini adalah untuk kebaikan semata-mata.

■1140

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2019 ini amat penting bukan hanya kerana ia adalah pembentangan sulung Kerajaan Baharu Pakatan Harapan tetapi juga kerana ramalan ekonomi untuk tahun depan yang agak malap. Kegusaran ini bukan hanya dirasakan oleh rakyat biasa dan syarikat-syarikat swasta di luar sana, tetapi juga dikongsi oleh badan-badan ekonomi

antarabangsa. Sebagai rekod, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka berkembang 3.7 peratus pada tahun 2018 dan 2019, lebih rendah daripada unjuran awal Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) iaitu 3.9 peratus.

Prospek pertumbuhan global dijangka lebih rendah berikutan keadaan kewangan yang ketat, ancaman perdagangan yang semakin meningkat, risiko peralihan ke arah amalan dasar perlindungan dan ketegangan geopolitik. Aktiviti pelaburan dan industri pula dijangka perlahan berikutan ketegangan perdagangan yang semakin memuncak yang akan mengurangkan permintaan bagi barangan modal dan pengantara yang menyumbang secara signifikan kepada perdagangan global. Perdagangan global dijangka berkembang hanya 4.2 peratus pada tahun 2018 dan empat peratus pada tahun depan berbanding 5.2 peratus pada tahun yang lepas.

Tidak cukup dengan kebimbangan pertumbuhan ekonomi oleh faktor luaran, faktor dalaman di Malaysia disebabkan oleh ketidaktentuan domestik turut memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sebagai bukti, pertumbuhan ekonomi bagi suku kedua tahun 2018 perlahan kepada 4.5 peratus berbanding 5.4 peratus pada suku pertama tahun 2018 dan 5.8 peratus pada suku kedua tahun lepas. Pertumbuhan sektor pertanian dan perlombongan mencatatkan pertumbuhan negatif pada suku kedua tahun 2018. Manakala sektor pembuatan dan pembinaan mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan dan sektor perkhidmatan kekal tidak berubah berbanding suku pertama pada tahun ini.

Lebih membimbangkan, ekonomi Malaysia dijangka akan terus bertumbuh pada kadar perlahan antara November 2018 hingga Januari 2019 berdasarkan prestasi Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak dan Susulan bagi Julai 2018, *Leading Indicators*, dengan izin. Pelaburan langsung asing (FDI) pula menjunam pada suku kedua tahun 2018 dengan jumlah aliran masuk bersih RM2.8 bilion berbanding RM12 bilion pada suku pertama tahun 2018. Pegangan pelabur asing di dalam sekuriti kerajaan, bon, menurun daripada RM211 bilion kepada RM184 bilion pada September 2018. Penurunan empat bulan berturut-turut sejak tahun 2018. Agaknya keyakinan terhadap ekonomi kita merudum di kalangan pelabur-pelabur asing.

Pendek kata, tahun 2019 bakal menjadi tahun yang mencabar. Rakyat dan syarikat-syarikat kecil perlu dibantu kerajaan untuk mengharungi angin kencang ini. Pasaran bebas sahaja tidak cukup, terus menyalahkan orang lain sahaja tidak cukup, pembatalan projek dan penjimatan sahaja tidak cukup. Apa yang rakyat perlukan untuk mengharungi ekonomi tahun depan adalah harapan. Harapan di mana kerajaan akan mula menguruskan negara, bukan hanya menyalahkan kerajaan terdahulu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Harapan di mana kerajaan akan merangsang ekonomi dengan idea, bukan membantutkan ekonomi dengan pembatalan demi pembatalan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Harapan di mana kerajaan melihat ke hari esok dan menyediakan Malaysia untuk masa depan yang masih kabur, bukan hanya melihat ke hari semalam disulami serangan dan dendam.

Maka itulah sebab kenapa saya menyatakan bahawa Belanjawan 2019 ini adalah belanjawan yang penting. Ia merupakan peluang bagi kerajaan untuk membuktikan bahawa harapan itu bukan hanya atas nama sahaja tetapi dizahirkan melalui strategi dan idea.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2019 yang diumumkan kerajaan pada 2 November 2018 memperuntukkan sejumlah RM316.55 bilion bagi perbelanjaan kerajaan, baik daripada segi mengurus mahupun pembangunan. Kita akui Belanjawan 2019 adalah belanjawan terbesar yang pernah diumumkan oleh kerajaan sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Saya juga akui terdapat beberapa perkara yang saya lihat boleh disokong oleh kedua-dua blok kerajaan dan pembangkang. Saya ingin nyatakan di sini bahawa sebagai pembangkang yang berwibawa, kami akan menyokong kebaikan yang dicadangkan dan membangkang perkara yang tidak wajar dengan alternatif yang lebih baik bagi pertimbangan kerajaan.

Terdapat dua perkara yang saya lihat antara inisiatif yang boleh disokong iaitu pertama, pendekatan belanjawan baharu iaitu melalui *zero based budgeting system* yang diyakini akan meningkatkan kecekapan dan penjimatan dalam pengagihan bajet kepada kementerian-kementerian. Kedua, hasrat kerajaan untuk membentangkan Akta Kebertanggungjawaban Fiskal bagi menjamin kedudukan kewangan kerajaan yang lebih stabil. Ini perkara yang boleh kita sokong.

Namun begitu, manis di bibir, cantik di atas kertas, indah di permukaan, namun pahit dan sakit pada realiti. Jika dikupas dengan lebih mendalam, ternyata harapan masih hanya kekal pada nama sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Rembau, belakang. Pontian.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Sebagaimana yang kita dimaklumkan tadi bahawa bajet RM314.55 bilion. Akan tetapi, apabila kita menyemak dalam Buku Laporan Ekonomi, pendapatan kerajaan hanyalah RM261.82 bilion pada tahun hadapan. Ini bermakna ada lebih RM52.73 bilion. Apakah maksud RM52.73 bilion itu hutang yang akan dibuat oleh kerajaan? Sedangkan, kerajaan selama ini menyatakan mereka ingin mengurangkan hutang.

Perkara yang kedua, pada 8 November, Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Langkawi di Putrajaya menyebut akan ada belanjawan tambahan. Belanjawan tambahan akan dibuat. Adakah ini bermaksud Yang Amat Berhormat Langkawi tidak berapa bersetuju dengan Belanjawan 2019 yang dibentangkan? Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya akan kupas kemudian nanti tetapi saya masukkan dalam ucapan saya juga.

Saya hendak tarik perhatian Dewan bahawa pertamanya, belanjawan paling besar ini juga merekodkan defisit fiskal yang paling besar dalam sejarah Malaysia iaitu sebanyak RM54.7 bilion. Bukan itu sahaja, Belanjawan 2019 yang besar ini juga menyaksikan sumbangan dividen Petronas yang paling tinggi dalam sejarah penubuhan Petronas, baik daripada segi jumlah mahupun peratusan daripada keseluruhan hasil yang dipungut kerajaan pada tahun 2019 iaitu RM54 bilion atau bersamaan 20.6 peratus daripada keseluruhan unjuran hasil kerajaan yang mana RM30 bilion daripada jumlah ini adalah disebut sebagai dividen khas. Tanpa dividen khas RM30 bilion ini, kutipan hasil kerajaan hanyalah RM231.8 bilion, kurang sebanyak hampir RM5 bilion berbanding dengan anggaran kutipan tahun 2018 iaitu RM236.4 bilion. Itulah harga yang perlu dibayar oleh negara kerana perangkaan dasar dibuat atas pendekatan politik, bukan kesejahteraan rakyat.

GST dihapuskan dan kita kembali kepada sistem lapuk yang tidak telus, yang tidak cekap SST yang mula dikritik dan ditentang hebat oleh syarikat-syarikat yang merasai kesan *cascading* dan juga *compounding effect*. Di mata rakyat, ia dibuat bagi mengurangkan harga barang. Persoalannya, adakah aduan demi aduan daripada rakyat bahawa harga barang tidak turun selepas SST itu hanya fantasi semata-mata sahaja? Ia memang realiti. Harga barang tidak turun selepas SST dikembalikan. Disebabkan pemansuhan GST ini juga, Belanjawan 2019 menyaksikan berlakunya pengurangan peruntukan kepada 22 daripada 25 kementerian yang wujud ketika ini daripada segi peratusan berbanding peruntukan untuk tahun ini. Sebanyak 22 kementerian daripada 25 kementerian yang ada menyaksikan peruntukan-peruntukan.

Sebagai contoh, walaupun bangga disebut bahawa Kementerian Pendidikan dapat peruntukan yang paling besar tetapi peruntukan bagi Kementerian Pendidikan menurun daripada 21 peratus tahun lepas kepada 19 peratus daripada keseluruhan belanjawan tahun ini.

■1150

Kementerian Kesihatan daripada 9.4 peratus kepada 9.1 peratus.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Rembau sedikit.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kementerian Pertahanan, daripada 5.5 peratus kepada 4.4 peratus. Kebajikan anggota...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...Tentera...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...Menjadi pertikaian...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sekejap, sekejap, sekejap. Kementerian Dalam Negeri daripada 5.2 peratus susut kepada 4.9 peratus. Kementerian Pembangunan Luar Bandar susut kepada 2.7 peratus berbanding tiga peratus. Yang Berhormat Menteri Kewangan sekali lagi menyebut tentang hutang RM1 trilion tetapi realitinya apa Yang Berhormat Pontian? Hutang kerajaan pada suku kedua tahun ini meningkat kepada RM725.2

bilion berbanding RM705 bilion pada suku pertama, mencatatkan peningkatan sejumlah RM20 bilion.

Baki akaun semasa dalam akaun negara pula menguncup pada suku kedua 2018 kepada hanya RM3.9 bilion atau 1.2 peratus daripada pendapatan negara kasar berbanding RM15 bilion pada suku pertama 2018. Nilai Ringgit pula masih belum menunjukkan apa-apa petanda peningkatan malah semakin susut sehari demi sehari dan kini mencecah RM4.17 berbanding *Dollar* Amerika Syarikat.

Disebabkan nilai Ringgit yang terus merosot ini, ia telah memberi kesan besar kepada rizab antarabangsa Bank Negara. Rizab negara terus menurun daripada USD109.5 bilion pada Mei 2018 kepada USD102.8 bilion pada Oktober 2018, penurunan lima bulan berturut-turut. Lebih membimbangkan jumlah terkini hanya mampu menampung 0.9 kali hutang luar negeri jangka pendek. Dengan kesemua indikator dan unjuran ekonomi yang saya nyatakan ini Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir pada akhirnya Pakatan Harapan sendiri yang menjadikan hutang negara RM1 trilion nanti.

Tuan Yang di-Pertua, itu hanyalah pengharapan yang tidak muncul untuk angka-angka besar belanjawan sahaja. Mungkin inti pati perbelanjaannya lebih baik, mungkin kita ada harapan bahawa walaupun *micro figures* nya tidak berapa bagus tetapi perancangan perbelanjaan, peruntukan dan sebagainya lebih baik. Mungkin perbelanjaannya memberi harapan dengan fokus kepada merencanakan pembangunan tatkala ekonomi global yang merudum. Mungkin perbelanjaan kerajaan memberi harapan dengan fokus kepada pengagihan kekayaan agar pembangunan ini dapat dirasai oleh penduduk daripada segenap segmen. Mungkin perbelanjaan kerajaan memberi harapan dengan memastikan Malaysia kalis masa depan menghadapi segala cabaran yang akan datang.

Namun yang saya lihat Tuan Yang di-Pertua tidak seperti itu. Dari segi pembangunan bukan hanya projek-projek rangsangan ekonomi telah dibatalkan malahan tidak ada pengumuman dan strategi besar oleh kerajaan untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi. Balik-balik yang kita dengar hanyalah untuk kembalikan semula projek kurun ke-20 yang lepas iaitu projek kereta nasional dan jambatan bengkok. Ini pun tidak diterangkan dengan jelas. Apabila disebut kereta nasional, ia membawa bersamanya implikasi besar. Apabila diberikan nama nasional mestilah ada segala insentif percukaian, ada segala insentif geran yang tidak diceritakan. *It cannot be a private initiative* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kalau disebut bahawa ini kereta nasional, kalau tidak, sebut kereta sahaja.

Tatkala ECRL dibatalkan tiada projek rangsangan ekonomi gantian jangka panjang untuk kawasan-kawasan Pantai Timur agar mereka dapat merasai apa yang dirasai penduduk-penduduk bandar.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Betul.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tatkala HSR dibatalkan, tiada projek rangsangan ekonomi gantian jangka panjang untuk mereka yang menetap di selatan Semenanjung agar lebih banyak peluang ekonomi dan kekayaan untuk mereka yang tidak

menetap di Kuala Lumpur sahaja. Yang tiris itu betulkanlah, yang boleh jimat, jimat tetapi jangan dihukum pengundi di luar bandar dan pengundi di luar Kuala Lumpur.

Saya faham kebanyakan pengundi Pakatan Harapan, parti Yang Berhormat Menteri Kewangan tinggal di Kuala Lumpur tetapi ini Belanjawan 2019 untuk Malaysia bukan Belanjawan 2019 untuk Kuala Lumpur dan penyokong Pakatan Harapan sahaja.

Dari segi pengagihan kekayaan pula, belanjawan ini dilihat kembali kepada pasaran bebas seperti ia adalah penyelesaian untuk segala-galanya. Penswastaan, penswastaan, penswastaan. Kita kembali kepada dogma yang lama. Kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa kerajaan tidak harus menceburi di dalam perniagaan dan berpegang kepada pasaran bebas secara menyeluruh adalah dilihat tidak begitu tepat pada masa ini dan menimbulkan kegusaran beberapa pihak.

Saya puji pelaksanaan peraturan baharu agar syarikat tersenarai memaparkan maklumat di dalam laporan tahunan mengenai nisbah gaji tertinggi dan gaji median serta nisbah bayaran gaji tertinggi dan gaji terendah sebagai langkah mengurangkan jurang pendapatan. Akan tetapi adakah itu sahaja mencukupi terutamanya untuk kumpulan M40? Bagaimana pula dengan syarikat-syarikat yang tidak tersenarai dalam pasaran saham?

Barisan Nasional telah membentangkan Inisiatif ekonomi Rakyat satu hari sebelum pembentangan belanjawan oleh kerajaan. Dalam inisiatif ini, kami mengambil semangat Pakatan Harapan dahulu semasa mereka masih pembangkang untuk membantu rakyat kelas pertengahan. Kami cadangkan *earn income tax credit* agar ibu bapa yang bekerja dengan pendapatan yang rendah mendapat kredit cukai bagi setiap anak di dalam tanggungan. Kami cadangkan *fare work commission* agar syarikat bukan hanya yang tersenarai dapat memastikan gaji yang berpatutan untuk pekerja, kami cadangkan agar gaji minimum bukan hanya pukul rata dengan penyeragaman kebangsaan tetapi diselaras mengikut lokasi dan industri.

Bukan itu sahaja, kami juga mencadangkan saluran hasil cukai yang lebih progresif sebagai sebahagian komitmen kami untuk membuat perubahan kepada sistem percukaian di negara ini. Sebagai contoh, kami komited untuk memperkenalkan cukai kekayaan serta menstrukturkan semula cukai pendapatan dengan memperkenalkan banjaran baharu bagi individu berpendapatan RM350,000 ke atas.

Pakatan Harapan sebelum memenangi pilihan raya lepas sering melaung-laungkan tentang *tax reform*, kononnya mereka akan memperkenalkan sistem cukai progresif bagi mewujudkan kesinambungan dan pada masa yang sama mengagihkan kutipan tersebut kepada kumpulan rakyat yang memerlukan. Untuk menangani masalah jurang kekayaan yang masih lagi wujud di negara kita, tidak ada sebarang usaha daripada belanjawan kali ini untuk melihat kepada satu sistem percukaian yang lebih progresif. Untuk memastikan bahawa kekayaan yang kekal di kalangan mereka yang kaya dapat diagihkan kepada yang miskin, ini yang dicadangkan oleh Barisan Nasional.

Namun selepas Pakatan Harapan menang dan menjadi kerajaan, mereka tidak menggunakan peluang ketika pembentangan belanjawan tempoh hari untuk melaksanakan *tax*

reform seperti yang dilaungkan sebelum ini. Dahulu kerajaan kritik kami. Dahulu waktu Kerajaan Barisan Nasional tidak buat, sekarang saya bertanya kembali, sekarang sudah jadi kerajaan kenapa tidak buat? Di mana realiti dan solusi untuk golongan M40 dalam Belanjawan 2019? Ternyata Kerajaan Pakatan Harapan hanya manis di bibir, pandai bermain lidah sahaja.

Saya juga ingin menyatakan dahulu apabila Kerajaan Barisan Nasional memperkenalkan Transformasi Nasional 2050 (TN50), pembangkang pada waktu itu menuduh kononnya kami cuba memadamkan legasi dan menggantikan Wawasan 2020. Saya sentiasa konsisten menyatakan bahawa kami menyokong Wawasan 2020 dan TN50 adalah kesinambungan kepadanya. Akan tetapi sekarang ini kita kena tanya soalan. *After 2020 what next?* Sekarang dengan kurang lagi dua tahun untuk tiba ke tahun 2020, apakah rancangan kerajaan untuk jangka panjang selepasnya selain daripada cadangan untuk lonjakan Industri 4.0 dan inisiatif untuk tenaga masa depan. Ini kerajaan pun dibesar-besarkan *blueprint Industry 4.0*.

Saya hendak ingatkan kepada kerajaan bahawa *blueprint* ini dimulakan sewaktu Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Sebenarnya dimulakan oleh Yang Berhormat Jeli yang sudah menyeberang ke sana tetapi beliaulah yang telah memastikan bahawa kita pastikan kerajaan dan juga negara kalis masa depan. Barisan Nasional sentiasa melihat jauh ke hadapan bukan hanya memikirkan keadaan semasa bahkan keperluan untuk meletakkan teras-teras untuk kejayaan bagi lima atau 10 tahun akan datang.

Dalam inisiatif ekonomi kami di bawah falsafah kalis masa depan, kami menggariskan tiga teras utama. Kerajaan masa hadapan bagaimana kita dapat memperkenalkan *artificial intelligence*, *automation* kepada sistem pentadbiran kerajaan yang sedia ada supaya satu hari nanti kita dapat *redeploy* penjawat awam daripada tugas-tugas yang dibuat hari ini kepada tugas-tugas yang dapat dibuat untuk masa depan.

■1200

Mendepani populasi menua dan pendidikan berteraskan kepada *Industry 4.0*, kita juga memperkenalkan cukai baharu sebagai hasil yang dikhususkan untuk masa depan atau *ring fences for the future*. Misalnya kita cadangkan Cukai Karbon khusus untuk dana persekitaran dan juga alam sekitar, dan Cukai Soda pula untuk dana kesihatan. Ya, saya iktiraf bahawa kerajaan pun memperkenalkan cukai untuk minuman bergula ataupun minuman gula dan saya minta supaya kita *ring fences* hasil kutipan itu untuk dana kesihatan yang boleh diguna untuk sama-sama kita membanteras NCD (*non-communicable disease*) dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, maka bukan hanya angka-angka besar Belanjawan 2019 tidak memberi harapan, prinsipnya juga tidak memberi harapan. Tiada harapan untuk merencanakan pembangunan, tiada harapan untuk meningkatkan pengagihan kekayaan, tiada juga harapan untuk menyediakan Malaysia yang kalis masa depan. Sebaliknya, saya melihat Belanjawan 2019 yang dibentangkan Kerajaan Pakatan Harapan ini mempunyai empat ciri-ciri utama. Ciri-ciri tersebut adalah yang pertama, *copy paste*. Kedua, *rebranding*. Ketiga, banyak benda yang disambung. Keempat, benda-benda yang terlupa.

Jika diteliti pembentangan Belanjawan 2019 tempoh hari, adalah disimpulkan bahawa kebanyakan program dan inisiatif yang mereka ingat, yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan merupakan kesinambungan daripada pentadbiran Barisan Nasional sebelum ini. Bahkan, sebahagiannya hanya dijenamakan semula untuk memadamkan legasi Barisan Nasional yang terbukti cemerlang. Terlalu banyak untuk disebut, *it's going to be a long list* dengan izin, namun saya akan menyebut beberapa perkara.

Pertama, sehari ataupun sebelum ataupun selepas pembentangan belanjawan, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengumumkan dengan bangganya pencapaian Malaysia dalam Laporan *Ease of Doing Business* yang dikeluarkan oleh Bank Dunia bagi tahun 2019 yang telah menyaksikan kedudukan Malaysia melonjak dari tempat ke-24 kepada ke-15 merupakan satu lonjakan yang besar dan menyatakan bahawa ini adalah bukti Kerajaan Pakatan Harapan cekap dan dapat bawa reformasi yang ketara kepada pelabur-pelabur asing. Apa yang tidak disebut adalah penilaian itu dibuat di antara 2 Jun 2017 hingga 1 Mei 2018. Ini menzahirkan bukti bahawa dasar Barisan Nasional-lah yang dapat menjayakan kenaikan ini.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tipu lagi! [*Dewan tepuk*]

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Jangan sampai lembu punya susu, sapi dapat nama. Kita rasa bahawa penjenamaan semula ini hanya terhad kepada benda-benda macam UTC, Klinik 1Malaysia dan sebagainya. Akan tetapi sekarang ini, Bantuan Sara Hidup yang diumumkan. Ini akronim dia apa? Bantuan Sara Hidup, BASAH, BASAH. BASAH ini kita sedia maklum adalah penjenamaan semula Bantuan Rakyat 1Malaysia yang dimulakan oleh Barisan Nasional.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Malangnya, BASAH ini kurang *quantum*-nya. Dia telah berkurang di antara RM500 hingga RM1,000 sahaja.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Seandainya Barisan Nasional masih memerintah, BR1M sudah pasti akan dinaikkan sehingga RM2,000. Golongan B40 akan terus dibela.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan sedikit?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Rembau mohon mencelah.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: *Penang* warga emas buat dahululah, *copy paste*.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Rembau ingat tidak dahulu waktu kita, Kerajaan BN laksanakan bantuan ini, mereka kata makan dedak. Hendak bagi rakyat dedak. Sekarang mereka hendak bagi rakyat di bawah makan dedak atau tidak? Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Rembau sedikit.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sekarang ini makan dedak BASAH.
[Dewan ketawa]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Pendang minta laluan, sedikit sahaja.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar minta laluan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dahulu dedak kering, sekarang ini dedak basah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Rembau, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan penjelasan Yang Berhormat Rembau tadi berkenan dengan persediaan bajet *copy paste* ini. Setujulah sebab dalam masa lima bulan, kalau betul boleh buat— dahulukan memang hebatlah pegawai Kerajaan Pakatan Harapan ini, cuma tukar angka dan fakta. Dulu masa Kerajaan Barisan Nasional membentangkan bajet setiap tahun, saya rasa setiap tahun juga pihak yang menjadi kerajaan hari ini juga membentangkan bajet. Jadi, apakah tidak ambil bajet masa mereka buat dahulu untuk dimasukkan dalam bajet 2019? Kenapa *copy paste*? Kenapa *copy paste*? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Rembau. *[Dewan ketawa]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar minta laluan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya tidak boleh jawablah, saya tidak payah jawab, saya masukan sebagai sebahagian ucapan saya ya. *[Dewan riuh]*. Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Kangar dahulu minta saya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Rembau. Tadi Yang Berhormat Rembau sebut tentang kalau Barisan Nasional masih kekal sebagai pemerintah, Barisan Nasional akan tingkatkan lagi pemberian BR1M. Bukankah dengan peningkatan ini menunjukkan bahawa rakyat semakin tidak mampu, jadi dia bergantung pada bantuan? *[Dewan riuh]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak mengapalah Yang Berhormat Kangar ya. Saya tidak ragu bahawa ini adalah usaha yang ikhlas untuk membantu orang miskin, ya. Kenapa perlu dibangkitkan pula kerana kita pertikai dan sebagainya. Ini adalah usaha kita untuk memastikan bahawa ada *cash transfer*. Ini adalah dasar Barisan Nasional untuk memastikan bahawa golongan B40 terus dibela, bantuan yang bersasar. Saya teruskan Yang Berhormat Lembah Pantai nanti ya. Saya teruskan. Itu bantuan sara hidup.

Subsidi untuk menstabilkan harga barang keperluan asas. Sejumlah RM150 juta adalah program Kerajaan Barisan Nasional yang diteruskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan bukannya sebuah dasar baharu. Demi kemaslahatan rakyat, Barisan Nasional sentiasa memperuntukkan sejumlah peruntukan besar, misalnya RM3.9 bilion pada Bajet 2018 untuk subsidi barangan dan pengangkutan termasuk gas masak, tepung, minyak masak, subsidi elektrik, tol. Bantuan ini pula disokong oleh Program Subsidi Bersasar untuk membantu golongan B40.

Selain itu, *Program Apprenticeship dan Graduates Enhancement Programme for Employability*, nampak gah. Bantu graduan dan sebagainya oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Akan tetapi saya tengok betul-betul, rupa-rupanya adalah *copy paste* terhadap program yang telah dilaksanakan dan dirancang oleh kerajaan terdahulu selain daripada Skim Latihan 1Malaysia, *MyApprenticeship* dan *MyInternship* dijenamakan semula. Ini semua *rebranding* ya.

Dana Wibawa Pendidikan TVET RM30 juta yang diumumkan juga bukan sesuatu yang baharu. Bahkan BN lebih mengutamakan TVET ini dengan memperuntukkan satu jumlah yang lebih besar, RM4.9 bilion dalam bajet pada tahun lepas. Cadangan Boot Camp TVET Kebangsaan bagi melahirkan lepasan berkemahiran yang memenuhi kehendak pasaran kerja dalam tempoh yang cepat juga tersisir rapi dalam manifesto Barisan Nasional. Manakala Skim Insurans Pekerjaan, kononnya kerajaan bagi perlindungan kepada pekerja adalah kesinambungan selepas BN menggubal Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan pada tahun 2017.

Pendek kata, banyak pengumuman Belanjawan 2019 merupakan kesinambungan daripada Kerajaan Barisan Nasional. Tidak banyak idea segar yang diberikan. Itu pun banyak yang dijenamakan semula kononnya program Kerajaan Pakatan Harapan. Selesai kita capak soal *copy paste*, *rebranding* dan sebagainya. Akan tetapi dalam pada itu, banyak juga program dan inisiatif rakyat sama ada dibatalkan ataupun diberikan kurang tumpuan dan peruntukan. Saya ingat kalau kerajaan hendak *copy paste*, ambilah semua. Akan tetapi, ada pula yang lompong. *Copy paste* sudah, *rebranding* sudah, *continuation* pun sudah, namun masih pula ada banyak lompong ada *defect* atau tidak lengkap.

Apabila Barisan Nasional menyediakan belanjawan, mahupun waktu belanjawan waktu kita di pihak kerajaan ataupun inisiatif ekonomi rakyat, kita pastikan bahawa satu prinsip yang dipegang oleh Barisan Nasional adalah bahawa setiap golongan, setiap lapisan masyarakat mesti ada titik sentuhannya. *No one left behind*. Bagaimana pula dengan Kerajaan Pakatan Harapan? *It's going to be a long list*.

■ 1210

Akan tetapi saya akan ketengahkan juga beberapa juga isu penting mengikut segmen atau kategori. Pertama, golongan pelajar. Daripada sekolah sehingga bergraduan banyak yang telah pun dipotong oleh Belanjawan 2019. Bantuan pelajar sekolah dikurangkan. Misalnya Bantuan Makanan Prasekolah dan Bantuan Makanan Asrama masing-masing di potong sebanyak RM10 juta dan juga RM100 juta. Pemberian biasiswa turut terkesan antaranya Biasiswa Kecil Persekutuan berkurang RM28 juta dan pemotongan sebanyak 20 peratus biasiswa dan pinjaman MARA, 33 peratus untuk JPA dan 26 peratus untuk Kementerian Pendidikan Malaysia. Pemotongan yang besar untuk biasiswa.

Saya juga ingin menyentuh mengenai kenyataan Menteri Pendidikan untuk mencontohi Jepun dengan mengkaji Skim Sarapan Percuma kepada pelajar B40. Inilah natijahnya apabila terlalu sibuk dengan perkara-perkara yang tidak penting, masih hendak jadi Presiden Universiti walaupun sudah menjadi menteri sehingga tidak sedar mengenai program kementerian sendiri

iaitu Rancangan Makanan Tambahan yang telah bermula di bawah Barisan Nasional pada tahun 1979. Daripada mengkaji perkara yang tidak perlu, elok lah beliau membuat syor kepada Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk menyambung semula Program RMT ini. Kurangkan kajian yang tidak penting. Kasut, stoking dan sebagainya. Lebihkan tindakan untuk bantu rakyat yang miskin.

Benarlah dikata, begitu mudah berjanji bagai bulan dan bintang namun alah mahu bertimbang enggan, cungkil merah akan pembayar. Janji PTPTN untuk bayaran balik sehingga gaji graduan mencapai RM4,000 tiada lagi kedengaran manifesto itu pun sudah masuk dalam tong sampah. Bahkan sekarang gaji melebihi RM1,000 pun sudah wajib dibayar dengan potongan gaji ini pengumuman yang dibuat, sekarang ini PTPTN kalau gaji melebihi RM1,000 wajib dipotong daripada gaji. Beberapa bulan yang lepas, di janji bahawa mencecah RM4,000 barulah hendak bayar. Sekarang ini tidak sampai beberapa bulan RM1,000 kadar yang lebih rendah daripada gaji minimum *less then the* gaji minimum sudah kena potong untuk PTPTN. Ya, Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Rembau tadi tentang PTPTN. Kalau kita mengimbas kembali pada tahun 2013. Mereka menjanjikan pendidikan percuma, PTPTN tidak perlu bayar balik itu tahun 2013. Kemudian untuk PRU14 mereka kata mereka yang berpendapatan kurang daripada RM4,000 tidak perlu bayar dahulu. Ini perbezaan yang pertama. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apa yang kita lakukan selama ini sudah hampir RM40 bilion yang tidak dapat dikutip kata mereka lah. Jadi saya hendak bertanya pengecualian yang telah diberikan kepada mereka yang memiliki Ijazah Kelas pertama 50,000 orang sudah dapat selama ini dan ini dasar baharu mereka terus tidak bagi lagi pengiktirafan kepada mereka yang dapat Ijazah Kelas Pertama.

Apa pandangan Yang Berhormat bukan kah ini satu dasar yang baik dan yang kedua kenapa terjadinya pada tahun 2013 janjinya lain dijanjikan bintang dan langit, 2018 dijanjikan cuma tidak sampai langitlah mungkin sampai 20,000 kaki di atas awan sahaja dan kali ini jauh beza. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Rembau boleh sambung sedikit?

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya tertarik isu PTPTN ini saya ingin secara logiknya menyambung apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kangar tadi. Di mana kalau kita lihat dari jumlah hutang dalam PTPTN ini seperti Yang Berhormat Ayer Hitam bangkitkan tadi RM40 bilion lebih jumlahnya.

Bukankah ini sebenarnya bermaksud bahawa pentadbiran sebelum ini telah gagal bukan sahaja untuk mengutip balik hutang PTPTN ini dan kedua, gagal untuk memastikan bahawa anak-anak yang keluar daripada yang menjadi graduan mendapat pekerjaan yang baik agar mereka dapat membayar balik hutang-hutang ini. Bukankah ini menjadi bukti yang paling jelas UMNO Barisan Nasional. Terima kasih.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Rembau, pertama saya hendak ucap tahniah juga bajet ini. Sebab saya rasa bajet ini menggunakan akal fikiran Yang Berhormat Damansara. Yang Berhormat Bagan dia tidak tahu apa, Yang Berhormat Damansara sahaja yang menentukanlah. Sebab apa kalau kita lihat pelbagai penarafan antarabangsa daripada Moody's, Fitch Ratings, World Bank telah menunjukkan angka yang tepat. Akan tetapi tidak diguna pakai hanya diguna pakai ialah akal Yang Berhormat Damansara.

Yang Berhormat Rembau, sebenarnya kalau kita lihat saya boleh sebut pada tahun 2013-2014 apabila dahulu Yang Berhormat Pandan Mohd Rafizi dan juga Yang Berhormat Port Dickson dia menyebut berkali-kali mahu hendak menghapuskan PTPTN sedangkan waktu itu kita memang bersungguh-sungguh mengutip. Waktu itu telah berlaku penurunan yang amat besar sekali kepada kutipan PTPTN sehingga menjejaskan pusingan balik. Sebenarnya Yang Berhormat Lembah Pantai kutipan balik kita yang buat yang selalu mendesak dan menguar-uarkan untuk menutup, untuk sabotaj dan sebagainya ialah Yang Berhormat. Yang Berhormat lupakah? *[Tepuk]* Janganlah Yang Berhormat sama macam Yang Berhormat Simpang Renggam. Baucar Buku di bawah oleh Kerajaan Barisan Nasional dia pun *clean* dahulu Yang Berhormat menentang supaya kutipan jangan dibuat. Terbalik Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Gagal. Gagal untuk kutip. Gagal.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Rembau, Puncak Borneo minta laluan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Sebab itu orang tolak sebab itu kalah pada PRU14. *[Dewan riuh]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Hebat jadi pembangkang rupanya.

Brig. Jen. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih. Bekas Pengerusi PTPTN pun sudah jawab. Elok tadi saya tidak perlu mengulas.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Sudah tak boleh jawab.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Rembau. Puncak Borneo minta laluan.

Brig. Jen. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Pengecualian bayaran bagi graduan dengan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama yang sebelum ini diberikan kepada semua pelajar hanya dihadkan sekarang ini kepada peminjam daripada keluarga B40 sahaja Yang Berhormat Ayer Hitam. Dahulu kita beri kepada semua, sekarang ini dihadkan itu pun hanya potongan pinjaman bukannya biasiswa penuh. Jadi dapat *First Class Honours* sekarang ini tidak dapat biasiswa potongan sahaja.

Kerajaan jangan segan dan malu untuk meneruskan usaha dan idea Barisan Nasional seperti yang disusun oleh Yang Berhormat Lenggong selama ini.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Rembau. Minta laluan Yang Berhormat Rembau.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: PTPTN menjadi pinjaman boleh ubah dengan kadar bayaran mengikut pencapaian. Tawaran diskaun bagi penyelesaian penuh dan pembayaran konsisten akan diteruskan serta akan ada elaun sara hidup khas kepada pelajar daripada keluarga miskin tegar. Ini memang kita sudah susun sudah, tidak payah hendak sentuh. Akan tetapi sekarang ini kita melihat bahawa dasar PTPTN lebih kejam terhadap pelajar-pelajar yang menerima jempunan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Rembau sedikit sahaja Yang Berhormat Rembau, sikit sahaja, sikit setengah *30 second*.

Brig. Jen. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Minta Maaf Yang Berhormat Kinabatangan. Saya jalan dulu Yang Berhormat Dato' Sri Bung *sorry*. Selain itu, seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lenggong tadi peruntukkan bagi Baucar Buku atau Kad Siswa 1Malaysia turut tidak dinyatakan, namun selepas mendapat tekanan barulah Menteri Pendidikan memohon kepada Perdana Menteri di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Inilah masalah kerajaan tidak fikir habis. Banyak yang tertinggal dalam belanjawan ini. Jadi adakah perlu dibentangkan semula, tadi disebut hendak dibentangkan semula bajet tambahan.

Impian untuk memperkasa Universiti Awam bertaraf dunia juga dilihat tidak penting kepada kerajaan dengan pemotongan peruntukan terutamanya kepada Universiti Malaya yang dikurangkan RM50 juta yang kini sedang mendaki naik di tangga 85 universiti terbaik di dunia. Hendak sampai sahaja *soaring upward* dia potong peruntukkan. Dahulu kata ranking tidak penting sekarang lain.

Kedua, saya ingin bertanya adakah kerajaan ini berkhidmat untuk penduduk bandar sahaja? Dalam pada usaha dan komitmen Barisan Nasional sebelum ini untuk memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar melalui desentralisasi pembangunan melalui koridor ekonomi, bajet pembangunan infrastruktur, kemudahan asas luar bandar kini diturunkan sehingga RM36 juta. Selain itu, tiada pengumuman jika projek rumah mesra rakyat dan program bantuan rumah akan di teruskan.

Selain itu saya ingin menyentuh mengenai nasib golongan nelayan petani, peladang, dan pekebun kecil. Secara keseluruhan petani, pesawah, dan nelayan menerima bantuan kerajaan yang dikurangkan lebih RM500 juta berbanding Kerajaan Barisan Nasional. Namun yang langsung tidak boleh diterima adalah tidak dinyatakan langsung status inisiatif jaringan keselamatan sosial atau *Social Safety Net* yang dilaksanakan oleh Barisan Nasional seperti Bantuan Musim Tengkujuh dan Bantuan Khas menunggu musim menuai.

■1220

Bantuan ini bukan untuk beli undi mereka. Bantuan ini tentang mereka dapat makan atau tidak. Ini kerana bagi golongan ini, ketika musim tengkujuh, ketika menunggu musim menuai, mereka hilang punca pendapatan utama mereka. Sekarang saya hendak tanya, kalau bukan kerajaan yang bantu golongan ini sewaktu musim-musim sebegini, siapa hendak bantu mereka? Hendak suruh pasaran bebas bantu mereka, hendak suruh pemaju dan konglomerat gergasi bantu mereka?

Seorang Ahli: Ah long

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kalau hendak bantu petani dan nelayan hidup ketika musim begini pun bukan tugas kerajaan, apa guna ada kerajaan?

Seorang Ahli: Betul.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ada dari kerajaan yang kata, kita akan fikirkan bantuan yang lain. Mari saya bantu sedikit. Satu-satunya cara untuk bantu mereka ketika musim ini adalah memberikan kemahiran-kemahiran jangka pendek supaya mereka dapat menjana pendapatan dengan cara lain ketika tidak ke laut dan tidak menuai. Apa-apalah sekalipun— TVET kah, seni kraf kah, apa sahaja industri. Tetapi, itu pun Kerajaan Pakatan tidak sebut dapat bajet. Bantuan tidak disebut, kemahiran gantian pun tidak disebut. Maka sekali lagi saya hendak tanya, apa yang kerajaan hendak mereka buat ketika musim tengkujuh yang dihadapi oleh mereka?

Inilah masalahnya apabila falsafah ekonomi terlalu fokus kepada penduduk bandar. Ia berkaitan juga dengan nasib warga FELDA. Pada saat ini, peneroka-peneroka di FELDA berasa gusar kerana Belanjawan 2019 tidak menjelaskan usaha untuk meningkatkan harga kelapa sawit yang semakin turun sekarang sehingga menjejaskan pendapatan mereka.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Rembau, Baling.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak kedengaran peruntukan untuk program khidmat sosial bagi meneruskan program KASIH FELDA Sejahtera Peneroka, membaik pulih rumah dan Skim Tuisyen FELDA. Untung nasib warga FELDA pasti terbela jika Pakatan Harapan meneruskan sahaja agenda Barisan Nasional untuk warga FELDA khususnya meneruskan pemberian insentif khas, pembinaan lebih banyak unit rumah generasi kedua FELDA, pelupusan hutang-hutang tidak wajar. Senang sahaja, *copy paste*. Kenapa yang ini tidak ambil? Yang lain ambil, yang ini tidak ambil.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin masuk sedikit apa yang Yang Berhormat Rembau sedang bahaskan berkaitan dengan bantuan musim tengkujuh. Memandangkan saya mewakili rakyat Baling yang kita tahu getah adalah mata pencarian utama, izinkan saya sampaikan sedikit maklumat ini kepada Yang Berhormat Rembau agar boleh Yang Berhormat boleh beri pencerahan.

Berkaitan dengan bantuan musim tengkujuh ini, dia kalau musim— penoreh getah ini, musim kemarau, susu tidak keluar. Manakala musim tengkujuh, tidak boleh pergi menoreh getah. Jadi inilah masalah utama... [Disampuk] Tidak boleh hendak *motong*. Orang Baling kata tidak boleh hendak *motong*. Jadi kalau bantuan musim tengkujuh ini sudah tiga tahun Kerajaan Barisan Nasional dahulu bagi RM200 pada bulan November, Disember dan Januari— RM600— jadi cadangan saya kepada Yang Berhormat Rembau adakah hendak masukkan dalam perbincangan bagi kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri Kewangan memikirkan kaedah bagaimana boleh memberi satu insentif RM500, RM600? Apatah lagi musim-musim ini anak-anak hendak masuk sekolah dan hendak beli macam-macam— hendak beli baju sekolah dan sebagainya.

Ini amat penting sekali untuk kerajaan memikirkan selain daripada tolak langsung BMT ini, *because* BMT ini kita telah beritahu banyak kali dalam kita punya perbincangan setiap hari.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua saya masukkan ucapan Yang Berhormat Baling tadi di dalam ucapan saya. Saya hendak pergi banyak lagi perkara, saya ke hadapan.

Wanita dan keluarga, selain daripada isu tenaga kerja, penglibatan di peringkat pembuat keputusan, peruntukan bagi penambahan taska, nampak seolah-olah perkara ini adalah *after thought* untuk Kerajaan Pakatan Harapan. Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini telah memberi komitmen untuk memperluas dan memperhebat skim *flexible work arrangement* kepada ibu yang bekerja, memperkenalkan dan meluaskan insentif cukai kepada 24 bulan bagi wanita yang kembali semula ke pasaran kerja, menubuhkan Majlis Ekonomi Wanita dan juga komited untuk memastikan bahawa keanggotaan Dewan Negara sekurang-kurangnya 30 peratus disandang oleh wanita daripada pelbagai latar belakang. Tidak ada disebut oleh Kerajaan Pakatan Harapan

Dahulu saya bangkitkan tentang *International Convention to Eliminate Racial Discrimination (ICERD)*. Yang Berhormat Menteri Luar kata kita tidak faham Perlembagaan dan ia tidak akan memberi kesan kepada beberapa perkara penting berkaitan kedudukan istimewa Bumiputera. Sekarang ini semua sudah nampak, kalau hendak buat ICERD, kita akan perlu korbankan sesuatu. Ini kerana ICERD ini menekankan prinsip kesamarataan dan ditambah pula kenyataan keras oleh dua ADUN daripada DAP yang dimuat naik dalam laman *DAP.org*. Saya jemput semua ahli untuk baca kenyataan tersebut. Inilah pandangan sebenar daripada parti DAP.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pada hari Khamis mengakui bahawa kerajaan belum membincangkan mengenai ICERD dan perlu kajian mendalam kerana beberapa peruntukannya yang didapati tidak bersesuaian dengan apa yang diamalkan di Malaysia.

Kegusaran golongan Bumiputera bukan hanya terhadap polemik ICERD. Ibarat sudah jatuh ditimpa tangga apabila dilihat kepada Belanjawan 2019, peruntukan kepada MARA dikurangkan lebih 50 peratus daripada RM3.5 bilion pada tahun ini kepada RM1.3 bilion sahaja untuk tahun 2019. Saya mohon penjelasan pihak kerajaan berkenaan hal ini, mungkin peruntukan itu dihantar ke tempat lain, kita pun tidak tahu.

Saya ingin mengangkat kebimbangan beberapa pihak terhadap komitmen Kerajaan Pakatan Harapan dalam menjayakan agensi pemerkasaan Bumiputera dengan pempotongan

peruntukan yang besar seperti disuarakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) iaitu hanya RM3.6 bilion diperuntukkan untuk agenda ekonomi bumiputera.

Sama juga peruntukan kepada Orang Asli turun kepada RM4 juta. Tuntasnya, golongan Bumiputera pasti akan menerima peruntukan dan komitmen yang jauh lebih baik sekiranya di bawah pemerintahan Barisan Nasional.

Kelima, belanjawan ini turut dilihat ada peruntukan kepada Sabah dan Sarawak. Walaupun Sabah dilihat mendapat penambahan sebanyak RM1 bilion berbanding Sarawak mendapat peruntukan hampir sama dengan bajet tahun ini dengan tambahan RM10 juta sahaja— ini mungkin sebab Pakatan Harapan tidak memerintah di negeri Sarawak— belanjawan juga tidak menyentuh tentang penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk segera menyemak dan melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) seperti dijanjikan. Saya bagi jaminan, nasib Sabah dan Sarawak pasti akan terus dibela jika di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Peruntukan pembangunan kepada Sabah dan Sarawak akan sama-sama meningkat seperti matlamat di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Boleh mencelah, Yang Berhormat Rembau?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Penambahan peruntukan khas untuk membina, membaiki dan menaik taraf kemudahan infrastruktur sekolah-sekolah daif...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Rembau, minta laluan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...Rumah air, rumah panjang serta meluaskan liputan bekalan elektrik dan komunikasi demi kesejahteraan rakyat Sarawak yang mungkin ketinggalan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan.

Bercakap tentang soal Sabah dan Sarawak juga, tidak sah jika saya tidak bercakap soal royalti. Pembentangan Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari yang panjang lebar tidak sekalipun disebut tentang perkara royalti minyak. Sama ada sengaja atau buat-buat lupa, yang pasti persoalan royalti minyak kini dilihat seolah-olah bukan lagi menjadi keutamaan kerajaan. Tidak sebagaimana yang telah dijanjikan dalam manifesto mereka. *Another broken promise.*

Segmen yang terakhir. Saya secara peribadi ingin mengupas lebih banyak kekurangan belanjawan ini dan golongan tersisih, namun masih banyak perlu dibahaskan.

Saya ingin menyentuh soal penjawat awam. Belanjawan 2019 hanya memperuntukkan pemberian bonus RM500 dan RM250 masing-masing kepada penjawat awam dan pesara. Berbanding dengan Barisan Nasional pada kadar RM1,500 dan RM500. Ini tidak termasuk dengan kenaikan gaji khas yang Barisan Nasional telah janjikan. Mungkin agaknya banyak kurang kepada penjawat awam kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih tidak percaya dan tidak yakin dengan perkhidmatan awam. Kenyataan terbaru menyatakan bahawa— Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri berkata bahawa penjawat awam masih lagi sabotaj Kerajaan Pakatan Harapan. Tidak ada kepercayaan terhadap perkhidmatan awam, sebab itu bonus pun dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu-satunya harapan yang jelas terbukti dalam Belanjawan 2019 adalah bagaimana petroleum akan sekali lagi dapat membantu hasil negara. Ia ibarat bahawa

Petronas akan terus stabil, tidak kira berapa banyak hasil yang perlu diberi kepada kerajaan dan harga minyak akan terus tinggi untuk menampung segala perbelanjaan.

Seperti mana yang saya sebutkan tadi, satu dividen besar diberikan oleh Petronas. Peningkatan ini juga menyaksikan sumbangan dividen Petronas kepada hasil kerajaan meningkat daripada 11 peratus pada tahun ini kepada 20.6 peratus untuk tahun hadapan. Jikalau kita hendak mengurangkan kebergantungan kita terhadap Petronas, ini tidak berlaku dalam belanjawan ini.

■1230

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: *[Bangun]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Mungkin kerajaan memberi alasan bahawa 30 bilion dividen khas akan digunakan untuk membayar semula wang tuntutan cukai pendapatan atau GST tertanggung sebelum ini. Akan tetapi kalau kita rujuk balik kenyataan Menteri ketika perbahasan pemansuhan GST yang lepas, kerajaan mempunyai masa enam tahun untuk menyelesaikan tuntutan ini. Jadi, soalnya kenapa kerajaan perlu mengambil jumlah yang terlalu tinggi daripada Petronas secara sekali gus sehingga memberi kesan negatif...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Rembau, Menteri Kewangan hendak tanya.

Seorang Ahli: Menteri Kewangan II.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Biar saya habis. Sehingga memberi kesan negatif kepada Petronas. *[Ketawa]* Kenapa tidak dilaksanakan secara berperingkat? Lagipun lebih-lebih ada yang masih dalam pertikaian. Memang benar Petronas telah menyatakan pemberian dividen ini tidak akan menjejaskan operasi mereka. Mereka terpaksa cagak sedemikian. Namun timbul ketidaktentuan masa hadapan apabila agensi penarafan antarabangsa Moody's telah menurunkan gambaran penarafan Petronas daripada stabil kepada negatif susulan daripada tindakan kerajaan ini.

Selain itu, saya juga hendak bangkitkan kebergantungan kepada hasil Petronas ini juga dibuat mengikut andaian. Andaian bagi Belanjawan 2019 adalah harga minyak dunia pada tahun hadapan sekitar USD70 satu tong. Namun *trend* harga minyak akhir-akhir ini telah menunjukkan penurunan dan harga semasa ketika ini adalah di bawah paras USD70. Perkara ini turut dinyatakan dengan jelas oleh agensi penarafan Fitch yang telah membuat unjuran bahawa harga minyak pada tahun depan akan terus jatuh pada paras USD65 satu tong ataupun lebih rendah lagi. Maka dengan ini unjuran kerajaan bermasalah. Unjuran kerajaan yang menyatakan bahawa USD70 satu tong pun bermasalah dan akan menjejaskan hasil untuk masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi perkara yang saya hendak bangkitkan. Saya pergi kepada *property crowdfunding*. Menteri Kewangan dalam ucapan belanjawan 2019 telah menyebut tentang satu skim perumahan baru iaitu *property crowdfunding* yang dikatakan sebagai alternatif bagi pembelian rumah pertama menerusi pinjaman terbuka antara rakan setara atau *peer-to-peer lending*.

Kononnya menerusi mekanisme baru ini seorang pembeli rumah hanya perlu mengeluarkan 20 peratus dari harga jualan dan seterusnya memiliki rumah untuk tempoh lima tahun tanpa perlu membayar apa-apa tanggungan bulanan sebelum pembeli tersebut menjual kembali rumah ini atau membuat pembelian penuh menerusi pembiayaan semula. Pada masa yang sama pelabur iaitu baki mereka yang akan menanggung 80 peratus itu akan dapat pulangan sebanyak lima peratus setiap tahun untuk tempoh lima tahun tersebut. Saya tidak tahu ini skim apa benda, Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, masalah utama yang dihadapi oleh pembeli adalah kesukaran mereka untuk mengeluarkan 10 peratus wang pendahuluan deposit, *down payment* untuk membeli rumah. Jika dia boleh keluarkan 20 peratus wang mereka untuk skim ini, sudah tentu mereka juga tidak mempunyai masalah besar untuk keluarkan *10 percent down payment* untuk pembelian penuh.

Kedua, jika selepas lima tahun mereka perlu menjual semula rumah ini, bermakna objektif untuk meluaskan pemilikan rumah di kalangan rakyat tidak tercapai selepas lima tahun. Rumah ini bukan lagi milik mereka. Jika mereka bercadang untuk membeli rumah selepas lima tahun sudah tentu harga lebih mahal daripada mereka beli awal lagi. Dalam pada pembeli 20 peratus ini berhadapan risiko kemungkinan rumah mereka tidak dapat dijual selepas tempoh lima tahun...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini yang Damansara silap sikit. Salah kira.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Pelabur 80 peratus yang buat *peer-to-peer lending* dijanjikan pulangan lima peratus setahun. Mereka yang dicuba untuk bantu, tidak ada rumah, terpaksa bayar 20 peratus. Yang 80 peratus ini dapat pulangan lima peratus setahun. Persoalan lain yang perlu dijawab adakah selepas lima tahun siapa yang bayar cukai keuntungan harta tanah kadar 15 peratus atau 10 peratus? Adakah pembeli rumah 20 peratus ataupun pelabur 80 peratus. Ini perlu dijelaskan sebab risiko terletak kepada mereka yang beli rumah. Dalam menjawab persoalan-persoalan besar ini, Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini telah pun menyediakan alternatif yang jauh lebih baik. Tidak perlu ada skim Pak Man Telo ini.

Contohnya Skim Rumah Pertamaku yang telah bermula pada tahun 2011 yang menyediakan pinjaman 100 peratus dan tidak memerlukan pembeli mengeluarkan wang pendahuluan 10 peratus. Kerajaan Barisan Nasional juga telah melaksanakan program yang lebih baik. Program *rent to own* yang membolehkan penyewa untuk membeli rumah menggunakan wang simpanan yang di kumpul bersekali sepanjang tempoh sewaan. Ini lebih baik daripada 20 peratus tidak dapat rumah.

Ini kita sewa, kita ambil tabung tersebut dan kita memiliki rumah tersebut. Ini barulah dikatakan membantu pemilikan rumah oleh rakyat. Bukan memberi ruang spekulasi seperti skim *property crowdfunding* ini. Saya melihat artikel demi artikel tentang skim ini. Saya hendak tanya kepada kerajaan faedah ini untuk siapa? Pembeli rumah kali pertama ataupun pemaju-pemaju yang hendak dibantu untuk jual rumah mereka yang *overhang*.

Satu lagi inisiatif Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bangkitkan adalah Dana Perlindungan Kesihatan Nasional bagi golongan B40 iaitu satu perlindungan insurans sebanyak RM8,000 setahun bagi empat penyakit kritikal yang mana empat jenis penyakit itu pun tidak dinyatakan di dalam pembentangan belanjawan tempoh hari. *[Disampuk]* Sakit hati, ya. Walaupun niat kerajaan baik, dilihat baik pada golongan B40 bagi mendapat rawatan di pusat perubatan swasta serta bagi mengurangkan kesesakan dan waktu menunggu di hospital kerajaan.

Namun apabila dikatakan ia hanya terhad kepada penyakit kritikal, saya sangat yakin dan pasti jumlah perlindungan RM8,000 ini tidak mencukupi untuk golongan B40 di hospital swasta. Apabila bercakap tentang rawatan penyakit di hospital swasta, lebih-lebih lagi penyakit kritikal, ia pasti akan menelan belanja yang tinggi, baik dari segi rawatan hospital, ubat-ubatan atau rawatan susulan serta memerlukan penjagaan jangka masa panjang. Apabila jumlah tanggungan melebihi RM8,000 Malaysia, golongan B40 ini hendak buat apa? Dia sudah selesai? *[Disampuk]* Oh! Ketua Pembangkang, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Bagan Datuk.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]: Tuan Yang di-Pertua, tinggal satu minit 40 saat. Yang Berhormat Rembau, sebagai konklusi, sebagai kesimpulannya, apabila disebut bahawa bajet yang sudah banyak *copy paste*, *rebranding*, dengan izin, *continuation* banyak terlupa. Idea Yang Berhormat Damansara, agak-agaknya lah. Adakah bajet ini bajet apa yang disebut di bawah, bajet air mata rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ketua Pembangkang. Memandangkan saya hanya ada satu minit sahaja lagi, banyak *point* ini saya rasa akan dibangkitkan dan dikupas oleh sahabat, rakan-rakan saya. Secara kesimpulan, Yang Berhormat Ketua Pembangkang saya sangat setuju. Kita mengharapkan kali ini di bawah Malaysia baharu. Belanjawan 2019 adalah belanjawan untuk rakyat. Belanjawan yang dapat mengangkat martabat orang miskin, nelayan, petani, pelajar. Akan tetapi apa yang kita melihat adalah belanjawan *free market*, belanjawan untuk golongan kaya, belanjawan yang menswastakan segala-galanya, belanjawan yang terlupa habis segmen-segmen penting. Macam mana boleh terlupa? Macam mana nelayan, petani musim tengkujuh, boleh lupa begitu sahaja.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Rembau sebab di Damansara tidak ada orang miskin, semua orang kaya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak ada konteks...

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Semua duit telah dicuri oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ini bajet Yang Berhormat Damansara.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tidak ada konteks membantu rakyat di bawah, kuasa telah membengkakkan kepala mereka. Kuasa telah membengkakkan kepala mereka. Sudahlah manifesto tidak dapat ditunaikan. Belanjawan yang sepatutnya dapat menyelamatkan Kerajaan Pakatan Harapan daripada rasa malu tidak dapat tunaikan manifesto ini pun adalah belanjawan yang sangat-sangat gagal mempertahankan golongan yang ada di bawah. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Lain kali Menteri Kewangan, kalau hendak *copy paste*, *copy paste* habis semua lah Barisan Nasional. Lagi senang, rakyat dijaga dengan begitu baik. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, atas kelompangan yang besar yang wujud dalam belanjawan ini, Rembau bagi pihak Barisan Nasional...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Kita tidak *copy paste* 1MDB.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Menolak Rang Undang-undang Perbekalan 2019. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Kita tidak akan *copy paste* rasuah!

■1240

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Kita akan teruskan lagi perbahasan dengan menjemput Yang Berhormat Sungai Petani. Silakan. Satu jam Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Bakal Menteri Besar Kedah.

12.40 tgh.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Saya mendengar dengan penuh tekun. Tidak seminit pun saya keluar Dewan ini. Kalau inilah ucapan yang diluahkan oleh Yang Berhormat Rembau kepada mantan Perdana Menteri pada itu. Kalau inilah yang dikatakan kepada Yang Berhormat Pekan waktu, tidak mungkin Barisan Nasional jatuh. Tidak mungkin.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Ya, betul. Setuju.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Akan tetapi, ini kata-kata selepas dia jatuh. Ini ayat-ayat yang cakap selepas ranapnya Barisan Nasional. Oleh sebab itu, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Rembau mempunyai tugas yang besar semasa menjadi Ketua Pemuda. Kalaulah beginilah ucapan-ucapan yang diungkapkan kepada Yang Berhormat Pekan, tidak mungkin Barisan Nasional akan jatuh sekali lagi.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, mohon.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya masih ingat semasa saya berada di sana iaitu semasa pembangkang. Kita *remind* BN... [Disampuk]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Kita menang masa 15.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sebagai *friend*, sebagai kawan. Saya kenal semua kawan saya di sana.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Gaya Menteri Besar Kedah ni. [Dewan Ketawa]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih. Moga-moga kata-katamu itu sebagai satu doa.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Kalau begitu *confirm* naklah kan? Jawab dahulu. Nak kan? Nak?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya pernah sebut, Yang Berhormat Pandan pernah sebut...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: *Confirm* nak lah itu. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Lenggong tidak beri gangguan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Dahlah. Bagi peluang cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Kita kata Barisan Nasional ingat. Jangan perkenalkan GST, jangan. Ini kerana di bawah sana rakyat susah. Jangan, jangan dan jangan. Akan tetapi, apa yang berlaku waktu itu? Yang Berhormat Pontian kata tidak. Perkenalkan GST, harga akan turun. [Dewan riuh] Termenung kita.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh minta laluan?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Macam mana perkenalkan GST, harga turun. Kita cabar lagi dalam Dewan ini, betulkah Yang Berhormat Pontian kata? *Yes, I have* G— ah, itu tidak mahu sebut.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh minta pencelahan sedikit?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: CGPA sampai *four flat*. Tidak boleh. Tidak mungkin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sungai Petani. Bagilah.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Apa akhirnya jadi? Rakyat, kalaulah betul-betul harga turun dan rakyat sayang GST. Tidak mungkin mereka kalah. Tidak mungkin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sungai Petani. Takut kah?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sebab...Okeylah Yang Berhormat Pontian. Okey. Jangan dicabar Yang Berhormat Pontian. Kita sama-sama di BTN.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani, bakal Menteri Besar Kedah. *[Ketawa]*

Saya tidak menyatakan bahawa semua barang akan turun. Akan tetapi, perkara penting yang telah berlaku kita menurunkan cukai daripada 10 peratus SST kepada enam peratus GST.

Apa yang dibuat sekarang ialah meningkatkan daripada enam peratus GST kepada 10 peratus SST. Itu adalah satu perkara yang cukup pokok antara GST dan SST. SST ini menyebabkan 30 bilion— Tuan Yang di-Pertua. 30 bilion di panggil *the black economy*. GST boleh menurunkan 20 bilion daripada 30 bilion pasaran gelap tipu cukai itu. Itu perkara penting antara perbezaan GST dan SST. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sila Yang Berhormat Sungai Petani teruskan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sahabat, Yang Berhormat Sungai Petani boleh selepas ini?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk membangkitkan satu perkara Yang Berhormat Sungai Petani. Saya tidak pasti kalau Yang Berhormat Sungai Petani sedar ataupun tidak. Saya rasa ini mungkin kali pertama dalam masa beberapa dekad di mana seorang Menteri Kewangan yang telah membentangkan belanjawan hadir untuk mendengar ucapan daripada pihak pembangkang. Ucapan sulung daripada pihak pembangkang. Tahniah saya ingin ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Kedua, yang saya ingin dapatkan adakah Yang Berhormat Sungai Petani beranggapan bahawa kita sebenarnya dalam keadaan ingin merungkai masalah yang telah didatangkan oleh 60 tahun kebobrokan pentadbiran UMNO dan Barisan Nasional. Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Petani?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh. Yang Berhormat Sungai Petani, boleh sambung sedikit?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Okey.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Yang Berhormat Sungai Petani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin Yang Berhormat Sungai Petani ada dengar itu video yang di-*viral*. Di mana Yang Berhormat Damansara ucap sana sini. Dengan SST harga barang akan turun. Saya boleh bagi dengar Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh, kalau dibenarkan. Akan tetapi barang sekarang pun tidak turun-turun. Ini dan bajet ini pun bajet Yang Berhormat “Menteri Kewangan II”, Yang Berhormat Damansara yang dibaca oleh Yang Berhormat Bagan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Saya hanya hendak betulkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Selalu tahu putar belit.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Yang Berhormat “Menteri Kewangan II” kah yang jawab kah ini?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Selalu angkat ayat setengah sahaja.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Dah panas. Dah panas.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Saya kata bila ada SST, harga akan lebih murah daripada GST. Itu yang saya sebut.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekarang tidak murah juga. Mahal lagi. *[Ketawa]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Itu yang saya sebut! Ia telah pun dibuktikan dalam siasatan daripada kementerian KPDNHEP yang menunjukkan bahawa memang benar harga barang selepas SST adalah lebih murah daripada harga bawah GST.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Sungai Petani teruskan perbincangan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin teman-teman saya yang bekas Menteri, bekas Timbalan Menteri sampai sekarang pun tidak turun pasar. Dia cuma dengar-dengar orang *report*, dia terus cakap— yang sebenarnya turun pasar. Harga memang turun. Kecuali, kecuali kita pergi London, kecuali kita pergi hotel, kecuali kita hidup mewah. Akan tetapi, kalau kita turun dan hidup seperti kami pernah hidup sebagai pembangkang. Kami tahu yang harga memang turun. Tanyalah siapa pun. Kecuali kita hidup seperti tidak mahu mengakui bahawa kami sekarang pembangkang. Kalau kita ajak... *[Disampuk]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya boleh cadangkan Yang Berhormat turun ke pasar sama-sama dengan saya. Kita tengok harga barang.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya. Insyaa-Allah. Besok kita turun 6.30 pagi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oleh sebab saya ini orang kampung. Saya memang pergi pasar hari-hari.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Pasar raya? Baik, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pasar orang kampung. Saya luar negara pun saya pergi pasar orang kampung bukan pasar raya. Siapa yang pergi pasar raya, Yang Berhormat Damansara.

[Dewan riuh]

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Danok. Kasino. Kasino.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua. Kita ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dia memang mendengar. Sebelum ini, kita jarang-jarang mendengar ataupun melihat Yang Berhormat Menteri mendengar ucapan-ucapan dikeluarkan oleh Ahli-ahli Parlimen. Sebelum ini memang ada Yang Berhormat Port Dickson pernah menjadi Menteri Kewangan pun saya mendengar setiap ucapan dan ungkapan dikeluarkan oleh teman-teman dalam Parlimen ini. Oleh sebab itu, saya amat mengucapkan

syabas kepada Menteri Kewangan telah mengikut seperti yang pernah dilakukan oleh Yang Berhormat Port Dickson terdahulu sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyebut bahawa dapat yang telah pun diungkapkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa fokus perbelanjaan kita pada tahun 2019 ini berpaksikan kepada pertama ialah melaksanakan reformasi institusi. Memang harus ada reformasi institusi. Seperti contoh, Dewan ini sendiri— reformasi di institusi. Bagaimana 61 tahun kita buat *business* yang sama. Di mana setiap Ahli Parlimen kita berucap peringkat dasar. Bila Cokmar itu diturun, kita juga 220 orang ini juga yang berbincang kononnya dalam peringkat jawatankuasa. Kita tidak mempunyai peluang untuk betul-betul memahami apakah isi kandungan yang termaktub dalam rang undang-undang yang kita bincangkan. Kita cakap kadang benda-benda yang di luar tajuk semasa dasar dan juga semasa *committee stage*.

Oleh sebab itu, harus ada satu reformasi. Harus kita cadangkan, harus ada komisi, *select committee* supaya di sana dan di sini pembangkang dan kerajaan duduk sama, bincang isu-isu rakyat. Isu-isu tertentu sama ada ekonomi, pendidikan, sekuriti dan sebagainya supaya apabila kita hazamkan dalam *select committee* ataupun komisi, bila datang ke Dewan kita tidak menghabiskan masa. Kadang-kadang kita bercakap sampai dua hingga tiga pagi. Benda yang kita tidak tahu pun. Kita baru masuk Dewan, dengar kawan bincang fasal ini. Kita bertanya, "*isu lepas apa sekarang ini? Oh, isu daun ketum*". Kita pun lompat terus jawab, daun ketum. Akhirnya, kita menghabiskan bukan sahaja masa kita tetapi juga duit rakyat.

Oleh sebab itu, pelaksanaan reformasi institusi ini penting. Amat penting. Ini supaya di sinilah lebih baik kita bermula di sini dengan wujudnya komisi-komisi ataupun *select committee* supaya pakar-pakar, kawan-kawan kita yang ada ilmu duduk dalam komiti-komiti tertentu. Kalau kita tidak cukup ilmu, kita jemput pakar-pakar memberikan nasihat kepada kita. Apakah perlukah kita buat tentang satu-satu hal. Kemudian kita bincang bukan sahaja kita duduk semasa bersidang, semasa waktu Parlimen tetapi juga sepanjang tahun untuk mengetahui apakah masalah yang kita hadapi. Kalau tidak cukup.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Kalau tidak cukup. Kita jemput profesor dari luar negara.

■1250

Akhirnya kita dapat jawapan yang jitu dan kita bawa masuk ke dalam Dewan ini, dipersembahkan oleh Menteri dan semua kita faham orang yang tidak berapa faham tanya sikit-sikit cukup sebab kita sudah bincangkan dalam *commission*. Akhirnya kita luluskan. Kita tidak *waste time*, kita tidak *waste* masa rakyat dan juga masa kita. Silakan Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih, Yang Berhormat Sungai Petani, Ketua Whip dan saya sangat tertariklah dengan pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Petani yang juga Ketua Whip bagi pihak kerajaan.

Ini satu idea yang baik dan baru untuk semua kita berkongsi. Oleh sebab itulah Yang Berhormat Sungai Petani saya Pendang cuba hendak berkongsi pandangan baru ini, di mana

bila kita tengok Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membentangkan satu bajet yang besar —baguslah saya setuju, RM314 bilion lebih dalam bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Ini kerana kita tengok bajet ini paling besar dalam sejarah Malaysia sejak merdeka sampai sekarang kerana - *[Disampuk]*— nanti *sat* saya ada benda saya hendak masuk. Jadi di sini ia akan merangsang ekonomi. Kalau kita jimat sampai ekonomi tidak bergerak, rakyat di belakang sana susah.

Kedua, kita tengok kerajaan — ini saya kritik — kerajaan tidak menumpukan dalam bajet ini bagaimana untuk mendapatkan hasil ganti yang mana pendapatan negara tidak meningkat. Itu pun ditambah dengan penghasilan sumbangan dividen daripada Petronas hampir RM80 bilion. Kalau tidak pendapatan negara hanya RM231 bilion — bukan RM80 bilion lebih kurang RM30 bilion lebih dan kita masih lagi defisit RM50 bilion.

Inilah yang kerajaan tidak cari macam mana hendak merangsang bagi mendapat penghasilan negara seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Rembau tadi, di mana perancangan untuk mendapat FDI —untuk memasukkan FDI bagi mengimbangkan perbelanjaan negara yang besar ini, tidak ada. Ini yang saya Pendang menyebut benda ini.

Lagi satu — minta sekejap. Lagi satu dalam agihan *cakes* belanjawan ini tidak diagih secara menyeluruh yang mana ia terhimpun di kawasan-kawasan bandar. Sebab bila kita *run-through*, kita sudah *run-through* sedikit secara detil perancangan yang telah diatur oleh Kementerian Kewangan dalam bajet ini tidak melibatkan penduduk luar bandar secara terus. Jadi kita hendak membela semua rakyat yang membuat perubahan tetapi hasil kepada perancangan belanjawan bajet ini tidak menyeluruh terutamanya kepada penoreh-penoreh getah dan petani-petani yang ada di luar bandar — tidak ada. Itu yang kedua.

Ketiga, PTPTN. Banyak kita buat janji sebelum PRU-14 untuk memberi satu kehidupan yang lebih selesa kepada golongan bawah 40. Akhirnya sehingga PTPTN akan dihapuskan dan sebagainya — RM4,000 baru bayar dan sebagainya. Akan tetapi, bila dalam belanjawan bajet ini tidak ada satu pun keuntungan kepada golongan B40 terutamanya berkenaan dengan PTPTN malah ditekankan lagi sehingga pendapatan RM1,000 baru bayar. Ini tidak adil, ditipu rakyat golongan B40 ini mengundi PH supaya menolak BN. Akhirnya mereka tidak dapat apa yang dijanjikan pada mereka. Ini saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Petani. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Pendang.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sedikit sahaja. Satu minit. Saya tertarik dengan soal reformasi sistem Dewan. Cadangan atau pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Petani soal mesyuarat kita di peringkat dasar dan jawatankuasa sepatutnya tidak dihadiri, diwakili oleh orang yang sama menyebabkan setiap kali kita bersidang di peringkat jawatankuasa kita hanya *endorse* apa yang dibincangkan di peringkat dasar.

Saya fikir satu penelitian perlu di buat terhadap cadangan ini dan saya menyokong supaya satu reformasi sistem Dewan ini dapat diwujudkan untuk kita melihat sejauh mana keperluan mesyuarat di peringkat jawatankuasa yang dihadiri oleh mereka yang pakar di luar daripada apa yang ada dalam Dewan. Mungkin ia dijemput supaya perbincangan lebih khusus dan boleh angkat idea-idea baru bukan *copy paste* kepada apa yang kita bincangkan di peringkat dasar. Jadi saya menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani untuk melakukan reformasi sistem ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya juga ingin menyebut seperti yang disinggung oleh Yang Berhormat Rembau tadi bahawa kita *cut and paste*. Kita bukan seperti Amerika, di mana apabila satu kerajaan tumbang maka pegawai-pegawai kerajaan *will resign and block*.

Di Malaysia walaupun kerajaan bertukar tetapi pegawai-pegawai kerajaan kita utuh dan tidak seorang pun dihentikan. Maknanya ada *continuation*, pegawai-pegawai kerajaan itulah yang juga *serve government of the day*.

Jadi sebab itu kita sudah lihat walaupun kita tidak men-*detail*-kan apa yang kita hendak buat dalam bajet tetapi sudah pasti di peringkat kementerian-kementerian, pegawai-pegawai yang sama, KSU-KSU yang sama, pengarah-pengarah yang sama, setiausaha-setiausaha bahagian yang sama, mereka inilah tulang belakang kerajaan sebenarnya. *They are the custodian*, mereka akan melaksanakan tugas-tugas seperti yang dikehendaki oleh *government of the day*.

Masalah yang ada 61 tahun yang dulu ialah apabila *political masters* membuat keputusan dan akhirnya terpaksa ditelan walaupun dengan keadaan yang amat pahit oleh pegawai-pegawai kerajaan. Saya bekas pegawai kerajaan, *I understand this*. Kadang-kadang Menteri itu sebelum ini dia hanya seorang guru — guru yang baik di sekolah. Akan tetapi, *the moment* dia jadi Menteri, dia jadi Menteri yang baik tetapi dia baik mungkin dalam pendidikan.

Akan tetapi bila dia duduk dalam satu kementerian yang di luar kemampuannya tetapi oleh kerana egonya maka KSU walaupun PTD *officer* memberikan saranan-saranan tetapi tidak akan didengar oleh Menteri ini.

Ini yang berlaku — berlakunya konflik di antara Menteri dengan KSU, Menteri dengan pegawai-pegawainya. Akhirnya pegawai-pegawai kerajaan kata kami mentimun, Menteri durian, kami golek pun kami luka, kena golek pun kami luka. Akhirnya mereka kata *work through the rules*. Maknanya apa yang berlaku ialah Menteri-menteri akan membuat arahan. Ini yang berlaku.

Oleh sebab itu di Kementerian Belia dan Sukan contohnya, masa terdahulu hilang RM100 juta. Kita tidak kata Menteri curi tetapi maknanya Menteri juga hilang pandangan, hilang kawalan tiba-tiba RM100 juta hilang. Berapa tahun sudah ini? Bila diungkit, dibongkar barulah tahu rupanya di sini kesalahan. Itu pun mengambil masa.

Ada juga di MARA contohnya. Sepatutnya MARA bantu murid-murid, bantu pelajar-pelajar tetapi disalahgunakan untuk tujuan-tujuan tertentu. Ini masalahnya sebabnya oleh kerana Menteri pun rasakan bahawa *this is my domain*, ini hak aku untuk membuat keputusan. Pandangan-pandangan pegawai kerajaan khususnya pegawai-pegawai kerajaan PTD yang berbelas-belas tahun sebelum dia jadi KSU, berpuluh tahun sebelum jadi KSU dia pun telah mengalami macam-macam *training* dan juga pendedahan tetapi tidak diendahkan. Akhirnya kementerian-kementerian menghadapi masalah.

Oleh sebab itu dalam bajet yang telah pun dibentangkan, kita katakan melaksanakan reformasi institusi —harus ada iltizam di kalangan pegawai-pegawai kerajaan. *What ever happen* pegawai-pegawai kerajaan anda ialah *custodian* kepada pelaksanaan —semua juga apa yang berlaku dalam negara ini. Sebab *politician comes, politician go, ministers comes, ministers go*. Akan tetapi, pegawai-pegawai kerajaan yang sentiasa memberikan khidmat mereka. *You must stick to the decision*.

Tuan-tuan dan puan-puan yang ada jawatan mempunyai *general orders* dan sebagainya, dipimpin oleh undang-undang dan peraturan, *stick to it*. Kita tidak mahu mengulangi apa yang terjadi kepada Barisan Nasional. Kita tidak mahu apa yang berlaku dalam Barisan Nasional terjadi dalam Pakatan Harapan, tidak boleh. Silakan Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya setuju kita harus beri kepercayaan kepada kakitangan kerajaan. Dalam rekod Barisan Nasional kepercayaan cukup tinggi kita beri kepada kakitangan kerajaan, tidak pernah pun kita *blame* sebagaimana kerajaan sekarang yang *blame* tidak percaya kepada kakitangan kerajaan dan sebagainya.

Selain daripada kakitangan kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri daripada kerajaan juga mesti menunjukkan kredibiliti. Janganlah bercakap *flip-flop*, janganlah bercakap tentang perkara-perkara yang tidak munasabah. Kalau jadi Menteri Pendidikan bercakap tentang soal-soal yang hebat tidak payahlah cerita benda-benda kasut sekolah, stoking dan sebagainya. Kalau hendak cerita tentang warna stoking, Yang Berhormat Rembau lebih pakar, dia stoking macam-macam ada. *[Ketawa]*

Jadi bercakap soal yang baik-baik. Misalnya, saya hendak bagi tahu dulu Yang Berhormat belakang Yang Berhormat ini— dia bercakap soal pendidikan. Hari ini tidak ada suara pun, bila Menteri Pendidikan yang membentangkan 'Bajet Damansara' hari ini. Begitu teruk soal kewangan yang diberikan kepada pendidikan. Tidak dengar suara dia pun. Jadi *flip-flop* juga. Jangan pertikai kewibawaan kakitangan kerajaan. Jagalah diri sendiri sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat jam telah menunjukkan pukul satu. Kita akan berhenti rehat dan disambung semula pada 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya jemput Yang Berhormat Sungai Petani. Ada masa 39 minit 44 saat lagi, sila.

2.32 ptg.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga telah menyebut tadi bagaimana dalam fokus pertama melaksanakan reformasi institusi tadi, bagaimana saya mulakan dengan institusi Parlimen ini harus *direformkan* dengan memperkenalkan balik Akta Perkhidmatan Parlimen yang harus kita kembalikan demi memastikan kebebasan Parlimen ini terjamin, dihormati dan pengurusan kewangan juga di bawah kawalan dan kawal selia Tuan Yang di-Pertua dan begitu juga dengan mengambil kakitangan dan pegawai-pegawai yang tidak lagi terikat kepada JPA dan sebagainya.

Di samping itu juga, saya telah menyebut bagaimana harus ada ataupun diwujudkan komisi-komisi ataupun *Select Committee* di mana di antara kita dipilih *from both divide*, daripada pembangkang dan juga kerajaan, untuk menduduki komisi-komisi ini dan isu-isu penting kita bincangkan dalam komisi-komisi ini. Akhirnya apabila kita masak dengan semasak-masaknya dalam komisi ini, kita bawa ke Parlimen dan dengan ini kita dapat hasil yang lebih baik daripada yang kita ada sekarang. Semua orang nak bercakap tentang isu-isu tertentu tetapi akhirnya tidak mendatangkan hasil yang baik.

Di samping itu juga, saya melihat harus ada satu lagi reformasi yang harus berlaku ialah tentang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di mana kita harus melihat bagaimana kerajaan melihat untuk mengambil *the best brain among the best*. Sekarang ini kita melihat bagaimana kerajaan mengambil pegawai-pegawai kerajaan, dia bermula dengan *time skill* hinggalah dia jadi KSU. Kadang-kadang kita ada itulah orangnya.

Akan tetapi, di luar sana kita ada pegawai-pegawai daripada firma-firma peguam ataupun akauntan bertauliah ataupun daripada profesional-profesional yang lain. Bagaimanakah orang-orang ini boleh dapat dan masuk ke dalam perkhidmatan kerajaan di peringkat bukan peringkat bawah tetapi mungkin *middle level*. Ini kita harus lihat. Dengan masuknya orang-orang yang profesional ini, ia akan *contribute* kepada kehebatan perkhidmatan awam kita yang cukup baik sekarang tetapi harus ada pembaikan. Ini kerana kita sedang menuju kepada satu era di mana rakyat menghendaki perkhidmatan yang cukup-cukup hebat dan pegawai-pegawai kerajaan harus mempunyai...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: *[Bangun]*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: ...Pengetahuan yang amat luar biasa sekarang ini bagi menjawab jawapan-jawapan yang ditanya oleh rakyat. Silakan sahabat saya, Yang Berhormat Kapar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jiran. Yang Berhormat Kapar, sila.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti hujahan daripada Yang Berhormat Sungai Petani dengan khusyuk dan tawaduk. Saya melihat daripada sentuhan isu penjawat awam. Saya ingin menyinggung isu pejabat anggota-anggota penguatkuasaan yang mana dilihat bahawa waktu ini sistem yang kita pakai ialah sistem *interview* oleh *certain panel* tetapi tidak menjurus kepada *seniority*.

Jadi, saya memohon kementerian-kementerian yang terbabit terutama sekali Kementerian Dalam Negeri, seperti mana anggota polis sebagai contoh, selama 37 tahun bekerja masih lagi koperal sedangkan pengalaman mereka itu sudah meluas dan tidak boleh dinafikan atas keperkasaan ilmu mereka. Maka saya ingin Yang Berhormat Sungai Petani menyinggung juga anggota-anggota polis, anggota bomba dan tentera yang mana *seniority* itu mesti diangkat untuk kenaikan pangkat supaya mereka lebih motivasi dan efisien dalam tugas mereka. Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Petani? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih. Sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya amat bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, kerana harus ada dalam sistem kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam ini. Di samping mengambil orang luar untuk naik pangkat, contohnya ada *non-commissioned officers* dengan *commissioned officers*, ada *ranks* dengan *officers*, tetapi harus ada kuota diberikan kepada *other ranks* untuk naik pangkat bukan sahaja berlandaskan pengalaman mereka tetapi mungkin juga ada *additional* sijil dan juga diploma yang mereka dapati. Maknanya *priority* harus diberikan kepada mereka untuk mereka naik pangkat. Saya setuju dengan Yang Berhormat Kapar dan, *insya-Allah*, saya rasa kerajaan harus melihat ini juga.

Begitu juga saya lihat bagaimana Jabatan Audit Negara. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat, kebanyakan Ketua Audit Negara ini ialah mereka yang pencen daripada kerajaan. Jadi orang yang dah umur 60 tahun, tiba-tiba dia nak jadi Ketua Audit Negara. Kadang-kadang bukanlah kita mempersoalkan orang 60 tahun itu tidak produktif, mereka produktif. Cuma, apa salahnya kita mengambil orang-orang yang jauh lebih muda. Bukan *pensioners* tetapi orang-orang yang bertauliah bukan sahaja di kalangan pegawai kerajaan tetapi juga daripada agensi-agensi lain yang ada kehebatan untuk menjadi Ketua Audit Negara. Sebab itu saya menyebut untuk kerajaan melihat kembali Jabatan Audit Negara bukanlah untuk orang pencen tetapi untuk orang yang lebih produktif, jauh lebih baik daripada mereka yang saya katakan tadi.

Jadi, saya juga melihat bagaimana Menteri Kewangan menjelaskan kepada kita, reformasi tentang institusi-institusi kewangan dan juga beberapa agensi yang lain untuk mengutip balik duit kita bukan sahaja di Malaysia bahkan luar negara yang telah dicuri oleh pihak-pihak tertentu khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam 1MDB. Jadi, saya minta untuk diperkemas institusi-institusi ini sama ada daripada *AG Chambers* kah. ataupun SPRM kah, atau polis, harus ada tubuh satu jawatankuasa khas untuk melihat dan *trail where is or where are our money*, di mana hilangnya duitnya dalam skandal terbesar di dunia ini. Tidak mungkin kita setelah

diuar-uarkan menjadi *champion of the world* dalam mencuri duit rakyat, tiba-tiba kita agak *sluggish*, terhegeh-hegeh nak cari duit tak tahu *tang* mana.

Jadi saya mencadangkan kerajaan harus tumpu. Tidak apa, kita belanja sikit duit untuk kumpulkan *the best brain, the best lawyers, the best investigators* untuk pastikan mereka yang mencuri duit rakyat ini, skandal *mother of all scandal* ini diketengahkan dan dibawa ke mahkamah supaya bukan sahaja harta kita dalam negeri tetapi juga luar negeri dapat dibawa balik ke negara ini kerana duit ini ialah milik rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang isu ataupun fokus yang kedua iaitu kesejahteraan rakyat. Sementara kita tahu bahawa bantuan-bantuan khas kepada rakyat akan diteruskan dengan memberikan ganjaran-ganjaran tertentu dan mereka...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan sikit.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya, silakan Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sebelum Yang Berhormat pergi ke tajuk lain. Tadinya Yang Berhormat menyentuh mengenai *reform* khususnya dalam *reform* institusi Parlimen dan Yang Berhormat telah memberikan satu hujah untuk *reform* tersebut.

■1440

Saya rasa tidak mencukupi dengan satu tindakan itu untuk dikatakan sebagai *reform* dalam institusi Parlimen. Soalan saya, sejauh manakah nilai pembangkang yang akan diangkat dalam *reform* institusi ini? Apakah pihak pembangkang, maknanya dengan institusi Parlimen yang *direformkan* ini membolehkan pembangkang membentangkan rang undang-undang persendirian dengan reformasi institusi ini? Sekian.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Tumpat. Sekarang ini untuk kita, dalam bahasa Inggerisnya, *as for, to sponsor a bill*. Dalam keadaan sekarang, *to sponsor a bill* bukanlah mudah kerana kita tengok dalam pengalaman kita yang dulu, nak lepas peringkat pertama pun susah. Jadi ini saya rasa harus ada reformasi, sebab itu saya katakan kalau kita bersetuju untuk mengadakan *Select Committee* khususnya *Select Committee* yang berhubung dengan pengenalan rang undang-undang yang akan wujud di dalam *Select Committee* ini juga ialah pembangkang dan juga kerajaan.

Jadi, di sini kita boleh memainkan peranan, kedua-dua pihak boleh memainkan peranan dan sekiranya rang undang-undang atau *bill* yang hendak *disponsor* itu *bill* yang baik, saya rasa harus dibawa oleh *committee* itu ataupun *Select Committee* itu ke Dewan ini dan kita sama-sama berhujah. Betapa indahnya kalau sekiranya rang undang-undang ini diperkenalkan, begitu maksudnya. Tidak lagi kita politikkan sebegitu rupa sehingga akhirnya nawaitu yang baik itu ditenggelamkan dan timbul benda-benda yang tidak munasabah akhirnya.

Jadi, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan melihat secara serius kerana kalau ini boleh kita laksanakan secepat mungkin, maka banyak seperti yang saya katakan tadi, masa-masa terbuang bukan sahaja masa kita tetapi masa rakyat yang sedang menunggu apakah akan terjadi kepada- pandangan ataupun wakil rakyat yang ingin *sponsorkan* satu-satu *bill* itu tadi.

Kedua, yang saya sebutkan tadi juga bagaimana fokus kedua itu untuk memastikan kesejahteraan rakyat. Di samping kita sedang membantu seperti yang disebut oleh Menteri Kewangan, bagaimana menjamin kebajikan dan kualiti kehidupan masyarakat dengan memberikan Bantuan Sara Hidup kepada rakyat khususnya di bawah B40 diteruskan. Saya ingin mencadangkan daripada kita memberikan *cash* kepada mereka, kadang-kadang apabila kita beri *cash*, manusia ini bila dia dapat *cash* ini walaupun dia susah tetapi dia ada prioriti dalam hidup dia.

Bila dia dapat *cash* RM1,000 contohnya, kita hendak bagi pula sekarang ini RM1,000, kemudian kalau anak dia sakit dan sebagainya mungkin dia dapat RM1,400. Waktu dapat duit itu dia lupa bab beras, waktu dapat duit itu dia lupa bab tepung dan bab minyak, dia teringat bab *top-up* telefonlah, bab itulah, bab ini yang tidak ada kaitan dengan kehidupan dia dalam segi prioriti.

Jadi, sebab itu saya mencadangkan supaya kita berikan alternatif bukan *cash* kepada mereka ini yang selayaknya untuk mendapat dalam kumpulan B40 ini tetapi mereka mendapat kupon, *food coupon*. Ada sepuluh item yang kita kena senaraikan, apakah benda-benda yang boleh ditukarkan dengan *food coupon* ini. Dia dapat, *value* dia mungkin RM1,400 tetapi dengan bawa kupon ini ke kedai, dia cuma dapat sepuluh item sahaja yang dia boleh pilih, beras, susu, gula, minyak *something like that* supaya dia tidak salah gunakan apa juga peruntukan yang kita berikan.

Macam BR1M dulu, orang dapat BR1M terus orang *happy* tetapi belum sampai di rumah - Kampung saya, bini dia haraplah laki dia bawa balik duit BR1M. Tak sampai, sampai tengah jalan saja, duit pun hilang. Masa itu mesin judi haram ada lagilah di tempat saya itu, dia hilang fasal duit judi haram saja. Jadi, ini ialah isu-isu yang kita harus melihat supaya akhirnya apa juga niat baik kita itu mendapat manfaat dan akhirnya dinikmati oleh rakyat.

Baik, seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bercakap tentang isu Sabah dan Sarawak. Kita selalu bercakap bagaimana tertinggalnya mereka. Baru-baru ini saya pergi Serian di Sarawak dan begitu juga ada beberapa tempat di Sabah. Ini soal kemanusiaan, bagaimana jauh tertinggalnya mereka di belakang. Dalam Perlembagaan, sudah tentu jelas termaktub di sana bahawa Bahagian X, bagaimanakah apabila tiga wilayah ini iaitu Malaya, Sabah dan Sarawak ini bercantum menjadi Malaysia pada tahun 1963. Ada janji-janji tertentu kepada mereka bahawa dua perlima daripada cukai yang kita kutip, khususnya di Sabah hendaklah dikembalikan kepada Sabah. Itu ialah yang termaktub dalam Perlembagaan.

Jadi sebab itu saya ingin mengajak supaya kerajaan melihat balik, di samping kita memberikan peruntukan-peruntukan tahunan kepada mereka, tetapi harus dilihat peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam undang-undang, hak mereka. *Whatever tax collected within their own state*, saya rasa harus dikembalikan *two-fifth whatever* yang termaktub dalam Perlembagaan. Ini kerana luasnya Sabah dan Sarawak ini amat luar biasa kalau dibandingkan dengan kita.

Kita faham di Semenanjung juga ada yang susah, Terengganu, di Kedah, di Kelantan tetapi Sabah dan Sarawak ini jauh lebih susah kalau dibandingkan dengan kita. Apa yang saya hendak sebut di sini ialah inilah peruntukan-peruntukan undang-undang yang telah jelas termaktub dalam Perlembagaan dan harus juga dilihat supaya mereka tidak tertinggal dalam arus pembangunan ini. Ya, Yang Berhormat Kapar.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya ulangi pagi tadi di mana saya telah melawat satu sekolah secara kebetulan iaitu SK Orang Kaya Temenggong Tanduk, Saratok dan juga sekolah di Sarikei yang pedalamannya sungguh amat menyedihkan. Apa yang saya lihat ialah saya ulangi lagi sebab saya rasa tersentuh. Asrama penuh mereka itu disediakan tempat tidur mereka itu berlantai, kayu itu agak rapuh dan memberikan kesan yang tidak begitu selamat kepada anak-anak itu. Walaupun sekolah itu kebanyakan ialah anak-anak orang Iban, tetapi kita kena faham bahawa fasiliti dan *privilege* persekolahan itu ialah serata dengan pencapaian akademik mereka.

Jadi saya lihat bahawa sudah sampai waktunya Kerajaan Persekutuan mesti memandang serius soal kebajikan anak-anak ini supaya pendidikan mereka tidak terganggu dan masalah kekhuatiran ibu bapa itu tidak menghantui mereka yang membolehkan pendidikan itu diangkat martabatnya. Kita kena ingat bahawa tiga wilayah ini, walaupun saya ulangi anak Iban, Kadazan, Dusun, Dayak, Melayu, Cina, India, semua ialah anak kita. Bayangkan kalau anak kita sedemikian diperlakukan, kesedihan itu saya rasa amat-amat terasa. Yang Berhormat Sungai Petani, bersetujukah dengan saya bahawa kita kena buat *reform* untuk memastikan anak-anak pedalaman ini diberi perhatian dan jangan diseksa hidup mereka sebegitu. Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Petani? Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Lawas Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak ada lagi bahasa yang dapat saya ungkapkan selain mengatakan saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Kapar dan masukkan ucapan Yang Berhormat Kapar itu menjadi sebahagian daripada kesedihan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini persahabatan jiran ya.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani, kawan baik saya. Baik, tadi Yang Berhormat Kapar kata dia melawat ke Sabah, anak-anak Iban. Akan tetapi kalau di Sabah bukan anak-anak Iban, di Sarawak ya. Kalau di Sabah mungkin anak-anak orang Kadazan.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Di Sabah ada juga Iban.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Ada, tetapi bukan di tempat yang dilawati mungkin.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Ya Tuan Yang di-Pertua, saya betulkan. Saya kata anak Kadazan, Iban, Dusun, Dayak, anak Melayu, Cina, India, itu anak kita.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Ya, sama sahaja.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Jadi semua, semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Semua anak Malaysia.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Ya Yang Berhormat Kapar, terima kasih. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Sungai Petani. Yang Berhormat Sungai Petani, saya dari kawasan Lawas menyentuh tadi tentang sekolah-sekolah ini. Di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, jumlah sekolah di sana tidak banyak, 35 buah. Tempat kawasan kita tidak ramai penduduk, 35 buah. Daripada jumlah 35 ini, 31 buah sekolah di dalam keadaan daif dan perkara ini sudah pun dimaklumkan kepada pihak atasan. Saya waktu perjumpaan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari, bulan September lalu, telah pun memaklumkan bahawa keadaan daif di kalangan sekolah-sekolah 31 buah ini ia tidak sama. Ada yang lebih teruk, ada yang tidak berapa.

■1450

Tapi kalau apa-apa berlaku dengan yang lebih teruk ini, jadi menjadi tanggungjawab kita. Jadi saya minta supaya pihak kerajaan melihat keadaan sekolah-sekolah di kawasan saya yang di dalam keadaan daif, jumlah dia 31 buah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Segamat minta jalan.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Boleh minta jalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan sekolah ini, saya memang setuju dengan apa yang dibawa, memang kita perlu beri perhatian. Tapi pada masa yang sama saya ingin juga mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Petani khususnya mengenai sekolah-sekolah bantuan modal sebab dalam Manifesto Pakatan Harapan itu khususnya iltizam untuk masyarakat India memang telah dinyatakan bahawa kita ingin jadikan semua sekolah-sekolah bantuan modal ini untuk menjadi bantuan penuh.

Namun saya mendapati selepas kita sudah mengambil alih dan juga sebagainya, belum ada satu langkah ke arah tersebut, belum ada, nampaknya belum ada ataupun belum dimulakan. Sering kali seperti hari ini bila Yang Berhormat Sekijang ada bawa dalam soal jawab pagi tadi beliau mengatakan bahawa wujudnya pelbagai kekangan, khususnya contohnya tanah, tanah itu milik estet. Itu saja alasan untuk kerajaan tidak bantu.

Tapi boleh tidak saya cadangkan di mana tanah-tanah seperti itu kita minta kita pajak untuk 50 tahun dan juga sebagainya, maka boleh diselesaikan. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Sungai Petani adakah bersetuju untuk menyelesaikan masalah sekolah Tamil ini.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya amat setuju Yang Berhormat Segamat kerana ini ialah anak-anak kita. Tidak kiralah dia pengantar Mandarin atau pengantar Tamil tetapi selagi dia nya anak Malaysia, dia harus mendapat *treatment* yang sama. [Tepuk] Harus mendapat, wajib malah mendapat kerana tidak harus dikategorikan begitu rupa oleh kerana kamu berada dalam kumpulan 'A', maka kamu kena mencari duit sendiri. Manakala kamu berada dalam kumpulan 'B', kamu tidak payah duit cari sendiri, kerajaan cari duit untuk kamu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya rasa telah tiba masanya di mana kita melihat ini secara *total*...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Secara total...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sekolah daif.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Supaya semua rakyat Malaysia mendapat hak yang saksama. Silakan Yang Berhormat Pontian, sebelum saya bagi kepada, silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tentang sekolah daif ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Petani, saya ada angka yang di tangan saya ini pada Bajet 2018, peruntukan untuk sekolah daif ialah RM2.5 bilion. RM1 bilion untuk Sabah, RM1 bilion untuk Sarawak, RM500 juta untuk Semenanjung. Namun untuk Belanjawan 2019 ini, peruntukan untuk sekolah daif cuma RM100 juta Yang Berhormat Sungai Petani. Agak-agak kenapa perkara ini berlaku ya?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sebab itu saya sebut tadi, apabila kita mengambil alih dan buka pintu *coffer* kita, kita terperanjat, sepatutnya kita ada duit. Akan tetapi itu semalam, cerita semalam. Cerita hari ini ialah kita mesti bersama-sama hindarkan pandangan politik yang berbeza tetapi marilah beriltizam untuk bangunkan negara kita. Cukup— *yesterday was yesterday, today is today*, cukuplah. [*Tepuk*] Bangunlah, bangkitlah kawan-kawan saya, sahabat-sahabat saya, ayuh kita bangunkan balik negara ini setelah kita menghadapi gelora yang amat sangat.

Kita tahu kita tidak payah lagi mengulangi apakah yang telah dilakukan oleh teman kita sebelum ini. Akan tetapi ayuh orang yang mencuri, kita hadapkan ke muka pengadilan, harta kita tarik balik dan duit itu kita berikan kepada anak-anak yang miskin, yang memerlukan. Oleh itu saya rasa kita harus berpandangan positif. Negara ini negara yang *the best country, bless by milk, by honey* dan mempunyai segala-galanya.

Kalau sekiranya kita di sini dapat satu padu untuk membangunkan negara, saya yakin *insya-Allah* segala masalah kita dapat diselesaikan. Silakan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Pergi Sabah, Sarawak, baru pergi kot. Itu pun sebab kempen barangkali. Kita sudah pergi lama sudah, kita tahu masalah itu. Sebab itu kita terus perjuangkan apa Yang Berhormat kata tadi. Hanya satu saya hendak buat penjelasan, agak keliru sikit. Adakah Yang Berhormat tadi bersetuju dan mencadangkan bahawa sekolah vernakular sekolah Cina, sekolah Tamil ini boleh didirikan tanpa had. Suka hati ada saja, macam sekolah kebangsaan maksudnya. Adakah itu Yang Berhormat maksudkan. Bila siapa hendak buat, boleh terus buat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya tidak kata siapa yang hendak buat, terus boleh buat. Saya kata mesti mendapat *treatment* yang sama. Itu saja. Mendapat *treatment* yang sama sebab rakyat Malaysia tidak haruslah diberikan mengikut kategori.

Baik Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyinggung dalam masa 16 minit ini tentang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Memang dekat dengan hati saya. Saya

anak petani, saya anak sawah tetapi saya agak terkilan kerana saya melihat bagaimana subsidi baja padi untuk tahun hadapan telah dipotong sebanyak 50 peratus dan seperti yang kita tahu bahawa petani-petani amat bergantung kepada subsidi kerajaan. Kalau sekiranya subsidi dipotong sebanyak 50 peratus, saya yakin, amat yakin sebagai anak petani saya amat yakin bahawa produktiviti kita juga untuk tahun hadapan akan terpotong sebanyak 50 peratus.

Tidak mungkin kalau kita tidak memberikan subsidi baja kepada petani-petani, petani-petani akan dapat membeli baja untuk menampung kekurangan tersebut. Jadi saya minta supaya kerajaan melihat balik bagaimanakah dalam keadaan kita hanyalah mencapai SSL, *self-sufficient level* 70 peratus tetapi kita *cut* subsidi baja padi kepada 50 peratus. Yang ini sesuatu yang amat membimbangkan saya. Begitu juga dengan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) juga kita *cut by* 50 peratus. Jadi ini akan memberikan tekanan yang amat sangat kepada petani-petani kita dan petani-petani kita duduk jauh dari kawasan-kawasan luar bandar dan sudahlah mereka tertekan dengan keadaan kehidupan yang ada sekarang, tetapi untuk *cut* subsidi ini juga suatu yang agak menekan.

Seterusnya ialah subsidi baja padi bukit dan huma. Saya lihat pada tahun 2018, kerajaan memperuntukkan RM70 juta. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan mereka yang terlibat dalam padi huma ini yang berada di Sabah dan di Sarawak. Khususnya di Sabah kita lihat petani-petani ada di Kinabalu, di Tenom, di Tuaran, di Kudat, di Kota Marudu, di Nabawan, Keningau, Kota Belud— ini ialah mereka-mereka yang mengusahakan padi yang kita namakan padi bukit atau padi huma dan saya seperti yang Yang Berhormat Tanjung Karang kata bukanlah kerana pemilihan saja pergi Sabah, Sarawak, saya bekas pegawai kerajaan dulu, Yang Berhormat Tanjung Karang, bekas Pengarah BTN pun. Jadi saya buat kursus-kursus di kawasan-kawasan ini, saya faham.

Jadi sebab itu saya amat faham kalau kita *cut*, apabila kita potong subsidi baja padi dan bukit khususnya padi huma ini, ini akan memberikan tekanan yang amat teruk kepada petani-petani di sana. Saya amat terkejut apabila tidak ada langsung subsidi diberikan kepada mereka dan ini boleh menjejaskan kehidupan mereka termasuklah dua, tiga hari yang lalu saya juga berada di Sarawak. Apabila petani-petani ramai berjumpa saya, khususnya di kawasan Sarikei, Serian. Tuan Yang di-Pertua, lada hitam di sana, di ladang dijual dengan harga RM8 sekilo dan Tuan Yang di-Pertua untuk dapat sekilo lada hitam bukan satu yang mudah dan mungkin juga kalau lada untuk lada putih bolehlah dapat dalam RM12. *But to prepare* untuk dapatkan sekilo lada ini, dia makan masa yang banyak dan saya melihat bagaimana petani-petani ini bekerja amat-amat...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tenat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, *it's very bad*. So saya berharap kerajaan melihat balik untuk memberikan subsidi ini kepada mereka, *please, because to cut this is very bad*. [Tepuk]

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cakap tentang isu NAFAS iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Ini isu yang telah pun saya bawa

dalam sesi yang lalu tetapi nampaknya kerajaan tidak memberikan perhatian dan saya ingin membawa sekali lagi isu ini ke sini.

■1500

Semasa sesi Parlimen yang lalu, saya telah menyebut berkenaan hal ini iaitu hal NAFAS, saya telah menyebut bahawa saya telah melawat kilang yang berada di kawasan saya di DUN Gurun dan saya dapat kilang ini telah diilhamkan penubuhannya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun sendiri, Perdana Menteri sekarang dan dimiliki 100 peratus syarikat ini oleh syarikat tempatan iaitu NAFAS dan Petronas yang telah sekian lama membekalkan baja kepada kerajaan untuk Skim Subsidi Baja Padi. Jadi, saya telah mencadangkan supaya tender tersebut diberikan terus kepada kilang ini memandangkan kilang ini telah sedia mempunyai keupayaan untuk menghasilkan seluruh keperluan baja subsidi di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri malangnya telah tersalah tafsir dan menyebut di Parlimen bahawa saya telah mencadangkan untuk dibuat secara tender terbuka. Saya tidak berada dalam Dewan waktu itu, semasa dia menjawab. Cuma sahabat saya Yang Berhormat Pasir Salak telah menyentuh isu ini dan telah menyebabkan Menteri telah memberikan jawapan bahawa arahan untuk tender terbuka ini dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

Saya percaya arahan ini adalah suatu yang bersifat umum bagi menunjukkan Kerajaan Pakatan Harapan mengamalkan dasar tender terbuka untuk setiap tawaran pembekalan yang dikeluarkan oleh mana-mana kementerian. Bagi Kementerian Pertanian dan Asas Tani, untuk tender pembekalan baja ini, saya cadangkan sekali lagi supaya Kementerian Pertanian untuk mentafsir semula keperluan tender terbuka ini kerana mengikut maklumat yang saya terima daripada pegawai, tender ini tidak diuruskan oleh Kementerian Kewangan tetapi sebaliknya oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri.

Isunya di sini ialah sekiranya tender tersebut dibuka secara terbuka atas alasan untuk mencari harga yang kompetitif, Kementerian Pertanian tentunya boleh berbincang dengan pembekal sedia ada iaitu NAFAS untuk mendapatkan harga yang dipersetujui dan tidak membebankan kewangan negara. Isu yang saya nak bangkitkan ialah NAFAS ini ialah milik petani-petani. Di Tanjong Karang, 900,000 petani-petani menjadi sebahagian daripada keluarga NAFAS. NAFAS ada kilang yang cukup cantik di Gurun dan malah mendapat ISO Standard pun dan NAFAS lah yang membekalkan semua baja-baja yang bersubsidi kepada rakyat dan kerajaan telah pun membelanjakan begitu banyak duit untuk membangunkan kilang NAFAS ini.

Tiba-tiba oleh kerana kononnya ada salah laku yang dilakukan oleh Lembaga Pengarah yang dahulu, maka kerajaan membuat keputusan untuk semua tender bagi tujuan membekalkan baja ini dibuka, termasuklah NAFAS juga menjadi sebahagian kepada *bidder*. Saya rasa ini suatu yang tidak adil. Yang pertama kalau betul-betul nak ambil tindakan, ambil tindakan kepada Lembaga Pengarah siapa yang terlibat. Bawa mereka ke muka pengadilan suruh SPRM masuk dan siasat. Akan tetapi jangan hukum NAFAS *because* NAFAS ialah nadi, *backbone* kepada keseluruhan. Merekalah yang buat baja. Mungkin salah dahulu di beg baja itu ada cap daging.

Akan tetapi takkan kerana cap dacing itu, kita hendak hukum NAFAS. Cap dacing itu zaman dahulu, sekarang kita bubuhlah cap bunga kah, cap kereta api kah.

Itu masalah kecil. Akan tetapi untuk menghukum NAFAS ini, saya rasa ada sesuatu yang tidak kena. Oleh sebab itu saya mintalah supaya Kementerian Pertanian lihat balik tender terbuka, jangan dikenakan sebab kita ada *almost everything down there*. Mereka telah pun berkhidmat dengan baik, tidak ada sebab kenapa harus kita *rock the boat* dalam keadaan 900,000 petani-petani adalah juga ahli NAFAS. Silakan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sungai Petani. Saya rasa lega petang ini apabila Yang Berhormat buat pengakuan bahawa Yang Berhormat tidak mencadangkan tender terbuka untuk baja sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian. Jadi saya ingat walaupun kita berbeza parti tetapi yang ini saya bersetuju penuh dan memang saya rancang untuk bangkit benda yang sama. Akan tetapi oleh kerana Yang Berhormat telah bangkit, saya menyokong penuh.

Sebagai kerajaan, Yang Berhormat pun kuat cakap, kami pembangkang kadang-kadang bercakap orang tidak dengar. Sebagai kerajaan, bolehkah Yang Berhormat pastikan betul-betul bahawa mendesak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, mendesak Kementerian Kewangan supaya bekalan baja ini terus diberikan kepada NAFAS seperti mana yang kita buat sebelum ini.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya dan Yang Berhormat Tanjong Karang, kita anak petani. Soal politik, soal warna, itu soal kedua. Soal penting ialah rakyat di bawah. Saya kira ada benda yang tidak betul, kita sebut tidak betul. Saya mungkin daripada kerajaan sekarang, tetapi ada benda yang kita kena tegur, kita kena tegur. *That is what Parliament is all about*. Tidak mungkin saya akan mempertahankan keputusan kerajaan kalau itu tidak membolehkan manfaatnya pergi kepada rakyat.

Jadi sebab itu saya merayu, supaya kerajaan melihat balik. Oleh sebab *you spent the money to build up NAFAS*, bina kilang, beri segala-galanya, malahan dapat sudah ISO. Tiba-tiba *you* juga kata, oh! Sekarang ini kita buka tender terbuka *because* ada satu *loose screw somewhere there*. *You fix that screw, don't burn the house, you fix that screw*. Itu yang saya minta.

Jadi, akhirnya kita lihat rakyat yang mesti mendapat manfaat daripada apa yang kita usahakan. Saya juga katakan dari awal tadi bukan semua benda BN tidak baik. BN memerintah 61 tahun, takkan semua tidak elok *kot*, ada *loose screw somewhere*. Okey kita *fix* kan *those screw*. Ada benda yang baik kita teruskan seperti saya katakan NAFAS tadi. Apatah lagi NAFAS itu berada di kawasan saya, di Gurun, saya tahu.

Pegawai-pegawainya amat *dedicated*, kawasannya cantik, besar dan luas, sebelah kilang Petronas dan pembekal-pembekal orang kita, pengedar-pengedar kita, *100 percent Malaysian, not even a single Bangladeshi* dalam kilang tersebut, *not even one*. Pekerja-pekerja buruh, pegawai-pegawai dan eksekutif dan orang yang di *sub-con* untuk menghantar baja-baja,

100 percent Malaysian. Bukan saja kuli-kuli atas lori, termasuklah pemilik-pemilik lori dan *driver-driver* lori, *100 percent Malaysian.*

Oleh sebab itu saya rasa kerajaan harus lihat balik sementara kita nak yalah- walaupun kita kata nak jadi hebat, nak buka tender dan sebagainya. Isu-isu ini ialah isu-isu yang dekat dengan kita sementara kita nak naikkan *transparency* dan sebagainya, tetapi ini harus mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri. Saya harap Yang Berhormat Menteri mendengar keluhan kita di sini. Saya terus Yang Berhormat Tanjong Karang, *I promise you*, kita akan terus bawa isu ini hinggalah mereka mendapat keadilan sewajarnya dan..

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan sedikit, satu minit saja Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *Sure*, terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat dan tahniah di atas usaha untuk memastikan kebajikan kaum peladang kita. Saja saya nak tahulah, dengan kerajaan dulu letakkan baja padi ini cap dacing, apakah Kerajaan PH akan ubah cap itu? Saja nak tahu.
[Ketawa]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya orang yang pertama akan tentang habis-habisan [*Dewan tepuk*] kalau sekiranya ada cubaan untuk meletakkan lambang parti di baja tersebut sebab ini ialah duit rakyat, milik rakyat bukan milik parti. Cari lainlah cara lainlah nak *promote* parti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa tiga minit ini saya juga nak merayu supaya harus ada *coordination*. Kadang-kadang dalam membangunkan pembangunan luar bandar, kita selalu sebut kita tidak ada duit. Akan tetapi kita juga melihat ada kementerian-kementerian yang ada *surplus*. Sebagai contoh, apakah jalan di Sabah dan di Sarawak tidak boleh kita gunakan tentera untuk membangunkan jalan tersebut? Askar kita sekarang banyak yang ada program-program tetapi tidaklah pergi perang. Kita ada jentera-jentera berat di dalam Kementerian Pertahanan. Kita ada *engineers*, kita ada macam-macam di Kementerian Pertahanan.

Sekiranya kita ingin melihat bagaimanakah mereka ini boleh kita sepadukan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya kira, saya mencadangkan supaya kita gembelngkan. Janganlah ada harus, ada *of course*, ada – *Little Napoleon here and there*. Akan tetapi sekiranya kita betul-betul sayangkan negara kita, harus kita gembelngkan...

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Supaya contohnya di jalan-jalan di Sabah dan di Sarawak, jambatan-jambatan Sabah dan Sarawak, sekolah-sekolah jambatan Sarawak kita gunakan peruntukan yang kita ada ataupun...

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Sungai Petani minta lalu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Kelebihan yang kita ada di Kementerian Pertahanan supaya dapat membantu melaksanakan tugas-tugas yang mungkin di peringkat

Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak mempunyai cukup bajet dan sebagainya. Silakan Yang Berhormat Padang Serai.

■1510

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya rasa satu cadangan yang baik. Benda ini pernah dilakukan di waktu semasa kita berperang dengan komunis— kerja-kerja jiwa murni— di mana anggota tentera telah digunakan terutama sekali tentera dalam Kor Jurutera, dalam lain bahasa kita katakan *engineers*. Mereka kendalikan projek-projek jalan, sekolah-sekolah, surau, masjid, jambatan dan pelbagai mereka lakukan tapi pada masa ini mereka tidak digunakan sepenuhnya. Kalau kita tidak gunakan mereka, di manakah mereka boleh dapat *skill*? Inilah masa dan peluang kita menggunakan mereka. Ini adalah cadangan saya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Sungai Petani, sikit sahaja. Saya menyokong cadangan itu. Sebenarnya kita dah buat pun sebelum ini tentang jiwa murni yang dilakukan oleh angkatan tentera. Saya bersetuju.

Satu lagi tentang NAFAS tadi. NAFAS ini 80 peratus milik Persatuan Peladang dan 20 peratus milik Petronas. Bukan hanya NAFAS buat baja padi tapi juga baja getah dan baja sawit ya. Padi, getah dan sawit. Saya dah melawat pada tahun 2017. Saya setuju apa yang Yang Berhormat Sungai Petani cadangkan itu. Terima kasih.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Silakan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Sebab disebut tadi negeri Sabah kan. Jadi, saya ucap terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat Sungai Petani tadi menggunakan tentera dan sebagainya. Akan tetapi dalam masa yang sama, saya juga inginkan supaya oleh kerana kita banyak minyak daripada negeri Sabah ini, jadi apa salahnya— janganlah setakat tentera sahaja, gunalah dan bagilah duit itu banyak-banyak lagi kepada negeri Sabah sebab hasil daripada Sabah dikeluarkan daripada Sabah itu bagi balik kepada Sabah supaya kita dapat buat banyak lagi pembangunan untuk negeri Sabah. Jadi dalam Kerajaan Malaysia baharu ini kena bagi lebih lagilah. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. *As / said, what is yours, is yours* seperti termaktub dalam Perlembagaan. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberikan masa dan saya ucap terima kasih kepada teman-teman yang telah pun mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Nerus. Yang Berhormat Kuala Nerus tidak ada dalam Dewan, saya bagi Yang Berhormat Kubang Kerian.

3.12 ptg.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana memberi ruang bagi membahaskan Bajet 2019 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan baru ini.

Soal yang pertama ialah aspek yang perlu diberi perhatian dalam kita menguruskan kewangan negara. Kita adalah pemegang amanah yang telah diletakkan tanggungjawab oleh Allah SWT di atas muka bumi. Dalam kerangka kita memakmurkan muka bumi, kita mestilah tidak lepas daripada melaksanakan tanggungjawab khalifatullah atau khalifah di muka bumi. Amanah ini merupakan suatu tanggungjawab yang besar, yang bukan hanya dipertanggungjawabkan kepada kita di dunia tetapi turut akan ditanya oleh Allah SWT di hari akhirat.

Kerajaan merupakan pemegang amanah bagi melaksanakan dan mengagihkan kekayaan negara. Bagi memastikan bahawa setiap rakyat tidak dizalimi, tidak dianiayai dalam agihan tersebut, maka semua nilai-nilai baik yang ada sama ada oleh kerajaan lama atau kerajaan baharu merupakan suatu nilai yang universal yang perlu diterima. Bagi saya, apa yang disebut dalam hadis Nabi SAW... *[Membaca sepotong hadis] "Hikmah ialah sesuatu yang hilang daripada orang mukmin di mana kita perolehi maka kita berhak mengambilnya"*. Dengan kata lain bahawa daripada mana sekali pun nilai baik tetap baik sepanjang waktu.

Dalam pengurusan ekonomi ini, terdapat beberapa nilai yang perlu diterapkan dalam ekonomi negara iaitu nilai rabbani, nilai akhlak, nilai kemanusiaan dan nilai keseimbangan. Peranan nilai sangat penting dalam aktiviti ekonomi supaya tidak menzalimi pelbagai pihak sama ada kerajaan, swasta dan rakyat. Setiap peringkat ekonomi seperti pengeluaran, penggunaan, pemilikan, pengawasan prasarana dan pengagihan mestilah dipandu oleh nilai-nilai ini. Dengan kata lain bahawa kita tidak boleh mengetepikan nilai dan panduan yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada kita. Kefahaman asas yang perlu dicermati ialah ekonomi ialah salah satu bahagian dalam kehidupan, ia bukan tujuan atau matlamat bagi segala-galanya tetapi ia merupakan sarana bagi mencapai matlamat hidup yang lebih tinggi.

Oleh itu, tugas manusia bukan hanya semata-mata makan, tidur, kerja dan mencari kesenangan, sebaliknya hidup kita ialah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT, mengerjakan kebaikan, mencegah kemungkaran dan berpegang teguh dengan ajaran agama. Sebagaimana Firman Allah Taala... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Tidak aku jadikan manusia dan jin melainkan untuk mereka mengabdikan diri kepada Allah"*.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2019 diunjurkan meningkat 10.7 peratus berbanding tahun 2018 iaitu daripada RM236.4 bilion kepada RM261.8 bilion. Walaupun begitu, Kerajaan Persekutuan dilihat terpaksa meluaskan pelbagai mekanisme hasil bagi menampung kehilangan kira-kira RM20 bilion akibat daripada pemansuhan GST dan pengecualian cukai selama tiga bulan disebut sebagai *tax holiday* pada bulan Jun hingga Ogos yang lalu.

Bagi mengatasi kehilangan RM20 bilion ini, kerajaan terpaksa melaksanakan pelbagai insentif baharu dan cukai baharu. Ini perlu diteliti kerana ia akan membuka ruang dalam pasaran *black economy* menerusi penipuan cukai dan mempunyai isu ketidaktelusan yang jauh lebih besar dalam sistem SST yang diamalkan sekarang.

Mungkin tidak ada negara di dunia yang mengubah sistem cukai daripada SST kepada GST dan mengembalikan semula sistem kepada SST melainkan Malaysia. Dengan kata lain bahawa kita mengakui bahawa kelemahan sistem SST menyebabkan kita bertukar kepada GST. Walau bagaimanapun, apa yang penting bagi rakyat ialah sejauh mana perubahan sistem ini memberi manfaat kepada mereka mengurangkan kos hidup dan meningkatkan pendapatan bagi perbelanjaan. Disebabkan itu, kita lihat Kerajaan Persekutuan terpaksa memperkenalkan lebih banyak mekanisme hasil yang baharu seperti mana yang dinyatakan dalam pembentangan bajet yang lalu.

Berdasarkan bajet tersebut, terdapat sekurang-kurangnya 10 inisiatif berkaitan cukai dan bukan cukai yang akhirnya memangsakan rakyat. Walaupun GST telah dihapuskan, akhirnya rakyat menerima tekanan yang sama dengan pelbagai inisiatif baharu yang diambil oleh kerajaan. Contohnya pengenalan cukai digital, cukai perkhidmatan import, cukai soda, cukai keuntungan harta tanah lebih enam tahun dan levi pelepasan ke luar negara. Ini tidak termasuk penarikan subsidi petrol, pemansuhan subsidi dan pengurangan bantuan yang lain serta pembatalan pengecualian cukai. Begitu juga dengan tindakan mudah kerajaan untuk menjual aset yang merupakan perkara yang ditimbulkan oleh pelbagai pihak kebimbangan terhadap usaha ini.

Saya ingin mengajak kita semua untuk berfikir di luar daripada kerangka sistem percukaian yang ada kerana kaedah percukaian dalam Islam ialah dikenakan kepada golongan kaya yang diambil dan diberi kepada golongan miskin. [*Membaca sepotong Hadis*] “*Ambillah daripada orang kaya di kalangan mereka dan diberi kepada golongan miskin di kalangan mereka*”. Berbeza dengan kaedah sistem percukaian yang diamalkan dalam sistem kapitalis.

Lantaran itu, PAS mencadangkan suatu kajian perlu dibuat bagi pengenalan cukai pegangan dan keuntungan saham dan cukai simpanan korporat yang hanya difokuskan kepada golongan yang *super* kaya, yang maha kaya atau golongan lebih daripada harta yang dimiliki dalam kadar 2.5 peratus sebagaimana yang dianjurkan dalam sistem Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga bersetuju supaya tindakan kerajaan menyemak semula kos projek mega seperti yang dilakukan dalam kes LRT3, MRT2 dan ECRL. Rasionalisasi kos mesti dijalankan dengan telus untuk mengelak salah faham dan kekeliruan.

■1520

Kerajaan juga perlu membezakan apa yang dimaksudkan dengan penjimatan atau *downgrading*. Mengekalkan spesifikasi projek dengan kos yang lebih rendah adalah penjimatan yang sebenar. Terkadang kita dikelirukan dengan istilah kononnya kerajaan berjimat. Sebenarnya kerajaan hanya mengecilkan yang menyebabkan kosnya berbeza.

Berhubung dengan isu projek tersebut, rakyat juga berhak tahu berapakah jumlah pampasan yang dibayar kepada syarikat daripada China dan *Singapore* akibat daripada

penangguhan atau pembatalan projek seperti HSR, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Saluran Paip Gas Trans – Sabah (TSGP). Kita juga mendesak kerajaan untuk menyenaraikan projek-projek yang diperolehi oleh kontraktor daripada China di seluruh negara yang melibatkan pengambilalihan tanah dan mekanisme pembiayaan projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan kerajaan mendesak Petronas dengan meminta dividen khas berjumlah RM30 bilion merupakan satu tindakan yang dilihat sangat tidak wajar. Petronas telah membayar RM24 bilion dividen pada bulan Ogos. Sebanyak 50 peratus lebih tinggi daripada tahun 2017. Tindakan Kerajaan Persekutuan bakal mengulangi sikap tindakan kerajaan yang lampau yang menjadikan Petronas sebagai badan bagi *bailout* syarikat-syarikat yang bermasalah pada waktu itu seperti Bank Bumiputera dan PERWAJA.

Lanjutan itu, ini juga menjadi satu signal yang sesuai untuk kita menilai kembali kedudukan Petronas di bawah badan eksekutif. Aset terbesar negara ini harus diperlakukan di bawah badan legislatif bagi menentukan dan menjelaskan isu yang melibatkan agihan isu dividen sebagai contoh royalti dan keputusan pelaburan yang strategik boleh dipertanggungjawabkan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi peruntukan perbelanjaan pula, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM314.55 bilion tidak termasuk simpan luar jangka sebanyak RM2 bilion. Sebanyak RM298.5 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus manakala sebanyak RM54.7 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan. Peruntukan perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak 10.4 peratus berbanding tahun 2018 manakala peruntukan perbelanjaan membangun menurut secara marginalnya 0.4 peratus dalam tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi peruntukan perbelanjaan Persekutuan, kerajaan masih mengekalkan nisbah peratusan perbelanjaan mengurus dan pembangunan sebanyak 80:20 yakni 80 peratus kepada perbelanjaan yang dikenakan bagi pengurusan dan pembangunan sebanyak 20 peratus. Apa yang penting untuk kita nilai ialah tiadanya suatu projek yang besar bagi merangsang pembangunan wilayah yang seimbang di antara wilayah Pantai Barat dan Pantai Timur dan termasuk juga Sabah dan Sarawak. Saya setuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat Rembau dalam ucapan beliau pada pagi tadi bahawa perlunya ada satu projek bagi merangsang pembangunan wilayah yang seimbang sebagaimana komentar Perdana Menteri waktu membahaskan dan mengkaji Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas.

Lantaran itu, di antara projek yang besar yang boleh membangunkan kawasan di Pantai Timur khususnya ialah menggalakkan pembangunan hab halal. Malaysia mempunyai potensi besar dalam industri hab halal. Asas kepada usaha besar ini telah pun dibina oleh kerajaan yang lalu. Pengenalan pelbagai koridor dengan perancangan yang sangat hebat perlu dijayakan. Antaranya menjadikan Koridor Pantai Timur sebagai pusat hab halal negara perlu diteruskan dan dijayakan. Adalah lebih baik bagi kerajaan membelanjakan dana negara kepada industri yang tertentu menjana pendapatan besar daripada terlibat dalam industri yang perlu bersaing di pasaran antarabangsa.

Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, suatu projek besar mesti dijayakan dalam koridor yang telah disusun oleh kerajaan yang lampau supaya pembangunan wilayah yang seimbang dapat diteruskan dalam pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian berhubung dengan beberapa tindakan-tindakan yang telah pun dibuat oleh kerajaan sebelum ini termasuklah beberapa isu yang melibatkan golongan B40. Dalam pembentangan belanjawan yang dibuat dan kenyataan daripada pihak Menteri mendapati kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan harga lantai bagi harga getah. Hari ini penoreh getah di antara golongan yang sangat tertekan dengan kos hidup yang sangat berat dan pendapatan mereka yang sangat merosot. Dengan harga semasa RM1.80 sen sekilogram, kehidupan rakyat sangat terbeban. Saya tidak pernah menemui kegelisahan rakyat sebagaimana waktu ini. Kita menyaksikan bagaimana mereka datang mengadu dan menangis menyatakan masalah yang mereka hadapi. Walaupun kerajaan menyebut terpaksa membelanjakan RM2.5 bilion setahun sekiranya harga lantai dihadkan kepada kadar RM4 sekilogram.

Namun, apa yang penting bagi kerajaan menilai ialah RM2.5 bilion setahun itu manfaatnya kepada 124,000 pekebun-pekebun kecil. Saya fikir kerajaan mesti serius menyediakan dana dalam waktu ini bagi meletakkan harga lantai bagi getah pada kadar RM4 sebagaimana disarankan oleh Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Getah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, peruntukan perbelanjaan bagi objek pembelian aset juga boleh dipertikaikan. Sebagai contoh, pembelian aset di Kementerian Kewangan meningkat sebanyak 8,600 peratus daripada anggaran asal tahun 2018 sebanyak RM4.6 juta kepada RM198 juta pada tahun 2019. Apakah perbelanjaannya? Pertama, RM5.5 juta untuk pembelian aset Kastam Diraja Malaysia. Kedua, pembelian aset teknologi maklumat di bawah Perkhidmatan Perakaunan sebanyak RM190 juta. Persoalannya, apakah perkara ini sangat wajar kita meletakkan satu peruntukan yang terlalu besar dalam situasi negara berdepan dengan pelbagai masalah sebagaimana yang dilaporkan.

Dalam perbelanjaan mengurus, paling *significant* ialah peruntukan sebanyak RM37 bilion untuk mengembalikan semula cukai pendapatan sebanyak RM18 bilion dan tunggakan cukai input GST sebanyak RM19 bilion. Hal ini masih dalam pertikaian dan siasatan SPRM. Namun, berapakah tunggakan sebenarnya? Mengikut kenyataan Menteri Kewangan, tunggakan cukai pendapatan dan cukai keuntungan harta tanah sebanyak RM16 bilion sahaja dan bukanlah RM18 bilion sebagaimana yang disebut dalam pembentangan belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara besar juga yang perlu diberi perhatian ialah soal cadangan pihak kerajaan untuk bersaing di pasaran antarabangsa dalam pembinaan kereta ketiga. Saya melihat bahawa kita sebenarnya sudah ketinggalan dari sudut pembinaan kereta ketiga tetapi kita masih mempunyai ruang yang besar dari sudut menyediakan kemudahan-kemudahan yang lain dalam teknologi maklumat.

Sebagai contoh, Syarikat SilTerra yang sudah menelan khazanah sebanyak RM5.5 bilion memerlukan kerajaan memberikan nafas baru untuk terus berkembang. Dengan melibatkan ia

dalam Projek Kereta Nasional Ketiga hanya akan melelemkannya kerana matlamatnya akan tersasar. Akan tetapi Syarikat SilTerra boleh menumpukan kepada industri automotif dalam semikonduktor bagi sudut pembinaan teknologi dan penghasilan cip-cip dan sensor automatif yang bakal digunakan dalam setiap kereta pada abad yang akan datang dan bukannya pembinaan kereta nasional ketiga.

Selepas minyak, industri semikonduktor adalah industri yang sedang berkembang pesat dan akan menjadi nadi kepada mana-mana negara yang menerajuinya. Di barat, ia disebut sebagai *the next black gold*. Lantaran itu, kerajaan perlu memberi perhatian dan menumpukan kepada pembinaan teknologi ini bagi menghadapi persaingan pada masa hadapan.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, di samping beberapa aspek yang saya timbulkan, maka kerajaan juga perlu meneliti kembali kepada beberapa tindakan-tindakan dan saranan termasuklah tindakan atau cadangan bagi menghapuskan hukuman mati mandatori yang dicadangkan oleh pihak kementerian. Saya melihat bahawa hukum mati merupakan salah satu hukuman yang ada dalam setiap agama apatah lagi dalam Islam.

Walau bagaimanapun kita melihat bahawa peningkatan kadar jenayah termasuklah isu yang terakhir baru-baru ini yang memerlukan kerajaan meneliti kembali cadangan tersebut. Dalam Islam terdapat beberapa kesalahan yang dikenakan hukum mati tetapi ia tidak bersifat mandatori kecuali satu iaitu hukuman dalam kes seorang suami yang melakukan perzinaan dengan wanita lain sedangkan dia sudah ada isteri.

Adapun soal *qisas* sebagai contoh, dia masih lagi mempunyai ruang sama ada dapat membayar *diyat* ganti rugi ataupun mendapat pengampunan daripada keluarga mangsa. Manakala soal kesalahan-kesalahan lain perlu diteliti oleh kerana itu saya suka mencadangkan supaya sebuah jawatankuasa Parlimen di tubuh bagi meneliti kajian tersebut secara mendalam kerana kesannya sangat besar kepada masyarakat. Kita tidak mahu menyampaikan maklumat yang salah kepada rakyat, khususnya kepada penjenayah. Berita penghapusan hukuman mati akan menggembirakan penjenayah dan akan mendukacitakan mangsa, lantaran itu saya mencadangkan supaya suatu penelitian dibuat terhadap kajian berhubung dengan cadangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya melihat bahawa pembentangan belanjawan yang dibuat baru-baru ini walaupun tidak ada suatu gagasan besar bagi mencari dan menambahkan sumber baru dana negara hanya berlegar dalam konteks cukai dan hasil daripada Petronas, namun kerajaan perlu memikirkan mekanisme baru bagaimana untuk membangunkan dan mencari punca-punca baru bagi menggalakkan peningkatan hasil dalam konteks negara kita.

Semoga belanjawan dibentangkan itu benar-benar dapat manfaat kepada rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lanang, selepas itu Yang Berhormat Petrajaya. Sila.

3.32 ptg.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2019.

Tuan Yang di-Pertua, pada 5 November 2018 saya menerima satu aduan di mana seorang perempuan berumur 19 tahun dirogol oleh seorang anggota polis di dalam tandas Balai Polis Pusat Sarikei. Laporan polis telah dibuat dengan nombor *report* Sarikei/00337/18 bertarikh 29 Oktober 2018. Kes ini berlaku pada 29 Oktober 2018 semasa perempuan tersebut ketinggalan bas semasa bas tersebut berhenti untuk rehat di Sarikei.

Untuk makluman bas tersebut menuju ke Sibu dari Kuching. Beliau seterusnya menahan kereta di jalan raya untuk mendapat pertolongan kerana wang dan telefon pintarnya turut ketinggalan dalam bas. Kemudian beliau mendapat pertolongan bantuan dan menaiki kereta bernombor plat, QTR 4415 yang dibawa oleh seorang lelaki. Lelaki tersebut meminjamkan telefon pintarnya untuk si mangsa menghubungi kakaknya. Lelaki tersebut kemudian membawa mangsa pergi ke pejabatnya dan mencabul kehormatannya semasa keretanya parkir di hadapan pejabatnya iaitu Balai Polis Pusat Sarikei. Lelaki tersebut kemudian mengarahkan mangsa ke tandas Balai Polis Pusat Sarikei dan merogolnya. Selepas itu lelaki itu memberi RM30 kepada mangsa untuk balik ke Sibu.

Saya dimaklumkan bahawa anggota di Balai Polis Pusat Sarikei tidak profesional dalam menangani kes ini kerana mereka cuba memujuk mangsa dan keluarganya supaya memberi peluang kepada suspek dan menarik balik *report* tersebut. Mangsa juga memberitahu saya bahawa semasa Sarjan Noraini mengambil keterangan daripadanya tiba-tiba dua orang pegawai polis lelaki masuk ke dalam bilik tersebut dan salah seorang asyik menuduh mangsa bercakap bohong sehingga mangsa takut untuk mengatakan apa yang telah terjadi kepadanya.

Saya juga dimaklumkan bahawa beberapa orang pegawai polis cuba memujuk mangsa untuk tidak mengambil tindakan terhadap suspek dengan mengatakan bahawa suspek akan pencen beberapa tahun lagi. Salah seorang pegawai polis juga mengatakan bahawa boleh bagi RM500 untuk *settle the case*. Kes rogol merupakan kes jenayah yang serius apatah lagi ianya dilakukan oleh anggota polis sendiri. Maka bukan sahaja perlu dipandang serius malah perlu diambil tindakan tegas juga.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Sarikei hendak mencelah.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Sekejap, sekejap. Seorang lagi pegawai polis juga memaksa mangsa untuk mengatakan bahawa mangsa kenal dengan suspek padahal mangsa langsung tidak mengenali anggota polis tersebut. Akan tetapi mangsa mempunyai gambar suspek. [*Sambil menunjukkan sekeping gambar*] Ini suspek kerana apabila meminjam telefon pintar suspek, mangsa telah menghantar satu gambar suspek daripada telefonnya kepada kakak mangsa.

Selain itu, saya diberitahu oleh Yang Berhormat Sarikei bahawa seorang pegawai polis yang bernama Inspektor Jonathan telah pergi ke pejabat Ahli Parlimen Sarikei dan memberitahu bahawa mangsa telah bersetuju untuk *settle out of court*. Yang Berhormat Sarikei.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Sarikei.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ada satu pegawai polis bernama Inspektor Jonathan bahawa suspek ada pergi pejabat Sarikei, pejabat saya di Sarikei. Dia mengatakan itu mangsa rogol bersetuju *settle out of court* but saya belum pernah jumpa mangsa rogol. Mana saya tahu dia setuju atau tidak setuju, *but* saya fikir ini kes jenayah serius. Saya rasa polis tidak sepatutnya datang ke pejabat saya untuk runding *settle out of court* kerana ini kes rogol, kes jenayah serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, cuba ringkaskan.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: ...Perlu disiasat dengan serius, apa pandangan Yang Berhormat Lanang.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Saya tidak faham kenapa ini boleh berlaku. Apabila mangsa dan kakak mangsa tidak pernah bersetuju untuk menyelesaikan masalah ini di luar mahkamah. Saya juga dimaklumkan bahawa CCTV di balai polis tersebut tidak berfungsi maka tiada rakaman video untuk siasatan. Sememangnya ini bukan kali pertama CCTV di balai polis tidak berfungsi.

Pada tahun 2017, kes pembunuhan pegawai polis di Balai Polis USJ pun tidak dapat dikesan kerana CCTV tidak berfungsi. Alasan yang diberi oleh Timbalan Menteri KDN pada masa itu ialah kekurangan peruntukan. Memandangkan sekarang ialah era Malaysia baharu, perkara seperti ini harus dibendung daripada terus berlaku lagi. Maka saya menggesa agar kerajaan memastikan CCTV di semua balai polis berfungsi dengan baik dan bukan hanya untuk hiasan semata-mata.

Kejadian ini amat dikesali apakah SOP PDRM dalam menyiasat dan mengambil keterangan daripada mangsa seperti dalam kes ini. Adakah mangsa akan diberi perlindungan yang mencukupi di bawah SOP ini? Bukankah polis sepatutnya menegakkan keadilan untuk semua rakyat mengikut peruntukan di bawah Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah? Adakah PDRM akan cuba menyorok salah laku anggotanya sedangkan PDRM perlu menjunjung kedaulatan undang-undang dan menyiasat setiap satu kes yang melibatkan anggotanya tanpa berat sebelah untuk menegakkan keadilan?

Saya juga dimaklumkan bahawa suspek telah mengaku kepada kakak mangsa bahawa dia ada mengadakan hubungan seks dengan mangsa. Sama ada hubungan seks itu dilakukan secara paksaan atau tidak ianya adalah tidak boleh diterima dan salah dari segi moral dan undang-undang. Memandangkan PDRM Sarikei gagal bertindak adil dan profesional saya mendesak Kementerian Dalam Negeri campur tangan dan memulakan siasatan disiplin terhadap kes ini.

Saya juga menggesa kerajaan untuk mempercepatkan penubuhan IPCMC bukan sahaja untuk menyiasat suspek tersebut tetapi mereka yang lain di Balai Polis Sarikei yang cuba

menyorok kes tersebut malahan untuk melindungi nama baik PDRM diangkat dan tidak harus ianya sekalipun dicalar kambing hitam pada masa-masa hadapan. Untuk makluman, anak kepada suspek juga merupakan seorang anggota polis yang bertugas di Sarikei. Untuk memastikan *there is no conflict of interest*, saya mencadangkan supaya Bukit Aman mengambil alih siasatan kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Ogos yang lalu, Perdana Menteri telah mengumumkan 3,407 pemastautin tetap (PR) berketurunan India berusia 60 tahun ke atas yang memegang kad pengenalan merah mendapat pengiktirafan kewarganegaraan di kawasan Lanang. Saya percaya di tempat-tempat lain di seluruh Malaysia baik bandar atau desa, Semenanjung atau Sabah, Sarawak, Cina, India, Kadazan, Dusun, Murut atau Iban, Bidayuh, Penan malahan kaum Melayu Melanau masih ramai lagi di golongan usia emas yang berhadapan dengan masalah yang sama kerana tiada dokumen pengenalan diri yang mencukupi atau dokumen pengenalan yang sah.

Selain itu, kaum remaja dan kanak-kanak kecil juga tidak terlepas daripada masalah yang sama berikutan dengan sebab-sebab yang sama. Oleh kerana silap dan salah orang dewasa mereka yang kecil dan tidak berdosa ini dihukum. Tanpa status warganegara mereka menjadi sebahagian daripada statistik *undocumented children* atau *stateless children*.

■1540

Nasib mereka menjadi tidak menentu dan mereka mudah terjerumus dalam gejala sosial dan jenayah. Saya amat menghargai tindakan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberikan peluang untuk golongan ini untuk belajar sehingga mereka berjaya menamatkan pelajaran mereka di Tingkatan Lima akan tetapi, ini hanya menyelesaikan sebahagian daripada masalahnya sahaja. Hakikatnya kementerian perlu mempermudah dan bukan menyekat dan merumitkan permohonan-permohonan kewarganegaraan khususnya oleh penduduk di kawasan Lanang ini. Saya telah dimaklumkan ramai yang telah melengkap semua proses pengambilan anak angkat (*adoption*), namun tempoh masa menunggu sangat lama dan saya khuatir ini akan menggalakkan sindiket penjualan bayi untuk terus beroperasi secara haram.

Oleh itu, saya ingin tahu apakah KPI yang ditetapkan oleh kementerian untuk meluluskan permohonan kewarganegaraan bagi anak-anak yang diambil sebagai anak angkat. Pada masa yang sama, terdapat sindiket-sindiket yang mengambil kesempatan ke atas golongan yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri ini sebagai orang tengah atau broker untuk mempercepatkan permohonan kewarganegaraan terutama sekali di kawasan pendalaman. Selagi prosedur ini tidak telus dan tidak dipermudahkan, selagi itulah sindiket-sindiket ini mengambil kesempatan untuk terus menipu mereka yang tidak berdosa ini. Satu lagi isu adalah isu kad perjalanan perniagaan APEC.

Saya menerima aduan bahawa sudah beberapa bulan Jabatan Imigresen tidak dapat mengeluarkan kad APEC. Laman Jabatan Imigresen juga mencatat dengan izin, "*Please be informed that the issuance of APEC Business Traveller Card ABTC are temporarily suspended due to unavoidable circumstances from 18 June 2018 until further notice*".

Saya dimaklumkan bahawa hal ini terjadi kerana tidak cukup bajet untuk membeli kad berkenaan. Jadi, saya minta penjelasan tentang kad APEC ini. Isu seterusnya ialah isu sekolah daif di Sarawak. Pada Januari 2016, mantan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Pekan ketika mengadakan lawatan ke sekolah daif di Sarawak mengumumkan peruntukan RM12 juta bagi memperbaiki enam sekolah.

Secara purata, satu sekolah lebih kurang RM2 juta. Pada Jun 2017 pula, Menteri Pendidikan Sains dan Pendidikan Teknologi, Dato' Sri Michael Manyin Jawong mengumumkan RM4 bilion diperlukan untuk membaik pulih dan membina semula 415 sekolah daif kritikal iaitu RM10 juta bagi sebuah sekolah. Manakala 28 Oktober 2017, apabila RM1 bilion diumumkan dalam Bajet 2018, Menteri Muda Penyelidikan Teknologi berkata RM1 bilion itu hanya cukup untuk membina semula atau membaik pulih 50 sekolah. Maksudnya, secara purata RM20 juta bagi sebuah sekolah. Hanya dalam tiga bulan kos pembinaan telah meningkat sebanyak dua kali ganda.

Baru-baru ini Kerajaan Negeri Sarawak pun mengumumkan peruntukan kos membina semula SK Ulu Segan Bintulu ialah RM40 juta, manakala SK Maludam Betong RM48 juta. Saya memang menyokong niat baik mereka yang ingin membela nasib para pelajar dan ingin menyediakan persekitaran yang selesa untuk para pelajar. Akan tetapi, kenapa jumlah yang begitu besar untuk dua buah sekolah tersebut? Adakah projek ini dibuat secara tender terbuka? Saya ingin minta kementerian untuk memberi penjelasan dan maklumat yang terperinci kerana ini semua duit rakyat. Tambahan pula, jawapan yang diterima oleh saya yang bertarikh 25 Oktober 2018 menyatakan pada tahun 2018, RM500 juta diperuntukkan untuk membaik pulih 116 buah sekolah daif di Sarawak.

Jadi, saya memohon agar diberikan jawapan bertulis tentang pembahagian atau pengagihan peruntukan kepada sekolah-sekolah daif di Sarawak serta senarai perbelanjaan yang telah digunakan untuk membaiki atau membina semula setiap buah sekolah daif ini. Selain itu, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sama ada berlakunya percanggahan maklumat atau data yang berkaitan sekolah-sekolah daif di Sarawak antara Kementerian Pendidikan Persekutuan dengan Kementerian Pendidikan di Sarawak. Ini kerana jelas wujud satu percanggahan info antara kedua-dua pihak ini mungkin dapat mendatangkan kesulitan dalam usaha membaiki sekolah-sekolah daif di Sarawak.

Saya juga ingin tahu, berapakah jumlah peruntukan yang akan diberi untuk membaik pulih sekolah daif di Sarawak dan jumlah sekolah yang akan diperbaiki pada tahun 2019? Dan adakah RM500 juta yang dijanjikan oleh kerajaan sebelum ini masih diperuntukkan untuk membaik pulih sekolah-sekolah daif di Sarawak? Isu seterusnya adalah isu penempatan guru. Saya ingin tahu sudah berapa peratus guru berasal dari Sarawak ditempatkan di Sarawak sehingga tahun 2018. Persoalan ini saya bangkitkan kerana ramai lagi guru kelahiran Sarawak yang berkhidmat di negeri lain terutamanya negeri Johor. Mereka berhasrat untuk kembali berkhidmat di Sarawak, tetapi permohonan mereka ditolak, seterusnya menyebabkan sekolah-sekolah di kawasan pendalaman Sarawak menghadapi kesuntukan tenaga pengajar.

Oleh itu, saya ingin bertanya apakah kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi? Adakah sasaran untuk menempatkan 90 peratus guru kelahiran Sarawak untuk kembali berkhidmat di Sarawak telah dipenuhi ataupun kementerian akan mempertimbangkan untuk menaikkan sasaran ini daripada 90 peratus ke 95 peratus atau 100 peratus? Cadangan ini juga boleh membantu Kementerian Pendidikan untuk menjimatkan elaun yang diberikan kepada guru-guru yang mengajar di negeri lain. Penjimatan ini pasti akan menguntungkan kementerian juga kerana wang yang telah diijimatkan boleh dibelanjakan untuk tujuan-tujuan lain yang lebih penting.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Lanang...

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: ...Saya ingin mencelah sedikit.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Tidak ada masa.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Berkenaan tentang...

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Tidak cukup, tidak cukup masa.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: ... enrolmen guru.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Saya ada empat kes lagi.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kita ada dua IPG yang ditutup.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya tidak lengkap kalau saya tidak menyentuh hal harga tambang penerbangan yang mahal di Sibiu. Isu ini dibangkitkan sejak tahun 2013 tetapi kerajaan seolah-olahnya memandangkan remeh terhadap isu ini. Pada bulan September tahun ini, Menteri Pengangkutan mengumumkan bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk memperkenalkan harga siling kepada tambang penerbangan dan sebaliknya mencari alternatif lain di dalam mengawal hal harga tiket terutama ketika musim perayaan. Contohnya syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk meningkatkan kapasiti penerbangan domestik sebanyak 20 peratus pada musim perayaan.

Manakala tiket akan mula dijual pada Oktober pada tahun ini sebelum Tahun Baru Cina. Akan tetapi sampai hari ini, tiket untuk penambahan kapasiti penerbangan belum lagi dijual dan rakyat Sibiu sedang menantikannya. Saya amat berharap penambahan kapasiti penerbangan dapat menurunkan harga tiket pada musim perayaan dan ia perlu disegerakan. Selain itu saya telah menerima banyak aduan terhadap perkhidmatan MASwings yang sering kali dilengahkan tanpa alasan terutamanya penerbangan dari Sibiu ke Kota Kinabalu, Sibiu ke Bintulu dan sebagainya. Di sini saya turut berharap agar kementerian dapat mengambil tindakan terhadap MASwings supaya perkhidmatan mereka dapat dipertingkatkan memandangkan kebanyakan laluan penerbangan di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah hanya disediakan oleh MASwings sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah banyak menerima aduan mengenai isu lampu *high-intensity discharge* (HID) yang dipasang di atas kereta sebagai aksesori *retrofit* yang jelas mengganggu penglihatan dan seterusnya memudaratkan pengguna jalan raya yang lain. Penguatkuasaan JPJ dalam hal ini masih kurang berkesan. Seorang pengadu mengadu kepada saya bahawa beliau sendiri pergi ke pejabat JPJ untuk membuat aduan dan kecewa kerana di

suruh untuk mencatat nombor plat kereta yang memiliki HID dan memberikan kepada mereka. Saya rasa layanan sambil lewa ini adalah tidak profesional dan tidak masuk akal kerana hanya JPJ yang boleh mengadakan sekatan jalan raya, *roadblock* pada waktu malam dan mengenal pasti pemandu atau kenderaan yang dipasang lampu HID ini.

Saya juga mencadangkan supaya pemilik kereta HID di saman dan diberi masa untuk memasang lampu kereta yang dibenarkan. Kereta mereka kemudiannya perlu di bawa balik ke JPJ untuk semakan dalam tempoh yang ditetapkan. Kalau mereka masih berdegil, JPJ boleh menggantung lesen pemandu dan lesen kenderaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju dengan peraturan pemasangan kerusi keselamatan bayi mulai tahun 2020. Akan tetapi, masih lagi rakyat B40 tidak mampu membeli *baby car seat*. Sebagai contoh, adakah sebuah keluarga dengan empat orang anak kecil mampu membeli kerusi keselamatan bayi yang secukupnya? Dan apakah had umur kanak-kanak yang wajib duduk di kerusi keselamatan tersebut?

Bagaimana pula dengan keluarga yang beranak kembar? Satu kajian perlu dijalankan untuk memperhalus syarat-syarat ini sebelum ia diwajibkan pada tahun 2020. Saya juga ingin mencadangkan supaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh memberi subsidi dan bantuan kepada keluarga B40 supaya mereka juga mendapat bantuan yang sewajarnya demi keselamatan anak mereka.

Isu seterusnya ialah isu pengenalan pas bulanan tanpa had perjalanan. Saya amat bersetuju dengan program ini yang memang akan membawa banyak manfaat kepada rakyat kita. Akan tetapi, program ini hanya memanfaatkan penduduk di Semenanjung Malaysia dan juga anak-anak Sabah dan Sarawak yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Jadi saya berharap agar pengangkutan awam di Sarawak juga boleh dimajukan supaya seluruh rakyat Malaysia dapat menikmati program tersebut di mana-mana tempat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era Malaysia baharu ini memang kita lama mengidamkan agenda pembaharuan dan *reform* untuk Dewan yang mulia ini. Waktu persidangan yang terlalu panjang bukan sahaja akan mengurangkan produktiviti dan kualiti perbahasan, malahan ia sesuatu yang agak membimbangkan Ahli Parlimen wanita yang juga ibu muda seperti saya.

■1550

Maka, saya berharap agar Dewan menambahkan hari persidangan dan jangan selalu melanjutkan waktu persidangan ke lewat malam. Sekiranya masa perlu dilanjutkan, ia seboleh-bolehnya jangan melebihi pukul 8.00 malam. Walaupun kita semua maklum bahawa keadaan sekarang sudah lebih baik berbanding dengan penggal lepas, saya yakin masih terdapat ruang penambahbaikan lagi. Sekiranya kekangan kewangan menyebabkan hari persidangan tidak boleh ditambahkan lagi, saya mencadangkan supaya elaun mesyuarat diseparuhkan tetapi hari persidangan digandakan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini saya setuju.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Ini sejajar dengan dasar kerajaan untuk memperkasakan wanita di tempat kerja dan peranan wanita dalam menentukan dan membahaskan dasar-dasar kerajaan.

Selain itu, perlu diingatkan bahawa bangunan Parlimen ini masih tiada ruang pengasuhan kanak-kanak. Projek ini perlu dijalankan dengan secepat mungkin kerana ia bukan sahaja memanfaatkan wanita, tetapi juga Ahli Parlimen lelaki dan seluruh warga kerja Parlimen. Cadangan tersebut pernah disokong oleh bekas Speaker. Maka, menjadi hasrat saya agar ia bukan sahaja disokong Tuan Yang di-Pertua sekarang tetapi ia turut dapat direalisasikan dalam masa terdekat.

Seterusnya saya ingin menyentuh isu kerosakan jalan raya Sibu ke Bintulu. Saya pernah membawa isu ini ke Dewan yang mulia ini pada bulan Mac. Ia kemudian diperbaiki tetapi hanya untuk beberapa bulan sahaja. Hakikatnya, jalan tersebut kekal rosak lagi. Keadaan jalan raya dari Tatau ke Selangau adalah antara yang paling teruk. Keadaan jalan yang berlubang sebesar kolam ikan, tidak rata serta berlopak-lopak terutama semasa hujan mengundang 1,001 bahaya serta mengancam keselamatan pengguna jalan raya.

Saya mohon supaya Kementerian Kerja Raya memaklumkan kepada Parlimen, apakah sebenarnya masalah jalan tersebut dan apakah penyelesaian dan jangan melepaskan batok di tangga sahaja. Kementerian Kerja Raya perlu memastikan projek-projek Pan Borneo ini dijalankan secara lancar dan tanpa lanjutan masa dan memastikan jalan sedia ada di dalam keadaan baik dan selamat.

Isu terakhir adalah isu memberi subsidi minyak secara bersasar kepada pemilik sebuah kereta persendirian sahaja dengan kapasiti enjin 1,500 cc dan ke bawah dan motosikal berkapasiti enjin 125 cc dan ke bawah. Saya ingin mencadangkan supaya semua rakyat di negeri pengeluar minyak terutama rakyat di Sarawak dan Sabah diberikan subsidi tersebut. Semua rakyat maksud saya.

Dengan ini, saya mohon menyokong Belanjawan 2019. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Lanang yang membawa suara wanita. Dari Sarawak masih di Sarawak. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Petrajaya.

3.53 ptg.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, izinkan saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk saya turut serta dalam perbahasan ucapan Belanjawan 2019.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membentangkan Belanjawan 2019 dengan nilai RM314.6 bilion. Peningkatan sebanyak RM32.3 bilion berbanding Belanjawan 2018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM54.7 bilion telah diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan mewakili 17.39 peratus daripada keseluruhan peruntukan Belanjawan 2019. Ia meningkat sebanyak RM8.7 bilion daripada peruntukan Belanjawan 2018.

Namun, di sebalik pertambahan peruntukan untuk pembangunan tersebut, hanya RM4.346 bilion diperuntukkan untuk Sarawak. Pertambahan sebanyak RM10 juta daripada peruntukan Belanjawan 2018. Ini bermakna hanya 0.1 peratus daripada pertambahan tersebut diberikan kepada Sarawak selaku antara penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia. Ini merupakan satu perkara yang amat menyedihkan bagi kami penduduk Sarawak. Alasan yang sama dimainkan iaitu hutang negara yang tinggi atau seperti yang dijawab di dada akhbar oleh Ahli Parlimen kerajaan dari Sarawak, "*Saya tidak tahu*". Cuma yang menghairankan, lebih kurang RM44 bilion dapat diperuntukkan kepada negeri-negeri di Semenanjung. Ini bermakna secara purata, sebuah negeri akan menerima RM4 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak mewakili 40 peratus daripada keluasan Malaysia dengan jumlah penduduk seramai 2.6 juta orang dan keluasan 124,450 kilometer *square*. Pastinya Sarawak memerlukan lebih banyak peruntukan bagi memastikan akses penduduk terhadap kemudahan asas adalah terjamin.

Salah satu usaha kerajaan terdahulu untuk memastikan akses hubungan antara bandar dan luar bandar adalah membina Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak dengan *understanding*-nya, dengan izin, perbelanjaan untuk Pan Borneo Sabah dan Sarawak adalah luar daripada peruntukan biasa daripada bajet pembangunan, maknanya sebagai tambahan. Projek ini merupakan satu *game changer*, dengan izin, pada kedua-dua negeri kerana ia akan dapat merangsang pembangunan, seterusnya menarik pelaburan ke kedua-dua negeri.

Selain daripada itu, pembangunan luar bandar juga harus diberikan perhatian. Pembinaan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, jaringan jalan raya dan komunikasi, dewan, tempat ibadah serta kemudahan awam lain haruslah diberikan lebih perhatian bagi meningkatkan sosioekonomi penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi dunia yang masih tidak menentu akibat perang perdagangan antara Amerika dan China, sudah tentu memberi cabaran besar kepada ekonomi Malaysia. Selaku negara yang mempunyai rangkaian pembekal pada peringkat serantau dan sejagat, sebarang tindak balas ekonomi pastinya memberi kesan kepada kita. Malah, Malaysia disenaraikan antara enam negara yang paling berisiko sekiranya berlaku perang dagang.

Di samping itu, *Reuters* dalam laporannya menyatakan bahawa data yang diperoleh oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi menunjukkan negara yang paling banyak terdedah kepada kerugian daripada pengurangan eksport ke China adalah Taiwan iaitu lapan peratus, diikuti Malaysia enam peratus, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura. Kita tidaklah boleh sekadar mengambil sikap tunggu dan lihat akibat perang tersebut kerana tidak kira apa pun yang berlaku, Malaysia akan menerima kesan yang ketara dari sudut ekonomi.

Konflik perdagangan seperti ini tidak akan menguntungkan mana-mana negara. Tindak balas daripada sekatan perdagangan akan memberi kesan kepada semua pihak terutamanya negara pembekal seperti kita. Justeru, pihak kerajaan haruslah memainkan peranan proaktif dalam memastikan ekonomi kita kekal mampan dalam mendepani cabaran ekonomi hari ini.

Strategi meningkatkan dan mengukuhkan peluang perdagangan dengan negara lain haruslah diterokai bagi memastikan kelestarian ekonomi kita terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa Petronas akan membayar dividen sebanyak RM54 bilion kepada pihak Kerajaan Persekutuan termasuk RM30 bilion dividen khas di bawah Belanjawan 2019. Jika Petronas mampu untuk menyumbang nilai sebanyak ini kepada Kerajaan Persekutuan, maka saya juga mencadangkan agar Petronas memberi sumbangan royalti tambahan kepada negeri-negeri pengeluar minyak seperti Sarawak. Janganlah lagi memberikan alasan bahawa tindakan meningkatkan nilai royalti akan memberi kesan kewangan kepada Petronas.

Tuan Yang di-Pertua, *give credit when is due*, dengan izin. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana menambahkan peruntukan pembangunan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Namun, apa yang membimbangkan adalah pengurangan peruntukan bantuan makanan tambahan KEMAS. Saya mohon agar pihak kementerian dapat memberikan penjelasan berkenaan pengurangan ini.

Saya juga ingin menyentuh mengenai projek bekalan elektrik luar bandar bagi negeri Sarawak. Kerajaan Sarawak telah memperuntukkan sebanyak RM2.37 bilion untuk bekalan elektrik luar bandar di Sarawak bagi tempoh dua tahun iaitu 2019 hingga 2020 yang akan memastikan 97 peratus penduduk Sarawak mendapat liputan bekalan elektrik.

Namun, dalam kesungguhan Kerajaan Sarawak memastikan rakyatnya dapat menikmati kemudahan asas ini, sokongan daripada Kerajaan Persekutuan agak mendukacitakan apabila dalam Belanjawan 2019, peruntukan untuk bekalan elektrik luar bandar bagi negeri Sarawak telah dikurangkan secara mendadak daripada RM328.7 juta pada tahun 2018 kepada hanya RM241.8 juta pada tahun 2019.

Saya ingin memohon penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, mengapa ini berlaku? Saya juga ingin memohon supaya kementerian yang sama memaklumkan status terkini bekalan elektrik luar bandar dan berapa banyak rumah atau kampung yang masih belum menerima bekalan elektrik.

■1600

Saya juga berharap agar peruntukan pemasangan lampu jalan kampung dapat ditambah kerana saya percaya masih banyak kawasan yang memerlukan pemasangan lampu bagi memastikan keselamatan pengguna jalan terutamanya di kampung terjamin. Bagi bekalan air bersih luar bandar, saya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas pertambahan peruntukan yang diberikan pada Sarawak daripada RM119.7 juta pada tahun 2018 kepada RM193.5 juta pada tahun 2019. Biarpun secara relatifnya Sabah saiznya lebih kecil daripada Sarawak, menerima peruntukan bekalan air dan elektrik jauh lebih besar berbanding Sarawak, sedangkan dari segi keperluan, Sarawak memerlukan peruntukan yang lebih besar bagi tujuan yang sama.

Kerajaan Negeri Sarawak dengan itu terpaksa memperuntukkan sejumlah RM2.8 bilion untuk meningkatkan dan mempercepatkan liputan bekalan air bersih daripada 67 peratus kepada

75 peratus di Sarawak dalam tempoh dua tahun yang akan datang. Bagi memastikan 100 peratus liputan bekalan air bersih untuk rakyat Sarawak, peruntukan yang besar amat diperlukan. Saya berharap Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak bagi mengenal pasti keutamaan dan kaedah terbaik dalam menyelesaikan masalah bekalan air di luar bandar yang mungkin memerlukan pembinaan loji penapisan baru bagi menampung permintaan yang semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, adat dijunjung budaya dipelihara. Maka, bila orang berbudi kita hendaklah berbahasa. Saya berterima kasih kepada Kementerian Kerja Raya kerana meneruskan beberapa projek yang diluluskan kerajaan terdahulu terutamanya Projek Pan Borneo, selain menaik taraf Jalan Datuk Mohammad Musa, Kota Samarahan dan juga membina jambat dan persimpangan Jalan Medan Jaya-Jalan Tun Hussein Onn di Bintulu.

Namun pada masa yang sama, saya ingin bertanyakan mengenai status projek lain di bawah KKR yang sudah diluluskan kerajaan sebelum ini. Ini terutamanya Projek Jambatan Batang Lupar, Jambatan Rambungan dan juga Jambatan Batang Igan. Pembinaan jambatan-jambatan ini adalah penting kerana ianya merupakan antara *missing link*, dengan izin, yang boleh menghubungkan kawasan pesisir Sarawak dan seterusnya meningkatkan peluang ekonomi penduduk setempat. Mengikut perancangan asal pembinaan Projek Jambatan Batang Lupar, sepatutnya bermula daripada tahun 2018 untuk membuat *design* dan seterusnya pada tahun 2019 dimulakan dengan proses tender untuk pembinaan, dengan kos pembinaan dianggarkan RM1 bilion ditanggung secara bersama oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM500 juta dan kerajaan negeri sebanyak RM500 juta.

Begitu juga Projek Jambatan Igan dan Jambatan Rambungan juga sudah di peringkat muktamad tender sebelum pertukaran kerajaan berlaku. Kini, status ketiga-tiga projek jambatan bertukar menjadi samar. Justeru, saya ingin bertanyakan kepada Menteri Kerja Raya, apakah projek tiga jambatan yang amat diperlukan rakyat Sarawak ini akan dilaksanakan seperti yang dirancang ataupun tidak akan dilaksanakan. Mohon KKR memberikan jawapan yang jelas supaya rakyat Sarawak tidak tertanya-tanya akan kedudukan projek infra rakyat yang telah lama diperjuangkan ini yang amat diperlukan rakyat di kawasan berkenaan. Ini sehinggakan Jambatan Rambungan sekarang ini diambil alih oleh kerajaan negeri sendiri disebabkan keperluan untuk dipercepatkan pembinaannya. Kerajaan Negeri Sarawak akan membelanjakan sendiri peruntukan sejumlah RM100 juta lebih untuk pembinaan jambatan tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Kementerian Kerja Raya untuk Sarawak juga berkurangan daripada RM297 juta pada tahun ini kepada hanya RM242 juta pada tahun 2019, iaitu penurunan sebanyak lebih kurang RM50 juta bagi pembinaan jambatan dan juga jalan di Sarawak. Sekali lagi, saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan mengapakah peruntukan untuk Sarawak dikurangkan? Apakah projek infra yang akan dilaksanakan di Sarawak untuk tahun 2019? Menyentuh soal peruntukan untuk penyelenggaraan jalan, jumlah peruntukan yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2019 adalah terlalu sedikit dan tidak cukup untuk keperluan sebenar.

Misalnya, di Sarawak, hanya RM20 juta bagi penyelenggaraan jalan di Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2019 berbanding RM70 juta pada tahun ini. Manakala, pada tahun 2019, tahun ini, bagi Semenanjung Malaysia hanya RM80 juta diperuntukkan pada tahun 2019 berbanding RM330 juta pada tahun sebelumnya.

Saya bimbang kalau peruntukan yang begitu sedikit untuk penyelenggaraan jalan maka kita akan menyebabkan risiko kemalangan. Ini adalah disebabkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lanang tadi, yang menyebutkan mengapakah *maintenance* jalan kita agak teruk? Oleh sebab, waktu saya menjadi Menteri dahulu pun peruntukan memang sudah tidak cukup. Kalau kita potong lagi peruntukan penyelenggaraan jalan, sudah pasti kualiti jalan kita akan bertambah teruk.

Apa yang lebih buruk lagi, ialah kita tidak dapat membuat *structural repair*. Akhirnya, untuk jangka masa panjang, kerajaan terpaksa berbelanja lebih besar lagi untuk memulihkan jalan yang telah rosak. Jadi, sebab itulah saya mengharapkan Kementerian Kewangan akan memberikan peruntukan yang lebih besar untuk penyelenggaraan jalan dan lihat bagaimana kita dapat membaiki kedudukan jalan kita supaya keselamatan, keselesaan pengguna tidak akan *dicompromise*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, ilmu merupakan salah satu daripada jaminan masa depan. Tanpa adanya ilmu, maka amat sukarlah untuk kita menjalani kehidupan seharian. Jadi, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan terutamanya dapat memberikan lebih tumpuan dalam menghasilkan pelajar dan graduan yang mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi. Pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran baru-baru ini bahawa tidak ada lagi peperiksaan untuk pelajar dari Tahun 1 sehingga Tahun 3 pada hemat saya adalah sesuatu yang baik.

Namun, ia haruslah diganti atau diisi dengan nilai tambah yang boleh menyiapkan mereka untuk menjadi pelajar yang *versatile*. Bukan sahaja cemerlang dari sudut *economic*, dari sudut akademik, malah mempunyai nilai sahsiah yang tinggi. Apabila kita lihat laporan akhbar sejak mutakhir ini, ada sahaja berita yang melibatkan remaja bawah umur terlibat dengan gejala dadah dan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral.

Ini amat membimbangkan kenapa pada usia yang begitu muda mereka nampaknya sudah terdedah dengan pelbagai perkara negatif yang akan memberikan kesan kepada kehidupan mereka di kemudian hari. Selain daripada itu, isu bebanan kerja guru juga merupakan satu perkara yang harus diberikan tumpuan oleh pihak kementerian. Isu ini bukanlah satu perkara baru dan saya percaya pihak kementerian ada mempunyai perancangan jangka masa panjang bagi merealisasikan masalah ini kerana ianya memberikan kesan terhadap tumpuan para guru dalam menjalankan tugas utama mereka iaitu mendidik anak bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara di atas, saya juga ingin menyentuh mengenai keadaan sekolah-sekolah daif yang semakin hari semakin membimbangkan. Alhamdulillah, sewaktu saya di Kementerian Kerja Raya pihak JKR terutamanya JKR Sarawak, telah diamanahkan untuk menaik taraf 50 buah sekolah daripada 116 buah sekolah yang

disenaraikan. Selebihnya, adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan. Saya kira, pada masa ini, keseluruhan 50 buah sekolah telah siap walaupun ada yang di belakang jadual yang disebabkan masalah tanah, tetapi semuanya telah selesai dilaksanakan menggunakan kaedah IBS.

Dalam belanjawan yang lepas, pihak kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.5 bilion untuk membaiki pulih dan menaik taraf sekolah daif dalam tempoh dua tahun. Sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan masing-masing untuk Sabah dan Sarawak dan RM500 juta untuk Semenanjung Malaysia. Namun begitu, untuk Belanjawan tahun 2019, hanya RM100 juta yang diperuntukkan untuk membaiki dan menaik taraf sekolah daif di seluruh negara. Ini adalah amat mengecewakan. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang sudah melawat sekolah daif di Sarawak dapat melihat dan merasai sendiri betapa perlunya projek membaiki dan menaik taraf sekolah daif ini dilaksanakan dengan kadar yang segera.

Oleh sebab itu saya mahu bertanya sekali lagi kepada Menteri Pelajaran, apakah hanya RM100 juta ini, berapa banyak sekolah daif yang akan dapat dilaksanakan untuk Sarawak pada tahun depan? Apa pula kedudukan tawaran Kerajaan Negeri Sarawak yang menawarkan sejumlah RM1 bilion supaya semua sekolah daif ini akan dapat disegerakan pembinaannya dan di baik pulih untuk kemudahan guru dan juga anak-anak didik kita agar dapat diselesaikan dengan secepatnya.

Apakah kedudukan Kementerian Pendidikan adakah akan menerima tawaran ini dan bilakah ia akan dapat dimuktamadkan? Kalau tidak, berilah peruntukan yang telah dijanjikan supaya kita dapat menyegerakan pembinaan sekolah daif dan asrama serta segala kemudahan untuk kemudahan anak-anak dan guru-guru serta tenaga pengajar juga pekerja kita di seluruh sekolah daif di Sarawak khususnya.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai peruntukan pada institusi pendidikan tinggi awam negara terutamanya Universiti Malaya, selaku universiti tertua di Malaysia. Apakah juga rasionalnya di sebalik pengurangan peruntukan pada Universiti Sains Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Sultan Zainal Abidin dan juga kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya? Kita tidak mahu pengurangan dana ini memberi kesan kepada pihak universiti dalam melahirkan graduan berkelas dunia. Namun saya menyambut baik pertambahan peruntukan pada institusi pendidikan tinggi awam yang lain.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkenaan status rancangan pembinaan hospital pengajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Selain daripada itu, melalui laporan akhbar, saya difahamkan bahawa tiga buah universiti di Jepun telah bersetuju untuk membuka cawangan di Malaysia. Saya ingin mencadangkan agar salah sebuah universiti tersebut dibina di Sarawak dan Sabah bagi meningkatkan lagi peluang kepada anak tempatan untuk menyambung pelajaran selain meningkatkan taraf sosioekonomi setempat.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk menggalakkan pihak industri membuka *start up centre*, dengan izin di institusi pendidikan tinggi awam bagi menggalakkan penyertaan generasi muda serta menyediakan mereka bagi mendepani Industri Ekonomi 4.0.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai peruntukan RM240 juta untuk memperkenalkan pas bulanan RM100 tanpa had perjalanan membabitkan perkhidmatan tren dan bas selenggaraan RapidKL mulai 1 Januari 2019. Selain pas bulanan, RM50 tanpa had turut ditawarkan bagi penggunaan perkhidmatan bas RapidKL. Namun ia hanya akan dinaiki penumpang bagi 1,131 bas RapidKL, 408 bas Rapid Penang, 69 bas Rapid Kuantan dan 300 bas perantara MRT. Ketika kita menyambut baik usaha ke arah menggalakkan penggunaan pengangkutan awam ini, kita juga berharap supaya kemudahan subsidi serupa dapat dinikmati oleh rakyat di negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak. Justeru itu saya ingin bertanya sama ada pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk memperluaskan perkhidmatan bas Rapid ke bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak bagi memberi lebih pilihan kepada pengguna untuk menggunakan pengangkutan awam.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Petrajaya, sebelum masa tamat, boleh sedikit? Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa pun sudah tamat.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Saya minta pertimbangan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa telah...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Dalam Bajet 2019, tidak ada disebut tentang royalti sedangkan itu perkara yang penting untuk Sarawak, Sabah, Terengganu dan juga Kelantan. Jika RM30 bilion dividen khas boleh dikeluarkan daripada Petronas untuk tujuan *GST refund* yang dijanjikan lima tahun boleh diselesaikan, kenapa perlu diawalkan setahun? Apa salahnya jika RM30 bilion itu sebahagiannya diberikan kepada royalti yang dipohon, 20 peratus daripada pengeluaran? Apa pandangan Yang Berhormat Petrajaya?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Yang Berhormat Petrajaya. Sila menggulung.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Saya menjawab dan saya akan merumuskan. Terima kasih.

Saya tadi sebenarnya sudah menyentuh berhubung kait dengan royalti apa yang saya bahaskan iaitu peruntukan patut diberikan kepada negeri-negeri pengeluar minyak. Berhubung kait dengan ini, kita tidak minta sebenarnya. Memang dahulu kita pernah menuntut 20 peratus tetapi pada masa yang sama, Pakatan Harapan pada waktu itu menjanjikan akan memberikan royalti. Akan tetapi malangnya sekarang ini, apa yang dikatakan royalti sudah pun bertukar menjadi suatu benda yang lain iaitu berasaskan kepada keuntungan bersih yang mana berlainan dengan apa yang dimaksudkan dengan royalti.

Dengan itu, kita mengharapkan apa yang telah dijanjikan akan diberikan kepada kita seperti dijanjikan ataupun apa yang telah termaktub dalam peruntukan Perlembagaan dan MA63 itu ditunaikan. Itulah harapan kita khususnya di Sarawak dan Sabah. Sudah pasti mungkin kita mempunyai perbezaan untuk Terengganu dan Kelantan disebabkan perundangan yang berbeza dan kedudukan kita yang berbeza. Ini memerlukan perundingan yang lebih lagi dengan Kerajaan Persekutuan. Oleh sebab itu kita melihat bahawa ianya perlu dimuktamadkan dengan kadar segera supaya jurang pembangunan yang ketara di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung ini dapat kita rapatkan.

Sebagai rumusan, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi kesempatan. Cuma yang terakhir saya ingin sentuhkan ialah Kementerian Luar Bandar sekarang ini tidak memberi lagi elaun kepada pemimpin-pemimpin di Sarawak. Saya hendak tahu mengapa dan kenapa ia tidak dapat diberi dan disambungkan sehinggakan kerajaan negeri sendiri sekarang ini membayar elaun kepada pemimpin-pemimpin masyarakat di Sarawak. Jadi terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Petrajaya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sungai Besar. Sila.

4.15 ptg.

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera kepada sahabat-sahabat penyokong kerajaan dan rakan-rakan pembangkang. Demi Malaysia wibawa, demi ekonomi dinamik, demi rakyat sejahtera, kita berada di sini, di Dewan ini, bukan kemenangan yang menyatukan kita, sebaliknya kita menang kerana kita bersatu.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Besar mengambil peluang membahas pembentangan bajet bersejarah kali pertama Kerajaan Baharu Pakatan Harapan pada Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Parlimen Yang Ke-14. Selaku pendokong Pakatan Harapan, saya menyokong pembentangan bajet yang saya kira pada pengamatan saya adalah perbelanjaan yang paling sukar dalam keadaan kedudukan kewangan yang sangat sukar. Akan tetapi kami bangga dengan usaha bersungguh-sungguh dan sebaik mungkin, usaha kerajaan menyediakan pelan tindakan ekonomi ke arah pertumbuhan mampan dan disiplin fiskal.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan kita saya kira sangat signifikan dengan keperluan rakyat, mereformasi tadbir urus, pengurusan dan pentadbiran kerajaan termasuk mereformasikan semua institusi ke arah perubahan yang rakyat kehendaki. Maka sebab itu, reformasi ini diyakini membawa Malaysia menjadi sebuah negara berwibawa, ekonominya dinamik yang mampu membawa kesejahteraan kepada rakyat. Dengan tiga fokus dan 12 strategi

utama, kami pendokong Pakatan Harapan percaya negara tercinta ini akan kembali ke landasan kedudukan ekonomi Harimau Asia pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun peringkat awal kita sudah bersedia dengan pengorbanan. Berkorban demi negara kerana kita tahu dalam keadaan kekangan kewangan yang agak bobrok, mungkin kesan daripada pengurusan kewangan lampau, nampaknya kerajaan baharu Pakatan Harapan bersedia membelanjakan RM314.5 bilion, menandakan kerajaan serius meneruskan pembangunan infrastruktur, inisiatif untuk rakyat, tetap menjadi keutamaan. Kesejahteraan rakyat tetap diutamakan dan membangunkan sebuah negara usahawan.

Di peringkat awal, kita sangat risau apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad menyarankan supaya rakyat perlu berkorban bagi belanjawan kali ini. Ditambah lagi dengan kenyataan Menteri Kewangan yang menyatakan bahawa belanjawan kali ini merupakan satu belanjawan yang sukar bagi kerajaan. Namun semua sangkaan meleset apabila Belanjawan 2019 pada 2 November lalu dibentangkan, ternyata memberi manfaat kepada rakyat terutamanya kumpulan muda B40.

Namun Tuan Yang di-Pertua, bukan senang hendak memuaskan hati semua orang dan bukan semua orang akan puas hati dengan belanjawan ini. Malah bukan senang hendak mereformasi pemikiran semua orang untuk menerima *positive thinking*, dengan izin belanjawan kali ini. Akan tetapi yang jelas, sekian ramai rakyat membuka pintu hati mereka untuk bersama Pakatan Harapan pada PRU Ke-14. Kita yakin *philosophy* mereka berpegang kepada, kalau hendak memilih tempat bermandi, pertamanya teluk, keduanya pantai. Kalau hendak memilih pemimpin tertinggi, pertamanya elok, keduanya pandai.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Memang pandai pilih.

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Inilah Kerajaan Pakatan Harapan. Terima kasih.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan terima kasih kerana kerajaan menyempurnakan Bantuan Sara Hidup berfokus kepada lebih 4.1 juta isi rumah tidak termasuk golongan petani, penternak, nelayan, orang tua dan OKU. Kita juga mengucapkan terima kasih atas pelbagai subsidi yang masih diberikan kepada rakyat, kita mengucapkan terima kasih kerana kerajaan memberikan keutamaan kepada pengembangan bakat, minat dan kecenderungan rakyat. Kita juga mengucapkan terima kasih kerana kerajaan masih mengotakan pembangunan bumiputera dan syiar Islam. Kita juga mengucapkan terima kasih kerana kerajaan meletakkan pendidikan sebagai agenda paling penting, penentu kepada perwatakan negara pada masa hadapan dan paling kita berterima kasih kerana rakyat memilih Kerajaan Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam belanjawan strategi kelapan jelas. Pendidikan adalah agenda terpenting kerajaan dengan peruntukan RM60.2 bilion ataupun 19.1 peratus. Ini adalah soal kemenjadian sumber modal insan daripada peringkat rendah, menengah sehinggalah kepada institusi kemahiran dan institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu kita semakin menuju kepada sebuah negara maju. Kita mesti melebarkan jumlah pengeluaran tenaga mahir dan separuh mahir. Dalam Bajet 2019, usaha ini diteruskan dalam kita melahirkan manusia dual ataupun manusia-manusia berkemahiran tangan, manusia-manusia teknikal melalui beberapa institusi kemahiran yang menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia Vokasional dan Teknikal. Hampir RM256 juta melalui inisiatif kelima dan inisiatif keenam, strategi yang kelapan telah disediakan tidak termasuk institusi di bawah kementerian lain antaranya GIATMARA, ILP, IKBN dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, cuma yang saya mahu memberi penekanan kepada kerajaan terutamanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkaitan, supaya memberi perhatian yang serius kepada graduan keluaran Diploma Vokasional Malaysia yang mula diperkenalkan pada tahun 2013, masih tidak meyakinkan dari segi penarafan dan pengiktirafan. Bayangkan, daripada 615 jenis kursus yang ditawarkan, hanya 12 program mendapat akreditasi penuh daripada pihak MQA. Manakala selebihnya iaitu 510 program baharu mendapat akreditasi sementara dan apa yang kita tahu, 362 program sedang menjalani proses penilaian dan perlu mematuhi syarat-syarat bagi mendapatkan akreditasi penuh, sedangkan berpuluh ribu graduan Sijil Vokasional Malaysia dan Diploma Vokasional Malaysia sudah keluar dan sedang menjalani pengajian.

Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya mahukan pihak yang berkaitan, kementerian yang berkaitan, kita hendak bergeraklah secara pantas dan prihatin untuk memberi keyakinan besar kepada berpuluh ribu graduan DVM yang sedang dalam pengajian selaras dengan dambaan dan aspirasi rakyat kepada kerajaan baharu Pakatan Harapan. Termasuklah memberi kegembiraan kepada beratus ribu ibu bapa dan keluarga dengan memberi penekanan, beri perhatian, beri keutamaan kepada perjuangan pendidikan vokasional ini dan kita mahu diploma ini segera diiktiraf sepenuhnya selepas enam tahun diperkenalkan.

Betul kata Yang Berhormat Sungai Petani tadi, yang semalam itu biarlah, kita perlukan yang hari ini, yang enam tahun itu berlalu. Kita mahukan kementerian yang berkaitan harus laju, pantas, cepat dan cekap untuk memastikan bahawa berpuluh ribu graduan DVM ini mendapat penarafan dan pengiktirafan yang sewajarnya.

Dalam proses memperkasakan lagi kehebatan kerajaan dari segi sumber modal insan, pada masa hadapan kita mahu kerajaan 'mengesksamakan' peluang kepada manusia *thinker* ataupun manusia *dual*, maknanya manusia *thinker* ini yang memiliki keupayaan dari segi bidang akademik. Manusia *dual* yang memiliki kemahiran tangan dan teknikal. Maksudnya bekalan pelajar yang menguasai akademik dan mereka yang cenderung kepada kemahiran tangan maka sebab itu kita harus sudah bersedia mengubah sedikit demi sedikit orientasi pendidikan kita daripada *exam-based learning*, berasaskan kecemerlangan, kejayaan dalam peperiksaan dalam meritokrasi meletakkan yang layak dan berkebolehan dengan kejayaan itu letak di tempat yang sepatutnya.

Kita ubah sedikit demi sedikit berasaskan kepada kemajuan negara sekarang ini, dua tahun lagi menuju kepada Wawasan 2020, kita harusnya sudah mendepani orientasi *work-based learning* ataupun paling tidak pendidikan berasaskan kerjaya ataupun paling tidak

memperkenalkan semula sekolah kerjaya berasaskan vokasional kepada mereka yang kurang menguasai akademik. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Sungai Besar, minta laluan?

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Boleh.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tertarik dengan isu modal insan ini, saya ingin berkongsi pandangan dan juga penjelasan daripada Yang Berhormat Sungai Besar. Tadi banyak disebut dalam belanjawan, satu perancangan yang untuk hendak melahirkan modal insan. Ini kerana Malaysia sekarang sedang menghadapi krisis moral yang mana rogol, *black economy* dan penipuan sehingga RM30 bilion disebut oleh Yang Berhormat Rembau tadi. Begitu juga dengan yang kita tengok sekarang ini dengan pembunuhan yang berlaku.

Jadi dalam belanjawan ini adakah kerajaan merancang untuk— saya tengok di sini sebelum saya pergi kepada soalan, saya tengok kepada dari segi akhlak orang-orang Malaysia ini tidak seperti mana orang-orang Jepun. Dalam keadaan tsunami sekalipun mereka menghormati orang tua, menghormati budak, mereka sanggup berlapar kerana disiplin mereka yang tinggi. Itu negara yang ada umat Islam tetapi bukan agama rasminya agama Islam.

Oleh sebab dalam Islam ini perkara-perkara macam ini sangat-sangat dititik beratkan. Jadi dalam belanjawan yang disebut tadi, saya hendak tambah Yang Berhormat Sungai Besar, adakah kerajaan merancang untuk membina modal insan yang mana sampai ke tahap akhlak kita hingga kita boleh dengan sendirinya tanpa berbelanja besar untuk membina penjara dan sebagainya, bagi kita melahirkan rakyat yang berakhlak mulia dan sangat berdisiplin, menghormati semua etika-etika yang ada. Ini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Sungai Besar.

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Terima kasih sahabat saya daripada Pendang. Sebenarnya kita dalam perjalanan yang sangat serius ke arah itu. Kita ada *role model*, contohnya MRSM Ulul Albab, di situ pelajar bukan sekadar menguasai bidang akademik tetapi juga adalah hafiz dan kita mengharapkan satu ketika nanti apabila keluar nanti, mereka akan menjadi doktor hafiz, jurutera hafiz. Ini bermaksud pembangunan dari segi spiritual dia, perubahan dari segi *behavior* nya pastinya dapat dilangsungkan di peringkat persekolahan supaya mereka nanti keluar akan menjadi sebahagian sumber modal insan yang memiliki spiritual jasmani yang kuat.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang itu BN buat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sekali lagi, sedikit sahaja. Terima kasih, yang itu untuk umat Islam. Apa yang saya minta secara kita masyarakat majmuk, adakah satu *plan*, satu perancangan untuk kita hendak melahirkan masyarakat majmuk tidak kiralah apa bangsa supaya mereka— macam masyarakat Jepun satu ketika nanti yang mana kalau Islam kita ada kita punya *role model* tetapi kita hendak lihat bangsa India, bangsa Cina, bangsa Sikh dan juga bangsa Sabah dan Sarawak menjadi satu tanggungjawab bangsa Malaysia. Di mana melahirkan satu model yang baik seperti mana bangsa Jepun yang sekarang kita tengok apabila berlaku

tsunami sanggup mereka berlajar kerana menghormati orang-orang tua dan juga budak-budak kecil.

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat Pendang. Saya mohon masukan dalam sebahagian daripada perbahasan saya pada petang ini.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, pada inisiatif ketujuh strategi kelapan, memperkasakan aktiviti penyelidikan, saya cuma ingin menyatakan agak jelas bahawa kadar pengangguran dalam bidang-bidang tertentu masih wujud. Maka, sebab itu perlu ada satu data lengkap. Dengan peruntukan hampir RM400 juta yang telah dibentangkan pada inisiatif ketujuh, kita mahukan supaya ada satu jawatankuasa dibentuk untuk memastikan bahawa berapa ramai kerjaya realistik telah dikeluarkan, berapa ramai kerjaya *investigative* telah dikeluarkan. Begitu juga berapa ramai orang artistik, orang sosial, orang *enterprising*, orang konvensional dikeluarkan daripada gedung-gedung ilmu sama ada di peringkat IPTA, IPTS ataupun di peringkat sekolah-sekolah berkaitan dengan kemahiran di Malaysia.

Ini adalah satu yang sangat penting kerana data ini boleh menentukan tawaran ke IPTA bagi bidang-bidang kerjaya tertentu. Kalau bidang realistiknya telah terlalu banyak, perlu ada satu sekatan supaya bidang ini tidak banyak ditawarkan supaya kita boleh dapat kawal dari segi pengangguran. Sama juga jika terlalu banyak memilih dalam bidang *enterprising*, hendak jadi usahawan, apalagi dalam bajet kita pada tahun ini lebih banyak kepada menjadi sebuah negara usahawan, mungkin akan menarik minat ramai graduan untuk pergi ke arah itu tetapi nilai peluangnya tiada.

Maka sebab itu dalam inisiatif kelapan ini, saya mohon kepada kementerian yang berkaitan supaya menubuhkan satu jawatankuasa bagi memastikan bahawa kewujudan manusia-manusia kerjaya, realistik, *investigative*, sosial, artistik, *enterprising* dan konvensional ini dapat diagihkan sama rata bagi kemajuan dan keperluan bidang-bidang kerjaya di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita gembira melalui pembentangan Bajet 2019 yang mana kerajaan memberi penekanan melalui fokus kedua strategi kelapan, peruntukan insentif ke-10 menyediakan peruntukan RM210 juta bagi sebahagian daripada agenda pemerkasaan Bumiputera termasuklah memperkasakan pendidikan dan pembangunan modal insan melalui program-program Peneraju Tunas, Program Peneraju Skil dan Program Peneraju Profesional yang akan dikendalikan oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit masa. Kita mahu kerajaan melalui Kementerian Pendidikan mempertingkatkan lagi usaha kerajaan menaik taraf profesionalisme guru. Kita tingkatkan kompetensi guru. Kita tingkatkan kemahiran guru, penguasaan guru dan pembudayaan inovasi untuk para guru. Kita tahu jasa guru sangat besar dalam melahirkan sumber modal insan. Kerajaan juga tahu jasa guru sangat besar. Mudah saya katakan, guru ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak ukur dengan pembaris kasih memang tidak berhujung panjangannya.

Apalagi kalau kita hendak ukur dengan pembaris budi, memang tidak bertepian luasnya. Inilah jasa-jasa guru yang kita kira 420,000 guru ini, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan harus memberikan perhatian yang serius supaya mereka dapat mengembangkan lagi kebolehan, kompetensi yang boleh menjadikan pelahiran sumber modal insan ini sezaman dengan zaman yang ada pada waktu ini.

Tuan Yang di-Pertua, maka sebab itu saya hendak mengambil kesempatan juga kepada Kementerian Pendidikan supaya melihat bila memberi suasana yang kondusif dan *therapeutic* pada golongan pendidikan, harus dilihat *environment* persekitaran mereka juga kondusif supaya mereka mampu memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat pelajar ataupun sumber modal insan yang akan dilahirkan.

Tuan Yang di-Pertua, demi kesejahteraan rakyat, dalam pembentangan bajet tetap memberi keutamaan kepada kebajikan, bantuan dan sokongan kepada rakyat melalui JKM dan meneruskan bantuan sara hidup kepada *focus group*. Cuma, dari segi sistem penyampaian, kalau boleh bagilah secara berkala peluang kepada pemimpin kerajaan terutamanya kerajaan baharu, pemimpin-pemimpin daripada kerajaan baharu Pakatan Harapan supaya dapat menyampaikan bantuan kerajaan ini secara bersemuka dan secara tunai.

Contohnya, kita bagi peluang kepada wakil kerajaan bertemu dengan penerima bantuan. Contohnya bantuan bulanan, bantuan kanak-kanak, geran pelancaran di bawah JKM dan andai kata ada kekangan, ada larangan daripada Jabatan Audit Negara, kita mohon bagilah peluang walau sekali untuk pemimpin-pemimpin kerajaan ini bertemu dan bersemuka dengan mereka dan inilah yang kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat.

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: Walau bagaimanapun, saya menyokong belanjawan kali ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Ayer Hitam.

4.36 ptg.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Bajet 2019 dibentangkan di Dewan yang mulia ini, kerajaan telah menggunakan taktik psikologi untuk menyediakan rakyat jelata secara *mind-conditioning* dengan menyifatkan Bajet 2019 sebagai bajet yang memerlukan pengorbanan rakyat agar rakyat Malaysia tidak akan mengharapkan gula-gula yang banyak daripada kerajaan baharu. Sejurus pembentangan Bajet 2019, kita boleh mendapat satu kesimpulan iaitu taktik psikologi Kerajaan Pakatan Harapan ini agak berjaya.

Pada keseluruhannya, rakyat berasa lega kerana pengorbanan adalah jauh lebih rendah daripada yang dijangkakan. Pertamanya, kerajaan dilihat seolah-olahnya telah mendengar suara rakyat dan tidak melaksanakan cukai-cukai seperti cukai keuntungan modal (*capital gain tax*),

cukai warisan hartanah (*inheritance tax*) dan cukai kekayaan (*wealth tax*) yang mana saya sendiri pernah berbahas dalam Dewan yang mulia ini. Saya rasa kalau kita teruskan dengan cukai ini, saya mengalu-alukan.

Begitu juga dengan Bantuan Sara Hidup. Walaupun telah pun telah dibuat sedikit pengubahsuaian daripada BR1M dahulu, tetapi sesuatu yang kita teruskan. Saya rasa tidak mengapa, tidak ada masalah. Bayaran RM500 masih diberikan kepada penjawat awam sebagai tanda penghargaan. Itu yang kita lakukan sebelum ini. Mana yang baik kita teruskan, tidak ada masalah.

Ingin saya nyatakan di sini, saya melihat bahawa ada satu perkara yang menggembirakan khususnya diterima baik oleh masyarakat Cina iaitu peruntukan sebanyak RM12 juta diberikan kepada sekolah menengah persendirian Cina buat kali pertama dalam sejarah. Sebagai Ahli Parlimen Pembangkang, saya tidak keberatan menyambut baik peruntukan sebegini daripada kerajaan baharu yang bakal membantu golongan masyarakat yang memerlukan. Begitu juga peruntukan RM25 juta kepada sekolah pondok. Ini *first* dan kali pertama dapat kita berikan kepada mereka yang memerlukan. Jadi yang baik saya akan puji.

Akan tetapi, saya rasa terpanggil untuk memberi teguran secara konstruktif ke atas kekurangan dan kelemahan yang terkandung dalam bajet. Saya ingin ingatkan kepada kerajaan baharu bahawa teras utama nombor tiga Manifesto Pakatan Harapan menyatakan bahawa Pakatan Harapan akan merencanakan pertumbuhan ekonomi yang adil dan saksama. Teras kelima pula dalam manifesto berjanji akan membina Malaysia yang *inclusive, moderate*.

Saya ingin membicarakan tentang sektor ekonomi. Saya mengalu-alukan usaha kerajaan merencanakan lagi ekonomi serta mengembangkan KDNK negara. Akan tetapi, unjuran pertumbuhan KDNK mestilah jitu dan realistik. Misalnya, baru-baru ini Menteri Pembangunan Usahawan, Yang Berhormat Alor Gajah berkata, projek kereta nasional ketiga yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir ini akan membantu memperkasakan ekonomi Bumiputera sehingga menyumbang 70 peratus kepada KDNK dalam tempoh lima tahun. Menurut Yang Berhormat Menteri, ketika ini ekonomi bumiputera hanya menyumbang 10 peratus kepada KDNK, dan 30 peratus jika GLC diambil kira.

Saya ingin bertanya, berkaitan dengan projek kereta nasional ketiga, adakah kenyataan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan masuk akal dan logik atau semata-mata bersifat retorik? *It is too good to be true*. KDNK Malaysia pada tahun 2017 adalah berjumlah RM1.353 trilion. Kalau 70 peratus daripada jumlah ini, ia bersamaan dengan RM947 bilion. Bagaimanakah kereta nasional ketiga ini dapat berkembang dengan begitu pesat? Adakah maju industri pembuatan kereta dalam masa begitu singkat iaitu hanya dalam lima tahun?

■1640

Dalam konteks ini, berapakah buah kereta yang harus dihasilkan untuk mencapai sumbangan 70 peratus dalam KDNK? Jawapannya ialah 1.8 juta hingga dua juta buah kereta perlu dihasilkan. Jadi nasihat saya kepada Menteri berkenaan sila semak semula angka-angka tersebut supaya tidak menjadi bahan ketawa dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa pelik kenapa kerajaan asyik melaungkan slogan pembangunan inklusif tetapi sebaliknya golongan PKS Cina pula telah dipinggirkan dalam Bajet 2019 ini. Contohnya pinjaman mudah PKS Cina berjumlah RM50 juta dan Yayasan Penjaja berjumlah RM30 juta terus hilang daripada Bajet 2019. Kedua-dua peruntukan ini telah diberikan dari tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018. Apakah selepas Pakatan Harapan mengambil alih tampuk kepimpinan Kerajaan Pusat, PKS Cina dan penjaja Cina secara tiba-tiba menjadi sangat kaya dan tidak memerlukan dana langsung daripada kerajaan lagi.

Yang menyedihkan tiada peruntukkan untuk PKS Cina selepas SAME dibubarkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Di manakah inklusiviti dan keadilan sejagat untuk semua rakyat. SAME tidak dibenarkan untuk meneruskan usaha-usaha untuk membangunkan PKS komuniti Cina manakala SEED untuk PKS komuniti India dan TERAJU untuk komuniti bumiputera masih beroperasi dan berfungsi dengan baik. Kenapakah PKS komuniti Cina dianaktirikan itu soalan saya kepada Pakatan Harapan?

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Dalam Bajet 2019, sebanyak RM100 juta diperuntukkan untuk menyokong komuniti India termasuk latihan teknikal dan kemahiran TVET. RM100 juta juga memperkasakan pembangunan masyarakat Orang Asli manakala RM1 bilion khas untuk SME komuniti bumiputera. Tadi Yang Berhormat Rembau ada mengatakan bahawa RM3.6 bilion untuk memperkasa ekonomi bumiputera tidak ada masalah, tetapi kenapa PKS Cina langsung tidak dapat sebarang peruntukan? Itu soalnya.

Teras utama nombor 3 Manifesto Pakatan Harapan menyatakan bahawa Pakatan Harapan akan merencanakan pertumbuhan ekonomi yang adil dan saksama. Teras utama nombor 5 pula berjanji akan membina Malaysia yang inklusif, *moderate* dan gemilang di persada dunia. Adakah Bajet 2019 betul-betul menggambarkan adil, saksama serta inklusif? Jawapannya sudah tentunya tidak. Sebenarnya dengan memberi bantuan kepada PKS Cina ini perniagaan mereka dapat dikembangkan dan diperkukuhkan. Tidak rugi kepada kerajaan apabila perniagaan mereka beruntung, kerajaan dapat menikmati pendapatan melalui cukai korporat yang lebih tinggi.

Selain daripada itu, Yayasan Penjaja dan Peniaga Kecil 1Malaysia yang mana telah ditubuhkan pada 2015 untuk membantu penjaja dan peniaga Cina melalui mikro kredit. Bajet 2018 memperuntukkan RM30 juta untuk yayasan ini tetapi secara tiba-tiba tiada bantuan untuk golongan penjaja dan peniaga Cina sekarang. Di sini saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan baharu mungkin membuat kesilapan tetapi perbetulkanlah kesilapan, mengembalikan dana RM50 juta ini dan RM30 juta ini masing-masing untuk PKS Cina dan juga penjaja Cina. Mereka juga adalah rakyat yang membayar cukai. Kalau tidak, Pakatan Harapan memang cakap tidak serupa bikin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Ayer Hitam. Sedikit boleh?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Sekejap saya masuk dahulu nanti saya beri peluang ya.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Boleh mencelah?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Bagi sektor pertanian dan komoditi pula. Malaysia...

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Boleh Segamat mencelah?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: ...Merupakan pengeluar kelapa sawit yang kedua terbesar di dunia. Justeru itu, pekebun kecil dan pengusaha ladang harus diberi perhatian yang secukupnya oleh kerajaan baharu. Pada ketika ini sektor pertanian menghadapi banyak masalah, cabaran getir berikutan dengan penurunan eksport ke luar negara. Jumlah eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke China untuk sembilan bulan pertama dan tahun ini telah menurun 10.77 peratus manakala negara jiran kita, dia ini meningkat 19.5 peratus untuk tempoh yang sama. Apa sudah jadi?

Apakah strategi kerajaan baharu untuk menstabilkan harga minyak kelapa sawit, meningkatkan eksport, mampu bersaing dengan Indonesia. Apakah skim bantuan kepada peladang kelapa sawit, apakah pula bantuan kepada pekebun kecil untuk pematuhan MPSO? Semalam saya balik ke kawasan dan saya telah mendengar keluhan dan rintihan daripada rakyat khususnya pekebun kecil dan pengusaha kelapa sawit.

Mereka telah datang dengan nada yang sedih minta Yang Berhormat tolonglah sampaikan kepada kerajaan. Terkini harga CPO telah merudum di bawah paras RM1,900 satu tan metrik dan mungkin akan mencecah paras terendah iaitu RM1,800 satu tan metrik. Dalam bahasa yang mudah, harga biji sawit ialah 17 hingga 18 peratus daripada CPO. Maka harga biji sawit ialah RM340 untuk satu tan dan harga ini belum ditolak dengan harga kos pengangkutan RM70 satu tan dan kos pengeluaran untuk satu tan biji sawit ialah RM200 di kawasan saya. Maka, untung bersih bagi pekebun kecil hanyalah terlalu sedikit, hanya sekitar RM60 hingga RM70 untuk satu ekar. Tolonglah, kalau ada 10 ekar pendapatan mereka hanya RM500 hingga RM600. Takkan lah kerajaan sekarang sampai hati melihat perkara ini tidak ada perubahan. Itulah yang saya hendak sampaikan kepada kerajaan.

Dahulu apabila kita menjadi – tahun lalu lah kita menjadi kerajaan, RM450 hingga RM480. Itu harga biji sawit

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Beruas dengar sahaja.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Dan ini sekurang-kurangnya pendapatan beribu-ribu ringgit dapat diraih oleh pekebun kita. Dan ini belum mengambil kira bulan depan akan naik lagi harga baja satu kampit, RM5 satu kampit. Jadi ini memang susah. Saya minta supaya kerajaan melakukan perkara yang berikut.

Pertama, tubuhkan satu jawatankuasa *taskforce* untuk melihat mengatasi krisis harga.

Kedua, menjalin hubungan baik atau hubungan akrab dengan Kerajaan China, tingkatkan kuota pembelian kelapa sawit negara China daripada 33 peratus sekarang naik ke peratusan lebih tinggi. Berbanding dengan Indonesia, mereka mengeksport 63 peratus ke China. Kita lakukan sesuatu untuk membantu pekerja pekebun kecil kita.

Seterusnya mengarahkan institusi kewangan merombak semula pinjaman pembelian tanah penanaman kelapa sawit, *restructuring of repayment loan*. Itu patut kita lakukan kerana risiko bank terlalu rendah. Dia bagi tanah pertanian cuma 50 peratus daripada harga dibeli. Jadi ini bermaksud kita boleh melakukan dengan *interference* daripada kerajaan melihat keadaan yang begitu mendesak sekali.

Jadi ini antara perkara yang saya ingin sampaikan dari segi sektor pertanian. Dan begitu juga kalau baru-baru ini dikatakan levi kita berikan, pengurangan levi daripada RM10,000 setahun kepada RM3,500 itu untuk mereka yang bekerja lebih daripada 10 tahun di Malaysia. Apa yang berlaku? Sebenarnya untuk sektor perladangan ataupun pertanian, mereka ini jarang mendapat pekerja yang lebih daripada 10 tahun. Apa yang mereka idam-idamkan sebenarnya daripada sektor pembuatan, seperti perabot. Mereka sudah lama di sini, kita perlukan. Jadi saya minta ia sepatutnya diperluaskan untuk pengusaha SME untuk bidang perabot dan juga untuk elektronik.

Seterusnya, saya ingin mengatakan bahawa pandangan saya tentang *good governance* dan ketelusan. Saya rasa pelik sedikit, dahulu kerajaan kata *open tender* untuk semua. Yang Berhormat Menteri Kewangan pula dalam pembentangan Bajet 2019 dia kata tender terbuka akan menjimatkan wang pembayar cukai. Akan tetapi yang menjadi peliknya ialah baru-baru ini pada 30 Oktober bulan lalu, Timbalan Menteri Kewangan pula kata apabila menggulung perbahasan KSP RMKe-11, mengatakan bahawa secara tiba-tiba dia kata kerajaan akan membenarkan *direct nego* atau rundingan terus dan dalam lima situasi:

- (i) keadaan mendesak;
- (ii) keseragaman (*uniformity*);
- (iii) bekalan dan perkhidmatan;
- (iv) keselamatan dan strategik; dan
- (v) kontraktor bumiputera.

Ini adalah satu skop yang terlalu umum dan terbuka kepada penyelewengan. Di sini dalam Dewan yang mulia ini saya hendak bertanya, adakah dalam tempoh dua, tiga bulan ini sudah berlakunya pemberian tender secara *direct nego*? Saya hendak beri satu contoh ya. Ini memang di khabar memang kita sudah dengar banyak khabar-khabar ini. Saya minta kerajaan untuk mengesahkan sama ada benar atau tidak. Satu kontrak secara *direct nego* telah diberikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan kepada satu syarikat berjumlah RM3 bilion untuk membekalkan komputer jenama Lenovo tablet sebanyak dua juta unit.

Saya hendak bertanya. Adakah kementerian berkenaan, Kementerian Pendidikan dipertanggungjawabkan? Adakah ini yang ditandatangani oleh Perdana Menteri sendiri ataupun telah direstui oleh Menteri Kewangan? Kalau itu berlaku, apa yang mereka laung-laungkan sebelum ini Cuma, *indah khabar dari rupa*.

■1650

Dewan yang mulia ini patut diberitahu apakah ini benar, kalau benar kenapa ia ini boleh terjadi begitu. Saya sudah nampak sudah ada satu- nampak mereka cari satu ruang lingkup

supaya mereka boleh buat *direct nego* secara tiba-tiba, dua minggu yang lalu mereka kata mereka akan buat dalam lima situasi yang saya nyatakan tadi.

Satu perkara lagi saya hendak sebut tentang JKR tender. Kita lihat untuk RM100 juta, dulu kontraktor bukan bumiputera dia boleh tender. Sekarang sudah tidak boleh, semua bagi kepada bumiputera. Saya faham kita ada agenda memperkasakan kontraktor bumiputera, itu tidak ada masalah. Kontraktor yang sederhana ataupun kecil kita bagi.

Akan tetapi, sebelum ini Barisan Nasional benarkan kalau kontrak besar-besar RM100 juta ke atas boleh mereka mengambil bahagian dalam tender sebegini. Akan tetapi, baru-baru ini semua tender di bawah JKR dinyatakan dengan jelas maka tidak ada ruang untuk kontraktor bukan bumiputera. Bukankah ini saya lihat Kerajaan Pakatan Harapan ini sepatutnya inklusif. Kenapa tiba-tiba begitu agresif dan saya rasa perlu jawab. Adakah untuk menjaga kroni ataupun, *ada undang di sebalik batu?* Saya tidak tahu, saya minta supaya kita lihat.

Satu perkara lagi bila buat tender Yang Berhormat Menteri minta KSU dan Pegawai Pengawal, jangan kata kamu kena membuat ramalan dengan tepat, berapa harga *estimation?* Lima atas, lima bawah. Maksudnya mereka yang tender dalam lingkungan julat harga lima ke atas paling hampir dengan harga *estimation cost* baru dapat. Dalam kes ini tender terendah tidak akan dapat. Jadi saya minta supaya kita tengok balik. Kalau ini justifikasi tidaklah secara saintifik dan saya minta JKR atau semua kementerian melihat semula perkara ini.

Satu perkara tentang pendidikan. Saya mengambil masa ini untuk hendak maklumkan saya memang sedihlah apabila baru-baru ini terdapat satu isu di mana Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Kalau kita lihat dari segi sejarahnya, penubuhannya pada tahun 1972. Saya masih ingat ada data-data ataupun penyata rasmi daripada Parlimen bertarikh 22 Ogos 1972 di mana Kolej Tunku Abdul Rahman ini ditubuhkan dan kita ada *special instrument* dan dasar 50-50 kita bantu secara modal kepada Kolej Tunku Abdul Rahman.

Selepas di naik taraf menjadi Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman ia juga melalui proses di mana Jemaah Menteri telah memutuskan kita bagi peruntukan sehingga RM60 juta secara maksimum kepada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Ini satu komitmen yang telah dibuat oleh kerajaan. Akan tetapi, dalam Bajet 2019 ini hanya diberikan berapa RM5.5 juta sebagai *development expenses*, peruntukan di bawah pembangunan. Di mana perginya *matching grant*, geran padanan yang selama ini telah diberikan kepada kita.

Kita lihat sejarah balik. Berapa diberi antara RM30 juta hingga RM60 juta, itu untuk geran padanan. Begitu juga ada dinyatakan status secara spesifik untuk butiran projek pembangunan sekitar setiap tahun RM4 juta hingga RM10 juta. Sebab itulah saya berani katakan sebelum ini sudah dapat RM30 juta hingga RM70 juta dalam lingkungan itu untuk Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Akan tetapi, kenapa secara tiba-tibanya apabila Menteri Kewangan, beliau telah mengambil alih kuasa ini terus tidak berikan sebarang geran padanan kepada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman.

Ini perlu dijawab dan saya hendak beritahu antara Menteri-menteri daripada Pakatan Harapan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu Yang Berhormat Pulai.

Dia ini walaupun orang Melayu tapi dia adalah alumni Kolej Tunku Abdul Rahman. Menteri Industri Utama daripada Kolej Tunku Abdul Rahman. Kita ada seorang lagi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Tanjong juga datang dari Kolej Tunku Abdul Rahman. Mereka sekarang sudah berkuasa minta tolonglah supaya berikan kita peruntukan itu kerana kalau tanpa peruntukan ini bermaksud kos kita akan kita terpaksa naikkan yuran dan yurannya sekitar 15 peratus perlu kita naikkan.

Jadi kalau kita buat secara perbandingan untuk *accounting*, untuk tiga atau empat tahun untuk Kolej Tunku Abdul Rahman, kita hanya dikenakan kos RM40 ribu. Kalau untuk IPTS, RM70 ribu Ahli-ahli Yang Berhormat dan sebab itulah MCA walaupun menubuhkan kolej tetapi ia tidak berlandaskan kepada keuntungan. Setiap satu sen yang kita kutip untuk kita gunakan demi pendidikan anak-anak kita.

Kita *apolitical*, kita tidak lihat sama ada kamu sokong siapa yang penting adalah untuk anak bangsa. Tidak kira kaum, tidak kira darjat kita bantu. Sebab itulah saya minta supaya kerajaan yang ada sekarang kalau dulu Yang Berhormat Menteri Kewangan kata tahun lalu bila Yang Berhormat Rasah pada masa itu bangkit soal ini, dia kata MCA patut perjuangkan bukan RM30 juta, patut RM60 juta. Dia kata mereka akan teruskan perjuangan sehingga RM60 juta dapat.

Sekarang kata orang India '*yilek*' tidak ada, kosong. Kenapa terjadi macam itu? Dulu tidak berkuasa ia bagi —kita dapat dia marah dengan kita. Sekarang tiba-tiba dia berkuasa, dialah orang yang berhak untuk bagi peruntukan tapi langsung tidak dibagi. Jadi saya minta kita jangan cakap tidak serupa bikin.

Jadi sebagai kesimpulan, saya minta janganlah kita ambil, kita hapuskan SME untuk Cina RM50 juta, penjaja Cina RM30 juta hilang, kemudian kita tidak bagi lagi RM60 juta untuk Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, RM140 juta tidak ada, yang dibagi okeylah SMPC RM12 juta. Dia bagi lagi pembangunan untuk KeTTHA berdasarkan kepada projek dipohon RM5.5 juta bermaksud kita rugi RM122.5 juta. Ini masyarakat Cina bagi 95 peratus kepada rakan-rakan DAP, patut memperjuangkan untuk anak bangsa kita. Jangan berdiam diri, tolonglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perlu dilihat. Kita bukan secara politik tapi demi anak bangsa kita, kita rasa terpanggil untuk menyuarakan di Dewan Rakyat ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Ayer Hitam. Yang Berhormat Ayer Hitam memang menggunakan sepenuhnya Peraturan 37, seseorang Ahli tidak boleh mengganggu Ahli yang sedang bercakap, terima kasih.

Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Subang.

4.57 ptg.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan 2019 ini. Ini merupakan belanjawan yang penting dan *historic* kerana ia merupakan belanjawan pertama Pakatan Harapan. Kebiasaannya ucapan belanjawan saya bertujuan untuk pukullah Kerajaan Barisan Nasional, sekarang saya kena *defend* pula Pakatan Harapan. *How fast the tables have turned.*

Akan tetapi saya juga mendapati beberapa isu yang perlu dibangkitkan dan dijelaskan oleh kerajaan saya sendiri. Rakan-rakan baik saya yang pernah lihat cara saya bahas akan tahu saya tidak ada *fear or favor* dalam perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bermula dengan *defend of the* Pakatan Harapan *budget*. Saya memerhatikan bahawa defisit walaupun 3.4 peratus KDNK adalah satu *projection* yang realistik di dalam konteks kami menghadapi hutang negara dan *contingent liability* yang tersangat tinggi sampai RM1 trilion. Walaupun Belanjawan 2019 mencecah RM317 bilion selepas ditolak tunggakan bayaran balik cukai sebanyak RM37 bilion baki belanjawan ini adalah sebenarnya RM280 bilion untuk operasi dan pembangunan.

Ini merupakan belanjawan yang kecil sedikit iaitu sebanyak RM2 bilion berbanding dengan Belanjawan 2018. Walaupun belanjawan ini nampaknya *expansionary* dari segi operasi dan pembangunan ia lebih *austere* daripada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, *a good target* yang kita perlu *highlight* adalah Kerajaan Pakatan Harapan bertekad untuk mengurangkan RM12.6 bilion daripada *operating expenditure*. Ini menunjukkan satu komitmen untuk mengurangkan rasuah dan ketirisan di dalam sistem *procurement* dan *grants*. Ini juga memberi kerajaan satu *operational efficiency target* untuk tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi kredit kepada Yang Berhormat Bagan kerana ucapan dia distruktur dengan baik mengikut tiga fokus utama. Oleh kerana terdapat banyak cabaran kewangan kita perlu memberi ruang dan sokongan penuh kepada Yang Berhormat Bagan untuk mengendalikan kewangan negara.

Saya juga menyokong pandangan beliau yang cukup *forward looking* seperti komen terbaru beliau untuk melaksanakan sistem *unexplained wealth orders* (UWO) yang membanteras rasuah seperti yang dilakukan di United Kingdom. Dalam perkara ini saya minta Yang Berhormat Bagan kongsi pendapat lanjut beliau tentang UWO.

■1700

Saya juga minta Yang Berhormat Bagan untuk mempercepatkan satu *taskforce* untuk mengamalkan UWO secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya pulang kepada fokus utama belanjawan ini. Fokus pertama ialah untuk melaksanakan reformasi institusi ialah apa yang kita janjikan pada rakyat dan fokus pertama ini merupakan fokus terpenting bagi negara kita supaya kita boleh mengamalkan sistem baharu, *transparent*, *accountable* tanpa *wastage* dan *corruption*. Saya memang menyokong

hasrat kerajaan untuk mereformasikan secara fiskal *reporting* dia. Saya bukan akauntan tetapi saya tahulah sedikit sebanyak tentang *zero-based accounting*. Apa yang saya faham ialah ia akan mengambil pendekatan di mana setiap item perbelanjaan perlu dinilai dan diluluskan setiap tahun *on its own merits*. Item belanjawan ini tidak akan secara automatik diluluskan berdasarkan ia terwujud dalam belanjawan terdahulu. *Reporting system* ini adalah jauh lebih *accountable* dari yang dahulu. Akan tetapi saya juga ada satu soalan dan *observation*, kenapakah kerajaan tidak mempercepatkan sistem *accrual accounting* tetapi hanya melaksanakannya pada tahun 2021. Oleh itu, saya menggesa Kerajaan Pakatan Harapan untuk mempercepatkan *the adoption of accrual accounting* kalau boleh untuk belanjawan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai fokus kedua iaitu kesejahteraan ekonomi rakyat Malaysia. Saya mendapati program Bantuan Sara Hidup (BSH) adalah lebih berfokus daripada program BR1M yang dahulu. Program BR1M dahulu terdapat banyak isu implementasi di mana kadang-kadang satu isi keluarga boleh menerima dua hingga tiga BR1M. BR1M memang menjadi satu bahan politik semasa Kerajaan Barisan Nasional. Sekarang kita pula jadi kerajaan, janganlah kita pula mempolitikkan Bantuan Sara Hidup dengan izin, *welfare support is a duty of Members of Parliament, not a political opportunities for politicians*.

Saya juga ingin memberi pandangan bahawa *cash handout* adalah program yang diguna di banyak negara tetapi semestinya ada syarat. *The cash handout should be conditional* di mana penerima perlu memenuhi syarat untuk menerima bantuan. Contohnya, memastikan anak kita pergi ke sekolah atau memastikan kita cuba mencari pekerjaan. Oleh itu, saya minta kerajaan untuk memberi penjelasan, apakah *conditional terms* yang boleh diguna pakai untuk program BSH.

Akan tetapi pada keseluruhannya, saya perhatikan dana BSH ini kekurangan sebanyak RM1 bilion berbanding dengan BR1M. Maknanya, Kerajaan Pakatan Harapan berhasrat pada tahun depan untuk melaksanakan pemberian bantuan wang ini lebih tersasar dan pada masa yang sama, berjimat sebanyak RM1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, tentang penjimatan RM1 bilion di bawah program BSH ini, saya cadangkan RM1 bilion ini diberi kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya ia boleh digunakan untuk pemberian kebajikan kepada golongan asnaf. Bagi tahun 2019, saya perhatikan bahawa pemberian kepada golongan miskin adalah RM1.7 bilion *allocation* dia. Sekiranya, ditambah RM1 bilion dari penjimatan BSH ini, kita boleh naikkan bayaran bulanan daripada RM300 ke RM480 sebulan. Oleh itu, saya harap tahun depan apa-apa penjimatan daripada kategori fiskal perbelanjaan sosial boleh disalurkan kepada bayaran kebajikan yang sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pesanan kepada kerajaan saya mengenai isu *social economic justices*, khususnya gaji minimum. Walaupun kewangan kita terdesak, Kerajaan Pakatan Harapan mempunyai satu tanggungjawab terhadap golongan pekerja yang termiskin di Malaysia. Tadi saya sokong BSH, tetapi tentang isu gaji minimum, saya kurang berpuas hati. Manifesto kita janji RM1,500 dilaksanakan dalam masa lima tahun. Sekiranya gaji minimum

mencapai RM1,500 sebulan, ibu dan bapa kedua-duanya bekerja, maka keluarga yang paling miskin di Malaysia akan mendapat pendapatan kasar sebanyak RM3,000 sebulan untuk menjaga kebajikan keluarga mereka.

Kita tahu bahawa majoriti golongan termiskin adalah daripada kaum bumiputera dan juga kaum India. Sekiranya, purata saiz keluarga kaum bumiputera dan kaum India adalah lima orang, kita boleh kira sara hidup setiap anggota keluarga. Ia adalah RM20 sehari sahaja ataupun RM600 sebulan seorang. Saya percaya tidak ada seorang Ahli Parlimen yang boleh hidup dengan kos RM20 sehari. Jadi nasihat saya kepada majikan yang kaya raya, *millionaire* dan *billionaire*, janganlah anggap gaji minimum RM1,500 ini sebagai sesuatu yang *excessive*.

Tuan Yang di-Pertua, kemenangan kita pada PRU-14 bukannya bermakna kerja reformasi kita sudah habis. Ini adalah cuma permulaan. Selagi terdapat golongan pekerjaan termiskin di Malaysia kecil, kita mesti berterusan. Isu gaji minimum ini boleh diselesaikan dengan baik. Manifesto kita cadangkan satu *core-based system* di mana kita bayar, kerajaan bayar 50 peratus dan majikan bayar 50 peratus. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam *proposal* untuk naik RM100 ini, adakah kita akan bayar sebagai kerajaan RM50 dan majikan akan bayar RM50 atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu orang miskin dan bila saya berjumpa dengan anak-anak guam saya yang dahulu. Dahulu saya peguam korporat, banyak anak guam saya orang kaya. Mereka memberi *opinion* bahawa seseorang itu jadi miskin kerana mereka malas. Mereka miskin kerana tidak mahu bekerja dan malas belajar. Tuan Yang di-Pertua, pendapat ini adalah salah dan adalah daripada pemikiran salah orang kaya-raya ini. Saya memang maklum bahawa saya anak peniaga juga.

Akan tetapi selepas lima tahun sebagai Ahli Parlimen Kelana Jaya pada penggal lalu bersama dengan golongan miskin Desa Mentari dan Desa Ria, pendapat saya cukup berubah. Sekarang saya mengajar semua pelatih *intern* saya tentang *poor economics*. Majoriti golongan miskin bukannya malas. Majoriti bukan malas ya, ada minoriti yang malasmalah seperti manusia biasa. Kesemua golongan miskin adalah golongan yang terdesak. Apabila mereka menghadapi desakan hidup, mereka tidak boleh berfungsi secara produktif dan tidak boleh mencapai potensi penuh mereka.

Maka, *solutionnya* bukannya menyuruh mereka untuk bekerja lebih kuat, *take a second or third jobs*. Solusi sebenarnya adalah pembayaran gaji yang bertepatan apa yang kita panggil dengan izin, *a living wage*. Saya hendak berterima kasih pada Yang Berhormat Bagan kerana di dalam dokumen belanjawan, konsep *living wage* ini dinaikkan sebagai satu agenda Pakatan Harapan. *Living wage* boleh memberi sedikit kelonggaran kepada hidup pekerja termiskin kita yang susah sengsara ini. Apabila bayaran gaji boleh menghapuskan isu desakan hidup, mereka secara automatiknya akan menjadi lebih produktif.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya tekan isu ini dengan golongan kaya dan elit, mereka bersetuju kenaikan gaji perlu dilakukan walaupun mereka tidak mahu bayarlah. *This is typical of rich people, they don't want to pay extra*. Saya beritahu mereka, sekiranya kerajaan baharu ini

tidak korup, *the cost of doing business* akan menurun dan secara prinsipnya, apa-apa penjimatan daripada *zero corruption* boleh disalurkan untuk menaikkan gaji minimum. Dengan izin, *the business community is ready to increase minimum wage provided. We, in Pakatan Harapan can bring down the cost of doing business by eliminating corruptions.*

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu yang *controversial* iaitu isu bayaran *refund* RM19 bilion untuk GST dan RM18 bilion untuk *income tax*. Saya faham bahawa *refund* adalah wajib dibayar dan dibayar segera sebab ini adalah *cash flow*. Isu *cash flow* kepada syarikat-syarikat dan juga individu-individu. Akan tetapi, adakah semua *refund* RM37 bilion ini telah disahkan dan perlu dibayar untuk tahun depan, 2019? Tentang GST *refund* ini perlu dipercepatkan sebab GST tidak lagi diamalkan, tetapi saya juga faham terdapat banyak permintaan *refund* GST yang tidak benar berdasarkan penipuan ataupun kesilapan. Saya minta Yang Berhormat Bagan beritahu Dewan, sama ada semua *refund* GST sebanyak RM19 bilion ini perlu dibayar penuh ataupun angka tersebut mungkin lebih rendah daripada bajet RM19 bilion yang dijangkakan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan tentang *refund income tax* adalah lebih rumit. Mengenai pembayaran *refund income tax*, saya tertanya sama ada RM18 bilion ini adalah bayaran *refund* yang luar biasa atau tidak? Ini kerana pada amnya, bila kerajaan membuat perkiraan hasil daripada *income tax*, ia akan membuat perkiraan *gross income tax* tolak *refund* untuk mendapat *projected net income tax*.

Adakah RM18 bilion ini satu *refund* yang luar jangkaan? Ini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan juga saya minta daripada Yang Berhormat Bagan untuk memberi satu *full disclosure*, satu senarai *top 30 companies receiving the highest income tax refund or corporate tax refund* dan juga senarai *top 30 individuals* yang menerima *the highest personal income tax refund*. Isu tentang *refund* ini sangat penting kerana sebahagian besar dividen sebanyak RM54 bilion Petronas akan digunakan untuk bayaran balik.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, saya faham dividen Petronas bagi Belanjawan 2019 dipisahkan kepada dua kategori. Satu ialah dividen biasa sebanyak RM24 bilion, dan satu *special* dividen sebanyak RM30 bilion. Petronas adalah khazanah negara dan hasilnya perlu disimpan untuk generasi yang akan datang. Saya faham bahawa Yang Berhormat Bagan sangat marah dan juga *frustrated* kerana kerajaan lama telah memberi masalah. Dia telah mewarisi masalah-masalah kewangan sekarang. Akan tetapi, Parlimen perlu mendapat satu jaminan bahawa bayaran *special* dividen ini tidak boleh di *repeat* tahun depan. Apabila kita lihat isu tentang Petronas bayaran dividen ini, kita kena tanya tiga, empat soalan yang penting.

Pertama, apakah impaknya kepada *projected reserve* Petronas tahun hadapan? Kita tahu pada tahun 2017, *the latest financial account* Petronas adalah Petronas *moving cash reserve* RM128 bilion dan *profit after tax* Petronas adalah RM46 bilion untuk tahun 2017. Adakah wajar kita pakai 36 peratus *cash reserve* Petronas tahun 2017 untuk bayaran *special* dividen ini? Perkara ini merunsingkan saya sebab kita semua faham bahawa negara kita kemungkinan besar

tahun hadapan akan tersepit daripada *trade war* di antara Amerika Syarikat dan China. *If we use all our money now, the financial power now of RM54 billion, we may run out of financial bullets when the crisis really hits.*

Perkara ketiga adalah kegunaan *projected rate* USD60 sampai USD70 *per barrel* untuk Belanjawan 2019. Pasaran minyak ini memang susah diramal. Ia turun naik. Pada Oktober sekarang sudah turun 20 peratus. Jadi apa yang kita tahu ialah *extreme volatility* akan berterusan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bagan, sama ada kerajaan ada kontingensi pelan sekiranya harga minyak turun dan sekiranya harga minyak naik satu komitmen untuk menjimatkan hasil lebihan ini.

Perkara keempat ialah mengenai Petronas, janji kita di manifesto untuk mengalih kuasa Perdana Menteri kepada Parlimen untuk semua perkara tentang pentadbiran dan juga kewangan Petronas. Bilakah kerajaan akan menggubal *Petroleum Development Act* ini dan memberi kuasa mutlak balik kepada Parlimen? Kerajaan kita kena faham bahawa Petronas ini adalah kepunyaan rakyat dan oleh itu sebaiknya dipantau oleh Ahli-ahli Parlimen untuk kebaikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu tidak cukup dana ini, saya lihat bahawa Petronas kita kena *tap* untuk tahun hadapan. Saya hendak kongsi, kalau kita tidak cukup duit, kita boleh cari dana daripada tempat lain. Ini saya hendak *propose* kita ubahsuaikan sistem *Approved Permit (AP)* yang dulunya diberi kepada kroni-kroni. Saya percaya kalau kita amalkan sistem tender terbuka untuk AP, kita boleh menambah hasil negara sebanyak RM2 bilion ke RM4 bilion. Ini saya minta Yang Berhormat Bagan memberi pandangan beliau tentang cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, hamba membesar di Kelantan. Ada orang-orang Kelantan sini juga betul *dok?* *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya duduk lama di Kuala Lumpur. Akan tetapi, kampung saya tetap Kota Bharu. Yang Berhormat Bagan adalah kawan baik saya. Kita bekerjasama untuk Pakatan Harapan. Akan tetapi, Kelantan adalah kampung saya. Yang di-Pertuan Agong sekarang pun Raja Kelantan. Jadi saya minta kawan-kawan saya dari sebelah sana dan sebelah sini boleh lah kita *stop* berbalah. Jangan balah, cakap baik-baik. Saya hendak seru Kerajaan Pakatan Harapan saya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta sedikit.

Tuan Wong Chen [Subang]: Saya habis dulu. Nanti / boleh buka.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Hendak sokong orang Kelantan.

Tuan Wong Chen [Subang]: Ya?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Hendak sokong orang Kelantan.

Tuan Wong Chen [Subang]: Oh *meh, meh*, terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Boleh ya?

Tuan Wong Chen [Subang]: Boleh. Saya hendak kata ini saja. Kalau kerajaan kita...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Okey, nanti bagi peluang.

Tuan Wong Chen [Subang]: Boleh. Saya bagi peluang, *don't worry*. Kerajaan pusat sebenarnya perlu memberi dana untuk membayar gaji dan operasi Kerajaan Kelantan. Kerajaan pusat boleh meminta supaya wang yang disalurkan kepada kerajaan Kelantan dipantau dengan

baik dan mekanisme untuk memastikan ia tidak disalahgunakan untuk perbelanjaan yang tidak penting. Dengan izin, *the Federal Government by extending loans can ask in return that the Kelantan Government provide greater financial transparency and accountability.*

Sebab, Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan Kelantan tidak ada dana yang cukup untuk operasi, ia akan terdesak dan lepas itu Kerajaan Kelantan akan jual tanah, jual lombong, jual balak, potong kebajikan rakyat orang Kelantan. Ini akan memudaratkan alam sekitar dan juga kebajikan rakyat Kelantan. Kawan saya, silakan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya sangat berbesar hati apa yang disebut oleh Yang Berhormat Subang supaya kita jangan berbalah. Kita jangan berbalah kata Yang Berhormat Subang tadi. Saya hendak sebut bagi pihak, maknanya wakil-wakil rakyat daripada Kelantan dan juga kerajaan Islam Kelantan.

Kita ini tidak ada hendak berbalah. Cuma, kita minta supaya Kerajaan Persekutuan menghormati Kerajaan Kelantan. Menghormati pilihan rakyat yang memilih Kerajaan Kelantan dan hubungan di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan mestilah disuburkan dengan suasana hubungan kerajaan dengan kerajaan. Perkara ini memang diamalkan oleh kerajaan Islam Kelantan bukan setakat selepas pilihan raya ini, bahkan sebelum pilihan raya pun. Makna, Kerajaan Kelantan mengharapkan hubungan antara dua kerajaan, kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan ini dalam suasana yang cukup baik dan untuk mengharmonikan hubungan ini, sudah tentulah hak kerajaan Islam Kelantan ini mesti dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan termasuk royalti dan juga peruntukan-peruntukan lain seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Subang tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Sila.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih kawan baik saya Yang Berhormat Tumpat. Saya akan cuba sedaya upaya untuk menasihati Yang Berhormat Bagan bahawa isu Kelantan ini penting. Sebab saya lihat *angle* dia senang. Kalau Kelantan tidak ada duit, orang jual balak ini kayalah. Jadi ia akan memudaratkan alam sekitar dan juga kebajikan orang Kelantan.

Baik, saya mengakhiri ucapan saya dengan tahniah kepada Yang Berhormat Bagan kerana memberi satu ucapan yang sangat teratur. *This is a well-structured budget speech. Easy to read and easy to comprehend.*

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, Parlimen perlu berubah. Kita perlukan Parlimen yang *sovereign*, bukan Parlimen yang masih bertindak sebagai satu *rubber stamp*. Dengan izin, *Parliament must regain sovereignty. This Parliament needs to urgently form permanent standing committees, so that the next Budget 2020 the committees can put provide input to shape the budget to reflect the multitude of view of the members of Parliament.*

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 2019 ini dan menyeru Ahli Parlimen baik daripada sini ataupun sana untuk bersama kita menyokongnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Kuala Nerus.

5.17 ptg.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah wasalatuasalam ya Rasulillah.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali, saya mengucapkan tahniah kepada Pakatan Harapan yang telah mengemukakan bajet pada kali ini. Namun, bila kita rujuk kembali pada perbahasan sepanjang lima tahun yang lalu, saya melihat isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang adalah pertamanya melibatkan bajet defisit. Itu juga antara perkara yang saya kritik sepanjang lima tahun yang lalu.

Dari tahun 2013 hingga 2017, bajet defisit yang dikemukakan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lalu yang kalau kita lihat pada tahun lepas telah menjangkau tahun ke-20 pembentangan bajet defisit. Tentulah saya mengharapkan agar Kerajaan Pakatan Harapan mengemukakan bajet berimbang bukan lagi bajet defisit. Akan tetapi, sangat malang untuk tahun ke-21 dan Pakatan Harapan menjadi tahun yang ke-21 membentangkan bajet defisit dalam keadaan Barisan Nasional yang lalu mengharapkan pada tahun 2020 berupaya membentangkan bajet berimbang. Maka saya berharap agar Pakatan Harapan pada tahun hadapan boleh membentangkan bajet berimbang. *Insya-Allah.*

Kedua, perkara yang juga kita kritik dulu ialah tentang nisbah perbelanjaan pembangunan berbanding perbelanjaan pengurusan yang kita sebut bahawa tidak wajar berlaku bajet untuk pembangunan itu kecil berbanding bajet pengurusan. Sepatutnya berlaku suatu nisbah yang besar, nisbah yang seimbang antara kedua-duanya tadi. Nampaknya Pakatan Harapan juga masih gagal untuk menunjukkan bajet yang besar bagi belanja pembangunan walaupun lebih besar sedikit daripada apa yang dibentangkan oleh kerajaan dahulu.

Ketiga, tentulah bila mana berlaku bajet defisit, penambahan hutang yang menjadi bahan kritikan utama dahulu oleh pembangkang Pakatan Harapan dulu kepada kerajaan, ia akan berlaku. Walaupun Kerajaan Pakatan Harapan cuba menjustifikasikan tindakan mereka dengan hutang yang banyak ditinggalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, tetapi bagi saya itu cabaran yang besar bagaimana sebuah kerajaan yang baharu dalam kadar hutang yang tinggi berupaya mengemukakan bajet terbaik kepada rakyat dan mengelakkan penambahan hutang.

■1720

Walau bagaimanapun, saya menanti dan menunggu setahun ke depan sejauh manakah berjaya mengemukakan perbelanjaan berhema hingga akhirnya berlaku *surplus* pada perbelanjaan *insya-Allah*. Kedua, saya nak sentuh tentang sumber pendapatan. Untuk tempoh yang panjang Malaysia bergantung pada sumber cukai langsung dan tidak langsung dan juga sumber daripada petroleum sama ada daripada royalti ataupun dividen atau keuntungan. Akan tetapi saya mengharapkan untuk kita pergi lebih jauh, mengembangkan lagi ruang-ruang dan sumber pendapatan dengan melihat zakat sebagai satu model.

Bila saya sebut zakat bukan bererti kita mahu mengambil alih ruang-ruang peraturan dan undang-undang yang ada di peringkat negeri, memberikan hak kepada negeri untuk mengutip zakat. Akan tetapi kita bercakap tentang menjadikan zakat sebagai model bagi cukai negara kerana zakat sebagai satu model cukai adalah sistem yang terbaik kerana konsepnya ialah *[Membaca sepotong Hadis], "diambil daripada orang kaya dan diagihkan kepada orang miskin"*. Saya melihat dalam dunia moden pada hari ini begitu banyak cukai-cukai yang dikecualikan daripada pemilikan orang kaya, sedangkan dalam masa yang sama orang miskin dikenakan pelbagai cukai melibatkan perkara kecil dalam kehidupan mereka, melibatkan kenderaan, perjalanan, pendidikan dan sebagainya.

Akan tetapi orang-orang kaya yang sebenarnya mereka mempunyai pendapatan yang lebih dan sangat besar dan banyak, mereka dikecualikan cukai yang sangat banyak. Contoh yang paling mudah saya sebutkan dalam ucapan saya sebelum ini tentang cukai daripada simpanan korporat dan juga cukai berasaskan pegangan saham dan juga cukai berasaskan keuntungan jualan saham. Ini adalah antara cukai-cukai yang sebenarnya sepatut menjadi milik orang miskin tetapi bila tidak diambil dari orang kaya, maka kita atau kerajaan telah menzalimi hak orang miskin.

Saya dua kali berucap di sini mengharapkan agar sama ada Kementerian Kewangan ataupun Kementerian Ekonomi menjawab dan membalas, memberi *respond* kepada cadangan kami daripada PAS terhadap cukai pegangan saham dan juga cukai simpanan korporat. Akan tetapi sehingga hari ini masih belum ada sebarang ulasan daripada pihak sana. Maka saya mengharapkan untuk kali yang ketiga agar diberikan *respond* terhadap sistem cukai Islam ini yang mana ia memberikan hak kepada orang miskin, diambil daripada orang kaya dan tidak menzalimi orang-orang miskin.

Dalam masa yang sama, perlu kita perkenalkan juga cukai berasaskan zakat galian. Zakat terhadap emas, zakat terhadap perak, zakat termasuklah juga petroleum kerana saya difahamkan Petronas tidak membayar, zakat perniagaan tidak dibayar. Zakat terhadap petroleum yang dikeluarkan walaupun berlaku khilaf di kalangan ulama tetapi saya mempunyai pendapat ulama terkenal dunia Dr Ali Al-Qaradaghi, merupakan Setiausaha kepada Kesatuan Ulama Islam Antarabangsa yang menyatakan bahawa sekiranya dikenakan zakat terhadap petroleum yang dikeluarkan dunia pada hari ini, jika diambil daripada hanya lima buah negara pengeluar minyak terbesar dunia, maka zakat yang diperoleh ialah sekitar USD20 bilion setahun. Itu jumlah yang sangat besar yang boleh diberikan kepada dunia sebenarnya. Kalau kita Malaysia juga mengambil konsep yang sama saya yakin tiada seorang rakyat pun yang akan terpinggir untuk mendapat kebajikan dan kebaikan.

Begitu juga dengan zakat terhadap ternakan dan juga tanaman. Ini antara zakat yang kita pejam mata, sedangkan hasil ternakan hasil yang begitu banyak tidak dikenakan cukai. Jadi saya mengajak rakyat, mengajak kerajaan untuk melihat dan mengkaji zakat sebagai satu model bagi cukai negara kita Malaysia. Begitu juga dengan satu lagi sumber pendapatan bagi negara iaitu konsep musyarakah atau mudarabah yang melibatkan rakyat dalam urusan pembangunan.

Kalau hari ini kerajaan hanya bergantung untuk membina hospital, membina sekolah, membuat lebuhraya bergantung kepada dana kerajaan dan juga bergantung kepada pinjaman daripada pelbagai sektor perbankan, kenapa tidak diperkenalkan satu konsep Islam iaitu musyarakah daripada rakyat menggunakan konsep wakaf dan juga pelaburan rakyat menggunakan konsep mudarabah, diperkenalkan sukuk dan sebagainya.

Bererti Islam memberikan ruang yang begitu banyak. Kita tidak melihat ruang-ruang pendapatan yang diperkenalkan oleh Islam, tetapi hanya mengambil pandangan peribadi dengan akal sendiri dan melihat tunjuk ajar yang ditunjukkan oleh Allah SWT. Itu bahagian pertama daripada perbahasan saya.

Bahagian kedua saya hendak menegaskan lima prinsip asas ekonomi Islam yang sepatutnya kita praktikkan bila mana kita membuat apa saja bajet melibatkan negara atau juga negeri.

Pertama, konsep Islam ialah harta tidak patut berlegar di kalangan orang kaya sahaja. Al-Quran menyebut [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], “jangan sampai berlaga kerana orang kaya”, satu. Kedua, cukai diambil daripada lebih harta orang kaya seperti yang saya sebutkan tadi [*Membaca sepotong Hadis*] kena lihat di mana ruang-ruang lebih harta orang kaya yang patut diambil, diagihkan kepada orang miskin.

Ketiga, menaik taraf golongan orang-orang miskin yang terpinggir terutamanya ---- kos hidup mereka. Keempat fardu kifayah, kewajipan kerajaan dan juga kewajipan orang-orang kaya bukan hanya kerajaan untuk menyediakan prasarana rakyat. Menggunakan konsep zakat, tabbaru'ah, sedekah, konsep wakaf dan sebagainya.

Kelima, anti monopoli. Tidak boleh berlaku monopoli terutama dalam sektor melibatkan makan minum, makanan, minuman dan sebagainya kerana ini melibatkan keperluan rakyat. Bila berlaku monopoli maka akan berlakulah rakyat yang terpinggir daripada mendapat hak mereka.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Kuala Nerus minta penjelasan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ini lima asas yang patut kita ambil daripada sistem Islam.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Memang kita sering dengar tentang konsep ekonomi ataupun perbankan Islam. Akan tetapi saya nak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Nerus kerana apakah sistem sebenarnya perbankan Islam ini kadang-kadang ditakrif atau ditafsirkan berlainan. Saya hendak tanya satu contoh sama ada Yang Berhormat Kuala Nerus boleh beri penjelasan.

Dalam perbankan Islam yang sekarang ada saya dapati banyak transaksi merupakan berlandaskan transaksi yang diwujudkan tetapi tidak sebenarnya dilaksanakan. Apa maksud saya, *transaction created in theory* maksudnya dikatakan semasa kita menyimpan duit di dalam bank, dikatakan duit ini dilaburkan dalam komoditi. Sebenarnya bank tidak melaburkan wang itu dalam *commodity market* untuk mendapat keuntungan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bagi saya Islam mesti menegakkan kebenaran.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau sesuatu itu satu *creation, a fictitious creation*. adakah ini perbankan Islam sebab ..

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Pertama sekali bila kita bincang, saya faham.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya pun ragu kalau boleh dapatkan penjelasan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya faham.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bagi saya kebenaran itu sangat penting dalam mana-mana agama pun.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya, terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bukan satu rekaan manusia. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Islam agama yang begitu menarik dan cantik, menyediakan pelbagai keperluan hidup manusia termasuk di bidang perbankan. Jika berlaku kelemahan, kelemahan adalah pada pelaksana oleh individu bersifat manusia. Ia mungkin boleh berlaku dan saya berikan ruang untuk pihak berkuasa yang menjaga urusan perbankan negara ini khususnya perbankan Islam untuk menjawab aduan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Beruas kerana saya tidak mempunyai masa yang panjang untuk berucap dalam perkara ini.

Mungkin memerlukan sejam untuk saya bersyarah panjang tentang perbankan Islam, di luar Dewan *insya-Allah* saya boleh terangkan secara *detail insya-Allah*. Akan tetapi konsepnya ialah Islam memperkenalkan sistem yang sangat baik yang perlu kita rujuk dan kita jadikan panduan dalam negara.

Baik saya nak merujuk kepada bajet kita yang dibentangkan sekarang. Pertama sekali dari sudut pasaran kerja. Bajet 2019 tidak menyatakan secara jelas tentang jumlah keseluruhan peluang pekerjaan yang bakal diwujudkan sepanjang tempoh 2019. Bahkan jumlah pekerjaan ditambah dalam sektor ekonomi menunjukkan penurunan yang sangat ketara iaitu kalau kita lihat pada bulan Ogos 2018 sebanyak 14,100 berbanding Julai 2018 ialah 19,200. Ertinya berlaku penurunan yang sangat ketara iaitu *36 percent*. Apa yang merisaukan lagi ialah pekerjaan yang mendominasi ialah pekerjaan yang disebut sebagai pekerjaan yang memberi pendapatan yang sangat rendah.

Ia akan berikan kesan besar kepada graduan terutamanya kerana hari ini yang kita lihat graduan mereka ini bekerja di luar daripada bidang pengajian mereka. Bahkan dengan nilai gaji yang rendah seperti gaji SPM dan juga STPM. Mereka mempunyai ijazah, *Bachelor, Master* dan *PhD* tetapi pekerjaan mereka memberikan hanya pendapatan sekitar RM1,000, RM1,500 dan RM2,000 sahaja.

■1730

Ini kita panggil pengangguran terhormat. Kenapa berlaku sedemikian? Ini perkara yang mesti dikaji dan diselesaikan oleh kerajaan pada hari ini. Kalau kita melihat data yang ada pada kita, pengangguran siswazah sahaja sekitar 240 ribu. Ini jumlah yang sangat besar yang perlu

kita selesaikan pada hari ini dan saya mengharapkan kerajaan berikutnya sangat baik dan juga pelan tindakan yang terbaik bagi menangani isu ini.

Kalau kita lihat kalau kerajaan perlu memperkenalkan inovasi baru dalam sektor ekonomi bagi menampung pendapatan khususnya bagi mereka yang berminat dalam bidang pekerjaan seperti *business online* yang hari ini semakin berkembang. Ini memberi ruang kepada anak-anak muda kita yang baru keluar universiti untuk mereka mengembangkan kerjaya mereka bukannya pada bidang yang mereka belajar dahulu tetapi pada bidang-bidang yang baru. Kerajaan boleh memperkenalkan pelbagai sistem yang baru terutamanya dari sudut ruang-ruang mereka mendapat pembiayaan yang mudah bagi mereka melaksanakan kerja-kerja melibatkan *business online* dan juga memberi ruang yang mudah untuk mereka menggunakan pelbagai aplikasi yang wujud pada hari ini bagi melaksanakan kerja-kerja *business online* seumpama ini.

Saya juga mengharapkan kerajaan untuk menyatakan jumlah pekerja warga negara yang diberhentikan dalam tempoh 6 bulan terakhir ini kerana kita melihat beberapa isu yang timbul antaranya penangguhan projek besar seperti ECRL di Terengganu, Kelantan di Pantai Timur tentulah memberi kesan besar kepada pengangguran. Bagaimana kerajaan menyerap balik mereka-mereka yang menjadi penganggur disebabkan oleh pemberhentian projek seumpama ini dan juga mungkin projek-projek lain yang akan ditangguhkan lagi yang akan memberi kesan besar kepada nilai atau nisbah pengangguran dalam negara kita pada hari ini.

Merujuk pada isu pendapatan, hari ini kalau kita lihat pada tahun 2017 gaji minimum rakyat Malaysia meningkat hanya sekitar lapan peratus, pada tahun 2016 hanya RM2,000 kepada RM2,160 pada tahun 2017. Peningkatannya agak kecil.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dalam masa yang sama kita berhadapan dengan inflasi. Inflasi ini menyebabkan nilai sebenar peningkatan pendapatan mereka adalah sangat rendah. Tidak seperti yang kita jangka pada hari ini. Maka bagaimana kerajaan berhadapan dengan isu inflasi ini? Dalam keadaan kerajaan masih memperkenalkan cukai seperti SST yang sebenarnya menambahkan peningkatan inflasi, bukan menurunkan kadar inflasi. Walaupun kerajaan menyatakan berlaku sekian, sekian, ini realiti yang sebenarnya tidak begitu. Inflasi sedang berlaku dan ia semakin berkembang dan juga semakin membesar.

Oleh kerana itulah saya mengharapkan kerajaan ketika kita berhadapan dengan isu pendapatan ini, kerajaan perlu mengkaji balik definisi miskin tegar dan definisi miskin kerana yang diguna pakai sebelum ini, yang kita panggil PGK hanya berasaskan kepada makanan semata-mata. Sedangkan keperluan rakyat bukannya hanya melibatkan makanan sahaja, melibatkan makanan, melibatkan kediaman, melibatkan kenderaan dan melibatkan pendidikan. Kesilapan kita dalam menetapkan kaedah definisi miskin dan miskin tegar menyebabkan ramai orang yang sebenarnya miskin dan miskin tegar tapi tidak termasuk dalam kategori miskin.

Bererti kita telah menzalimi mereka bila tidak masukkan mereka di kalangan orang miskin. Oleh kerana itu saya mengharapkan kerajaan untuk menilai balik konsep PGK yang diguna pakai sebelum ini. Saya juga menggesa kerajaan untuk meningkatkan elaun sara hidup nelayan. Sehingga hari ini saya lihat kerajaan seperti bergaduh. Sekali kata hendak kekalkan elaun nelayan, kemudian kata hendak tangguh dulu. Kemudian kata hendak perkenalkan balik pula. Saya minta bukan hanya perkenalkan balik atau bukan hanya meneruskan saja tapi meningkatkan lagi kepada RM300 hingga RM500 sebulan kerana saya daripada Terengganu.

Di Terengganu, rakyat saya di Kuala Nerus ramai terlibat sebagai nelayan. Pendapatan mereka sekitar RM1,000 saja sebulan, RM800, ada yang RM600 sebulan. Tanpa bantuan seumpama ini agak sukar untuk mereka berhadapan dengan keperluan harian mereka. Kerana itu saya mengharapkan kerajaan menambah lagi elaun mereka kepada RM300 hingga RM500 sebulan bila masuk musim tengkujuh seumpama ini dan juga menambah subsidi bagi padi dan juga menaikkan elaun untuk pesawah. Ini semua tidak disebut dalam Belanjawan 2019. Seolah-olah Kerajaan PH menganaktirikan para nelayan, menganaktirikan pesawah, menganaktirikan penoreh getah.

Kalau dulu ketika menjadi pembangkang, ada sebahagian Ahli Parlimen PH bercakap untuk meminta kerajaan meletakkan garis lantai, harga lantai bagi getah kepada RM4 tetapi hari ini kita melihat jawapan Menteri sangat mengecewakan. Kerajaan tidak bersedia untuk memperkenalkan harga lantai RM4.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [*Bangun*]

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kalau tidak boleh RM4 pun tidak apalah, beri lah RM3. Kalau tidak boleh RM3, bagi RM2.80, bukan seperti harga sekarang. Oleh kerana itu saya mengharap Kerajaan PH...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ...Menunjukkan perbezaan mereka dengan kerajaan yang sebelum ini.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya juga terpanggil apabila Yang Berhormat Kuala Nerus bercakap tentang kumpulan nelayan, pekebun kecil. Di tempat saya di Bagan Serai ini kebanyakannya adalah pesawah padi dan ada juga nelayan. Jadi kumpulan ini adalah kumpulan yang *vulnerable*. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Nerus, apa pendapat Yang Berhormat Kuala Nerus kerana kumpulan ini juga adalah kumpulan yang menjaga jaminan makanan negara. Kalau kita tidak jaga mereka, kalau mereka sudah jemu, sudah tidak sanggup hendak buat kerja macam itu, maka jaminan makanan negara akan tergunat.

Apakah perlu kerajaan mewujudkan satu jaringan keselamatan sosial yang saya anggap sebagai automatik. Bila harga getah turun satu tahap maka kerajaan bagi bantuan. Jadi tidak payah hendak tunggu *annual* bajet. Setiap tahun bajet hendak fikir hendak buat apa. Maknanya kita ini proaktif dan bukan responsif kepada keadaan semasa.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Hak untuk hidup antaranya untuk makan, untuk minum, untuk mendapat kediaman, kenderaan, pendidikan. Bila mana mereka orang miskin gagal mendapatkan hak mereka, bererti kita menzalimi mereka. Maka menjadi kewajipan kerajaan untuk mengambil duit orang kaya untuk dipulangkan balik pada orang miskin hingga orang miskin mendapat apa yang patut mereka dapat dalam keadaan mereka tidak mampu. Tidak semua orang yang tidak memerlukan tongkat. Kita sebut sebelum ini bahawa kita tidak mahu melahirkan rakyat yang menggunakan tongkat. Realitinya akan ada manusia perlukan tongkat.

Orang miskin akan sentiasa ada. Nelayan akan sentiasa wujud, pesawah akan sentiasa wujud. Orang yang sakit tidak boleh bekerja akan sentiasa wujud. Bererti akan ada golongan yang akan memerlukan tongkat. Siapa yang akan berikan tongkat ini? Kerajaan dengan mengambil cukai daripada orang-orang kaya.

Saya hendak beralih kepada isu hutang. Hutang hari ini sehingga Jun 2018, hutang isi rumah mencecah RM1.17 trilion iaitu 83.4 peratus daripada KDNK. Apa yang paling membimbangkan ialah bila melibatkan golongan yang berpendapatan rendah yang mana mereka menggunakan lebih separuh pendapatan mereka untuk bayar hutang dan tentulah ia menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan pinjaman tidak berbayar. Kita lihat juga walaupun antara negatif hutang ini ialah kerana sikap berbelanja dan mempunyai gaya hidup tetapi kita perlu ambil pertimbangan juga bahawa ia adalah antaranya bertujuan mencukupkan keperluan asasi mereka.

Oleh kerana itu soalan saya ialah adakah kerajaan bersedia untuk menghapuskan duti eksais bagi kenderaan 1,600cc ke bawah yang diguna oleh orang-orang yang berpendapatan sederhana dan juga orang miskin sebagai kereta pertama mereka di kecualikan duti eksais yang mana kerajaan akan kehilangan hasil sekitar mungkin RM2 bilion atau RM3 bilion tetapi ia sangat berbaloi kerana memulangkan balik kepada rakyat. Adakah Pakatan Harapan bersedia memperkenalkan konsep ini, menghapuskan duti eksais kepada pembeli kereta kali pertama bagi kereta 1,600cc ke bawah. Saya juga mengharapkan untuk bajet pada kali ini tidak meminggirkan orang-orang miskin, orang-orang susah dan juga meminggirkan negeri Terengganu, Kelantan dan juga Pahang. *Wallahutal a'lam. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kluang, sila.

5.38 ptg.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbincangan belanjawan pertama di bawah kerajaan baharu ini.

Walaupun usia tidak sampai setahun jagung sekalipun, kerajaan baharu ini telah mengorak suatu hala tuju yang jelas melalui Belanjawan 2019 iaitu peri pentingnya untuk kita membaik pulih struktur dan institusi negara daripada asas sekali. Terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada peruntukan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Semua sedia maklum bahawa sebelum ini di bawah pentadbiran lama, JPM serupanya sebuah Kabinet mini. Belanjawan JPM merangkumi pelbagai jenis program tidak kiralah sama ada sesuatu program itu sepatutnya diletak di bawah Kementerian Pengangkutan, Pendidikan dan sebagainya. Semuanya dirangkumkan dalam JPM seolah-olah kementerian yang lain itu tidak berupaya mengendalikan portfolio yang seharusnya diuruskan oleh mereka ataupun Perdana Menteri terdahulu terlalu hauskan kuasa sehingga membolot pelbagai dana yang sepatutnya diletakkan di bawah kementerian lain demi kepentingan politik.

■1740

Justeru, Belanjawan 2019 bagaikan udara segar apabila peruntukan kepada JPM telah dikurangkan setinggi 58 peratus daripada RM17.4 bilion pada 2018 tahun ini kepada RM7.4 bilion untuk tahun depan. Peruntukan yang dikurangkan atau dipindah kepada kementerian khusus yang berkaitan sekali gus menyahpusatkan, dengan izin *decentralized* kuasa Jabatan Perdana Menteri. Dari segi tadbir urus, amalan ini juga memberikan gambaran yang lebih tepat kepada perbelanjaan kerajaan di bawah penjenisan yang tertentu. Maka dengan itu, prestasi agensi pelaksanaan berserta kementerian berkenaan juga boleh diukur dengan lebih gitu.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya belanjawan Kementerian Dalam Negeri meningkat daripada RM14.25 bilion pada tahun 2018 kepada RM15.65 bilion pada tahun 2019. Sebahagian besar peningkatan ini adalah peruntukan pembangunan yang dahulunya diperuntukkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Contohnya di bawah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), sejumlah besar RM469 juta sekarang terletak di Kementerian Dalam Negeri bukan lagi di bawah JPM.

Perkara yang sama juga boleh di perhati dalam belanjawan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di mana perbelanjaan pembangunan meningkat manakala perbelanjaan mengurus turun mendadak. Ini juga disebabkan perkara-perkara seperti PR1MA yang dahulunya diletakkan di bawah JPM, kini telah dipindahkan balik ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana perkara tersebut sepatutnya berada.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja perkara-perkara yang saya sebut tadi dan juga beberapa *slush fund* dengan izin yang dulu ada di bawah JPM sekarang langsung tiada seperti dana fasilitasi yang kita langsung tidak tahu apa kegunaannya ataupun beberapa program dengan peruntukan yang sangat tinggi. Kerja-kerja membina semula negara ini cukup berat jika dipandang dari sudut segala semua cabaran yang kita hadapi sekarang. Apa sebenarnya hala tuju negara ini? Imej macam mana yang kita mahu lakarkan untuk negara kita? Paling penting sekali, adakah dasar-dasar kerajaan menjurus ke arah pembentukan imej tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2019, Kementerian Komunikasi dan Multimedia merancang untuk melancarkan sistem penyiaran TV digital berdefinisi tinggi. Namun, perlu kita

sentiasa ingat bahawa apa yang mesti dipertingkatkan bukan sahaja teknik dan teknologi yang diguna pakai tetapi yang lebih penting lagi *content* ataupun isi kandungan program-program yang disiarkan. Adakah program yang kita hasilkan mewakili kehidupan harian Malaysia ataupun mewujudkan satu dunia gelembung, *bubble world* dengan izin. Misalnya drama tempatan, tidak kiralah drama Melayu, Cina ataupun India yang membayangkan Malaysia ini cuma ada satu kaum. Dari sekolah ke tempat kerja, di tempat makan sehinggalah pusat membeli-belah langsung tiada kaum lain, rasanya terlalu *surreal*. Saya ingin menegaskan di sini bahawa masalah ini bukan masalah kaum tertentu sahaja tetapi ianya masalah kita semua. Kita perlu meneliti sama ada perkara ini menjadi punca kegusaran antara masyarakat majmuk kita.

Tuan Yang di-Pertua, RTM pernah menghasilkan banyak program TV yang baik. Contohnya Empat Sekawan yang bermula dalam format audio drama pada tahun 1952 sehinggalah drama tersebut dihasilkan dalam bentuk komedi TV di TV2 sejak tahun 1965 hingga 1988 sepanjang 23 tahun. Apa keistimewaan drama komedi ini? Dalam komedi ini empat pelakon berinteraksi dalam kehidupan Malaysia harian menggunakan empat dialek Cina dan pelbagai bahasa masyarakat Malaysia. Setiap mereka bertutur dalam satu atau dua dialek bercampur lagi dengan bahasa lain. Komedi ini bermula pada zaman TV hitam putih, tamat pada tahun 80-an. Oleh sebab jalan cerita dan lakonan dalam cerita tersebut amat mencerminkan kehidupan sebenar rakyat Malaysia, maka ramai orang masih ingat komedi ini.

Namun mengapa drama komedi TV yang popular seperti ini ditamatkan pada tahun 1988? Kalau kita lihat balik konteks sejarah pada ketika itu, hubungan antara kaum amat tegang sekali. Justeru, setiap kaum itu bertindak untuk menyatupadukan kaum masing-masing untuk memperkukuhkan perjuangan kaum tersebut ke atas kaum lain. Sama ada sedar atau tidak sedar kita telah mengurangkan penggunaan dialek untuk mempromosikan sesuatu bahasa yang boleh menyatupadukan sesama kita. Kerajaan akhirnya menamatkan komedi tersebut. Sejak pada masa itu, keindahan kepelbagaian bahasa dan budaya masyarakat Malaysia jarang digambarkan dalam program-program TV mahupun dalam filem-filem tempatan. Program yang menggantikan Empat Sekawan adalah drama import daripada Hong Kong yang langsung tidak mencerminkan kehidupan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar bahawa kerajaan tidak boleh mewajibkan semua program TV mesti mengandungi unsur-unsur tertentu termasuk mencerminkan kepelbagaian kaum atau bahasa. Malah jika diwajibkan hasilnya mungkin akan menjadi terlalu berpura-pura. Mewajibkan sesuatu syarat yang terlalu ketat ke atas seni dan filem akhirnya akan membunuh kreativiti.

Namun saya berharap kerajaan akan menggalakkan lebih ramai pengusaha filem atau program TV akan menghasilkan filem yang mencerminkan kehidupan Malaysia. Contohnya seperti filem tahun 2005 karya Yasmin Ahmad, *Sepet*. Walaupun Yasmin Ahmad telah meninggalkan kita selama sembilan tahun namun beliau masih dirindu masyarakat Malaysia. Ini kerana mesej dalam filem beliau menyatukan kita semua serta berani mengetengahkan masalah yang kadangkala kita berasa janggal untuk berdepan. Harapan saya, Kementerian

memperbaharui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Kerajaan perlu mengorak hala tuju yang jelas bagi FINAS termasuk dalam hal-hal urus tadbir agar mendatangkan manfaat kepada sektor ini.

Berkaitan isu ini juga, izinkan saya membangkitkan isu yang didedahkan dalam Laporan Tahunan FINAS 2016. Laporan tersebut tidak dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sehinggalah dua minggu yang lepas. Kes-kes di mana bayaran dibuat terhadap projek-projek yang tidak dilaksanakan telah pun kini berada dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Namun, masalah yang paling besar adalah dari aspek pengurusan kewangan FINAS.

Mengikut laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2016, sebelas masalah berkaitan pengurusan kewangan telah dibangkitkan dalam pengauditan. Kepincangan yang didapati termasuklah baki akaun pendapatan tidak dapat ditentukan, liabiliti cukai selama sepuluh tahun tidak direkodkan, peruntukan manfaat pekerja tidak dipatuhi, baki penghutang sewaan tidak dapat disahkan, rekod perakaunan dan rekod lain tidak dikemas kini dengan lengkap dan sebagainya. Melihat kepada semua masalah ini, saya cuma hairan kenapa isu-isu ini tidak didedahkan lebih awal dalam Dewan ini. Kalau tiada perubahan kerajaan, adakah segala kepincangan ini akan terus ditutup rapi daripada pengetahuan awam.

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir yang saya ingin bangkitkan di sini adalah berkaitan dengan sektor media juga. Namun, ia tidak terhad kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia sahaja. Apa yang saya ingin ketengahkan ialah tentang kecelikan media atau dengan izin *media literacy*. Dalam perbahasan pemansuhan Akta Anti Berita Palsu, saya telah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa tiada apa-apa undang-undang akan berupaya menghalang penyebaran berita palsu.

■1750

Untuk menghentikan maklumat yang tidak tepat, kita perlu pastikan bahawa rakyat secara umumnya mempunyai kecelikan media. Kecelikan media ataupun *media literacy* tidak bermakna bahawa kita perlu tahu proses kerja media. Secara mudahnya, ia bermakna keupayaan untuk tidak dimanipulasi oleh berita. Perkara fundamental seperti sumber penerbitan berita tersebut, bila masa ia diterbitkan, kesahihan sumber terbitan tersebut, matlamat di sebalik maklumat dan integriti angka serta statistik yang disiarkan.

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya fenomena berita palsu ini akan sentiasa wujud. Dulu, kini dan selama-lamanya. Masalah sekarang adalah penyebaran berita palsu menjadi terlalu pantas dalam zaman *internet* dan media sosial. Kalau pengguna media sosial kurang celik media, maka mudah akan dimanipulasi oleh penyebar berita palsu. Yang paling penting sekali kita harus faham apa itu berita palsu. Ambil contoh senario-senario berikut:

Pertama, berita atau maklumat yang tetap disiarkan walaupun sudah diketahui kepalsuan berita tersebut.

Kedua, berita atau maklumat yang telah disiarkan walaupun kesahihan berita tersebut masih tidak dapat ditentukan.

Ketiga, berita atau maklumat yang direka-reka atau pun dengan izin, *fabricated news*.

Dan Keempat, teknik-teknik memesongkan pembaca seperti meletakkan tajuk dan isi kandungan berita langsung tidak berkaitan.

Mungkin tidak semua orang yang bersetuju bahawa keempat-empat senario di atas merupakan insiden berita palsu. Terutamanya dalam kerangka kebebasan media, sudah pasti ada ruang untuk penyiaran pendapat ataupun pandangan yang tidak mudah dikotakkan dalam kategori benar, palsu secara hakiki.

Namun, apa yang saya hendak ketengahkan di sini adalah tidak kira lah insiden maklumat yang salah yang tidak disengajakan, *misinformation*, dengan izin, atau maklumat yang salah yang disengajakan atau *disinformation*, dengan izin, kita kerajaan seharusnya memupuk kesedaran kecelikan media agar rakyat secara amnya boleh menilai sendiri berita-berita yang dikemukakan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, zaman *internet* ini berubah setiap hari memandangkan teknologi semakin canggih. Apa yang kita lihat dengan mata sendiri mungkin tidak mencerminkan realiti sebenar-benarnya juga. Dalam satu laporan siasat media oleh *The Reporter*, sebuah agensi media bebas dari Taiwan, penyelidik mendedahkan bahawa sudah ada syarikat-syarikat iklan yang membantu pelanggan mereka memperbanyakkan komen-komen dalam media sosial sehinggakan seorang pekerja syarikat iklan mungkin mengawal beberapa akaun media sosial untuk tujuan tersebut. Satu akaun akan memberikan komen menghentam, satu lagi memujuk, satu lagi marah, satu lagi menganalisa kononnya ia adalah pakar dalam isu yang dibincangkan. Objektif modus operandi ini adalah untuk mewujudkan satu senario seakan-akan ramai yang berminat tentang perkhidmatan ataupun produk yang ditawarkan oleh pelanggan syarikat iklan tersebut.

Jika media mengambil komen-komen tersebut sebagai bahan berita, maka minat terhadap perkara ini akan menjadi lebih tular lagi. Kini dengan teknologi yang membolehkan *micro targeting*, iklan dan berita boleh disasarkan kepada golongan sasaran yang lebih jitu lagi, akhirnya orang awam kena tipu. Jika mereka sekadar menghadamkan bahan-bahan ini bulat-bulat tanpa siasatan, maka pemberita pun akan kena tipu sekali dan akibatnya rantaian penyebaran berita palsu akan dipanjangkan.

Justeru itu, saya amat terkejut apabila laporan media yang saya sebut tadi mendedahkan bahawa ada seorang mantan Menteri ataupun Timbalan Menteri— saya tidak tahu, tidak pasti daripada parti komponen Barisan Nasional— yang membayar perkhidmatan syarikat iklan seperti ini untuk mempengaruhi pemikiran komuniti cina di Malaysia semasa PRU yang lalu.

Sumber kepada laporan tersebut mendedahkan bahawa seorang pemimpin Barisan Nasional telah membelanjakan berpuluh ribu untuk muncul dalam program TV pelancongan mereka, menghasilkan lagu dan artikel yang positif kepada imej mereka. Mereka menyangka bahawa taktik-taktik ini akan mempengaruhi masyarakat Malaysia yang menonton program TV luar negara. Malangnya, strategi tersebut tidak berupaya menyelamatkan rejim Barisan Nasional hanya dengan *touch-up* terhadap imej kleptokrasi yang sudah diketahui umum.

Walau bagaimanapun, kita seharusnya berhati-hati dengan modus operandi sebegini yang berniat jahat. Untuk mengelakkan maklumat salah atau wacana tidak sihat yang dipelopori oleh syarikat-syarikat ini, kita mesti meningkatkan kecelikan media seluruh rakyat Malaysia iaitu kita bukan sahaja membaca berita tetapi mampu faham dan boleh membezakan fakta daripada kepalsuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Pendidikan serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengkaji sama ada kemungkinan kita menyediakan kursus kecelikan media bermula daripada sekolah menengah kepada generasi yang akan datang. Pada masa yang sama, saya juga mengalu-alukan kerajaan menyediakan kursus kecelikan media yang paling asas kepada semua lapisan masyarakat. Kita tidak boleh hidup dalam penipuan, maklumat salah dan berita palsu. Kita berani kerana benar.

Dengan ini, saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Dari Johor kita berhijrah ke Sarawak. Saya menjemput Yang Berhormat Bintulu. Sila, tetapi jangan *kongkalikong*.

5.57 ptg.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Memang kalau *kongkalikong* punya tempat memang *kongkalikong*, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang sama saya ambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2019.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun faham saya punya *style*, saya punya cara.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Orang lama. Sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, banyak rakyat di luar minta saya soal dalam Parlimen. Lepas PRU14, ekonomi kita bukan bertambah baik tetapi kita merosot. Lagi *kongkalikong* punya ekonomi. Fasal, mereka rakyat keliru. Keliru macam mana? Dia kata sepatutnya bekas kerajaan yang tidak begitu baik, bila pembangkang duduk sebelah sini, mereka balik-balik *kongkalikong*. Akan tetapi duduk sebelah, sepatutnya ekonomi lebih cemerlang, lebih hebat tetapi sampai hari ini mereka pening kepala, patut Malaysia Baharu ataupun Pakatan Harapan, dia boleh lagi telus menceritakan tentang ekonomi. Kita boleh nampak sekarang banyak pelabur asing lari. Bila pelabur asing lari, kita macam-macam alasan ada. *We never look at ourselves, where is our weaknesses*, dengan izin.

Kita kalau tengok 22 Mei, Menteri Kewangan sekarang ada beritahu dalam *media conference* ataupun *press release*, negara kita hutang RM1 trilion. Bila sampai baru-baru ini, kita nampak itu MOSTI punya pelaburan. Dalam Jun 2019 kata negara kita hutang RM686.8 bilion. Akan tetapi Menteri Kewangan lepas itu cerita lagi masih RM1 trilion. Lepas berapa hari, dia tukar lagi pergi kepada RM885.9 bilion. Baru-baru ini, Bajet 2019 umum lagi kata RM725.2 bilion. Nanti sekejap dalam belanjawan, umum lagi RM1 trilion. Semua keliru, orang tidak faham mana satu.

■1800

Jadi kalau isu sebegini, macam mana kita boleh marah sama orang lari daripada negara kita? Dalam ini juga rakyat meminta kalau boleh *list* keluar betul-betul RM1 trilion mana ini hutang RM1 trilion. Kalau ada masuk...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: ...Itu *international financial* punya *standard practice*, memang ada *government guarantee contingent liability* itu semua, saya rasa ini *contingent liability* ada terlibat dalam *cash flow* nya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Bintulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Kuala Krau minta mencelah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Boleh?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ya, mahu cepat jangan kongkalikung.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan selamat menyambut hari lahir pada hari ini. Bertambah muda nampaknya. Senyum.

Yang Berhormat Bintulu, dalam urusan menyediakan penyata kewangan ini, ada kata hutang negara RM1 trilion, ada kata hutang negara RM688 bilion. Sebenarnya siapa yang kongkalikung? Menteri Kewangan atau orang lain? Kedua, adakah Yang Berhormat Bintulu yakin kalau Yang Berhormat Port Dickson menjadi Perdana Menteri, ekonomi kita akan bertambah baik. Apa pandangan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, sila Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau kita cerita ikut laporan ini, mungkin kita punya Menteri Kewangan tahu dia sendiri kongkalikung atau tidak. Memanglah kalau Yang Berhormat Port Dickson naik jadi Menteri Kewangan, memang dia pun ada pengalaman yang ada daripada bekas Kerajaan Barisan Nasional. Sekarang saya bukan puji siapa-siapa. Sekarang, rakyat nak minta ini perkara.

Kalau ini *contingent liability* ataupun *government guarantee* ada terlibat, tertakluk kepada itu *cash flow*, *then* diterangkan. Berapa lama ini *guarantee* kita. Sepuluh tahun kah, 15 tahun kah, 20 tahun kah atau sampai tahun 2050. Jadi kita mesti mahu ikut *cash flow* itu. Jangan *misleading* dengan izin. Macam *public private partnership* sepatutnya *capital expenditure*. Mananya saya tahu ini di atas infrastruktur. Infrastruktur selepas itu kita masuk *capital expenditure*. Tadi macam mana? Sekarang rakyat tidak faham. Boleh jadi sebegini huru-hara. Tidak usah kata orang pelabur asing, rakyat Malaysia pun takut melabur sekarang. Mereka takut, tidak *confident*. Negara punya *direction* di mana? Inilah masalah yang kita ada. Saya nak memohon dan minta jasa baik daripada Menteri Kewangan dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini, *breakdown*. Di mana dia? Betul kah hutang negara kita RM1 trilion? Betul kah negara sudah bankrap?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah kita. Saya nampak surat khabar, pemaju-pemaju perumahan ada berjumpa sama saya minta tolong sampaikan mesej kepada Menteri Kewangan. Jangan buat ugutan, jangan buat *pressure* sama pemaju-pemaju ataupun *developer* perumahan. Sekarang nak minta dia turun harga. Dia kata turun 20 peratus pun boleh. Saya naikkan 30 peratus. Turun 20 peratus. Apa masalah? Mesti kita mahu tengok *gist* dia macam mana boleh bantu dia.

Daripada dulu, masa yang lama. Kita punya *steel bar*, satu tan RM1,000 lebih. Sekarang punya *steel bar*, RM3,000 lebih satu tan. Macam mana mahu minta mereka turunkan harga? Sepatutnya sebagai Menteri Kewangan, panggil *manufacturer steel bar* ataupun mana-mana kilang ataupun mana-mana *supplier* berbincang macam mana boleh pertolongan, kurangkan dan juga mana-mana tanah disediakan untuk *affordable home*. Kalau tanah-tanah semua mahal, macam mana mahu bina?

Saya rasa sebagai Menteri Kewangan, dia sudah jadi Ketua Menteri di Pulau Pinang sepatutnya dia tahu *what is a cost*. Janganlah ugut kata kalau tidak mahu turun, saya naikkan SST sebanyak sepuluh peratus. *Developer* kata *you* masuk, saya terpaksa naikkan harga. So, Tuan Yang di-Pertua, ini memang kongkalikung.

Saya juga lupa. *Happy birthday*. Selamat hari jadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Semalam, bukan hari ini. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Memang hari jadi itu dia tidak kongkalikung. Memang betul punya.

So, saya pun berharap juga Menteri Kewangan tolong jalankan tugas sebetul-betulnya. Kita kasi maklumat yang tepat dan juga betul-betul itu petunjuk dalam membantu kepada ekonomi negara. Jangan hari-hari buat publisiti. Contoh macam MRT 2. Kita kata, "*Oh! Sudah rundingan, daripada RM39.3 bilion, sudah turun kepada RM30.53 bilion*". Sudah ada...

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Sikit sahaja.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tunggu sekejap, satu minit.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kita berbahas tentang...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kita ada *saving* sebanyak RM8.82 bilion ataupun 22.4 peratus *reduce* tetapi mereka punya dalam penurunan harga itu, dia daripada stesen contoh 35 kepada 33 stesen dan lain-lain sudah dikurangkan. Ini bukan pertolongan menjimatkan peruntukan itu, ini tukar *scope of work*. Ini sudah *misleading* rakyat. Menunjukkan kita publisiti lagi sekali. Saya harap perkara ini kalau betul-betul sudah. Apa rakyat sebut, saya harap Menteri Kewangan jangan buat lagi sekali macam itu. Buatlah apa sepatutnya mahu buat yang terbaik untuk rakyat. Sila.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila Yang Berhormat Kapit.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, kita ini berbahas tentang bajet. Belanjawan untuk tahun 2019. Saya mahu tanya, ini senang sahaja untuk dijawab oleh Yang Berhormat Bintulu. Setuju kah atau tidak Yang Berhormat Bintulu sekurang-kurangnya

Menteri Kewangan seharusnya ada dalam Dewan ini untuk mendengar kesemua hujah ataupun perbincangan tentang belanjawan. Saya nampak dari pagi pun tidak ada.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Pagi adalah. Tidak nampak, jangan tuduhlah!

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Pagi ada masuklah. Pagi.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Pagi masuk tapi dituduh.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Jangan mengelirukan Dewan, ya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Janganlah marah, Yang Berhormat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *You* pun Sabah!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, Yang Berhormat Bintulu.

Teruskan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Akan tetapi pagi ada sepatutnya petang adalah.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Bintulu, Puncak Borneo.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Dulu selalu kita dengar bila dia duduk sini sebagai pembangkang, hari-hari marah Barisan Nasional punya Menteri. Saya bukan cakap tuduh.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Lain kali...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Inilah sebetulnya Menteri mesti ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: *[Bangun]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Bintulu, boleh mohon laluan?

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Bintulu, saya pun mahu kongkalikung.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Yang Berhormat Bintulu datang tiap-tiap harikah? Yang Berhormat Bintulu datang tiap-tiap harikah, Yang Berhormat Bintulu?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak bagi sudah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: ...Saya mahu cerita ini, ini mustahak. Ini kerana daripada Manifesto Pakatan Harapan, ini pun rakyat punya suara. Sepatutnya dia kata hapuskan GST, dijanjikan barang mesti turun harga. Akan tetapi hari ini lebih lagi umum daripada kita punya Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada KPDNHEP kata sudah lima ribu lebih barangan tidak kena. Akan tetapi saya punya kawasan, Bintulu, tidak ada satu barang turun harga semua naik harga. Saya punya kawasan luar bandar pun pening kepala. Dia kata mana satu? Yang Berhormat, *you* tipu saya kah atau Kerajaan Pakatan Harapan tipu saya?

Sekarang masalah lagi satu daripada Yang Berhormat Damansara kata kita punya *soft drink* pun kena *charge* kerana rakyat di luar kawasan tiada wang, tidak boleh beli *soft drink*. Kongkalikung punya Yang Berhormat Damansara. Lain kali kalau mahu cakap atau mahu buat *pricing*, gunalah otak sikit. Jangan pandang rendah orang ulu ataupun kawasan luar bandar. Mereka sekurang-kurangnya boleh minum *soft drink*. Sekarang caj satu tin 40 sen. Mampus. Satu kotak berapa? RM10 mahu naik.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: 40 sen satu literlah. Boleh kira tak?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Macam mana? *You* kira lah!

Seorang Ahli: Tidak tahu kira kah?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* kira lah! Sekarang berapa? Sekarang sudah saya punya kawasan ada punya naik RM3 hingga RM4, ada punya naik RM8.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh minta laluan?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak usahlah. Lawan-lawan apa? Itu buat apa?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bolehlah. Saya cuma nak minta penjelasan sahaja.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kamu bodek-bodek apa?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bolehkah?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Duduklah kalau *you* tiada luar kawasan. Inilah saya nak minta kadang-kadang jangan cadang yang sembarangan...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat, saya cuma nak tanya penjelasan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: ...Kalau kata nak jaga kawasan luar bandar, tunjuklah! Buktikan betul-betul sokong dan bantu rakyat. Jangan buat publisiti. *[Disampuk]* Cuba tanya Yang Berhormat Kapit. Dia kawasan luar bandar pun serupa macam saya. Berapa banyak.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Saya setuju, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Inilah masalahnya. Janganlah menunjukkan dia *expert economy*. Oh! Oxford balik. Oxford *for* apa? Kawasan luar bandar macam mana, dia hutan pun belum masuk lagi. Kita hari-hari keluar masuk dalam hutan itu. Tahulah rakyat punya masalah. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri KPDNHEP jangan hari-hari umum dalam surat khabar. Sudah umum nanti rakyat tanya sama saya. Kenapa ini cerita tidak serupa bikin? Saya kata ini bukan—itu Barisan Nasional dulu punya cerita. Sekarang kita *independent*. Kita palu sini pun boleh, palu sana pun boleh. Apa salah? Tidak betul kita cerita, ini rakyat punya masalah, kita *independent*.

■1810

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Betul, betul.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Bintulu, perkasakan bahasa Melayu dahulu sebelum berbahas.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Inilah masalah saya hendak minta...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Dahulu salah, kenapa tidak betulkan? Dahulu salah, kenapa tidak betulkan?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya hendak minta KPDNKK...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Sudah banyak penggal jadi Ahli Parlimen, bahasa pun tidak betul.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: KPDNKK cerita betul-betul apa sebenarnya dalam ini. Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ucap terima kasih, Menteri Kerja Raya ada sini

fasal masa tidak cukup sudah, ini mustahak. Saya hendak minta Menteri Kerja Raya, saya rasa *you* punya kawasan pun saya punya *border* sebelah. Kita boleh nampak sekarang lebuhraya dalam membina Pan Borneo. Kita nampak kita punya jalan daripada Selangau ke Sibu begitu teruk. Mana penyelenggaraan punya peruntukan mana pergi? *Then* kita nampak sekarang dia orang buat pembinaan, *construction* tidak ikut standard sebab *inspection* tiada. Memang bukan ini hari sahaja, daripada zaman yang dahulu saya pun soal ini isu tetapi tengok. Batu dia taruk, Lebuhraya Pan Borneo baharu banyak campur tanah pun masuk juga, boleh lulus. Esok jalan tidak lama itu jalan serupa macam ombak.

Seorang Ahli: Siapa?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya tidak tahu, saya tidak mahu buat tuduhan. Saya minta Yang Berhormat Menteri, sekarang hujung tahun sudah, tolonglah sediakan peruntukan, jangan sampai kemalangan ataupun *accident* sudah terjadi. Ada pernah *track record* bas sudah kena, berapa ramai kena sengsara. Saya harap ini cerita ini bukan cerita kongkalikung. Ini cerita memang betul. Kita boleh balik kawasan tengok sekarang kawasan macam mana.

Fasal kita rakyat Bintulu selalu guna itu jalan termasuklah pergi sampai Kuching pun ada, tetapi kita boleh nampak Kuching sekarang tengah jalan pun kena runtuh fasal dia orang buat pembinaan itu *construction* tidak ada buat *diversion* sungai. Dia tutup semua habis, memanglah hujan datang habislah itu jalan. *So, what happened?* Kenapa tidak ikut SOP punya ataupun ikut syarat-syarat sepatutnya apa mahu buat, dibiarkan sahaja. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri jangan semua turun sana umum ini kontraktor baik, itu kontraktor baik, fasal rakyat tanya saya ini kontraktor semua sebut baik ini Menteri ada kongkalikung pun ada masuk atau tidak. Saya cakap, "*Sepatutnya kerja sama-sama rakyat, tanyalah rakyat, jangan tanya sama saya*". Fasal saya punya kawasan ada motor-motor malam-malam dia orang balik, jalan pun penuh tanah, dia orang licin banyak orang *accident*. Isu ini banyak kali saya sudah soal. Saya fikir ini Pakatan Harapan memang semua ikhlas tetapi lagi kongkalikung, ini kali lagi teruk kerana itu jalan nampak tidak menaik taraf. *So*, saya minta Yang Berhormat Menteri jawab dalam masa jawab jangan jawab kongkalikung. Kalau mahu gambar saya boleh tunjuk, saya boleh kasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu sambung lagi fasal lain-lain, saya masuk jawatankuasa. Sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, selamat hari jadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, begitulah berakhirnya episod kongkalikung. [*Dewan ketawa*] Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tampin.

6.04 ptg.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Segala puji bagi Allah, Tuhan yang mentadbir sekalian alam, selawat dan salam ke atas penghulu sekalian umat manusia Nabi Muhammad SAW. Saya ingin memulakan ucapan ini dengan merakamkan penghargaan dan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana

memberi ruang dan peluang kepada saya untuk berantisipasi dalam perbahasan ke atas ucapan Belanjawan bagi tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menzahirkan sekalung tahniah kepada kerajaan kerana kembali menggunakan istilah '*belanjawan*' dalam pembentangan kali ini. Ramai pejuang bahasa dan rakyat amnya yang menyambut baik dan melihat komitmen kerajaan ke arah memartabatkan Bahasa Kebangsaan pada kedudukan yang wajar. Perkara ini turut senada dengan saranan daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka seperti yang dipetik dalam kolum khidmat nasihat, "*Sehingga kini DBP (Dewan Bahasa dan Pustaka) masih mengekalkan penggunaan istilah 'belanjawan' memandangkan kata ini sudah pun mantap dalam pelbagai bidang istilah terutamanya yang membabitkan daftar istilah ekonomi, kewangan ataupun perbankan yang seumpama dengannya. Mungkin ada yang melihat tindakan ini hanyalah kecil, tetapi nampaknya amat konstruktif dan positif di kalangan anggota masyarakat yang cakna terhadap isu bahasa.*"

Tuan Yang di-Pertua, semangat yang meratai pembentangan Belanjawan 2019 baru-baru ini jelas untuk mengangkat martabat Malaysia sebagai sebuah permainan ekonomi terpenting yang garang di peringkat Asia seperti yang pernah dijoloki gelaran '*Harimau Ekonomi Asia*'. Bagi mencapai maksud berkenaan, kerajaan dilihat menggembleng seluruh kapasiti sumber yang sedia ada. Dalam pada tumpuan mengangkat martabat ekonomi negara, kebajikan rakyat terbanyak yang terkesan dengan beban kos sara hidup yang tinggi sebelum ini terus dibela.

Dengan tema, "*Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera*", saya ingin merakamkan penghargaan atas komitmen kerajaan untuk membela nasib rakyat secara saksama bertepatan dengan semangat Malaysia baharu yang lebih inklusif. Penghijrahan ke Malaysia baharu hanya akan bererti apabila keadilan sosial terlaksana melalui pendekatan pemerataan keadilan seperti yang diungkapkan oleh Datuk Dr. Siddiq Fadzil dalam syarahan beliau sempena Anugerah Maal Hijrah pada tahun ini yang mana semua rakyat dalam negara berhak mendapat pembahagian kek ekonomi negara secara adil dan bertanggungjawab.

Dalam keadaan ekonomi tidak menentu serta kemampuan kewangan negara yang menguncup disebabkan oleh beban hutang yang menjadi liabiliti yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan, namun Kerajaan Pakatan Harapan berupaya mengumumkan peruntukan lebih tinggi bagi 2019 tanpa membebankan rakyat dengan cukai baharu, manakala cukai tidak sihat dinaikkan seperti perjudian selain cadangan bayaran khas kepada penjawat awam. Belanjawan kali ini juga tiada golongan dan kaum tercicir dan tiada sentimen merendahkan martabat Bumiputera, begitu juga dengan bantuan sara hidup yang ditambah baik dan diteruskan kepada golongan B40 dengan peruntukan yang lebih bersasar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyinggung beberapa aspek. Pertama ialah sektor pertanian. Melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bakal menerima peruntukan RM4.41 bilion dengan RM3.057 bilion daripadanya perbelanjaan mengurus, manakala perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak RM1.360 bilion. Pengumuman ini membuktikan

kepentingan sektor pertanian kepada negara dengan menyaksikan peningkatan peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan. Ini di mana kalau kita lihat tumpuan utama sektor pertanian pada tahun hadapan adalah penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan izin, bagi meningkatkan produktiviti benih, bijirin dan buah-buahan melibatkan peruntukan RM47 juta dan RM18 juta untuk automasi industri agro makanan. Hal ini penting bagi meningkatkan kualiti benih hasil pengeluaran pertanian negara serta sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada hasil pertanian daripada luar negara. Dalam masa yang sama, negara dapat memanfaatkan graduan-graduan profesional dalam bidang pertanian yang masih tidak mendapat peluang pekerjaan selepas tamat belajar.

■1820

Inisiatif kerajaan mengumumkan RM27 juta diperuntukkan untuk membangun *agropreneur* muda pertambahan lima juta berbanding perbelanjaan 2018 merupakan satu berita baik kepada golongan muda yang ingin menceburi bidang pertanian dan diyakini menarik penglibatan belia yang lebih ramai lagi untuk menceburi bidang pertanian. Realitinya kita bukanlah kekurangan tenaga muda yang bersedia untuk menceburi bidang pertanian ini tetapi permasalahan yang timbul sebelum ini adalah kekurangan pendedahan dan ruang yang diberikan kepada mereka. Justeru itu saya mencadangkan agar kerajaan menyusun strategi yang menyeluruh, bagaimana penglibatan golongan sasaran ini terlibat secara optimum.

Belanjawan 2019 yang bersifat pengembangan juga akan dapat membantu dalam memastikan bantuan dan subsidi strategik yang lebih bersasar diberikan kepada semua lapisan masyarakat pertanian dan perikanan menerusi mekanisme yang memberikan kebebasan pada mereka dalam menentukan keperluan masing-masing. Hal ini kita berharap dapat membendung kerja-kerja jahat yang segelintir individu yang mengambil kesempatan dan melakukan pecah amanah seperti menyorokkan baja dan minyak subsidi lalu dijual dengan harga yang lebih tinggi. Selain itu, ada juga individu-individu yang tidak bertanggungjawab mengambil bantuan kewangan kepada nelayan sedangkan mereka ini bukanlah nelayan dan bukan yang selayaknya untuk menerima bantuan tersebut.

Ini antara perilaku tidak bermoral sebagaimana individu yang mengambil kesempatan daripada pemberian subsidi sebelum ini. Oleh itu usaha kerajaan dalam mereformasi mekanisme pemberian subsidi dan inisiatif kepada sektor industri padi dan beras negara wajar di sokong selaras dengan hasrat pelaksanaan pemberian subsidi bersasar bagi memastikan kelompok petani yang menerima subsidi dan insentif itu masih lagi mampu menanam padi secara produktif dan seterusnya menjamin pengeluaran padi dan beras negara. Dengan pemberian subsidi ini, akan dapat membantu meringankan beban para pengusaha sawah yang membekalkan beras sebagai sumber utama makanan negara.

Perkara yang kedua saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua, soal kelapa sawit dan getah. Di mana kerajaan turut menunjukkan keprihatinan kepada golongan pengusaha kelapa sawit dan penoreh getah yang merupakan agen utama dalam menyumbang kepada hasil komoditi utama negara. Demi memastikan kebolehpasaran hasil tanaman pekebun kecil kelapa

sawit negara, kerajaan akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM30 juta bagi membantu semua pekebun kecil mendapatkan pengiktirafan pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO). Di mana MSPO dijadikan penekanan memandangkan beberapa negara pengimport sawit menetapkan syarat hanya akan membeli komoditi tersebut yang memiliki MPSO.

Kerajaan juga akan melaksanakan program biodiesel B10 iaitu campuran 10 peratus kandungan minyak kelapa sawit bagi sektor pengangkutan dan B7 bagi sektor industri pada tahun 2019. Dalam usaha meningkatkan permintaan kelapa sawit kepada pekebun-pekebun kecil getah pula, kerajaan menyediakan peruntukan insentif pengeluaran getah sebanyak RM50 juta bagi membantu mengurangkan kesan kejutan harga kepada pekebun kecil. Di bawah IPG, pekebun kecil getah akan menerima sokongan pendapatan jika harga getah jatuh di bawah RM2.20 sekilogram. Kita yakin dan percaya usaha ini jika berjaya dilaksanakan dengan kerjasama daripada semua pihak, pasti dapat membantu meningkatkan pendapatan para pekebun kecil di luar bandar dan meringankan beban kos sara hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang baik adalah belanjawan yang mengambil kira kepentingan dan hak asasi rakyat seperti pendidikan. Perlindungan dan makanan, Belanjawan 2019 yang diumumkan Menteri Kewangan baru-baru ini adalah merupakan modal belanjawan yang bersifat kebajikan dan pro rakyat. Belanjawan 2019 telah menyentuh secara langsung berkaitan sektor-sektor utama negara seperti perumahan, pendidikan, pekerjaan dan pembangunan insan selari dengan tema belanjawan untuk mengembalikan kewibawaan Malaysia membangunkan ekonomi yang dinamik dan menjaga kesejahteraan rakyat. Seperti yang diumumkan, sektor pendidikan bakal menerima dana dengan jumlah terbesar daripada Belanjawan 2019.

Kita sedia maklum sektor pendidikan negara merangkumi pendidikan prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Dana bantuan pendidikan itu perlu disambut baik kerana ia adalah suatu yang baik dan juga menjadi pelaburan jangka masa panjang untuk negara. Peruntukan RM652 juta untuk menaikkan taraf dan selenggara sekolah menjadi sasaran dalam Belanjawan 2019. Justeru itu, kerajaan perlu melihat keutamaan peruntukan ini dengan mengutamakan sekolah-sekolah daif di luar bandar yang kadangkala terlampau daif sehingga sesetengahnya dilihat tidak layak kita panggil sebagai sebuah sekolah jika dilihat pada luar bangunannya.

Selain itu, antara perkara yang perlu diambil berat kerajaan juga adalah perkara-perkara asas dalam sekolah seperti meja, kerusi dan alat bantuan mengajar. Hal ini supaya para pelajar dapat belajar dalam keadaan yang selesa dan sempurna serta tidak perlulah guru-guru membuat tugas tambahan dengan membuat kerja-kerja membaiki peralatan sekolah seperti yang pernah dilaporkan sebelum ini. Kerajaan juga perlu melihat...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Tampin.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Dan menyemak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Bagan Serai minta mencelah. Hendak bagi?

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit saja.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sedikit saja, sila.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengikuti perbahasan ini dan saya tertarik juga kerana sekolah-sekolah yang kita boleh takrifkan sebagai sekolah macam muzium. Di Parlimen Bagan Serai, ada dua sekolah. Sekolah Dato' Haji Mas'ud dan juga Sekolah Haji Dahlan. Sekolahnya lantai dia boleh enjut-enjut macam kita dengar pagi tadi perbahasan, lantai kayu. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sekolah dengan peruntukan pendidikan yang tinggi ini, tertinggi ini bagi lah perhatian kepada sekolah-sekolah lantai kayu yang ada di Malaysia ini. Lantai kayu itu, kita hendak ulang lagi sekali itu. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Tampin.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Saya bersetuju dengan pandangan itu dan kalau boleh bukan hanya di kawasan Yang Berhormat, tetapi meliputi seluruh negara kita sama ada di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak. Kerajaan juga perlu melihat dan menyemak semula untuk menaik taraf kurikulum dan pedagogi pembelajaran sistem pendidikan di peringkat rendah dan menengah. Kewujudan Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan yang baru-baru ini ditubuhkan, boleh dimanfaatkan secara optimum.

Tuan Yang di-Pertua, menyahut seruan agar Revolusi 4.0 ini menjelang tahun 2020 melahirkan graduan TVET yang berkemahiran tinggi dan mempunyai peluang pekerjaan, perancangan mengintegrasikan sistem tahfiz dengan pendidikan, TVET bakal melahirkan huffaz profesional dan sekali gus dapat membetulkan pandangan sebahagian masyarakat yang melihat bidang tahfiz ini tiada masa depan dan pandangan negatif yang lain. Secara tidak langsung, ia akan meletakkan para huffaz ini sebaris dengan pelajar-pelajar aliran semasa. Saya amat tertarik dengan peruntukan sebanyak RM400 juta untuk aktiviti penyelidikan di IPT.

Suatu inisiatif yang sangat baik dalam menggalakkan penyelidikan dalam bidang strategik seperti pertanian, industri utama, sumber hasil mentah, sumber tenaga alternatif, pembangunan modal insan, kemanusiaan, hasil kesihatan mental dan pelbagai bidang lain yang mampu menjana pembangunan negara. Walau bagaimanapun, perlu diteliti ke mana hala tuju hasil pendidikan sama ada menyumbang kepada pembangunan negara atau bukanlah sia-sia kerana melibatkan modal yang begitu besar.

■1830

Sebelum ini telah ada juga pelbagai penyelidikan di universiti tetapi sekadar tersimpan di dalam makmal dan perpustakaan semata-mata tanpa dimanfaatkan secara optimum di luar. Peruntukan biasiswa sebanyak RM3.8 bilion, satu jumlah yang agak besar diperuntukkan untuk biasiswa pelajaran. Biasiswa ini bakal menjadi pilihan utama para pelajar yang bakal melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sebagai alternatif kepada pinjaman pelajaran yang sedia ada. Kerajaan perlulah memperincikan keutamaan bidang yang ditawarkan untuk penerimaan

biasiswa dan sebolehnya biarlah ia merangkumi setiap bidang pengajian yang diiktiraf. Biasiswa juga perlulah bersasar kepada golongan keutamaan khususnya keluarga B40 kerana jika tidak akan wujud persaingan pemohon dan penerima biasiswa di antara golongan kaya dan juga golongan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif kerajaan dalam menghapuskan hutang PTPTN kepada peminjam yang berumur 60 tahun ke atas dengan pendapatan kurang RM4000 sebulan adalah satu keputusan yang sangat terpuji dan menjaga kebajikan peminjam yang sudah di dalam kategori warga emas. Akan tetapi keputusan dalam menetapkan pembayaran balik melalui kaedah pemotongan gaji berjadual antara dua peratus hingga 15 peratus daripada pendapatan bulanan peminjam yang berpendapatan RM1000 sebulan dilihat sedikit menggusarkan beberapa pihak, khususnya anak muda. Justeru itu kerajaan harus melihat kembali penetapan ini supaya ia tidak membebankan para peminjam. Mungkin kerajaan boleh mencari kaedah yang lebih sesuai dan demokratik untuk melepaskan tanggungan pinjaman itu dapat dikurangkan.

Selain daripada untuk melahirkan sifat tanggungjawab dan amanah untuk membayar semula hutang pinjaman PTPTN, apa rasionalisasi bila menetapkan had pembayaran bermula daripada graduan yang bekerja dengan gaji RM1000 ke atas. Masih ada graduan yang bergaji rendah seperti RM1500 dan tinggal di bandar adalah dikategorikan miskin bandar yang mana adalah masih lagi kurang berkemampuan untuk menjelaskan hutang. Cadangan dinaikkan had minimum gaji untuk pengecualian bayaran balik pinjaman kepada kadar RM2300 dengan mengambil kira kos sara hidup semasa terutamanya di kawasan bandar.

Apa yang dilihat kebanyakan peminjam bukanlah tidak ada kesedaran untuk membayar semula tetapi kerana kerja yang tidak stabil dengan gaji yang kecil dan keutamaan-keutamaan yang mendesak yang lebih dahulu perlu di penuhi. Dalam masa yang sama tidak dinafikan ada segelintir peminjam yang tidak bertanggungjawab yang mampu untuk membayar semula tetapi culas dalam menjelaskan pembayaran pinjaman. Golongan inilah yang menjadi barah dalam masyarakat, sewajarnya kerajaan mencari semula mekanisme yang terbaik dalam menyelesaikan kemelut pembayaran PTPTN ini yang telah menggusarkan para peminjam terutamanya anak muda dan graduan yang baru hendak memasuki pekerjaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Panjang lagi Yang Berhormat Tampin?

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Akan tetapi masa sudah tamat.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Okey saya tutup. Untuk mengakhiri ucapan ini, saya ingin melahirkan sokongan terhadap ucapan Belanjawan 2019 seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan memohon perhatian dan tindakan segera diambil terhadap perkara-perkara yang saya fikirkan perlu disemak semula oleh pihak kerajaan. Ini supaya matlamat untuk menjadi negara maju, berpendapatan tinggi turut didukung oleh rahmat Illahi, ekosistem manusiawi, persekitaran yang seimbang dan pendemokrasian menyeluruh, hak-hak warganegara yang terjamin. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya memohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sekarang saya jemput....

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: ...Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ... Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bagi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Tampin yang baru-baru ini mendapat gelaran Dato. [*Tepuk*] Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sekalung tahniah diucapkan, jasa anda akan dikenang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pensiangan. Sila.

6.35 ptg.

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Selamat petang, salam sejahtera dan salam damai. Tuan Yang di-Pertua, selamat hari jadi juga saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih.

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk berbahas tentang Belanjawan 2019. Pertamanya saya menyambut kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau membahaskan Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas di mana beliau mengatakan bahawa lebih banyak perhatian akan diberikan kepada Sabah dan juga Sarawak. Akan tetapi nampaknya niat ini tidak sampai apabila belanjawan dibentangkan baru-baru ini.

Saya tidak lari daripada perasaan kerisauan apabila saya nampak dalam belanjawan bahawa kerajaan mengambil sebanyak RM54 bilion daripada Petronas bagi tahun 2019. Ini merupakan penambahan dua kali ganda berbanding kerajaan yang lalu yang hanya mengambil di antara RM15 hingga RM30 bilion setiap tahun sebelum ini. Dengan ini, kita telah kembali ke era 90an di mana kita terlalu bergantung kepada duit daripada Petronas dan ini saya katakan adalah satu langkah yang regresif. Kita sepatutnya mengurangkan kebergantungan kita kepada hasil minyak. Minyak itu adalah sumber yang terhad dan harga minyak selalu tidak menentu. Kita patut lebih progresif untuk mencari sumber pendapatan yang lebih mampan dan siapakah negeri-negeri penyumbang terbesar kepada hasil Petronas, kalau bukan Sabah, Sarawak dan negeri lain seperti Kelantan dan Terengganu.

Ini bererti bahawa hasil daripada negeri kami digunakan untuk membiayai perbelanjaan di mana kebanyakannya adalah di Semenanjung, kurang di nampak di Sabah dan juga Sarawak. Kita sentiasa bercerita tentang perpaduan. Perpaduan kaum, perpaduan bangsa, perpaduan agama dan sebagainya. Akan tetapi kita kurang bercerita tentang perpaduan serantau, *regional unity* yang dimaksudkan ini adalah jurang pembangunan ekonomi yang sangat jauh di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Sekiranya kita ingin maju sebagai sebuah negara yang bersatu padu, kita di Sabah mesti rasa setaraf dengan saudara kita di Semenanjung. Apabila jurang ekonomi kita tidak lagi

terlampau jauh berbeza dan kita rasa setaraf barulah kita boleh maju bersama sebagai satu negara.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, kita naikkanlah pembayaran royalti kepada 20 peratus kepada Sabah. Kita minta 20 peratus sahaja, jangan dahulu bercerita sebagai negara lain seperti Aceh contohnya yang mendapat 70 peratus. Ini royalti minyak sudah sering kali disebut dan sudah dijanjikan juga dalam manifesto Pakatan. Royalti minyak merupakan antara punca pendapatan yang utama bagi negeri Sabah iaitu sebanyak 37.5 peratus daripada anggaran punca pendapatan Sabah bagi tahun 2019. Dengan kadar royalti lima peratus yang ada sekarang, Sabah dijangka akan mendapat hanya sebanyak RM1.6 bilion sahaja.

Saya tekankan bahawa royalti itu sekiranya dinaikkan, mesti dikira daripada pendapatan kasar dan bukannya pendapatan bersih. Amalan serta definisi royalti adalah berdasarkan bayaran daripada pendapatan kasar kepada si pemilik yang membenarkan pihak lain mengurus atau eksplorasi sumber tersebut. Itulah definisi royalti.

■1840

Tambah lagi, royalti lima peratus yang diamalkan selama ini adalah daripada pendapatan kasar. Jadi kenapakah kita ingin ubah definisi royalti sekiranya kita menaikkan royalti kepada 20 peratus? Kalau kita buat begitu, itu bukan lagi royalti tetapi bayaran daripada bahagian keuntungan dan itu berbeza dengan royalti. Bayangkanlah sekiranya Sabah boleh mendapat bayaran royalti sebanyak 20 peratus. Ini merupakan pendapatan hasil minyak sebanyak empat kali ganda yang ada sekarang dan Sabah saya yakin akan lebih mampu mengurus pembangunannya sendiri. Kebanyakan masalah infrastruktur asas, mudah-mudahan boleh dikurangkan dan tidak perlu lagi Sabah balik, balik merujuk kepada Putrajaya untuk memohon peruntukan kecil-kecil.

Akan tetapi apa pun alasan yang diberikan oleh kerajaan untuk mengelak daripada melaksanakan ini, kita mesti ingat minyak itu adalah milik Sabah. Jadi sekiranya Kerajaan Persekutuan ataupun Petronas tidak mampu untuk membayar royalti yang diinginkan, pulangkanlah atau kembalikanlah hak eksplorasi ini kepada Sabah supaya kami boleh mengurus hasil minyak kami sendiri. Ini kerana kita lihat ini adalah isu yang sentiasa digunakan untuk pancing undi apabila dekat pilihan raya. Sudah sering kali disebut, sering kali dikaji dan banyak kali di janji, jawatankuasa dan kerajaan pun sudah bertukar ganti dan sekarang ditubuhkan lagi jawatankuasa yang baharu untuk terus mengkaji.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi cara kita boleh menambahkan perbelanjaan belanjawan ataupun *income* pendapatan negeri Sabah adalah di mana Kerajaan Persekutuan patut kembalikan dengan serta-merta 40 peratus hasil pendapatan daripada Sabah seperti yang termaktub dalam Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Terdapat banyak syarikat yang beroperasi di Sabah dan mengaut keuntungan daripada Sabah tetapi membayar cukai di Semenanjung. Jadual Kesepuluh Perlembagaan Malaysia mengatakan Sabah berhak untuk mendapat 40 peratus daripada hasil ini. Sekiranya ini dilaksanakan, pendapatan Sabah untuk pembangunan akan bertambah berbilion-bilion setiap tahun.

Akan tetapi sebelum semua ini dilaksanakan, saya menggesa kepada kerajaan untuk mengkaji sistem pelaksanaan dan mewujudkan sistem untuk memantau pelaksanaan projek pembangunan untuk memastikan bahawa peruntukan yang besar ini sekiranya diberikan kepada Sabah akan digunakan dengan baik dan sampai kepada sasarannya.

Dengan keadaan ekonomi sekarang, di mana harga getah dan harga sawit susut nilai dengan begitu drastik, dalam masa orang-orang kampung sedang menderita tentunya mereka mempunyai harapan bahawa dalam belanjawan daripada kerajaan yang baharu, mereka akan dibela, mereka mengharapkan ada pengumuman sesuatu yang sekurang-kurangnya boleh meringankan beban mereka. Akan tetapi malangnya apa yang kita lihat adalah belanjawan yang lebih memihak kepada tauke-tauke besar, orang-orang bandar dan kurang prihatin kepada orang kampung, khususnya di Sabah dan Sarawak.

Bantuan musim tengkujuh dihapuskan, subsidi padi, subsidi pekebun, subsidi nelayan, semua dipotong. Bantuan RMT, makanan asrama yang begitu penting sekali bagi anak murid di kampung juga dipotong. Bantuan baucar alat tulis untuk pelajar IPTA juga dihapuskan, bantuan awal sekolah yang dinanti-nantikan oleh ibu bapa pada setiap awal tahun untuk membeli keperluan asas murid-murid sekolah juga telah dihapuskan. BR1M yang telah dijenamakan semula sebagai Bantuan Sara Hidup telah dikurangkan secara drastik. Kenaikan gaji kakitangan awam, kenaikan pencen juga semua dibatalkan.

Walaupun kerajaan setelah mengambil alih mengatakan bahawa kedudukan kewangan sekarang tidak mengizinkan untuk meneruskan program-program tersebut, saya merayu bahawa program seperti ini patut juga diteruskan kerana akhirnya ini adalah untuk rakyat. Duit ini akan sampai pada tangan rakyat untuk dibelanjakan dan ini akan pusing dalam ekonomi kita. Apabila ini pusing dalam ekonomi kita, kerajaan pun akan tambah pendapatan melalui cukai dan penambahan volum transaksi dan sebagainya.

Saya bukan bilang di sini bahawa kita ingin bergantung kepada bantuan kerajaan buat selama-lamanya, bukan. Percayalah saya. Tidak ada orang yang ingin bergantung kepada bantuan daripada kerajaan buat selama-lamanya. Akan tetapi dalam masa yang susah seperti ini, di mana harga komoditi merosot, nilai ringgit pun turun, apa salahnya kerajaan membela orang yang susah, golongan sasaran yang memerlukan bantuan untuk sementara sahaja. Itulah sebab saya katakan belanjawan ini gagal menunjukkan *wow factor*. Tidak ada yang melegakan kerisauan atau menarik hati rakyat luar bandar. Tema belanjawan ini ada sebut untuk kesejahteraan rakyat tetapi ini pula menyusahkan sama rakyat. Pendapatan turun, harga barang naik dan bantuan juga dibatalkan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Tampin dia cakap.

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Di dalam bajet ini juga saya tidak nampak ada sesuatu yang membanggakan untuk membantu belia kita di kawasan luar bandar.

Seorang Ahli: Betul, betul, betul.

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Masalah penghijrahan belia luar bandar ke bandar adalah masalah yang besar sebab ini akan mengurangkan skala ekonomi di luar bandar.

Mereka sebenarnya minat untuk usahakan tanah mereka terutamanya tanah yang terbiar dan menjadi petani moden. *[Disampuk]* Mereka minat tetapi kita pun susah mahu menggalakkan mereka balik ke kampung untuk mengusahakan tanah sebab harga komoditi pun terlalu rendah. Bantuan dan insentif pun sudah tiada. Jadi terpaksa belia luar bandar berhijrah ke tempat orang lain untuk mencari rezeki. Semakin ramai anak Sabah berhijrah ke Semenanjung dan apabila keadaan di Semenanjung menjadi lebih mencabar, belia kita sedang berhijrah ke tempat yang lebih jauh, ke luar negara seperti Australia dan Korea untuk bekerja di ladang juga.

Seorang Ahli: Betul, betul.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Bekerja sebagai pemetik epal, pemetik strawberi. Apabila ditanya “*Kenapa kamu mahu bekerja di ladang orang lain? Kenapa tidak balik untuk usahakan tanah sendiri?*”. Dia bilang, “*Macam mana? Harga komoditi terlampau rendah, bantuan subsidi semua tiada. Nilai ringgit turun, bagus saya dapat gaji dalam wang asing, bawa balik berkali-kali ganda*”. Jadi, saya merayu kepada kerajaan, jangan dulu kita sibuk dengan perkara lain, perkara seperti menurunkan umur mengundi dan sebagainya. Kita selesaikan dahulu masalah pekerjaan dan belia ekonomi kita khususnya di kawasan luar bandar.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Pensiangan.

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan telah mengumumkan bahawa proses kemasukan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan ke sekolah kerajaan akan dipermudahkan. Bererti bahawa pendatang asing dan juga warga asing yang tidak ada dokumen bakal menikmati kemudahan pendidikan di negara kita dan dibenarkan menduduki peperiksaan umum seperti SPM dan STPM dan ini akan bermula pada tahun hadapan. Yang Berhormat saya minta maaf. Ada banyak poin lagi. Nanti saya cuba masukkan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *It is okay, thanks.*

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Minta maaf ya. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, orang kita bukan zalim. Kita pun faham soal hak asasi manusia dan kita mahu semua menikmati pendidikan tetapi bagaimana pula perasaan orang kita yang masih mengalami kesukaran untuk hadir ke sekolah? Apa yang kita minta adalah bagi dahulu keutamaan kepada orang-orang kita, yang original yang ada dokumen tetapi menghadapi masalah untuk hadir ke sekolah khususnya di kawasan kampung yang terpencil.

■1850

Kamu tahu, di Sabah kita mempunyai masalah besar dengan pendatang tanpa izin. Lagipun orang yang tidak berdokumen tidak membayar cukai. Ini bererti, yang menanggung kos pendidikan mereka adalah kita semua! Sekarang anak kita harus bersaing lagi dengan warga asing bermula daripada bangku sekolah. *Enough is enough.* Kamu tidak faham sentimen orang Sabah. Terbukti sekali lagi bahawa keprihatinan kurang diberikan kepada orang Sabah, kurang perhatian kepada orang kampung, kurang perhatian kepada warga bumiputera.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Baru-baru ini kerajaan mengatakan bahawa kerajaan akan mengkaji untuk melombong arang batu daripada Sabah sebagai satu sumber tenaga yang murah. Kenapa kita perlu menggunakan arang batu yang terbukti adalah sumber tenaga yang kotor dan mencemarkan alam sekitar? Sedangkan seluruh dunia sedang meningkatkan kegunaan teknologi hijau. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan untuk menggunakan arang batu telah ditolak oleh kerajaan yang lalu setelah menerima bantahan daripada ramai *stakeholders*.

Akan tetapi, nampaknya kerajaan yang baharu pula yang berniat untuk meneruskannya.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Mohon mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pensiangan? Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Kita ada banyak ladang sawit. Di Sabah ada satu juta hektar ladang sawit. Minta maaf Yang Berhormat Lembah Pantai, ada beberapa minit lagi tinggal ya. Kita boleh tukar EFB kepada biomass dan sebagainya untuk sebagai satu sumber tenaga yang baharu. Tambahan lagi, kebanyakan arang batu di Sabah terletak di kawasan Maliau Basin bersempadankan dengan saya dan juga Yang Berhormat Kinabatangan. Maliau Basin ini merupakan sebuah khazanah bagi orang Sabah dan negara Malaysia. Kerajaan yang lalu sudah usahakan supaya kawasan ini diiktiraf sebagai UNESCO *World Heritage Site*. Saya berharap bahawa kerajaan baharu akan teruskan lagi usaha untuk mendapatkan pengiktirafan ini. Jadi, jangan kita rosakkan lagi alam sekitar kita.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tinggal beberapa minit lagi. Saya berharap bahawa Jawatankuasa Pemandu (MA63) yang baru ditubuhkan oleh kerajaan boleh mengkaji perkara-perkara seperti ini dan terus melaksanakannya. Terima kasih kerana Yang Berhormat Batu Sapi hadir untuk perbahasan saya. Saya menggesa supaya agenda pertama jawatankuasa ini adalah untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi dalam Persekutuan Malaysia dengan mengembalikan perkataan asal ke atas Artikel 1(2) Perlembagaan Persekutuan supaya Sabah akan menjadi rakan kongsi dan bukanlah salah sebuah negeri atau sebaris seperti mana negeri-negeri yang lain di Persekutuan Tanah Melayu.

Ini bukan sesuatu yang baharu, kita bukan minta sesuatu yang baharu. Kita hanya minta untuk dikembalikan sahaja. Ini boleh dikatakan *low hanging fruit*. Sedangkan kerajaan sekarang sibuk untuk mencadangkan pindaan Perlembagaan yang baharu seperti menurunkan umur mengundi ke 18 tahun, seperti mempertimbangkan untuk ratifikasi ICERD dan sebagainya, yang saya tidak setuju dan saya yakin rakan-rakan saya di sini juga tidak setuju.

Jadi, ini nampaknya secara terburu-buru. Kita selesaikan dulu masalah yang di hadapan kita. Maka, saya mempunyai harapan yang tinggi bahawa pindaan ini boleh dibuat dengan serta-merta dalam mesyuarat ini juga. Tidak perlu banyak kajian, *kasi* balik sahaja kepada perkataan yang asal supaya kita mematuhi Perlembagaan yang asal dan juga MA63. Selepas pindaan ini dibuat, maka akan menjadi lebih mudah untuk Sabah dan Sarawak berunding tentang hak dan isu-isu lain khususnya MA63 dan isu autonomi.

Sebagai rumusan, sekiranya kerajaan boleh:

- (i) kembalikan status asal Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi di Artikel 1(2) Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) naikkan bayaran royalti minyak Sabah kepada 20 peratus;
- (iii) kembalikan 40 peratus daripada hasil pendapatan Sabah; dan
- (iv) teruskan dan jangan batalkan bantuan kepada golongan sasaran yang mengalami kesusahan.

Sekiranya kesemua empat perkara ini boleh dilaksanakan dengan baik, barulah saya akan menyokong belanjawan yang dibentangkan.

Beberapa Ahli: Betul. Betul.

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Sekiranya tidak, macam mana mahu sokong belanjawan ini?

Beberapa Ahli: Tidak boleh, tidak boleh. Tak payah sokong, tak payah sokong.

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Bukan belanjawan yang menyejahterakan rakyat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan Yang Berhormat Pensiangan, Jelutong minta laluan.

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Ini adalah bantuan yang menyusahkan!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukankah lebih baik untuk menyokong belanjawan ini daripada menyokong belanjawan yang merompak?

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Pendapatan turun, harga barang naik, bantuan dibatalkan, rakyat tidak dibela!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pensiangan, bila berbahas, bahaslah!

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]: Sekian dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa sudah tamat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kerajaan yang merompak kita!

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila duduk. Terima kasih, Yang Berhormat Pensiangan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Papar. Sila

6.56 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Sabah lagi ya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan selamat hari jadi.

Alhamdulillah, bajet yang telah disampaikan adalah bajet kasihkan rakyat walaupun kita berada dalam kekangan, kekurangan fiskal akibat mewarisi ketidaksempurnaan kerajaan terdahulu mengendalikan wang rakyat! *[Tepuk]*

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan iaitu Menteri Kewangan atas pembentangan Bajet 2019 yang merupakan bajet yang komprehensif, berimbang...

Seorang Ahli: Betul!

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Dalam pelbagai sektor yang merangsang ekonomi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul!

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Walaupun dalam keadaan kewangan negara yang dibebani oleh hutang yang tinggi mencecah RM1 trilion yang diwarisi daripada pemerintahan dahulu. Saya yakin, dengan kepimpinan kerajaan baharu Pakatan Harapan akan dapat memulihkan keadaan ini dalam masa yang singkat.

Saya malah ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kementerian Kewangan, mengikut unjuran, bilakah keadaan kewangan negara kita pulih? Ini kerana orang-orang Sabah ternanti-nanti akan pembayaran royalti dan peruntukan yang lebih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Bajet 2019 ini, kerajaan telah memperuntukkan RM60 bilion kepada Kementerian Pendidikan. Peruntukan yang tinggi ini menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap pentingnya pendidikan untuk memajukan negara. Pendidikan adalah sesuatu yang amat penting untuk menentukan masa depan kita terjamin. Ini jelas bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang bangkit semula mentadbir negara ini untuk tidak membiarkan hancur oleh pemimpin terdahulu.

Seorang Ahli: Betul!

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad mempunyai ciri-ciri pimpinan dan kewarganegaraan yang sayang kepada negara dan rakyatnya terutama generasi yang akan datang. Begitu juga pendirian Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Shafie bin Haji Apdal yang mempunyai ciri seorang pemimpin dan bukan politik semata-mata. Peralihan kuasa kepada gabungan parti yang memerintah telah memberikan mandat kepada kerajaan hari ini untuk meneruskan tanggungjawab dan amanah membangunkan Sabah yang kita cintai dan menyejahterakan rakyatnya ke arah membina masa depan yang lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, sebaik sahaja pilihan raya yang lalu berakhir, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah membentuk Kabinetnya dengan membawa perubahan kepada portfolio kementerian di Sabah termasuklah Kementerian Undang-undang dan Hal Ehwal Anak Negeri, Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat dan Kementerian Pelajaran dan Inovasi. Saya suka menjurus ucapan saya pada petang ini kepada isu pendidikan terutama di Sabah dan sekali gus pembentukan Kementerian Pelajaran dan Inovasi.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Sindumin, Datuk Dr.Yusof Yacob yang telah dilantik sebagai Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah.

■1900

Pada pendapat saya beliau telah diberikan tugas yang amat berat. Namun demikian dengan pengalaman beliau yang luas dan hubungan baik dengan rakan di Kerajaan Pusat, saya yakin beliau dapat melaksanakan tanggungjawab ini dengan sempurna.

Izinkan saya memberikan penjelasan lanjut. Autonomi dalam pendidikan di Sabah adalah termaktub dalam perenggan 17, Laporan *Inter-Governmental Committee* yang menyatakan dengan izin, *'In addition to although education (item 13A of the Federal List in the Ninth Schedule) will be a federal subject, the present policy and system of administration of education in North Borneo and Sarawak (including their present Ordinances) should be undisturbed and remain under the control of the government of the state until that government otherwise agrees'*.

Ini bukan satu perkara baharu, namun isu yang dipetik ini bermula daripada pembentukan Malaysia yang itu sendiri pada tahun 1963. Ketidakhahaman dan kegagalan mengimplementasikan autonomi dalam pendidikan di Sabah selama lebih daripada lima dekad telah menyebabkan pendidikan di Sabah mengalami situasi seperti pencapaian tahap pendidikan di Sabah yang paling rendah di Malaysia. Contohnya, dalam UPSR tahun 2017, Sabah berada di kedudukan terbawah dari segi penguasaan tahap pencapaian minimum bagi keseluruhan mata pelajaran iaitu 54.72 peratus, laporan daripada UPSR tahun 2017.

Dari tahun 2014 hingga tahun 2017, *ranking* Sabah dalam SPM adalah juga yang terbawah sekali mengikut Gred Purata Negeri (GPN). GPN Sabah tahun 2014 ialah 5.57, tahun 2015 ialah 5.66, tahun 2017 ialah 5.64, jatuh ke tahap terendah 5.51 lagi.

Kedua, disebabkan oleh pembangunan infrastruktur dan infrastruktur yang tidak sejajar dengan keperluan utama Sabah. Pembinaan bangunan sekolah yang besar tanpa mengambil kira pendapat kepadatan populasinya, kawasan sekitarnya dan pembekalan sambungan Internet ke arah sekolah pedalaman yang tidak mengambil bekalan kuasa elektrik yang konsisten atau stabil adalah di antara contoh-contoh keputusan berpusat yang tidak membawa manfaat maksimum kepada rakyat Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, apakah Kerajaan Pusat, khususnya Menteri Kewangan dan Menteri Pendidikan dan pegawai-pegawai peringkat pusat sedar akan keadaan di Sabah. Saya yakin dengan kerajaan baharu PH dan Menteri Pendidikan yang baharu telah kenal Sabah. Beliau baru-baru ini telah melawat Sabah dan Sarawak dan faham dengan keadaan kedua-dua wilayah ini terutamanya di luar bandar.

Saya merasakan pencapaian pendidikan yang rendah di Sabah bukan kerana anak-anak Sabah kurang pintar atau guru-guru tidak komited untuk mendidik, tetapi ekosistem pembelajaran yang tidak kondusif. Pegawai-pegawai pendidikan daerah dan jabatan pendidikan negeri mempunyai kuasa yang sedikit untuk menyelesaikan masalah ini di peringkat negeri. Tahu kah kementerian bahawa masih banyak sekolah-sekolah di luar bandar yang cuma boleh dikunjungi dengan berjalan kaki hingga melebihi enam jam? Sedar kah kementerian bahawa ramai murid berjalan kaki ke sekolah kerana ketiadaan jalan raya.

Dari segi infrastruktur sekolah, sedar kah kerajaan bahawa di Sabah terdapat 1,074 buah sekolah rendah dan 222 buah sekolah menengah. Sedar kah kementerian dan pegawai-pegawai di pusat dari jumlah 1,096 buah sekolah tersebut, 707 buah adalah sekolah yang dikategorikan sekolah daif, daif satu, daif dua dan daif tiga. Banyak lagi sekolah terpaksa buat dua sesi iaitu pagi dan sesi petang yang mana sudah tiada lagi di Semenanjung Malaysia. Banyak lagi sekolah berlainan berkongsi bangunan sama iaitu sekolah rendah menggunakan sekolah menengah dan sekolah menengah berkongsi dengan sekolah rendah.

Sekolah-sekolah yang tiada bekalan elektrik, sekolah-sekolah yang tiada bekalan air, sekolah-sekolah yang tiada liputan internet, jauh sekali jalur lebar 4G. Sekolah tiada kemudahan asrama, asrama tiada katil dan tilam. Sekolah tiada rumah guru, ada rumah pula adalah rumah daif, PPD yang menumpang di bangunan sekolah lain. Pemimpin lalu datang ke Sabah cuma melawat sekolah yang baik di bandar tetapi jarang sekali melawat sekolah yang daif. Sebagai wakil rakyat, saya ingin bertanya, apakah rancang kerajaan khususnya Kementerian Kewangan dan Kementerian Pendidikan menyelesaikan masalah ini. Jangan biarkan kami di Sabah dan Sarawak seperti dianaktirikan.

Dalam pembinaan sekolah terutama sekolah daif, saya dan rakan-rakan dari Sabah dan Sarawak memohon peruntukan besar untuk menyelesaikan masalah ini. Pada masa lalu, rasanya bukan tidak ada kewangan, tetapi cara pengurusan yang tidak kemas. Pegawai-pegawai pendidikan negeri telah mencadangkan penyelesaian terbaik, tetapi saya rasa ia tidak didengar oleh pegawai-pegawai pusat.

Apa yang berlaku di Sabah, projek-projek yang baru dibuat bukan untuk menyelesaikan keperluan pendidikan, tetapi menyelesaikan masalah kontraktor dengan kata lain projek infra pendidikan seperti sekolah lebih kepada *contractor driven* atau *political driven* dan tidak mengikut keutamaan. Contohnya satu sekolah kecil di Pulau Salakan, Semporna dengan 60 orang pelajar dibuat sekolah dengan kos RM3 juta, sedangkan satu sekolah di SK Bangau-Bangau dengan 1,200 orang pelajar dengan bangunan daif tidak dibuat apa-apa dan banyak lagi yang lain sebagai contoh. Kata orang Sabah '*jangan biarkan kami menghaus*'.

Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak kepincangan dan sudah sampai masanya perkara seperti ini dihentikan. Satu pendekatan baru perlu dilakukan, saya minta penjelasan apakah rancangan kerajaan menyelesaikan masalah sekolah daif di Sabah? Apakah rancangan untuk menyelesaikan infrastruktur sekolah seperti jalan, bekalan elektrik dan air di Sabah? Apakah penyelesaian masalah yang mudah guna di sekolah-sekolah di Sabah terutama di luar bandar?

Tuan Yang di-Pertua, penyelesaian kepada semua ini yang ada sekolah ini saya rasa ialah memberi kuasa autonomi atau desentralisasi dalam pendidikan di Sabah dan Sarawak. Saya tidak mengatakan untuk Sabah dan Sarawak mengubah Dasar Pendidikan Negara. Dasar masih sama, tetapi memberi ruang kepada Sabah dan Sarawak menentukan segi keutamaan dan kelulusan. Selain itu proses autonomi dalam bidang pendidikan di Sabah boleh menjadi ejen pendorong kematangan dan kemajuan sistem pendidikan di Sabah. Autonomi memberi

rangsangan kepada semua *stakeholder* untuk memikul tanggungjawab ke atas prestasi dan kemajuan pendidikan yang lebih dinamik.

Tujuan autonomi di dalam bidang pendidikan di Sabah ialah:

- (i) untuk pemilikan iaitu *ownership* pendidikan oleh Sabah yang membawa pecutan dan transformasi pendidikan ke arah memenuhi keperluan, kemajuan dan kemakmuran rakyat tempatan.
Menyediakan pelan pendidikan yang sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia daripada tahun 2013 hingga tahun 2015 dengan acuan sendiri sesuai dengan situasi tempatan. Maka saya ingin mengusulkan untuk mendapat persetujuan Dewan yang mulia ini proses peralihan autonomi secara terpaksa mesti dilaksanakan. Penurunan kuasa autonomi ke Sabah harus dilaksanakan satu daripadanya kuasa ke atas kewangan pendidikan untuk pemerolehan infrastruktur sumber-sumber pendidikan dan perkhidmatan;
- (ii) kuasa penempatan guru-guru dari Sabah;
- (iii) kuasa untuk latihan guru di Institut Pendidikan Guru di universiti;
- (iv) kuasa sumber manusia; dan
- (v) kuasa pemilihan buku teks.

■1910

Keputusan untuk menutup dua IPG iaitu Institut Pendidikan Guru Tawau dan Keningau adalah keputusan yang ditentang oleh Kerajaan Negeri Sabah. Ini adalah kerana alasan kekurangan fungsi IPG untuk menyediakan guru-guru tidak mengambil kira keperluan semasa di Sabah tetapi dibuat berdasarkan gambaran umum seluruh negara.

Skop latihan guru yang lebih luas untuk IPG perlu dirangka untuk merangkumi keperluan sekolah kerajaan dan sekolah swasta serta unjuran keperluan guru-guru sesuai dengan keperluan sumber manusia dan industri. Contohnya, IPG Sabah boleh dikerah untuk melatih guru-guru pra sekolah dan tadika ke peringkat diploma.

Kerajaan Negeri Sabah juga patut diberi kuasa untuk mengambil semua pekerja-pekerja yang akan berkhidmat di sekolah-sekolah di Sabah. Ini adalah untuk memastikan pengambilan kenaikan pangkat dan penempatan boleh dilaksanakan dengan lebih saksama dan berpatutan. Kuasa pemilihan buku teks juga patut dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah untuk memastikan isi kandungan dan pendekatan yang digunakan adalah lebih sesuai dengan anak-anak Sabah.

Penurunan kuasa autonomi ke Sabah dalam bidang kokurikulum serta penilaian dan tafsiran pegawai-pegawai atasan dan bawahan dari Sabah patut ditempatkan di Bahagian Pembangunan Kokurikulum Lembaga Peperiksaan Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru Institusi Pendidikan Guru Malaysia, bahagian sekolah semasa pelaksanaan fasa 1 dan 2 penyediaan untuk fasa yang ke-3 .

Tuan Yang di-Pertua, sektor pelancongan memainkan peranan yang lebih penting dalam membangunkan ekonomi Pantai Barat. Akan tetapi, perkhidmatan kereta api yang disediakan

oleh Jabatan Keretapi Negeri Sabah sepanjang 134 kilometer menghubungkan 15 kereta api adalah jauh berbeza dengan perkhidmatan kereta api yang ada di Semenanjung walaupun kita sama-sama membentuk Malaysia. Antara objektif Jabatan Keretapi Negeri Sabah adalah menghubungkan kawasan-kawasan yang tidak mempunyai kemudahan infrastruktur dengan perkhidmatan rel dan memberikan pilihan pengangkutan alternatif yang lebih murah, efisien, selamat dan selesa.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menangani masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah merupakan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja yang ditubuhkan pada 11 Ogos 2012 bagi menyiasat masalah berkaitan dengan kerakyatan dan pendatang haram di Sabah diberikan kad pengenalan dalam isu projek IC. Setelah Suruhanjaya Siasatan Diraja selesai menjalankan tugas mereka dan laporan sudah tersedia, akan tetapi tiada apa-apa tindakan susulan yang diambil oleh kerajaan lama sama ada pemberian kad pengenalan itu mengikut peraturan ataupun sebaliknya.

Sempena bajet yang baharu diumumkan ini, saya bertanya adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan RCI ini sehingga ke muka pengadilan supaya rakyat tahu apa yang sebenarnya berlaku? RCI tersebut merupakan manifestasi iltizam kerajaan dalam menjunjung prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.

Sabah sentiasa mempunyai sesuatu yang baik untuk dibagi kepada setiap orang. Sabah juga merupakan tuan rumah kepada salah satu tapak menyelam popular di dunia iaitu Pulau Sipadan dan juga tapak warisan dunia iaitu Taman Negara Kota Kinabalu oleh sebab ekosistemnya yang kaya dengan kehidupan marin dan habitat hidupan liar.

Sektor pelancongan merupakan sektor penting dan mempunyai potensi yang baik untuk dimajukan. Kedudukan geografi yang strategik itu terletak kira-kira 36 kilometer daripada Kota Kinabalu membuatkan Daerah Papar kini dikunjungi oleh ramai pelancong dari luar. Tambahan pula, daerah ini mempunyai bentuk muka yang menarik di mana pantainya begitu indah manakala di sebelah pedalaman terdapat Banjaran Crocker yang kaya dengan khazanah flora dan fauna. Semua ini boleh menjadikan Daerah Papar sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik.

Terdapat beberapa *resort* sepanjang dari Lok Kawi sehingga ke Bongawan. *Resort-resort* ini menyediakan bilik penginapan serta kolam-kolam renang, perkhidmatan bot laju, antaranya *Beringgis Resort*, *Borneo Paradise*, *Seaside Travellers Inn* dan *Langkah Syabas*. Terdapat juga *resort* yang menyediakan padang golf iaitu Bongawan Golf Resort.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat, adalah menjadi kewajipan saya untuk mengajukan kekurangan yang rakyat hadapi terutamanya pendudukan di kampung berdekatan Papar, kampung-kampung pedalaman dari segi ekonomi, pertanian, pembuatan dan pelancongan. Sejurus itu, saya bercadang untuk mengajukan kerja-kerja untuk kesenangan nelayan di Daerah Papar iaitu kerja-kerja mendalam muara sungai Papar yang cetek, mendalam

muara Sungai Kinarut yang cetek, mendalamkan muara Sungai Benoni yang cetek, mendalamkan muara Sungai Kimanis yang cetek dan mendalamkan muara Sungai Pengalat Besar yang cetek.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Papar, masa telah tamat. Minta rumuskan.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Sebelum saya mengundur diri, saya merayu Kementerian Kerja Raya supaya dapat menyalurkan peruntukan jalan raya sebanyak RM385 juta diturunkan secepat mungkin kerana Sabah sangat-sangat memerlukannya.

Dari itu, saya menyokong Belanjawan 2019. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Papar. Kalau ikut urutan seterusnya adalah Yang Berhormat Marang tetapi Yang Berhormat Marang tidak ada. Saya ingin terus menjemput Yang Berhormat Kinabatangan.

7.17 mlm.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari Pensiangan Sabah, Papar Sabah, Kinabatangan pun Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Berturut-turut Sabah.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan 2019, walaupun saya berlainan parti, berlainan ideologi dengan rakan saya daripada Papar, tetapi saya duduk tanpa melengah pun semasa dia berhujah 21 minit. Saya dengar ada poin yang perlu saya sokong untuk Kerajaan Pusat beri kepercayaan kepada kerajaan baharu di Sabah untuk melaksanakan autonomi dalam bidang pendidikan dan pembangunan luar bandar. Ini penting kerana Sabah— saya tidak cakap konteks Sarawak sebab Sarawak pun ada wakil dia. Saya berbicara dalam konteks Sabah sebagai orang Sabah.

Maka, sudah tiba masanya Sabah sesuai dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu pembangunan seimbang di antara wilayah. Kalau ikut Perjanjian MA63, ia sebagai rakan kongsi. Maka, Sabah berhak menerima keistimewaan seperti royalti minyak, seperti 40 peratus pungutan *tax* dikembalikan dan juga membangun wilayah-wilayah di Sabah. Sebab itu waktu saya duduk sana pun— tanya Menteri yang Sabah juga, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, wakil Batu Sapi sekarang, dia pun tahu saya ini dianggap sebagai wakil rakyat yang tidak berapa baik dalam kerajaan sebab saya bantah mana yang tidak betul.

Ini tugas saya memperbetulkan untuk kepentingan rakyat. Iaitu saya kata dengan Kementerian Luar Bandar dan dengan Kementerian EPU, wujudkan data bank setiap Parlimen, setiap daerah supaya kita tahu apa pembangunan yang ada, apa yang tidak ada, berapa lagi kilometer jalan raya yang perlu dibuat, berapa kampung yang tidak ada elektrik, berapa kampung yang tidak ada air. Ini perlu. Akan tetapi sehingga hari ini...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Boleh mencelah?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Kalabakan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Kinabatangan sudah jadi Ahli Parlimen berpenggal-penggal. Jadi mahu tanya ini, apa sebenarnya terjadi dahulu? Di mana peruntukannya? Sama ada Sabah dapat peruntukan kah tidak dahulu? Di mana peruntukan-peruntukan yang dahulu yang dikatakan banyak? Ikut Yang Berhormat Rembau, dia ada tolong Sabah tetapi di mana pembangunan di Sabah? Kita mahu tahu apa yang terjadi dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, sila.

■1920

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih rakan saya daripada Kalabakan. Peruntukan memang banyak, Yang Berhormat Menteri pun tahu. Akan tetapi Yang Berhormat kena tahu, Kinabatangan ini luasnya besar daripada Pahang. Kalabakan luasnya daripada Negeri Sembilan, tiga kali, empat kali ganda. Jadi itu masalahnya, peruntukan sama. Antara Melaka dan Kinabatangan, sama. Antara Rompin dengan Kalabakan, peruntukan sama, kawasannya tidak sama. Itu di mananya saya kata kalau kerajaan ini sekarang betul-betul memikirkan keadilan, maka peruntukan itu kena lebih di Sabah, kena lebih di Sarawak. Baru *ngam*, betul Yang Berhormat Menteri? Saya rasa Yang Berhormat Menteri ada pandangan sedikit. Kalau peruntukan sama, kawasan tidak sama, macam mana nampak? Di Kinabatangan ini bagi RM10 juta pun, saya buat di kuala, orang di hulu tidak nampak sebab luas.

Jadi ini masalah dia dan untuk mewujudkan pembangunan wilayah seimbang, maka perlu ada keseimbangan daripada pemerintah iaitu bagi peruntukan yang lebih kepada Sabah, bagi royalti minyak, bagi kita apa ini— macam tadi cadangan daripada Yang Berhormat Papar, Kementerian Pendidikan. Saya dengar Yang Berhormat Menteri ini cakap, bagi saya RM40 bilion, saya akan perkasakan sekolah di seluruh negara, saya akan bagi percuma. Sekarang kerajaan bagi dia RM62 bilion, saya mahu tengok macam mana dia boleh urus sekolah-sekolah ini. Kalau betul-betul boleh, bagilah Yang Berhormat Menteri Pendidikan di Sabah itu berbilion-bilion. Biar Sabah urus sekolah Sabah, sini diam-diam. Apa yang penting rakyat Sabah, rakyat Malaysia di Sabah boleh membangun sama-sama. Yang Berhormat Kalabakan setuju ataupun tidak?

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat, saya setuju.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tengok, kawan-kawan saya Tuan Yang di-Pertua, setuju dua-dua. Ini mesti *fulfill*, kita lupakan politik, bangun rakyat. Kalau Kerajaan Pakatan Harapan bangun rakyat, percayalah walaupun kita pembangkang, banyak kebaikan, kita akan sokong. Buat apa kita membangkang, kita bukan macam pembangkang yang dahulu, kerajaan buat baik pun dia kata salah. Kita kerajaan yang ada pada hari ini daripada hujah mukadimah awal saya, kalau kerajaan hari ini buat kerja yang baik, saya akan sokong kerajaan hari ini sampai bila-bila.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Lompat sini.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidaklah melompat. Tidak perlu lompat. Untuk memperbetulkan keadaan tidak perlu lompat. Jadi, biar orang hormati pendirian kita.

Tuan Yang di-Pertua...

Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Yang Berhormat salah lompat, patah kaki Yang Berhormat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, belanjawan hari ini memang saya sependapat dengan rakan saya Yang Berhormat Pensiangan. Tidak ada yang dibanggakan sangat. Makcik pakcik di kampung-kampung, petani, penternak, peladang, nelayan, pesawah, nelayan, semua merungut. Mereka kata, kenapa kami dipinggirkan? Kenapa waktu pilihan raya kami dirayu minta undi, sekarang kami tinggal memerah keringat tidak tahu menghalu ke mana. Mereka sudah tidak ada bantuan langsung. Mereka sedar harga kelapa sawit sudah turun.

Kementerian, Yang Berhormat Menteri tidak pula melakukan sesuatu untuk negara, untuk rakyat. Cubalah berbincang dengan Kerajaan China. *[Batuk]* Kalau dahulu Kerajaan Barisan Nasional, kelapa sawit, buah sawit turun kita bincang, kita merayu. Ini tidak ada usaha langsung. Jadi apabila begini berlaku, maka berlarutanlah kesusahan yang menimpa rakyat di luar bandar. Ini penting.

Oleh sebab itu saya kata kalau betul-betul Kerajaan Pakatan Harapan, bertemakan, berteraskan Malaysia Baharu, maka haruslah walaupun rakan saya daripada Yang Berhormat Rembau kebanyakan peruntukan ini, *plan* dia cuma *copy paste* tetapi tidak mengapalah untuk kebaikan. Akan tetapi yang lain dia *copy*, yang lain dia tidak laksanakan, yang lain dia potong. Jadi, macam mana? Saya ini wakil rakyat orang kampung. Selaku orang kampung, saya tahu. Saya ini paling orang kata suka berjalan sana sini. Saya tengok harga barang Yang Berhormat Damansara, sebetulnya ini Yang Berhormat Bagan cuba baca belanjawan daripada Yang Berhormat Damansara.

Yang Berhormat Damansara lah sebab sebelum belanjawan diumumkan, Yang Berhormat Damansara hendak jual Khazanah, Yang Berhormat Damansara hendak jual Perbendaharaan Nasional. Macam-macam dia mahu jual. Jadi kalau dia jual semua, buat apa? Projek MRT, LRT dipotong harga dia. Dia kata jimat, bukan dipotong jimat. Apabila dia potong, turunkan harga Tuan Yang di-Pertua, maka *quantity of work* pun dia kurangkan. Dia *mislead* Dewan banyak kali. Dia ingat kita ini tidak faham. Kita faham. Jadi, janganlah bermain politik teruk.

Cukup-cukuplah Tuan Yang di-Pertua. Sudah jadi Yang Berhormat Menteri, sudah jadi pemerintah, buatlah. Buat sesuatu yang baik. Ikut contoh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dia kurang bercakap, kerja banyak. Rakan saya daripada Batu Sapi. Dia komen pun tidaklah seteruk sangat. Cukup-cukuplah Yang Berhormat Menteri. Walaupun baharu, cuba bersifat bahawa kita boleh diberi kepercayaan. Cukuplah bincang soal kasut, warna kasut, warna stoking, cukuplah tayang video mandi ais di *bathtub*, macam-macam lagi kita nampak.

Cukuplah cadangan LGBT, laki-laki boleh kongsi tandas dengan tandas perempuan. Seorang Menteri tidak mengeluarkan ungkapan-ungkapan yang sebegini. Jadi Yang Berhormat Menteri yang ada kualiti, yang ada standard, yang rakyat hormati sebab suara Yang Berhormat Menteri adalah suara kerajaan. Kalau Yang Berhormat Menteri punya cadangan salah, maka salahlah segala-galanya.

Saya juga melihat banyak Menteri cakap, dia kata Pakatan Harapan akan mengamalkan tender terbuka dan tidak akan ada *selective tender* ataupun *direct nego*. Sebetulnya tender terbuka ini bukan *transparent* sangat, di situlah banyak rasuah dengan tender terbuka.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Minta laluan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab ada— yang buat BQ ini— Satu minit boleh.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Saya memang sokong Yang Berhormat Kinabatangan. Memang dia ini seorang yang bijak. Sepatutnya kerajaan dahulu jadikan dia Menteri. Itu yang paling betul. Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu bukan soalan. Walaupun satu *compliment*, tetapi saya lebih suka begini sebab saya boleh *aim* siapa yang tidak buat kerja. [Ketawa] Tender terbuka sebetulnya bukan sesuatu yang *transparent*, di situlah banyaknya rasuah. Oleh sebab BQ dia ada pegawai-pegawai *engineer*, QS yang buat. QS ini bos dia ada. Ada pengarah dia, ada KSU dia, macam-macam. Jadi mereka tahu berapa *ceiling price* dia dan mereka akan *leak of information* kepada 30-40 buah syarikat. Maka 30 syarikat yang dapat itu, orang yang sama. Jadi tidak ada soal tender terbuka ini ada *transparent* menolak unsur rasuah.

Kedua saya juga dapat maklumat iaitu di kementerian KPDNHEP. Baru-baru ini iaitu SSM (Syarikat Suruhanjaya Malaysia) telah meluluskan satu *direct nego* untuk melaksanakan projek *co-system* iaitu sistem *Malaysian Business Reporting System* dengan kontrak RM16.5 juta. Dalam masa yang sama, sistem ini seharusnya dijalankan oleh SSM tetapi malangnya, syarikat yang melaksanakan sistem *direct nego* ini pula diberi pula kontrak. Kontrak dia lima tahun *plus* lima tahun mandatori tanpa merujuk sama ada dia boleh berfungsi ataupun tidak.

Syarikat ini mendapat 10 peratus Tuan Yang di-Pertua, daripada anggaran yang diperoleh oleh kerajaan iaitu RM400 juta satu tahun. Syarikat ini cuma duduk memantau sistem yang dibuat oleh SSM ini mendapat 10 peratus. Jadi kalau lima tahun, satu tahun dia dapat RM40 juta wang kerajaan dia dapat. Kalau lima tahun, kerajaan akan rugi RM250 juta. Pada awalnya projek ini ditender dan syarikat yang dapat ini iaitu Formis Network Services Sdn. Bhd. nombor enam, tetapi dia pula yang diberi kontrak.

■1930

Jadi saya minta pihak kerajaan, saya minta pihak SPRM menyiasat sejauh mana. Ini sebab saya hormati keputusan kerajaan melalui Menteri Kewangan, *there is no more negotiate tender*. Semua *open tender*. Kalau *open tender* bermakna kenapa sistem ini dan yang anehnya Tuan Yang di-Pertua dapat sistem ini dilaksanakan 1 November yang lalu dan ia mandatori di

mana setiausaha syarikat, semua hendaklah memfailkan laporan syarikat melalui *online* dan kaunter-kaunter untuk Kuala Lumpur dan Selangor telah ditutup.

Malangnya, tanpa ada konsultasi dengan mana-mana pihak. Tanpa ada *training system* dengan setiausaha syarikat, kalau setiausaha syarikat salah untuk *key in* butiran, maka mandatori RM300 saman, tidak ada *compromise*. Perkara ini terlalu serius dan saya minta kerajaan membuat penyiasaan.

Tuan Yang di-Pertua, PTPTN. Saya *concern* sedikit sebab— lupakanlah soal manifesto itu sebab manifesto itu memang bukan sesuatu yang rasa saya yang dapat dipenuhi. Banyak manifesto yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan memang sukar dipenuhi. Akan tetapi, mengenakan bayaran kepada mereka yang bergaji RM1,000 *plus*, dua peratus hingga 15 peratus. Ada yang pinjam RM150,000 Tuan Yang di-Pertua. RM150,000 kalau dia bayar RM20 satu bulan. Saya kira-kira 7,500 bulan ataupun 625 tahun dia kena bayar.

Jadi berapalah umur manusia dalam dunia ini mahu bayar 625 tahun. Saya rasa kerajaan perlu buat kajianlah walaupun sukar, walaupun sakit macam mana kajilah keputusan tersebut. Ia tidak logik untuk mengenakan satu pendapatan RM1,000 *plus* dikenakan dua peratus hingga 15 peratus. Sebetulnya kita sudah cuba untuk mengatasi masalah ini. Ada lagi formula lain. Saya tahu kerajaan kehilangan sumber sebab menghapuskan GST dengan harapan mendapat sumber-sumber yang lain.

Akan tetapi, ini bukanlah satu pendekatan yang paling baik. Sebab banyak yang mendapat kesusahan dalam pelaksanaan yang sebegini. Carilah jalan lain untuk memberikan manfaat yang baik kepada semua pihak dan kepada kementerian-kementerian yang lain, kepada Kementerian Pelajaran saya mintalah tolonglah dengan bajet RM62 bilion perkasakan sekolah kebangsaan, pertingkatkan silibusnya, ia punya kualiti.

Biar sekolah kebangsaan pada masa akan datang bukan lagi menjadi *last resort* ataupun pilihan terakhir tetapi biar sekolah kebangsaan jadi pilihan utama daripada sebuah masyarakat, semua pelajar Melayu, Cina, India, macam-macam lagi orang bangsa Iban, Dayak, Kadazan, Dusun, orang Sungai macam saya pun suka sekolah kebangsaan kalau sekolah kebangsaan itu dapat diperkasakan. RM62 bilion tidakkan tidak boleh. Dulu cakap RM40 bilion semua okey. Saya meminta Menteri Pendidikan orang yang muda, berpendidikan tinggi buatlah sesuatu yang terbaik untuk rakyat, untuk negara kita, untuk Parti Harapan jangan harapan, tinggal harapan.

Ini kerana Tuan Yang di-Pertua tahu ada satu lagu mungkin Tuan Yang di-Pertua pun tahu lagu ini. *[Bernyanyi]*

Harapan setinggi gunung,

Berderai menjadi debu.

Jadi jangan harapan yang diberikan kepada rakyat, jangan berkecai menjadi debu. Sebab rakyat satu ketika telah menolak Barisan Nasional sebab harapan mereka sudah tidak ada. Jadi tidak hairan rakyat juga akan bertindak yang sama kepada kerajaan yang tidak membela untung nasib rakyat. Saya ini orang baik. Saya bagi amaran, saya bagi amaran...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Macam jadi *Speaker* pula?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau saya tidak baik, saya tidak bagi amaran, saya biarkan sahaja. Jadi jangan biar sebab kerajaan yang baru dibina ini kalau hilang sekelip mata maka payahlah. Barisan Nasional sama UMNO ini tidak apa, kapal ini telah berlayar 61 tahun, berlayar di bahtera lautan tanpa hentinya. Memang banyak juga ia punya jasa, ia punya budi. Ia telah mengangkat masyarakat anak bangsa dan rakan-rakan di sana ini pun pernah sama-sama kami sini, ramai.

Akan tetapi, mereka berhijrah bukan melompat. Itu kita harus positif sedikit sebab manusia ini memang begitu dia memikirkan mungkin hala tuju dia sana sudah tidak berapa luas maka dia berhijrah di sini perjalanannya luas. Jadi kita harus terima, jangan kita anggap mereka sebagai musuh.

Saya dengan Yang Berhormat Batu Sapi ini sampai sekarang pun boleh duduk kedai kopi di mana-mana. Kami dua tidak ada halangan dengan rakan-rakan yang lain ini sebab *politic is politic*. Kita asingkan politik dengan kehidupan kita seharian kita.

Tuan Yang di-Pertua, marilah sama-sama. Kami di sini *insya-Allah*, kami akan sentiasa memantau mana perkara yang dibuat baik, kita akan katakan baik. Kita tidak mahu menidakkan perkara-perkara yang dilaksanakan oleh Pakatan Harapan sekiranya membawa harapan kepada rakyat.

Akan tetapi, kalau cakap banyak, kerja pun tidak ada saya rasa ini tidak menguntungkan negara kita. Ekonomi kita berada dalam keadaan yang merudum. Ringgit Malaysia jauh dibandingkan dengan USD, dengan lain-lain dolar yang kukuh di dunia ini. Kita punya hasil komoditi semuanya menurun, sawit turun, getah turun, *exchange rate* turun, macam-macam. Kita punya import dan eksport tidak *balance* ia punya hubungan perdagangan.

Jadi Kementerian Pertanian pun harus melihat bahawa industri pertanian harus dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa negara kita akan terus boleh sebagai negara pengimport barang-barang bahan-bahan seperti durian, buah-buahan lain, sayur-sayuran. Jangan kita bergantung kepada negara luar mengeksport barang ke negara kita sebab kalau kita bergantung penuh, kalau ada krisis di antara negara-negara, maka kita akan berhadapan dengan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menyokong belanjawan ini sebab ia tidak banyak memberi keuntungan kepada rakyat, kepada petani, nelayan, penternak dan sebagainya. Kalau ada perubahan saya akan sokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Kinabatangan. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai.

7.37 mlm.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya berasa berbesar hati dapat melibatkan diri dalam perbahasan bagi Belanjawan 2019 ini. Saya melihat memang kalau kita boleh terima bahawa

realiti pada hari ini kerajaan baharu Pakatan Harapan mengambil alih daripada pentadbiran yang lalu.

Malah kita banyak mendengar, bagi saya ia adalah sesuatu bahasa Inggerisnya *hypocrisy*. Bila kita mendengar rakan-rakan daripada sebelah sana yang berkata apakah yang boleh yang dilakukan, kenapa tidak boleh capai. Pada hal kita tahu dan kita sedar sama ada isu PTPTN kah, isu pelbagai isu sebenarnya isu-isu ini hasil daripada kebobrokan dan salah tadbir daripada pentadbiran mereka.

Bak kata Yang Berhormat Kinabatangan tadi kapal yang telah berlayar 60 tahun sebenarnya sekarang telah karam di Selat Melaka. Itulah realitinya Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Karam tidak, masih berdiri teguh.
[Ketawa]

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang dalam pun ramai yang sedang mencari jalan keluar ingin lompat ke kapal-kapal yang lain mungkin. Akan tetapi, inilah bak kata orang putih, *rats are jumping off a sinking ship*, katanya. Ini pepatah orang putih.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat antara lima fokus yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Bagan. Yang Berhormat Menteri Kewangan saya rasa yang pertama fokus yang pertama berkenaan dengan melaksanakan reformasi institusi ini adalah usaha Pakatan Harapan untuk memberi makna kepada perjuangan reformasi kita selama ini. Yang mana kalau kita lihat sokongan padu rakyat Malaysia pada 9 Mei yang begitu tegas menolak seperti salah guna dana wang kerajaan dalam skandal terbesar negara kita iaitu 1MDB.

Kalau kita lihat antara perkara-perkara yang sedang diusahakan adalah konsolidasi fiskal dan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Subang tadi.

■1940

Saya juga bersetuju mungkin dalam isu perakaunan akruan mungkin adalah sedikit lewat sekiranya kita cuma melihat pada tahun 2021. Saya juga mohon agar dipertimbangkan, dipercepat pelaksanaan perakaunan akruan agar ia membolehkan kita memastikan bahawa akaun-akaun kita terjaga. Akan tetapi lebih penting daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita perlu menitik beratkan reformasi institusi dan dari segi memastikan bahawa salah laku dan salah guna kuasa yang telah berlaku yang membolehkan skandal besar 1MDB berlaku, tidak lagi boleh diulangi. Oleh sebab itu saya menggesa agar pihak kementerian Kewangan menyatakan dengan jelas apakah undang-undang yang perlu kita pinda untuk memastikan tidak lagi berlaku seperti 1MDB dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat antara salah satu daripada usaha untuk meningkatkan hasil kerajaan pada ketika kita memahami hutang kerajaan mencecah hampir 1 trilion ringgit adalah melalui usaha menjual tanah secara berjadual. Saya ingin menegur dan memberikan peringatan kepada pihak kerajaan kerana kita dalam Pakatan Harapan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta maaf Yang Berhormat, saya minta laluan sedikit.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Saya tertarik dengan perbahasan tadi. Sedikit sahaja saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Kita lihat daripada pagi tadi perbahasan daripada Yang Berhormat Rembau. Beliau membangkitkan macam-macam perkara tentang kekurangan dan sebagainya dalam belanjawan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sekiranya ketirisan skandal-skandal seperti 1MDB, skandal FELDA, macam-macam skandal yang telah berlaku ini dapat dielakkan, Kerajaan sekarang tidak akan dibebankan dengan keadaan kewangan yang begitu teruk sehingga terpaksa membuat beberapa pemotongan kepada beberapa perkara yang ingin disampaikan kepada rakyat.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ya, Yang Berhormat Jelutong. Saya sangat setuju kerana kalau kita lihat banyak daripada masalah itu berlaku akibat daripada keengganan rakan-rakan kita yang sekarang ini begitu lantang bersuara padahal waktu mereka dalam pentadbiran dahulu mereka berdiam diri sahaja. Itu lah bagi saya salah satu daripada kekesalan yang saya percaya rakyat Malaysia rasai.

Saya ingin menyentuh tentang isu penjualan tanah secara berjadual yang dicadangkan. Saya ingin meminta pihak kementerian memastikan bahawa kita elakkan penjualan tanah seperti ala *cowboy* yang kita lihat telah berlaku di Kuala Lumpur selama lebih kurang beberapa tahun yang lalu, yang timbul akibat keengganan mantan dua Menteri Wilayah untukewartakan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020. Saya mohon agar sekiranya perlu lah juga dijual tanah, maka ia dilakukan dengan cukup berhemah. Jangan sampaikan berlaku seperti yang berlaku kepada Institut Kesihatan Umum di Bukit Persekutuan yang mana saya sekarang mendapat maklumat daripada pihak kementerian yang meminta saya perjuangkan, pulangkan warga Kementerian Kesihatan kembali ke Institut Kesihatan Umum di Bukit Persekutuan yang telah berlaku penjualan tanah tersebut pada tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan fokus kedua untuk memastikan kesejahteraan rakyat. Ini berkait dengan bantuan sara hidup. Saya menerima satu mesej Tuan Yang di-Pertua, daripada warga di Lembah Pantai yang bertanya. Memang kalau kita lihat bantuan sara hidup ini adalah ditujukan kepada golongan B40. Mereka bertanya apakah boleh dipertimbangkan bagi orang bujang. Jangan dilupakan orang bujang juga perlukan bantuan untuk sara hidup mereka.

Jadi mungkin ini boleh dipertimbangkan ataupun sekiranya saya terlepas pandang dalam isu ini, juga untuk warga emas. Pada masa yang sama kita perlu pastikan bahawa dari segi mekanisme untuk menyampaikan *cash transfer* ini ia tidak berlaku seperti yang berlaku sewaktu BR1M dahulu. Difahamkan mereka yang tidak layak telah menerima. Jadi saya pohon agar diberikan perincian bagaimana kita akan memastikan penyampaian bantuan sara hidup ini dapat mengatasi masalah-masalah yang berkait dengan mekanisme bagi BR1M dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, pada 14 November ini merupakan Hari Diabetes Sedunia. Saya difahamkan di Malaysia terdapat 2.5 juta pesakit diabetes. Itu yang kita tahu. Ramai juga yang kita tidak tahu. Pada semalam, hari Ahad, 11 November saya telah melakukan satu klinik kesihatan di Lembah Pantai. Daripada 10 orang yang datang, bila kita *check* gula darah dia,

ramai yang tidak tahu gula darah, *blood sugar* dia terlalu tinggi. Ada seorang makcik ini seorang warga India datang, dia *check*, 23.6 dia punya *blood sugar level* dan dia tidak tahu. Dia baru makan *breakfast* pada waktu itu.

Jadi isunya di sini, bila kita lihat memang saya setuju dengan cadangan daripada pihak Kementerian Kewangan untuk mengenakan *duty excise* 40 sen *per liter* ke atas minuman bergula. Akan tetapi lebih daripada itu, saya harap sebahagian daripada jumlah yang dikutip ini boleh disalurkan ke dalam satu dana untuk meningkatkan kesedaran umum tentang bahayanya diabetes ataupun kencing manis dan ini perlu diterapkan di peringkat sekolah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat selain daripada isu tentang yang saya sebutkan tadi, salah satu daripada perkara yang perlu diberikan penekanan memang kalau kita lihat di tetapkan peruntukan 50 juta untuk rawatan *rare disease*, rawatan virus hepatitis 'C' dan sebagainya. Akan tetap saya juga ingin meminta agar diberikan perhatian terhadap kesedaran kesihatan mental. Kita baharu sahaja pada bulan Oktober melalui Bulan Kesedaran Kesihatan Mental. Akan tetapi bagi saya perlu diusahakan dengan lebih gigih lagi memandangkan kita tidak faham sebenarnya betapa pentingnya kesihatan mental itu bagi warga kota, bagi rakyat Malaysia.

Pada masa yang sama saya juga ingin menggesa pihak kerajaan, kita berikan tumpuan kepada bahasa Inggeris disebut sebagai *sexual and reproductive health and rights* yang berkait dengan hak dan juga dari segi *family planning*. Itu juga perlu diberikan penekanan. Saya minta pihak kerajaan untuk memberikan pandangan tentang apakah boleh kita usahakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang isu yang dibangkitkan iaitu memberikan peruntukan lebih untuk membina lebih banyak rumah mampu milik. Saya ingin tekankan di sini, kita bukan sahaja inginkan lebih banyak rumah mampu milik. Akan tetapi kita kena pastikan bahawa lokasinya baik dan juga *design*, reka bentuknya juga menepati bukan sahaja cita rasa rakyat Malaysia, tetapi dari segi suasana itu.

Kalau Tuan Yang di-Pertua turun ke Lembah Pantai, sebagai contoh. Ada beberapa kawasan PPR seperti PPR Pantai Ria pada awal tahun ini telah berlaku satu kejadian kematian adik S. Satiwaran di mana kerusi telah jatuh daripada tingkat 21, terkena kepala beliau dan beliau meninggal dunia dalam pangkuan ibunya. Kalau kita lihat PPR seperti ini sebenarnya dari segi *design*, warga DBKL juga bertemu dengan saya dan mereka berkata Yang Berhormat, sebenarnya *design* seperti ini tidak patut dibina di Malaysia.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan cadangan Lembah Pantai. Di samping itu juga saya ingin tambah sedikit iaitu semasa hendak membuat sesuatu bangunan itu haruslah memikirkan sekolah-sekolah dan juga hospital dan juga tempat-tempat ibadat untuk semua kaum. Setuju? Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ya. Saya sangat setuju dengan pandangan Yang Berhormat Padang Serai. Beliau bagi saya adalah seorang yang amat progresif sehingga meminta agar todi juga diharamkan kerana ia satu bahaya kepada warga India. Saya terima baik pandangan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan dalam isu pembinaan PPR ini seperti yang disebut tadi, kita kena pastikan rumah mampu milik ini juga bukan sahaja ia dibina dan mampu dimiliki. Akan tetapi saya bagi contoh, salah seorang kenalan saya memberitahu beliau telah dihubungi untuk membeli satu rumah mampu milik. Akan tetapi bila dia sebut beliau bekerja di Kuala Lumpur, tetapi yang disebut adalah rumah itu adalah di Semenyih, sebagai contoh. Agak jauh untuk beliau berulang-alik.

■1950

Jadi, mungkin tidak sesuai. Kita perlu lihat kepada isu dan isu pokoknya adalah isu harga tanah. Harga tanah telah melambung akibat daripada kegagalan, kalau di Kuala Lumpur ini, kegagalan Yang Berhormat Menteri Wilayah iaitu dua Yang Berhormat Menteri Wilayah yang lalu untuk mewartakan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020. Dipersilakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya dengar ucapan Yang Berhormat Lembah Pantai. Boleh tidak Yang Berhormat bezakan di antara rumah mampu milik dengan rumah PPR? Saya tengok Yang Berhormat main sapu rata sahaja ini, mampu milik dengan PPR ini. Yang Berhormat tahu tidak beza dia?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ya, saya tahu Yang Berhormat Tanjong Karang. Terima kasih. Kalau di Lembah Pantai pun, kita ada dua-dua. Memang kalau dari segi kosnya itu adalah salah satu perkara tetapi yang saya ingin tekankan secara pukol rata, Tuan Yang di-Pertua, adalah kita perlu lihat kepada lokasi. Kita ingin lebih ramai rakyat Malaysia memiliki rumah sama ada rumah PPR mahupun rumah mampu milik. Akan tetapi, janganlah kita cari lokasi-lokasi yang terlalu jauh daripada tempat mereka bekerja. Itulah yang saya ingin tekankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Saya lihat antara cadangan-cadangan ataupun dasar yang ingin dilaksanakan termasuklah pas bulanan RM100 tanpa had. Ini adalah salah satu daripada usaha yang saya anggap amat-amat progresif dan amat-amat membantu. Saya percaya warga kota dan mereka yang menggunakan pas bulanan ini akan terima baik cadangan ini.

Cuma, kalau kami di Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua, memang kita boleh gunakan pengangkutan awam, akan tetapi ada kelompangan dan juga kesenjangan dari segi akses untuk pejalan kaki. Kalau di kawasan Lembah Pantai, sebagai contoh, dan juga banyak kawasan di Kuala Lumpur, kita lihat bangunan yang tersergam indah, pengangkutan yang begitu gah tetapi jalan-jalan yang penuh, kalau kita hendak bawa *stroller* pun tidak boleh. Bila saya bawa *stroller* bila kami keluar kan, sekejap kena naik atas, sekejap kena atas jalan dan sebagainya.

Jadi, saya ingin nyatakan bagus kita ada *transit oriented development*. Akan tetapi, saya pohon pihak kerajaan, kita perlu berikan penekanan kepada standard untuk memastikan bukan sahaja kita hendak warga kota dan juga rakyat Malaysia menggunakan pengangkutan awam tetapi kita kena pastikan dari segi pejalan kaki juga diberikan penekanan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini Datuk Bandar Kuala Lumpur telah menerima watikah daripada UNESCO yang mengiktiraf Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia bagi tahun 2020. Ini adalah satu pengiktirafan yang amat besar yang amat bermakna, tetapi bagi saya ia tidak bermakna jika kita tidak dapat memastikan bahawa budaya membaca itu cuma setakat kita membeli buku.

Saya percaya kalau kita lihat di Kuala Lumpur dan juga di banyak tempat, buku memang banyak. Kalau kita lihat di perpustakaan, begitu banyak. Akan tetapi, sering kali tidak ramai yang datang berkunjung ke perpustakaan. Saya lihat dalam *Twitter*, ada rakan-rakan yang berkunjung ke Perpustakaan Negara di Indonesia di Jakarta dan mereka menunjukkan betapa besarnya ada sembilan, sepuluh tingkat, 20 lebih tingkat Perpustakaan Negara mereka dan begitu ramai orang yang hadir. Saya beranggapan kita perlu lihat bagaimana kita boleh memastikan melalui Belanjawan 2019 ini kita boleh memberikan penekanan untuk menyediakan bukan sahaja warga Kuala Lumpur tetapi rakyat Malaysia untuk membudayakan membaca buku menjelang pengiktirafan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dari segi pendidikan bagi masa depan yang lebih baik. Saya terima baik cadangan dan dasar pemotongan cukai ke atas sumbangan rakyat dan sektor swasta kepada tabung penyelenggaraan sekolah. Ini adalah satu usaha yang amat baik dan ia teramat membantu bukan sahaja sekolah-sekolah dan juga IPTA-IPTA tetapi saya juga ingin mencadangkan, sebagai contoh bagi Universiti Malaya, diberikan pengiktirafan untuk membantu mereka dari segi proses wakaf agar orang ramai dan juga alumni boleh mewakafkan kepada Universiti Malaya. Ini saya percaya akan membantu bukan sahaja mengekalkan Universiti Malaya sebagai *the premier research institution* di Malaysia pada tangga ke-84 atau ke-87, kalau tidak silap saya, tetapi ia juga akan membantu IPTA seperti Universiti Malaya mendapatkan pendapatan yang lebih untuk membantu mereka.

Saya juga melihat bila masa pihak kerajaan ingin menurunkan had umur untuk mengundi dari 21 tahun ke 18 tahun, itu adalah salah satu daripada langkah yang amat membantu untuk memastikan kesinambungan dan penyertaan lebih ramai rakyat Malaysia dalam proses demokrasi. Akan tetapi, saya ingin nyatakan di sini bahawa kita perlu membudayakan demokrasi di sekolah-sekolah kita. Bukan sahaja di peringkat universiti tetapi juga di peringkat sekolah menengah malah juga di peringkat sekolah rendah.

Bukan demokrasi itu bermaksud politik partisan ataupun politik kepartian tetapi ia adalah budaya kita melibatkan diri dalam proses rundingan untuk mencapai satu persetujuan ataupun satu permuafakatan untuk ke hadapan. Saya percaya kita perlu menetapkan sedikit dana dan juga menyediakan sedikit dana dan juga beberapa program untuk memastikan bahawa budaya demokrasi ini dapat kita terapkan ke dalam jati diri anak muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh salah satu daripada usaha kerajaan iaitu untuk mengetengahkan pelancongan. Kalau kita lihat, ada antara beberapa usaha yang ingin menggiatkan aktiviti pelancongan di peringkat negeri di mana Kerajaan Persekutuan akan

melaksanakan perkongsian 50 peratus hasil kutipan cukai pelancongan yang diterima di negeri berkenaan.

Saya beranggapan bahawa memang bagus kita bercakap tentang pelancongan. Akan tetapi, salah satu daripada aspek yang berkaitan dengan pelancongan juga adalah isu seni dan budaya. Saya berharap kita akan dapat lebih mengutamakan seniman, karyawan, budayawan dalam negara kita sama ada dalam bidang mengukir, dalam bidang menulis, dalam bidang *design*. Pada masa yang sama, kita perlu berikan penekanan kepada institusi-institusi seperti ASWARA yang menghasilkan bakal karyawan dan bakal seniman negara kita di masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa ini adalah antara isu-isu yang ingin saya bangkitkan dan saya tidak ingin mengambil masa yang lebih. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sempat untuk dua pembahas lagi. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang.

7.57 mlm.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Bajet 2019. Setiap tahun bajet dibentangkan dan pada tahun ini Kerajaan PH hari ini membentangkan satu bajet yang bertemakan "*Malaysia Wibawa, Ekonomik Dinamik, Rakyat Sejahtera*".

Soalannya, sejauh mana bajet yang dibentangkan baru-baru ini benar-benar menyejahterakan rakyat? Hari ini kita melihat rakyat berdepan dengan kos hidup yang semakin tinggi. Apa lagi dengan penurunan harga getah yang semakin rendah iaitu harga purata RM1.80 sekilo. Begitu juga harga kelapa sawit yang semakin rendah. Kalau tahun 2017, harga kelapa sawit satu tan RM607 untuk gred B dan RM634 untuk gred 'A'.

Pada tahun ini, tahun 2018, harganya separuh berkurangan iaitu RM375 untuk satu tan bagi gred 'B' dan RM394 untuk gred 'A'. Ini sudah tentulah menyebabkan ramai pekebun-pekebun kecil khususnya, tertekan. Kos operasi tidak lepas. Apa lagi masyarakat di kampung yang rata-rata menjadi pekebun kecil berdepan dengan kos hidup yang semakin tinggi dengan nilai, contoh getah, hanya RM1.80. Keadaan hidup mereka semakin tertekan.

Jadi, saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah jaminan bajet yang dibentangkan ini boleh menyejahterakan rakyat dalam keadaan rakyat seluruh negara berdepan dengan pelbagai tekanan terutama dengan keadaan ekonomi yang semakin merosot hari ini? Apa lagi dengan nilai ringgit yang rendah. Terutama bagi kawasan sempadan seperti saya di Rantau Panjang, terutama peniaga mengeluh apabila barang-barang perniagaan mereka terutama yang diimport daripada Thailand berdepan dengan kos yang tinggi kerana nilai ringgit yang semakin rendah.

■2000

Begitu juga kuasa beli rakyat semakin menurun. Mereka rata-rata mengeluh barang-barang yang mereka jual kurang laku, tak laku kerana apa lagi di musim tengkujuh dan apa lagi dengan nilai barang yang terpaksa dinaikkan kerana kos modal nilai ringgit yang semakin mahal. Maka kuasa beli rakyat, pengguna pun berkurangan, maka sektor ekonomi dan sektor perniagaan juga terkesan. Jadi semua pihak mengeluh dalam keadaan suasana yang ada pada hari ini. Jadi saya mohon penegasan apakah perancangan strategi untuk memastikan ekonomi rakyat dapat dipulihkan dalam masa terdekat ini untuk mencapai ekonomi yang benar-benar mantap, dinamik dan rakyat sejahtera.

Kalau kita lihat dalam peruntukan Bajet 2019 di mana RM316.55 bilion diperuntukkan untuk belanja mengurus di mana kita dapati daripada peruntukan ini 82 peratus yang melibatkan perbelanjaan mengurus dan hanya 17 peratus sahaja yang melibatkan peruntukan pembangunan iaitu RM56.7 bilion. Jadi kita melihat tahun ini juga bajet negara berdepan dengan defisit lebih daripada RM54.7 bilion. Jadi, saya ingin tahu apakah langkah strategik yang akan dibuat oleh kerajaan untuk memastikan negara dapat dipulihkan.

Bagaimanakah untuk mendapat duit RM54.7 bilion yang defisit ini? Oleh sebab kita dapat maklum daripada laporan yang kita terima hanya anggaran pendapatan kerajaan pada tahun akan datang iaitu berjumlah RM261.8 bilion. Jadi saya ingin tahu apakah mekanisme, apakah negara akan berhutang lagi untuk menyelesaikan peruntukan yang telah disediakan dalam Bajet 2019.

Saya ingin juga menyentuh Tuan Yang di-Pertua iaitu berkaitan dengan masalah sosial yang sedang melanda pada hari ini. Sebelum ini Dewan didedahkan bagaimana kes kehamilan remaja di mana daripada tahun 2012 hingga tahun 2015 terdapat 16,270 kes dalam masa tiga tahun. Begitu juga anak luar nikah daripada tahun 2006 hingga tahun 2017 melebihi setengah juta. Keruntuhan institusi keluarga hampir 14 buah keluarga bercerai dalam masa satu jam. Apa yang kita buat hari ini untuk menyelesaikan masalah sosial yang semakin kronik. Kita lihat dalam bajet yang dibentangkan baru-baru ini tidak nampak satu langkah yang konkrit terutama dalam menyelesaikan masalah sosial dalam negara yang semakin membara.

Apa yang menyedihkan lagi dua hari, tiga hari lepas kita dapat berita bagaimana seorang bayi, kanak-kanak yang dilakukan didera sehingga mati melibatkan jenayah termasuk juga jenayah seksual. Ini merupakan satu penyakit yang tidak ada perasaan, tidak ada sifat kemanusiaan yang semakin teruk dalam negara. Begitu juga gejala LGBT yang semakin membimbangkan kita. Jumlah persatuan mereka semakin ramai. Begitu juga ada pelbagai pesta yang diadakan di sana sini.

Saya ingin tahu Kerajaan Pakatan Harapan ini, apa program yang telah dirancang dan dibuat terutama dalam perancangan Bajet 2019 ini untuk menyelesaikan segala permasalahan kronik yang ada dalam masyarakat hari ini sebab kita tidak nampak satu langkah yang jelas. Jadi kena ingat tanggungjawab pemerintah adalah tanggungjawab yang besar. Kemungkaran bukan sahaja menentang rasuah, tidak memberi hak kepada rakyat juga satu kemungkaran.

Saya ingin penjelasan juga iaitu berkaitan dengan hak royalti. Setiap kali kita dengar terutama daripada negeri-negeri yang mengeluarkan hasil minyak, Sabah, Sarawak, Terengganu termasuk juga Kelantan. Setiap kali persidangan kami terpaksa meminta, merayu bagi hak kami. Kerajaan Persekutuan melambatkan pemberian ataupun menyekat pemberian hak royalti sebagaimana yang dijanjikan yang termaktub dalam Akta Pembangunan Petroleum 1975, itu juga satu kemungkaran. Jangan nampak menentang rasuah juga kemungkaran, itu juga kemungkaran. Akan tetapi menafikan hak rakyat, melewati hak rakyat, itu juga kemungkaran yang mesti cegah. Ingat, pemimpin akan ditanya di akhirat.

Tanggungjawab ini bukan semata-mata di dunia tapi setiap pemimpin akan bertanggungjawab di hadapan Allah SWT di atas kezaliman dan penganiayaan dibuat kepada rakyat. Jadi sebab itulah saya minta terutama Menteri Kewangan, segerakan pembayaran royalti kepada negeri-negeri yang berhak termasuk Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu. Jangan lagi ditangguhkan, ini hak rakyat, kembalikan kepada rakyat. *[Tepuk]*

Begitu juga saya ingin menyentuh tentang berkaitan dengan isu pendidikan. Dalam bajet baru-baru ini, kerajaan telah memperuntukkan peruntukan kepada sekolah-sekolah termasuk sekolah menengah, sekolah rendah, sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil dan beberapa sekolah yang lain dan termasuk yang pertama kali saya dengar, tidak pernah lagi berlaku dalam sejarah pembentangan bajet di Parlimen iaitu peruntukan kepada sekolah menengah persendirian Cina. Kita bukan menyekat peruntukan, kita setuju, ini adalah hak rakyat tetapi hendaklah diberi secara adil. Kalau sekolah persendirian Cina mendapat bajet RM12 juta sedangkan jumlah sekolah Cina hanya 60 buah di mana setiap sekolah persendirian Cina mendapat lebih kurang RM200,000 satu sekolah.

Mana peruntukan untuk sekolah agama rakyat yang tidak disentuh langsung dalam bajet ini. Mestilah diberi hak dengan adil. Kalau benar-benar Kerajaan Pakatan Harapan hari ini benar-benar hendak meletakkan agenda rakyat, hendak menyejahterakan rakyat, memberi keadilan kepada rakyat, beri kepada semua sekolah persendirian sebab sekolah agama rakyat juga menggunakan sukatan pelajaran pendidikan nasional di samping pendidikan diniah.

Mereka juga mematuhi apa yang telah disyaratkan oleh sistem pendidikan Malaysia. Akan tetapi dalam Bajet 2019 tidak ada langsung disebut secara khusus peruntukan untuk sekolah agama rakyat sedangkan sekolah menengah persendirian Cina diberi peruntukan RM12 juta sedangkan sekolah hanya 60 buah, setiap sekolah mendapat RM200,000 setahun. Saya ingin tahu juga bagaimana keadilan yang dimaksudkan di bawah kepimpinan Pakatan Harapan hari ini. Sekolah rendah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan, jumlahnya 9,000 buah di mana bajet yang diperuntukkan lebih kurang RM250 juta.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Minta laluan Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya masa terhad, saya banyak lagi.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tidaklah, tentang isu yang tadi dibangkitkan. Saya rasa Yang Berhormat ada mengelirukan Dewan kalau tak baca belanjawan kerana sekolah agama memang sudah dapat peruntukan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Betul, betul.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Saya minta Yang Berhormat baca belanjawan betul-betullah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya tidak memberi laluan, saya jawab. Ya saya jawab. Peruntukan sekolah agama ada, sekolah tahfiz ada, sekolah agama ada tetapi itu adalah sekolah yang disenaraikan di bawah Kementerian Pendidikan. Saya tidak nafikan, itu memang hak.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Kalau tidak di bawah Kementerian Pendidikan...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya tidak bagi laluan, ini hak saya. Saya tidak bagi laluan. Sekolah jenis kebangsaan Cina contoh mendapat peruntukan RM50 juta yang di mana jumlah sekolah 1,298 buah. Setiap sekolah berjumlah RM38,520.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Kita setuju, kita setuju sebab ini hak rakyat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan isu peraturan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Tetapi saya hendak adalah keadilan, biar semua sekolah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Kita setuju dengan peruntukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Rantau Panjang nanti sekejap, ada peraturan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya merujuk kepada Peraturan 36(6). Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa Ahli yang lain. Merujuk kepada perbahasan tadi yang dibuat oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, beliau telah mengeluarkan...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya tidak mengelirukan sebab ini saya ambil fakta, saya hendak keadilan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebentar, benarkan saya kemukakan masalah dululah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya hendak keadilan, ini adalah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sabar dan duduk. Kenyataan Yang Berhormat tadi seolah-olah Kerajaan Pakatan Harapan meminggirkan sekolah-sekolah agama, itu tidak betul.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ini *floor* saya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jadi saya minta Yang Berhormat...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekejap. Ahli Yang Berhormat Rantau Panjang. [*Dewan riuh*]

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Peruntukan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, itu akan membangkitkan persepsi bahawa Kerajaan Pakatan Harapan meminggirkan orang-orang, sekolah-sekolah agama. Tidak betul.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:...Untuk pelajar sekolah persendirian dan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan biarlah diberi secara adil. Ada peruntukan untuk sekolah agama tetapi ini adalah sekolah peruntukan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Ya you said it just now*, tadi tak nyatakan perkara itu. Jangan mengelirukan rakyat Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat tidak faham.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua.

■2010

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya *off* kan ya. Ahli Yang Berhormat Rantau Panjang, kalau saya *off*, maknanya semua tidak akan direkodkan. Saya rujuk kepada Peraturan 37, seorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali 31(1)(b), jika hendak minta penjelasan. Jadi bagi minta pohon penjelasan sahaja.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan *standing order* itu sebab kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi di dalam ucapannya seolah-olah peruntukan jelas diberikan kepada sekolah-sekolah Cina tetapi tidak diberikan kepada sekolah-sekolah agama rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Tidak betul, tidak betul Tuan Yang di-Pertua. Silap, dia silap faham.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu membuat persepsi memburukkan persepsi kerajaan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Dia silap faham. Saya kena ulang sekali lagi dan saya sebut tadi untuk sekolah persendirian.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu menyebabkan sangkaan jahat kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan memang ada untuk sekolah tawaris. Memang ada...

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua saya rasa...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan hendak sandiwara di sini.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: ...Tambah persendirian.
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu tidak betul. Sebab itu lah saya kata jangan berkawan dengan UMNO. Berkawan dengan UMNO sudah mula.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Sebuah sekolah agama rakyat dapat RM226 ribu. Mana tidak dapat?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *You* pun tidak betul.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ingatlah, ingatlah pesanan Tok Guru Nik Aziz.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *You* pun tidak betul. Duduklah.

Seorang Ahli: *You* diamlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan berkawan dengan UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Rantau Panjang tujukan kepada Yang Berhormat Menteri yang akan menjawab kemudian.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan, bagi subjek.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya harap Dewan ini menghormati peraturan. Saya tahu apa yang saya ucap. Saya bukan mempertikaikan peruntukan yang telah diberi, tidak. Saya alu-alukan, berilah sebanyaknya kepada sekolah Cina, berilah banyaknya kepada sekolah Tamil, tapi berilah juga untuk sekolah agama yang persendirian sebagaimana sekolah menengah Cina persendirian juga diberi peruntukan. Itu maksud saya. Saya bukan tidak setuju dengan peruntukan kepada sekolah Cina.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Ya, saya faham. Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta maaf ya saya tidak bagi laluan. Saya hendak meneruskan...

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Saya cuma hendak minta pandangan Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Duduklah, tidak bagi laluan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya tidak bagi laluan, minta maaf masa saya ada lima minit saja.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ini gangguan, gangguan ini.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya sudah penjelasan, jangan silap faham. Maksud saya, saya sudah jelaskan...

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Saya cuma hendak minta Yang Berhormat Rantau Panjang menerangkan...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: ...Supaya keadilan wujud.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Duduklah, duduk.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Sebab ini adalah bajet rakyat, bajet negara, kita semua adalah pembayar cukai, semua rakyat negara ini adalah pembayar cukai. Tidak ada satu rakyat yang merasa hak mereka dinafikan. Jadi sebab itulah kita hendak supaya...

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Ya, saya faham Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Hak rakyat ini diberi seadil-adilnya.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan PTPTN yang sentiasa menjadi keluhan terutama graduan kita. Jadi mereka yang belum mendapat peluang pekerjaan. Saya ingin tahu dalam statistik yang dibuat, dalam kajian pihak kementerian berapa ramai sebenarnya, yang terkini sehingga sekarang. Setiap tahun berapa ramai graduan kita yang telah lulus dan berapa ramai mereka yang dapat peluang pekerjaan. Sebab ramai di kalangan mereka mengeluh kerana mereka tidak ada peluang pekerjaan. Mereka susah hendak mendapat pekerjaan dan dalam Dewan sejak pagi tadi lagi saya dengar bagaimana ramai di kalangan mereka yang kelulusan sama ada BA atau pun Master, mereka bekerja di bawah kelulusan, gaji setakat SPM, gaji setakat RM1,000 walaupun ada mempunyai sijil Master.

Jadi, saya ingin tahu setakat ini dalam kajian pihak kementerian berapa peratus kah di kalangan graduan kita yang bekerja di bawah kelulusan mereka dan berapa ramai mereka yang masih menganggur. Saya ingin tahu kemampuan untuk membayar sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Rembau tadi bagaimana ada di kalangan mereka yang berpendapatan RM1,000, mereka kena bayar PTPTN walaupun janji Pakatan Harapan sebelum ini pendapatan RM4,000 baru bayar PTPTN, baru bayar hutang. Akan tetapi hari ini graduan kita tertekan dengan gaji hanya RM1,000 pun terpaksa bayar. Ini janji yang tidak boleh dinafikan oleh semua pihak.

Jadi sebab itulah saya mengharapkan supaya kerajaan membuat satu perancangan untuk memastikan anak-anak kita terutama graduan-graduan ini, mereka dapat peluang pekerjaan yang lebih luas untuk memastikan mereka dapat— bukan setakat membayar balik hutang kepada rakyat yang boleh, negara yang boleh dimanfaatkan kepada orang lain, tetapi dapat menyara kehidupan mereka untuk masa depan mereka.

Di antara isu yang besar juga Tuan Yang di-Pertua yang menjadi kebimbangan bumiputera hari ini iaitu berkaitan dengan ICERD. Saya walaupun perkara ini belum lagi di bawa ke Parlimen, tetapi di dalam media kita melihat bagaimana telah didedahkan cadangan oleh pihak kerajaan ataupun pihak—ada Menteri yang mencadangkan supaya negara kita menandatangani

konvensyen antarabangsa mengenai penghapusan semua bentuk diskriminasi antara kaum. Saya harap perkara ini dibuat secara berhati-hati.

Walaupun ada pelbagai pandangan yang berbeza, ada Menteri mengatakan kita akan dapat pandangan awam, tetapi ada juga pihak yang mendesak. Ini kerana kita kena ingat negara ini adalah amanah rakyat kepada kita. Untuk kita mendapat hak bukan mudah. Jadi tiba-tiba dalam keadaan negara kita berdepan dengan macam-macam tekanan, ada pihak pula yang mendesak untuk kita menandatangani konvensyen antarabangsa walaupun kita tahu perkara ini tidak mungkin dapat dilaksanakan selagi perkara 153, Perlembagaan Malaysia tidak diubah dalam Parlimen.

Akan tetapi apabila kita menandatangani konvensyen ini kita telah terikat. Walaupun kita tidak ubah di Parlimen, mungkin di masa akan datang kita tidak tahu, tetapi kesan cukup besar kepada anak cucu kita. Kita tidak rela negara yang kita cintai, tanah air kita ini akan hilang hak terutama bagi bumiputera. Kita menghormati sahabat, kaum-kaum kita yang lain yang bersama dalam negara kita, kita bina negara ini. Akan tetapi hak yang telah termaktub dalam Perlembagaan ini hendaklah dipelihara. Ini adalah tanggungjawab.

Jadi saya letak amanah besar ini kepada Kerajaan Pakatan Harapan supaya menjaga mandat. Kalau BN 60 tahun mentadbir, dia tidak sanggup menandatangani kerana ini menjejaskan masa depan anak cucu. Kenapa ada suara-suara daripada pihak Kerajaan Pakatan Harapan yang cuba ataupun mencadangkan supaya konvensyen ini ditandatangani.

Jadi apa perancangan masa depan? Apakah kita hendak lihat anak bumiputera kita yang masih lagi jauh ketinggalan walaupun pelbagai dasar dibuat oleh kerajaan hari ini, tetapi kita melihat bangsa kita terutama Melayu masih lagi banyak ketinggalan yang perlu kita bantu. Jadi sebab itulah saya mengharapkan supaya pemerintah dan tanggungjawab hari ini bertanggungjawab untuk memastikan supaya keselamatan masa depan negara...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta penjelasan. 60 tahun siapa yang perintah?

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Sudah habis sudah. Sudah habis sudah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Siapa perintah? UMNO perintah.
[Dewan riuh]

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Jadi saya mengharapkan supaya Kerajaan Pakatan Harapan mengotakan janjinya terutama dalam janji manifesto. Sepatutnya Bajet 2019 ini adalah bajet untuk kita melihat Kerajaan Pakatan Harapan merealisasikan janji PRU yang lepas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: UMNO merompak. Takkan nak bela Melayu, UMNO merompak, Yang Berhormat Pekan merompak. *You all* sudah rompak 60 tahun. Tarik balik lah, sembang sahaja.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, duduk, duduk. Baik.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Tuan Yang di-Pertua, saya kesal dengan sifat Yang Berhormat Jelutong yang bercakap dan mengganggu saya beberapa kali dalam perucapan ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan sandiwara Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Jadi saya mengharapkan *insya-Allah* supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berbahas bernas. Siapa yang rompak orang Melayu? Tanya... [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, tadi Yang Berhormat Jelutong minta penjelasan tetapi oleh kerana masa telah tamat. Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang dan untuk pembahas terakhir pada sesi ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Batang Sadong.

8.18 mlm.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan ini untuk membahar bajet yang baru sahaja dibentangkan oleh Menteri Kewangan.

Saya menunggu dengan tabah kerana semenjak mendapat pengiktirafan dengan izin, *equal partners* mungkin istimewa Bajet 2019 untuk Sarawak. Secara kebetulan Sarawak baru sahaja membentangkan bajet sejumlah RM10,159,596,705 yang merupakan satu bajet yang bersejarah dan terbesar sekali diperuntukkan oleh Sarawak. Tahniah dan syabas kepada Ketua Menteri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, semasa pembentangan bajet, Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan bangganya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa bajet untuk Sarawak pada tahun ini adalah RM10 *million*, lebih banyak dari peruntukan pada tahun 2018. Di mana Yang Berhormat, Ahli Parlimen juga iaitu Ahli Parlimen Setampin juga merangkap Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan angkuhnya menyatakan bahawa PH akan memastikan Sarawak dan Sabah menerima peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak 30 peratus untuk menyempurnakan Manifesto PH.

■2020

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya nak tanya di manakah komitmen untuk menunaikan janji Manifesto itu? Itu telah dinyatakan dalam akhbar di Sarawak juga. Tuan Yang di-Pertua, walaupun sebelum PRU-14, Menteri sendiri juga menyatakan saya *quote* di sini, "*First, we have to understand the role, played by Sabah and Sarawak. Sabah and Sarawak are equal partners. Without Sabah and Sarawak, there is no Malaysia*". Dengan izin.

Akan tetapi dalam Bajet 2019 Sabah mendapat RM5 bilion manakala Sarawak hanya mendapat RM4.347 bilion iaitu hanya 7.94 peratus dari total RM54.7 bilion peruntukan pembangunan berbanding dengan bajet pembangunan pada tahun 2018 di mana Sarawak mendapat bajet sejumlah RM4.336 bilion daripada total RM46 bilion iaitu 9.42 peratus bajet untuk pembangunan Sarawak. Ini bermakna dari segi peratusan peruntukan untuk Sarawak telah berkurangan walaupun bajet yang telah diperuntukkan tahun depan adalah yang paling besar dalam sejarah negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *is that what Sarawak is worth? After all the first about Sarawak being an equal partner*, dengan izin. Sebelum pilihan raya masing-masing mengatakan mengiktiraf Sarawak dan Sabah sebagai *equal partner* dan akan mengembalikan hak Sarawak dan Sabah kembali. Tengoklah video-video yang telah *diviralkan*. Ini bukan saya kata tetapi saya tengok video, ini saya petikkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini diibaratkan seperti kacang melupakan kulit. Sarawak yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan Semenanjung tetapi itu sahaja yang kami dapat sedih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, semasa pembentangan Bajet 2019, Menteri Kewangan juga menyatakan Putrajaya dijangka menerima pendapatan sejumlah RM261.8 bilion pada tahun 2019 termasuk dengan izin, *one-off special dividen* sejumlah RM30 bilion dari Petronas. Malangnya sedikit pun tidak mengambil kira Sarawak, pengeluar minyak yang terbesar sekali dan masih belum membangun berbanding dengan Tanah Malaya yang mengaut keuntungan minyak dari bumi Sarawak. Sekurang-kurangnya ditunjukkan berapa peratus diambil dari *special dividend* itu dengan izin untuk dikembalikan kepada Sarawak.

Ini langsung pun tidak diambil kira malah tidak disebut pun mengenai royalti untuk Sarawak dan Sabah dalam bajet pada kali ini. Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Kerajaan Persekutuan berasa bersalah tandatangan Perjanjian 63, tetapi sedikit pun tidak menunjuk rasa tanggungjawab terhadap usaha membela nasib rakyat Sarawak dan Sabah. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya parti politik di tanah Semenanjung ini hanya menggunakan semangat penubuhan Malaysia di bawah Perjanjian MA63 untuk mengaburi mata rakyat Sarawak dan Sabah sebelum pilihan raya sahaja tetapi selepas itu kami dipinggirkan begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diujahkan berkali-kali oleh Ahli Parlimen dari Sarawak dan Sabah di Dewan yang mulia ini, projek-projek yang telah diluluskan sebelum pilihan raya yang hanya berjumlah berpuluh ribu ringgit saja pun dibatalkan. Kerajaan harus ingat bahawa kita mempunyai tanggungjawab bersama di bawah Jadual Kesembilan, *Concurrent List* Perlembagaan Persekutuan khususnya dalam hal kebajikan, perlindungan kanak-kanak, wanita dan individu, pembiayaan belajar atau *scholarship* dengan izin, perlindungan binatang, perancangan bandar, perparitan, kesihatan dan banyak lagi.

Akan tetapi Bajet 2019 tidak memberi gambaran bahawa Kerajaan Persekutuan mengambil kira kesemua ini. Semasa pentadbiran yang lepas Kerajaan Barisan Nasional telah

bersetuju untuk berunding apabila harga minyak naik semula kerana pada masa itu harga minyak rendah tetapi sekarang pula kata hutang negara terlalu besar.

Tuan Yang di-Pertua, semasa menandatangani Perjanjian MA63, tidak adapun syarat yang menyatakan kami Sarawak perlu menunggu ekonomi bertambah baik dan pesat baharulah Sarawak diberi lebih banyak lagi peruntukan.

Rujuk kembali kepada Perjanjian 63 dan Perlembagaan Persekutuan, khususnya Artikel 112D dengan izin mengenai...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh mencelah?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...Pemberian khas kepada Sarawak dan Sabah.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh minta penjelasan? Bandar Kuching.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tiada kajian semula dibuat semenjak tahun 1969.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching boleh celah sekejap.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Bagi Sarawak walaupun Sarawak telah menyumbang sebanyak 40 peratus minyak dan gas daripada keseluruhan hasil minyak dan gas negara. Siapa? Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching. Sila.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma nak minta penjelasan, tadi Yang Berhormat bercakap dalam Perjanjian Malaysia 1963 tidak ada syarat bahawa tunggu sampai keadaan kewangan bertambah baik semua itu tetapi adakah ada syarat sampai kita kena tunggu sampai harga minyak tinggi.

Kenapa syarat tersebut pihak JPS kah, pihak PBB sedia menerima dan tidak langsung bersuara apabila syarat itu dikenakan. Boleh minta penjelasan, terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Inilah orang yang lupa kepada negeri sendiri. Sepatutnya anda menyokong saya Yang Berhormat.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Sila tarik balik jawapan tersebut. Ini satu fitnah.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Sepatutnya Yang Berhormat...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: ...Ini satu fitnah yang sangat kejam.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...Sepatutnya Yang Berhormat menyokong.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Adakah kamu menghina tempat- tarik balik.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, okey saya nak jawab. Yang Berhormat saya nak jawab.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tarik balik, tarik balik! Kenapa kamu menghina tempat lahir saya?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya tidak nak tarik balik sebab saya belum menjawab Yang Berhormat.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tapi kamu menghina saya.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat duduk, saya nak jawab dulu!

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Kamu menghina saya. Ini sangkaan jahat.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Kalau Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak mahu... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* tidak mahu duduk saya tidak akan jawab.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tapi ini satu sangkaan jahat. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tuan Yang di-Pertua, ini sangkaan jahat, dia...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat boleh duduk. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mengatakan kenapa kami tidak bercakap masa itu kalau zaman itu ada syarat kah tidak. Yang Berhormat belum lagi mendengar apa saya cakap, sebab apa kita mengenakan syarat itu kerana pada masa itu harga minyak murah. Saya sudah cakap.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Akan tetapi sebelum memberi penjelasan terus menghina saya...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya tidak menghina.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: ...Terus melontarkan hasutan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya mahu Yang Berhormat mempunyai sikap patriotik kepada negeri sendiri, tahu tidak?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya lah, dulu Yang Berhormat jadi Menteri.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Jadi- Ada sikap patriotik jadi kita melawan untuk harga bukan curi wang rakyat!

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Kalau Yang Berhormat patriotik sepatutnya...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: ...Bukan diam diri apabila UMNO, BN yang curi duit rakyat.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Siapa yang curi wang rakyat? Saya curi duit rakyat!

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Siapa yang patriotik? Bukan kamu...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya tidak mencuri wang rakyat!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. *[Dewan riuh]* Semua duduk, duduk. Saya minta tidak diteruskan perbalahan dan minta Yang Berhormat Batang Sadong teruskan.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: ...Saya minta agar pernyataan tersebut ditarik balik. Ini satu hasutan, ini sangkaan yang sangat buruk terhadap saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Ya, minta tarik balik.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat mahu saya tarik balik, dia kena tarik balik juga mengatakan mencuri wang rakyat. Saya mencuri wang rakyat kah?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya bukan cakap kamu.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat kena tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey, baik. Saya minta dua-dua tarik balik. Sila Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Okey, saya mahu tarik balik kalau itu dikatakan fitnah walaupun niat dia tidak ada memfitnah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, baik. Boleh, dua-dua tarik balik setuju?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya tidak cakap nama kamu yang curi duit.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *No, tarik baliklah! Be a gentleman, be a gentleman.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *Saya kata- I would be a gentleman...*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *No, tarik baliklah.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *...If I mention that you stole it. I didn't say you stole it...*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, kata...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *I didn't say you stole it.*

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *But every time you do just mention it. You talking about perception.*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *I said, be act.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. *Argument* telah pun dinyatakan minta dua-dua sama-sama tarik balik.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tarik balik, dia belum tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey baik, Yang Berhormat Batang Sadong terima kasih. Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, *I will oblige*, saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Teruskan Yang Berhormat Batang Sadong.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *Thank you that is gentleman*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh mengenai Jawatankuasa PEMANDU (*Devolution of Power*) pada tahun 2016. Selama ini memang Sarawak bertemu dan berunding dengan cara terhormat dengan Kerajaan Pusat.

Malah semasa antara tahun 2016 ke tahun 2018 telah ditubuhkan satu Jawatankuasa PEMANDU yang dianggotai oleh Menteri-menteri Persekutuan dari Sarawak dan Sabah, Peguam Negara, Peguam Besar Sarawak dan Sabah, pegawai-pegawai yang berkemahiran dari Sarawak, Sabah dan dari negeri Persekutuan Tanah Melayu. Jawatankuasa ini dibantu pula oleh Jawatankuasa Teknikal yang hanya terdiri daripada pegawai-pegawai berkaitan seperti Jabatan Peguam Negara, Peguam Besar Sarawak, Peguam Besar Sabah, Setiausaha Kerajaan Sarawak dan Sabah.

■2030

Saya hendak ulangkan lagi pada perbahasan kali ini, bahawa keseluruhannya mesyuarat telah diadakan sebanyak tujuh kali iaitu Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu semenjak penubuhannya sehingga sebelum pilihan raya. Jadi, tidak betul pertuduhan dan fitnah yang mengatakan hanya selepas pilihan raya ini barulah isu MA63 ini timbul atau pun keluar.

Saya hendak tegaskan bahawa dari semasa pemerintahan kerajaan terdahulu, kami sudah pun bermesyuarat berhubung dengan tuntutan Sarawak dan Sabah dan mengambil kira apa yang perlu pindaan dari segi undang-undang atau pun tidak. Kalau ada, maka ia perlu dibincangkan dengan lanjut terutama sekali apabila ia memerlukan penglibatan atau pun campur tangan kuasa politik. Maka, Perdana Menteri dan Ketua Menteri akan membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya merujuk kepada bajet untuk *parameter survey*. Bajet 2019 tiada peruntukan untuk *parameter survey*. Pada perbelanjaan 2018, RM30 million telah diperuntukkan untuk pemetaan dan pengukuran tanah-tanah adat Sarawak. Untuk makluman dewan yang mulia ini, *parameter survey* bertujuan untuk membolehkan kaum Bumiputera khususnya terutama sekali kaum Dayak menuntut tanah *Native Communal Reserve* (NCR) dengan izin, yang mereka rasa menjadi hak mereka untuk disukat.

Ada yang menyatakan itu tanggungjawab kerajaan negeri, betul. Akan tetapi sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai rasa prihatin terhadap kaum bumiputera terutama sekali yang telah mengaut banyak hasil minyak dan gas daripada bumi Sarawak, di manakah rasa tanggungjawab atas semangat perjanjian yang ditandatangani bersama pada tahun 1963?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Batang Sadong.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Dengan ketiadaan peruntukan *parameter survey*, bermakna Kerajaan Persekutuan telah menidakkan hak kaum bumiputera dari mempercepatkan proses menuntut hak tanah mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Batang Sadong. Saya hendak memaklumkan walaupun masa telah 8.32 malam, tetapi saya menggunakan peraturan 12(3) untuk *extend maximum 15 minutes*. Saya benarkan untuk dihabiskan dalam tempoh masa yang ditetapkan, 6 minit 11 saat. Teruskan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai sekolah daif di Sarawak. Pendidikan disenaraikan sebagai senarai bersama di dalam Perlembagaan Persekutuan. Menurut Menteri Muda Pendidikan dan Penyelidikan Teknologi Sarawak iaitu Yang Berhormat Dr. Annuar Rapaee baru-baru ini, bilangan sekolah daif yang perlu diperbaiki dan dibina semula di Sarawak berjumlah 1,020. Bajet persekutuan untuk seluruh negara ialah RM100 million sahaja, sedangkan Sarawak sahaja memperuntukkan RM81.7 million untuk 116 buah sekolah daif.

Bajet ini hanya untuk membaiki, membina semula dan menaik taraf sekolah-sekolah daif ini. Baru-baru ini Menteri Ekonomi datang ke Sarawak dan menyatakan JKR akan mengambil alih sebanyak 116 projek sekolah daif Kementerian Pendidikan di Sarawak. Kalau peruntukan nasional sejumlah RM100 million sahaja untuk pendidikan, berapakah daripada jumlah itu diperuntukkan untuk Sarawak? Saya hendak gunakan akal fikiran untuk membuat pengiraan pun saya rasa kurang logik.

Kalau tidak cukup duit, saya nyatakan di sini terima sahajalah pinjaman sejumlah RM1 bilion dari Kerajaan Sarawak. Kami telah menawarkan demi mengutamakan pendidikan anak-anak Sarawak. Untuk 116 buah sekolah pada tahun ini, Sarawak sudah membelanjakan sejumlah RM415 million untuk pembaikan sekolah-sekolah daif. Kalau kerajaan memberi keutamaan kepada pendidikan, sepatutnya Kerajaan Pusat teruskan sahaja Bajet 2018 yang telah diluluskan iaitu RM1 bilion untuk sekolah-sekolah daif di Sabah dan Sarawak iaitu masing-masingnya RM500 million. Dengan RM100 million, bermakna pengurangan sebanyak 80 peratus dari jumlah yang telah diluluskan dan diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Kerajaan Sarawak kerana memperuntukkan bajet yang begitu besar untuk rakyat di luar bandar. Pada kali ini, Sarawak memperkasakan diri dengan mengenakan cukai import bersandarkan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang selama ini tidak pernah diguna sebelum ini. Dengan mengenakan 5 peratus cukai import, Sarawak dijangka akan memperoleh pertambahan sumber pendapatan di mana hasil itu boleh digunakan untuk kebajikan, pembangunan dan kemajuan di kawasan luar bandar. Ini adalah bukti komitmen kami kepada rakyat Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2018, bajet sejumlah RM620 million yang diluluskan untuk *Rural Electrification Scheme (RES)* dengan izin, bagi membekalkan elektrik untuk 10 ribu buah rumah. Sementara RM300 million diperuntukkan khusus untuk pembekalan air bagi 3 ribu

buah rumah di Sarawak dan Sabah. Berbeza dengan tahun-tahun sebelum ini, sekarang dengan hanya peruntukan sejumlah RM4.347 bilion tanpa butiran terperinci, kita kurang jelas berapa banyak untuk perkara apa yang akan dilaksanakan kerana ia bersifat umum. Jadi, kita mohon agar Menteri memberi penjelasan ini sedangkan Kerajaan Pusat komited untuk terus membangunkan negara di mana Sarawak dan Sabah tidak akan diabaikan. Ini sering kali diulangkan oleh pihak di sebelah sana, Menteri-menteri di sebelah sana. Jauh berbeza dengan Belanjawan Sarawak 2019 yang sangat ketara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mahu menyentuh mengenai subsidi minyak. Isu ini telah menjadi keresahan terutama di kalangan pemilik motosikal dan juga ramai yang tempias oleh bajet yang diumumkan iaitu hanya motosikal di bawah 125cc dan kereta di bawah 1500cc dibenarkan untuk membeli minyak tertentu di bawah harga bersubsidi di stesen-stesen minyak. Memberhentikan minyak bersubsidi untuk kenderaan berkapasiti 1500cc ke atas tidak praktikal langsung Tuan Yang di-Pertua dan membebankan rakyat Sarawak dan Sabah. Ini kerana mereka banyak menggunakan kenderaan ini bagi urusan pengangkutan disebabkan keadaan muka bumi yang kurang datar.

Apabila Putrajaya membuat keputusan ini, adakah rakyat Sarawak dan Sabah diambil kira? Nampaknya Menteri kurang arif dengan keadaan Sarawak dan Sabah terutama sekali di luar bandar. Terdapat ramai yang tinggal di kawasan pedalaman dan tanah tinggi seperti di Sarawak dan juga di Sabah yang perlu pergi ke kebun mahupun bekerja di kawasan tanah tinggi di mana kenderaan persendirian dengan minimum enjin berkapasiti 2000cc diperlukan untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Misalnya dari Sungai Telang Usan hendak ke Miri dan Miri merupakan bandar. Untuk orang kampung yang tinggal jauh dari bandar mahu ke hospital, ke bank, menjual produk tanaman, berurusan perniagaan dan sebagainya, kesemuanya memerlukan kenderaan pacuan empat roda bukan kerana mereka orang yang berada, tetapi di atas dasar keperluan harian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Dewan kepada levi pelepasan yang bakal dikuatkuasakan tahun depan. Levi pelepasan dikenakan ke atas setiap penumpang ke luar negara hanya akan menjadi beban khususnya kepada rakyat Sarawak dan Sabah yang bekerja di luar negara semasa musim perayaan. Mereka yang hendak pergi balik pada masa ini perlu membayar harga tiket penerbangan yang boleh mencecah beribu ringgit. Di atas itu, mereka juga perlu membayar cas perkhidmatan penumpang. Dengan levi pelepasan ini, kos mereka akan bertambah terutamanya kepada mereka yang bekerja di luar negara seperti di Singapura, China, Jepun, Hong Kong dan Taiwan.

Walaupun levi pelepasan adalah tidak banyak bagi setiap individu tetapi apabila mengambil kira setiap ahli keluarga, jumlah ini akan bertambah. Saya ingin mencadangkan bahawa pada musim perayaan sama ada sambutan Hari Gawai, Pesta Kaamatan, Tahun Baru Cina, Hari Raya, Deepavali dan Krismas, pengecualian untuk levi pelepasan diberikan kepada rakyat untuk meringankan beban mereka.

Tuan Yang di-Pertua, levi pelepasan dan cas perkhidmatan penumpang yang dikenakan kepada penumpang ke luar negara melalui dua lapangan terbang antarabangsa di Sarawak perlulah disalurkan balik untuk menaik taraf lapangan terbang di Sarawak terutamanya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Ini kerana kadar levi pelepasan dan cas perkhidmatan penumpang yang dikenakan kepada Sarawak adalah sama dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, tetapi kemudahan KIA atau pun Kuching International Airport dengan izin, sangat berbeza dengan Kuala Lumpur International Airport.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan supaya Menteri dapat memberi terperinci bajet-bajet yang telah dinyatakan khususnya untuk Sarawak Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini mengucapkan terima kasih dan mohon maaf Tuan Yang di-Pertua, kalau ada yang terpaksa tertangguh sedikit di atas cabaran tadi. Itu perkara biasa yang perlu kami hadapi sebagai orang di sebelah sini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 13 November 2018.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.40 malam]